A

Pendakwa Raya lwn Muhammad Akmal Zuhairi bin Akmal dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO WA-45B-(45–46)-09 TAHUN 2017 DAN WA-45-(37–40)-11 TAHUN 2017
AZMAN ABDULLAH H
31 OKTOBER 2023

C

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 330 — Kesalahan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap seseorang bagi maksud hendak memeras daripadanya pengakuan mencuri komputer riba — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada tertuduh-tertuduh telah mencederakan seseorang — Sama ada tertuduh-tertuduh telah mencederakan orang tersebut untuk tujuan pemerasan — Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai niat bersama — Sama ada terbukti tanpa keraguan munasabah suatu kesalahan oleh tertuduh-tertuduh seperti mana pertuduhan di bawah ss 34 dan 330 Kanun Keseksaan — Kanun Keseksaan ss 34 & 330

D

E

Undang-Undang Jenayah — Pembunuhan — Niat untuk membunuh — Tertuduh-tertuduh menekap badan si mati dengan seterika wap — Tertuduh-tertuduh dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Sama ada si mati telah meninggal — Sama ada si mati meninggal berakibat dari kecederaan yang dialaminyas — Sama ada kecederaan tersebut diakibatkan seperti mana keadaan yang dinyatakan di bawah limba (a) hingga (d) s 300 Kanun Keseksaan dilakukan dengan niat atau pengetahuan oleh tertuduh yang mana pengecualian di dalam peruntukan tersebut tidak terpakai — Sama ada tertuduh keenam bersubahat menyebabkan si mati ditekap dengan seterika panas oleh lima rakan tertuduhnya — Sama ada kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati tidak mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian — Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai niat untuk membunuh — Sama ada tertuduh-tertuduh bersalah di bawah kesalahan lebih rendah iaitu kesalahan mendatangkan kecederaan kepada si mati tanpa niat membunuh di bawah s 304(a) — Sama ada niat bersama dibuktikan — Kanun Keseksaan s 33, 34, 109, 299, 300 & 302

F

G

H

I

Ini merupakan satu kes pembunuhan yang menyayat hati yang melibatkan seorang pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia ('UPNM') yang telah dipukul beramai-ramai dan diseksa dengan seterika wap oleh rakan-rakannya hanya kerana sebuah komputer riba. Kejadian pertama berlaku pada 21 Mei 2017, jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi ('kejadian pertama') di mana mangsa iaitu Zulfarhan Osman bin Zulkarnain ('si mati') telah dipukul

oleh rakan-rakannya di sebuah bilik asrama di atas dakwaan mencuri komputer riba milik tertuduh pertama ('T1'). Dakwaan tersebut adalah berdasarkan firasat SP13 yang juga merupakan bapa kepada tertuduh ke-18 ('T18') yang dikatakan berkebolehan mencari barang hilang mengikut kaedah perubatan Islam. Kejadian kedua berlaku pada keesokan harinya iaitu pada 22 Mei 2017, jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi ('kejadian kedua') di mana sekali lagi si mati dipukul bagi mendapatkan pengakuan bahawa dia mencuri komputer riba milik T1, namun, seperti dalam kejadian pertama, si mati telah menafikan dakwaan mencuri tersebut. Kejadian terakhir yang juga merupakan kejadian yang membawa kepada kematian si mati berlaku pada 22 Mei 2017, jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi ('kejadian ketiga') di mana T1 bersama-sama dengan T2, T3, T4 dan T5 di atas arahan T6 telah menekap badan si mati dengan seterika wap dalam keadaan si mati hanya memakai 'boxer', tertiarap di atas lantai dengan kedua-dua tangannya diikat dan tindakan tersebut menyebabkan si mati menjerit dan menggelupur setiap kali ditekap dengan seterika wap tersebut. Selepas kejadian ketiga tersebut, si mati mengalami kecederaan badan yang sangat teruk tetapi dia tidak dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan sebaliknya T1, T2, T3 dan T4 menyatakan bahawa mereka sendiri ingin merawat si mati. Setelah T1 mengetahui tentang sepucuk surat layang (yang ditulis oleh SP23 dan T8) yang diserahkan kepada Rumah Sakit Angkatan Tentera ('RSAT') yang meminta agar si mati diselamatkan, T1 telah membawa si mati keluar dari UPNM untuk menginap di sebuah hotel di Bangi. T1 seterusnya telah membawa si mati untuk mendapatkan rawatan sebanyak dua kali di Klinik As-Salam dan kemudiannya T1 telah meninggalkan si mati di sebuah rumah di dalam Apartment De Centrum di Bangi yang disewa oleh kenalan T1 iaitu SP11 dan SP12. Di sinilah pada 1 Jun 2017, si mati tidak sedarkan diri dan dibawa dengan ambulan ke Hospital Serdang dan disahkan meninggal dunia. Pertuduhan-pertuduhan ke atas T1 hingga T19 adalah seperti berikut: (a) berhubung dengan kejadian pertama, tertuduh-tertuduh yang terlibat iaitu T1, T3, T6, T7, T8, T9, T10, T11 dan T12 telah dituduh di bawah s 330 Kanun Keseksaan ('KK') atas kesalahan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap si mati bagi maksud hendak memeras daripada si mati pengakuan mencuri komputer riba tersebut; (b) bagi kejadian kedua pula, tertuduh-tertuduh yang terlibat iaitu T1, T2, T3, T4, T5, T6, T11, T13, T14, T15, T16, T17, T18 dan T19 juga telah dituduh di bawah s 330 KK; dan (c) berkaitan dengan kejadian ketiga pula, tertuduh-tertuduh yang terlibat iaitu T1, T2, T3, T4 dan T5 telah dituduh di bawah s 302 KK dibaca bersama s 34 KK atas kesalahan membunuh manakala T6 pula dituduh di bawah s 109 dibaca bersama s 302 KK atas kesalahan bersubahat dengan T1 hingga T5 untuk membunuh si mati. Pihak pendakwaan dalam kes ini bergantung kepada keterangan-keterangan seperti berikut: (i) keterangan saksi-saksi yang juga merupakan rakan-rakan si mati yang berada di tempat kejadian, antaranya, SP23, SP24, SP25, SP26 dan SP27 (tuan punya seterika wap tersebut); (ii) keterangan pemandu grab ('SP21') yang mengambil T1 dan T2

bersama dengan si mati dari Apartment De Centrum untuk ke Klinik As-Salam yang menyatakan bahawa T1 dan T2 melayan si mati dengan buruk dan kasar; dan (iii) keterangan pakar bedah siasat ('SP6') berkenaan kecederaan yang dialami oleh si mati. Berhubung dengan kes pihak pembelaan pula, mahkamah perlu menentukan: (1) berkaitan dengan pertuduhan di bawah s 302 KK, sama ada kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati tidak mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian; dan (2) berkaitan pertuduhan di bawah s 330/34 KK, bahawa terbukti tanpa keraguan munasabah suatu kesalahan oleh tertuduh-tertuduh seperti mana pertuduhan. Bagi menyokong kes pembelaan, T1 dan T2 telah memanggil Dr Rohayu ('SD19') sebagai saksi manakala T3 telah memanggil SD20. Bagi mematahkan keterangan SD19, pihak pendakwaan telah memanggil seorang doktor pakar dan seorang bekas doktor yang pernah bertugas di UPNM ('SP30').

Diputuskan:

(1) Berkaitan kejadian pertama, jelas sekali bahawa keterangan SP24, SP25 dan SP26, tidak menyebut nama T3, T6 dan T8 memukul si mati pada awal pagi 21 Mei 2017 tersebut. Oleh itu, mahkamah membebas dan melepaskan T3, T6 dan T8 apabila inti pati utama pembuktian berada di tempat kejadian seperti mana pertuduhan pada 21 Mei 2017 di bawah s 330 KK tidak dibuktikan sebelum membuktikan tertuduh-tertuduh ini memukul si mati. Pihak pendakwaan sendiri gagal mengemukakan bukti-bukti bagi pertuduhan yang berkaitan. Oleh itu, mahkamah tiada pilihan lain selain daripada melepas dan membebaskan T3, T6 dan T8 daripada pertuduhan di bawah s 330 KK bagi kejadian pertama. Bagi kejadian kedua pula, mahkamah telah melepas dan membebaskan T5 di akhir kes pendakwaan untuk pertuduhan di bawah s 330 KK kerana saksi-saksi penting pendakwaan iaitu SP24, SP25 dan SP26 dengan jelas menyatakan bahawa T5 tidak memukul si mati dalam kejadian tersebut. Dalam keadaan tersebut kes prima facie telah gagal dibuktikan terhadap T5 (lihat perenggan 74–76 & 91–92).

(2) Elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan berhubung dengan pertuduhan di bawah s 330 KK di baca bersama dengan s 34 KK adalah seperti berikut: (a) tertuduh-tertuduh telah mencederakan seseorang; dan (b) tertuduh-tertuduh telah mencederakan orang tersebut untuk tujuan pemerasan; dan (c) tertuduh-tertuduh dengan niat bersama telah melakukan (a) dan (b). Mahkamah ini, atas penelitian maksima, memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie seperti mana dua pertuduhan di bawah s 330 KK yang dibaca bersama s 34 KK dan memanggil T1, T7, T9, T10, T11 dan T12 membela diri untuk kejadian pertama dan memanggil T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T15, T16, T17, T18 dan T19 membela diri bagi kejadian kedua. Keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan telah berjaya membuktikan bahawa kesemua tertuduh tersebut telah

mencederakan si mati untuk tujuan pemerasan suatu pengakuan mengenai kecurian komputer riba (lihat perenggan 7, 99 & 103). A

(3) Bagi membuktikan suatu kes prima facie ke atas T1 hingga T5 atas pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK dibaca bersama s 34 KK, dan juga ke atas T6 atas pertuduhan bersubahat dengan T1 hingga T5 untuk membunuh si mati di bawah s 109 KK dibaca bersama s 302 KK, pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut: (a) bahawa si mati telah meninggal dunia ('elemen pertama'); (b) bahawa si mati meninggal dunia berakibat dari kecederaan yang dialaminya ('elemen kedua'); dan (c) kecederaan tersebut diakibatkan seperti mana keadaan yang dinyatakan di bawah limba (a) hingga (d) s 300 KK dilakukan dengan niat atau pengetahuan oleh tertuduh-tertuduh yang mana pengecualian di dalam peruntukan tersebut tidak terpakai (elemen ketiga dan keempat'). Manakala T6 secara bersubahat menyebabkan si mati ditekap dengan seterika panas oleh lima rakan tertuduhnya (lihat perenggan 104). B C D

(4) Identiti si mati telah dicamkan sendiri oleh bapanya. Doktor yang bertugas di Zon Kritikal Unit Kecemasan Hospital Serdang pula telah mengesahkan si mati telah meninggal dunia. Oleh itu, tanpa apa-apa keraguan, mahkamah berpuas hati bahawa elemen pertama berjaya dibuktikan. Bagi elemen kedua pula, bedah siasat yang dijalankan oleh pakar bedah siasat iaitu SP6 mendedahkan, antaranya,: (a) si mati mengalami luka sebanyak 90 tekapan seterika pada badannya; (b) terdapat luka bakar derajat pertama, kedua dan ketiga pada tubuh badan si mati; (c) si mati mengalami dehidrasi dan kekurangan cecair dalam badan; (d) terdapat luka lecur derajat satu, dua dan tiga yang meliputi 80% permukaan badan si mati; dan (e) 28 tempat luka derajat ketiga masih berdarah, basah dan dalam hingga ke bahagian otot yang menyebabkan dehidrasi. Oleh yang demikian, berdasarkan keterangan SP6, mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen kedua pertuduhan iaitu si mati meninggal dunia akibat daripada kecederaan yang dialaminya (lihat perenggan 105 & 107–109). E F G

(5) Dalam kes ini, terdapat lebih daripada seorang saksi melihat tertuduh-tertuduh melakukan kesalahan tersebut ke atas si mati. Pakar bedah siasat iaitu SP6 juga telah membuat dapatan bahawa si mati telah meninggal dunia akibat daripada luka lecur yang teruk. Seterika wap ('P12') yang telah ditunjukkan kepada SP6, diakui oleh SP6 sebagai boleh mengakibatkan luka bakar pada si mati. Selain itu jeritan dan keadaan si mati menggelupur kesakitan tidak dapat mengecualikan T1 hingga T6 daripada mengetahui bahawa kecederaan yang dibuat ke atas si mati adalah serius. Oleh itu, setakat kes pendakwaan, mahkamah mendapati bahawa kecederaan pada si mati ini adalah kecederaan yang H I

cukup dalam keadaan biasa membawa kematian dan jatuh kepada klausa (c) s 300 KK. Selanjutnya, setakat kes pendakwaan, berkenaan apa yang telah berlaku pada si mati dan apa yang dilakukan oleh tertuduh-tertuduh (T1 hingga T6) ke atas si mati serta kelakuan tertuduh-tertuduh sejurus selepas kejadian, mahkamah berpandangan bahawa semuanya tidak termasuk dalam mana-mana pengecualian di bawah s 300 KK (lihat perenggan 237–238, 240 & 242).

(6) Perkataan 'act' yang terkandung di dalam s 34 KK harus dibaca bersama s 33 KK yang mana 'act' tersebut haruslah mengambil kira semua 'act' dan 'omission' oleh tertuduh-tertuduh. Dalam kes ini, T1 hingga T6 secara bersama telah menyiksa dan mencederakan si mati. Pemakaian s 34 KK juga tidak terhad kepada perlakuan sahaja, akan tetapi meliputi 'ketinggalan'. Oleh itu, ketinggalan T1 hingga T6 untuk menyelamatkan si mati daripada maut setelah secara niat bersama mencederakan si mati dengan seterika wap menunjukkan bahawa mereka secara niat bersama mengawal dan gagal membawa si mati ke Hospital Serdang untuk mendapatkan rawatan daripada pakar lecur. Mahkamah juga mendapati bahawa T6 adalah 'kepala' kepada T1 hingga T5 yang menyuruh mereka menekap badan si mati dengan P12. Meskipun T6 tidak melakukannya sendiri, namun, ianya masih terjatuh sebagai T6 bersubahat mendatangkan kecederaan ke atas si mati. Oleh yang demikian, setelah menjalankan penilaian maksimum terhadap keterangan pendakwaan, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap T1 hingga T6 di bawah s 302 KK seperti mana pertuduhan yang dibaca bersama-sama s 109 KK dan s 34 KK melibatkan persubahatan oleh T6 dan niat bersama oleh T1 hingga T5. Oleh itu, mahkamah telah memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri sepertimana pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK (lihat perenggan 7, 243, 245–346, 250 & 254).

(7) Tanggungjawab mahkamah di akhir kes adalah untuk menentukan sama ada pihak tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah di dalam kes pendakwaan dan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah berdasarkan kesemua keterangan yang dikemukakan (lihat perenggan 783).

(8) Berhubung dengan pembelaan bagi pertuduhan di bawah s 330/34 KK, mahkamah dapati keterangan pembelaan sebahagian tertuduh-tertuduh menyatakan bahawa mereka hanya menolak si mati dan menepuk bahunya, manakala tertuduh-tertuduh yang lain menafikan bahawa mereka berada di tempat kejadian pada awal pagi 21 dan 22 Mei 2017. Walaubagaimanapun, keterangan SP6 dan SD19 mengakui ada kesan-kesan lebam trauma tumpul. Tertuduh-tertuduh sememangnya dilihat menumbuk di perut dan bahagian lain si mati walaupun terdapat

tertuduh-tertuduh yang mengatakan bahawa mereka hanya menepuk bahu si mati. Oleh yang demikian, mahkamah mensabitkan bersalah ke atas semua tertuduh yang dipanggil membela diri bagi pertuduhan di bawah s 330 KK (lihat perenggan 14 & 790–792).

(9) Bagi pertuduhan di bawah s 302 KK pula, daripada penelitian mahkamah ke atas keseluruhan keterangan dan laporan pakar SP6 dan SD19, ternyata jika diguna pakai kes-kes Mahkamah Persekutuan iaitu kes *Cheong Kam Kuen v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 15 , dan kes *Pubalan a/l Peremal v Public Prosecutor* [2020] 5 MLJ 442 , tidak dapat ditentukan kecederaan yang mana pada badan si mati yang menyebabkan kematian si mati. Walaupun pihak pendakwaan memanggil saksi 'rebuttal' SP30 namun mahkamah masih terikat dengan dua kes di atas yang memerlukan mahkamah meneliti kecederaan yang paling serius untuk melihat sama ada niat tertuduh-tertuduh terjatuh di bawah s 300 KK. Kes-kes tersebut memutuskan atas isu ini iaitu 'the pathologist as to whether the injuries inflicted on the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death' atau hanya di bawah s 299KK iaitu suatu kesalahan hanya di bawah s 304(a) KK yang mana dari pakar pathologi gagal dibuktikan tanpa apa-apa keraguan munasabah kecederaan yang dikenakan ke atas si mati 'were sufficient in the ordinary course of nature to cause death' (lihat perenggan 826).

(10) Di dalam kes ini mahkamah tidak melepas dan membebaskan secara total T1 hingga T5 yang dituduh di bawah s 302 KK dan T6 yang dituduh di bawah s 302/s 109 KK tetapi mahkamah mensabitkan tertuduh-tertuduh bersalah di bawah kesalahan lebih rendah iaitu kesalahan mendatangkan kecederaan kepada si mati tanpa niat membunuh di bawah s 304(a)/s 34KK (T6 — s 304(a)/s 109KK) apabila mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah dan kesemua enam orang tertuduh disabitkan dengan kesalahan sebagaimana di bawah s 304(a)/s 34 KK dan T6 — s 304(a)/s 109 KK. Daripada keterangan yang diberikan oleh SP6 berkaitan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati, mahkamah dapati kecederaan-kecederaan tersebut tidak mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Kematian si mati adalah akibat daripada kegagalan tindakan intervansi menyelamatkan si mati oleh wardennya dan kegagalan intervansi mendapat rawatan sepatutnya oleh Klinik As-Salam (lihat perenggan 13, 788–789 & 828).

(11) Tertuduh-tertuduh telah berjumpa di dua bilik pada dua kejadian pada 21 dan 22 Mei 2017, dan secara bersama-sama menyoal si mati bagi tujuan pemerasan pengakuan mencuri komputer riba T1. Mereka terus memukul dan menyeksa si mati kerana tidak mengaku mencuri dan selepas itu T1 hingga T5 menekap pula si mati dengan seterika. Tekapan

seterika oleh T1 hingga T5 adalah atas arahan T6. Jika tertuduh-tertuduh bukan berpakat atas satu tujuan dan niat bersama untuk memukul si mati sudah tentu mereka tiada sebab untuk berada semacam pesta selepas waktu tengah malam dengan lampu wajib dipadamkan. Lagi pun si mati bukan orang asing bagi mereka semua. Oleh itu mahkamah dapati bahawa niat bersama antara tertuduh-tertuduh bagi kesalahan di bawah s 330 KK pada 21 dan 22 Mei 2017 dan kesalahan membunuh di bawah s 302 KK adalah melimpah ruah (lihat perenggan 829 & 831–833).

(12) Berkaitan dengan hukuman, walaupun kesemua tertuduh tidak mempunyai rekod lampau dan berumur muda, namun, apa yang diutamakan oleh mahkamah ialah kepentingan awam di mana si mati telah diperlakukan dengan seksaan tanpa belas kasihan. Setelah mempertimbangkan hujahan-hujahan mitigasi dan pemberatan, mahkamah memerintahkan seperti berikut: (a) bagi kesalahan di bawah s 304(a) KK, mahkamah menjatuhkan hukuman 18 tahun penjara dari tarikh tangkap ke atas T1 hingga T6; (b) bagi kesalahan di bawah s 330 KK, mahkamah menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara ke atas semua tertuduh yang disabitkan bersalah; (c) hukuman adalah berjalan serentak dengan hukuman yang sama di bawah s 330 KK atau s 304(a) KK, mengikut pertuduhan masing-masing ke atas tertuduh-tertuduh; dan (d) bagi tertuduh-tertuduh yang menghadapi pertuduhan di bawah s 304(a) KK yang berada dalam tahanan reman, hukuman penjara adalah bermula dari tarikh tangkap. Hukuman-hukuman yang dijatuhkan tersebut adalah untuk memberi pengajaran kepada tertuduh-tertuduh dan ingatan kepada masyarakat di luar agar tidak mengambil undang-undang di tangan sendiri kerana ternyata tidak memberi manfaat kepada semua pihak. Setelah mengambil kira semua fakta, keadaan kes, mitigasi dan faktor-faktor pemberatan lain serta percakapan impak mangsa oleh ibu si mati, mahkamah berpandangan bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas setiap tertuduh mengikut pertuduhan masing-masing adalah suatu hukuman yang memenuhi prinsip penghukuman dan adalah wajar dan setimpal ke atas semua mereka (lihat perenggan 857–858 & 862–863).

[English summary

This was a heart-wrenching murder case involving a Universiti Pertahanan Nasional Malaysia's ('UPNM') student who was beaten up and tortured with a steam iron by his friends just because of a laptop. The first incident occurred on 21 May 2017, at approximately 2.30 am to 5.30 am ('the first incident') where the victim, Zulfarhan Osman bin Zulkarnain ('the deceased') was beaten by his friends in a dormitory room on the accusation of stealing laptop belonging to the first accused ('T1'). The accusation was based on the hunch of SP13 who was also the father of the 18th accused ('T18') who was said to be able to find lost items according to Islamic medical methods. The second incident occurred

the next day, which was on 22 May 2017, at approximately 1.30am to 4.30am ('the second incident') where again the deceased was beaten to get a confession that he stole T1's laptop, however, as in the first incident, the deceased had denied such allegation. The last incident which was also the incident which led to the deceased's death occurred on 22 May 2017, at approximately 4.45am to 5.45am ('the third incident') where T1 together with T2, T3, T4 and T5 on the instructions of T6 had pressed a steam iron on the deceased's body while the deceased was only wearing 'boxers', lying on the floor with both hands tied and this action caused the deceased to scream and thrash every time he was pressed with the steam iron. After the third incident, the deceased suffered serious bodily injuries, but he was not sent to the hospital for treatment, instead T1, T2, T3 and T4 stated that they themselves wanted to treat the deceased. After T1 found out about an anonymous letter (written by SP23 and T8) that was submitted to the Rumah Sakit Angkatan Tentera ('RSAT') requesting that the deceased be rescued, T1 took the deceased out of UPNM to stay at a hotel in Bangi. T1 then took the deceased to seek treatment twice at As-Salam Clinic and then T1 left the deceased in a house in Apartment De Centrum in Bangi which was rented by T1's acquaintances namely SP11 and SP12. It was here on 1 June 2017, that the deceased lost consciousness and was taken by ambulance to Serdang Hospital and was pronounced dead. The charges against T1 to T19 were as followed: (a) in relation to the first incident, the accused persons involved namely T1, T3, T6, T7, T8, T9, T10, T11 and T12 had been charged under s 330 of the Penal Code ('the PC') for the offence of intentionally causing injury to the deceased for the purpose of extorting from the deceased a confession of stealing the laptop; (b) for the second incident, the accused persons involved namely T1, T2, T3, T4, T5, T6, T11, T13, T14, T15, T16, T17, T18 and T19 had also been charged under s 330 of the PC; and (c) in relation to the third incident, the accused persons involved namely T1, T2, T3, T4 and T5 were charged under s 302 of the PC read together with s 34 of the PC for the offence of murder while T6 was charged under s 109 read together s 302 of the PC for the offence of abetment of T1 to T5 to murder the deceased. The prosecution in this case relied on the following evidence: (i) the evidence of witnesses who were also friends of the deceased who were at the scene, inter alia, SP23, SP24, SP25, SP26 and SP27 (the owner of the steam iron); (ii) the testimony of the grab driver ('SP21') who took T1 and T2 together with the deceased from Apartment De Centrum to As-Salam Clinic stating that T1 and T2 treated the deceased badly and rudely; and (iii) the post mortem expert's testimony ('SP6') regarding the injuries suffered by the deceased. In relation to the defence's case, the court had to determine: (1) in relation to the charge under s 302 of the PC, whether the injuries suffered by the deceased were not sufficient in the ordinary course of nature to cause death; and (2) in relation to the charge under s 330/34 of the PC, that the offence that the accused persons were charged with was proven beyond reasonable doubt. To support the defence's case, T1 and T2 called Dr Rohayu ('SD19') as a witness while T3 called SD20. In order to refute SD19's testimony, the prosecution called a

specialist doctor and a former doctor who had worked at UPNM ('SP30').

Held:

(1) Regarding the first incident, it was clear that the testimony of SP24, SP25 and SP26, did not mention the names of T3, T6 and T8 beating the deceased in the early morning of 21 May 2017. Therefore, the court acquitted and released T3, T6 and T8 when the main essence of the proof ie, the presence of the accused at the scene of the incident as per the charge on 21 May 2017 under s 330 of the PC was not proved before proving that these accused persons had beaten the deceased. The prosecution itself failed to present evidence for the relevant charges. Therefore, the court had no other option but to discharge and acquit T3, T6 and T8 of the charge under s 330 of the PC for the first incident. As for the second incident, the court discharged and acquitted T5 at the end of the prosecution's case for the charge under s 330 of the PC because the prosecution's important witnesses namely SP24, SP25 and SP26 clearly stated that T5 did not hit the deceased in the incident. In those circumstances, a prima facie case had not been proven against T5 (see paras 74–76 & 91–92).

(2) The elements that ought to be proven by the prosecution in relation to the charges under s 330 of the PC read together with s 34 of the PC were as followed: (a) the accused persons had caused hurt to any person; and (b) the accused persons had caused hurt to the person for the purpose of extortion; and (c) the accused persons with common intent had committed (a) and (b). This court, upon maximum evaluation, decided that the prosecution succeeded in proving a prima facie case as per the two charges under s 330 of the PC read together with s 34 of the PC and called T1, T7, T9, T10, T11 and T12 to defend themselves for the first incident and called T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T15, T16, T17, T18 and T19 to defend themselves for the second incident. The evidence presented by the defence had successfully proved that all the accused persons had caused hurt to the deceased for the purpose of extorting a confession regarding the theft of the laptop (see paras 7, 99 & 103).

(3) To prove a prima facie case against T1 to T5 on the charge of murder under s 302 of the PC read together with s 34 of the PC, and also against T6 on the charge of abetting T1 to T5 to murder the deceased under s 109 of the PC read together s 302 of the PC, the prosecution had to prove the following elements: (a) that the deceased had died ('the first element'); (b) that the deceased had died as a result of the injury he sustained ('the second element'); and (c) the injury was caused as per the circumstances stated under limb (a) to (d) of s 300 of the PC and was inflicted with the intention or knowledge of the accused persons in which the exception in the provision did not apply ('the third and fourth

elements'). While T6's abetment had caused the deceased to be pressed with the hot steam iron by his five accused friends (see para 104).

(4) The identity of the deceased was identified by his father himself. The doctor on duty at Serdang Hospital's Emergency Unit Critical Zone had confirmed that the deceased had died. Therefore, without any doubt, the court was satisfied that the first element had been successfully proved. As for the second element, the post mortem conducted by the post mortem expert SP6 revealed, among other things, that: (a) the deceased suffered 90 injuries from iron press on his body; (b) there were first, second and third degree burns on the body of the deceased; (c) the deceased was dehydrated and lacked fluids in the body; (d) there were first, second and third degree burns that covered 80% of the surface of the deceased's body; and (e) 28 places where the third degree wound was still bleeding, wet and deep into the muscle that caused dehydration. Therefore, based on SP6's evidence, the court was satisfied that the prosecution had successfully proved the second element of the charge, namely that the deceased died as a result of the injuries he suffered (see paras 105 & 107–109).

(5) In this case, there was more than one witness who saw the accused persons committing the offence against the deceased. The post mortem expert SP6 had also made a finding that the deceased died as a result of severe burn. The steam iron ('P12') which was shown to SP6, was acknowledged by SP6 as having caused the burn to the deceased. Further, the screams and the condition of the deceased who was in pain could not exclude T1 to T6 from knowing that the injuries inflicted on the deceased were serious. Therefore, as far as the prosecution's case was concerned, the court found that the injuries to the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death and fell under clause (c) of s 300 of the PC. Further, as far as the prosecution's case, regarding what happened to the deceased and what the accused persons (T1 to T6) did to the deceased as well as the behavior of the accused persons immediately after the incident, the court was of the opinion that nothing fell under any of the exemptions under s 300 of the PC (see paras 237–238, 240 & 242).

(6) The word 'act' contained in s 34 of the PC should be read together with s 33 of the PC where the 'act' should take into account all 'acts' and 'omissions' by the accused persons. In this case, T1 to T6 jointly tortured and injured the deceased. The application of s 34 of the PC was also not limited to 'act' alone but covered 'omission'. Therefore, the delay by T1 to T6 to save the deceased from death after having with common intention caused injury to the deceased with a steam iron showed that they with common intention had controlled the deceased and failed to take the deceased to Hospital Serdang to seek treatment from a burn specialist.

The court also found that T6 was the 'head' of T1 to T5 who had given the instruction to press the body of the deceased with P12. Although T6 did not do it himself, but it could still be considered as T6 abetted to cause injury to the deceased. Therefore, after carrying out a maximum evaluation of the prosecution's evidence, the court decided that the prosecution had succeeded in establishing a prima facie case against T1 to T6 under s 302 of the PC as per the charge read together with ss 109 and 34 of the PC involving the abetment by T6 and common intention by T1 to T5. Therefore, the court had called the accused persons to defend themselves for the murder charge under s 302 of the PC (see paras 7, 243, 245–346, 250 & 254).

(7) The responsibility of the court at the end of the case was to determine whether the accused persons had succeeded in raising reasonable doubt in the prosecution's case and whether the prosecution had succeeded in proving its case beyond reasonable doubt based on all the evidence presented (see para 783).

(8) In relation to the defence for the charge under s 330/34 of the PC, the court found that the defence's testimony of some of the accused persons stated that they only pushed the deceased and patted him on the shoulder, while the other accused persons denied that they were at the scene of the incident early in the morning of 21 and 22 May 2017. However, the testimony of SP6 and SD19 admitted that there were bruises from blunt trauma. The accused persons were indeed seen punching the deceased in the stomach and other parts although there were accused persons who said that they only patted the deceased on the shoulder. Therefore, the court convicted all the accused who were called to defend themselves for the charge under s 330 of the PC (see paras 14 & 790–792).

(9) As for the charge under s 302 of the PC, from the court's evaluation of the entire evidence and expert reports of SP6 and SD19, it was evident that if the Federal Court cases of *Cheong Kam Kuen v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 15 , and *Pubalan a/l Peremal v Public Prosecutor* [2020] 5 MLJ 442 were used, it could not be determined which injury on the body of the deceased that caused the death of the deceased. Although the prosecution called 'rebuttal' witness SP30, the court was still bound by the two cases above which required the court to examine the most serious injuries to see if the intention of the accused persons fell under s 300 of the PC. The said cases decided on this issue which was 'the pathologist as to whether the injuries inflicted on the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death' or only under s 299 of the PC which was an offence under s 304(a) of the PC only, whereby from the pathologist, it was not proven beyond any reasonable doubt that the injuries inflicted on the deceased 'were sufficient in the ordinary course of

nature to cause death' (see para 826).

(10) In this case, the court did not totally discharge and acquit T1 to T5 who were charged under s 302 of the PC and T6 who were charged under ss 302/109 of the PC but the court found the accused persons guilty under the lesser offence of causing injury to the deceased without intent to murder under ss 304(a)/34 of the PC (T6 — ss 304(a)/109 of the PC) when the court found that the prosecution had succeeded in proving its case beyond reasonable doubt and all six accused persons were convicted of the offence as per ss 304(a)/34 of the PC and T6 — ss 304(a)/109 of the PC. From the evidence given by SP6 regarding the injuries suffered by the deceased, the court found that the injuries were not sufficient in the ordinary course of nature to cause death. The death of the deceased was the result of the failure of intervention to save the deceased by the warden and the failure of intervention to provide proper treatment by As-Salam Clinic (see paras 13, 788–789 & 828).

(11) The accused persons met in two rooms on two occasions on 21 and 22 May 2017, and jointly questioned the deceased for the purpose of extorting a confession of stealing T1's laptop. They continued to beat and torture the deceased because he did not confess to stealing and after that T1 to T5 pressed the deceased's body with an iron. The pressing of the iron by T1 to T5 was on the instructions of T6. If the accused persons did not conspire for a common purpose and intention to beat the deceased, of course they had no reason to have a kind of party after midnight with the lights compulsory to be turned off. After all, the deceased was not a stranger to all of them. Therefore, the court found that the common intention between the accused persons for the offence under s 330 of the PC on 21 and 22 May 2017 and the offence of murder under s 302 of the PC was abundant (see paras 829 & 831–833).

(12) In relation to the sentence, although all the accused persons had no previous record and were young offenders, what the court prioritised was the public interest where the deceased had been treated with merciless torture. After considering the mitigating and aggravating arguments, the court ordered as followed: (a) for the offence under s 304(a) of the PC, the court sentenced T1 to T6 to 18 years imprisonment from the date of arrest; (b) for the offences under s 330 of the PC, the court sentenced all the accused persons who were found guilty to three years imprisonment; (c) the sentences were to run concurrently with the same sentences under ss 330 or 304(a) of the PC, according to the respective charges against the accused persons; and (d) for the accused persons facing charges under s 304(a) of the PC who were in remand custody, the imprisonment sentence started from the date of arrest. The sentences handed down were to give a lesson to the accused persons and a reminder to society at large not to take the law into their own hands because it was proven that it did

not benefit all parties. After taking into account all the facts, circumstances of the case, mitigation and other aggravating factors as well as victim impact statement by the deceased's mother, the court was of the view that the sentence imposed on each accused persons according to their respective charges satisfied the principles of sentencing and was appropriate and proportionate on all of them (see paras 857–858 & 862–863).]

Kes-Kes yang dirujuk

(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng and (4) Ng Ah Kiat v PP [1987] 2 MLJ 336 ; [1987] 1 CLJ 540, MA (dirujuk)
Abdul Aziz bin Mohd Sharif v PP [2009] 1 MLJ 526, MR (dirujuk)
Abu Bakar bin Alif v R [1953] 1 MLJ 19 ; [1952] 1 LNS 4 (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301 ; [2005] 1 CLJ 85, MP (diikut)
Cheong Kam Kuen v PP [2013] 1 MLJ 15 ; [2012] 6 AMR 573 ; [2012] 8 CLJ 537, MP (diikut)
Farose bin Tamure Mohamad Khan v PP and other appeals [2016] 6 MLJ 277 ; [2016] 9 CLJ 769, MP (dirujuk)
Jaafar bin Ngamil lwn Pendakwa Raya [2019] 1 MLJ 758, MR (dirujuk)
Krishna Rao Gurumurthi & Anor v PP and another appeal [2007] MLJU 888; [2007] 4 CLJ 643, MR (dirujuk)
Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84, MP (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65, MR (diikut)
Low Kian Boon & Anor v PP [2010] 4 MLJ 425 ; [2010] 5 CLJ 489, MP (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169 ; [1991] 3 CLJ 2073, MP (dirujuk)
Mohd Ghafar Othman v PP [1986] 2 CLJ 257, MP (dirujuk)
Olier Shekh Awoyal Shekh lwn Pendakwa Raya [2017] 1 MLJ 137 ; [2017] 2 CLJ 141, MT (dirujuk)
Om Prakash v State AIR 1956 All 241 (dirujuk)
Ong Teik Thai v PP [2017] 4 MLJ 421 ; [2016] 7 CLJ 1, MP (dirujuk)
PP v Ang Soon Huat [1991] 1 MLJ 1, MT (dirujuk)
PP v Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1 ; [1999] 2 CLJ 215, MT (dirujuk)
PP v Muhamad Suhaimi bin Abdul Aziz [2002] 5 MLJ 233, MT (dirujuk)
PR v Mathiyalagan a/l Veerasamy (Rayuan Jenayah No 45B-14–12 Tahun2017) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)
Pathmanabhan a/l Nalliannen v PP and other appeals [2017] 3 MLJ 141; [2016] 1 CLJ 377, MP (dirujuk)
PP v Muhari bin Mohd Jani & Anor [1996] 3 MLJ 116 ; [1999] 8 CLJ 430, MT (dibeza)
Pendakwa Raya v Zulkipply B Taib & Ors and other appeals [2014] MLJU 381, MT (dirujuk)
Pubalan a/l Peremal v PP [2020] 5 MLJ 442 ; [2020] 8 CLJ 306, MP (diikut)

PP v Azilah bin Hadri & Anor [2015] 1 MLJ 617 ; [2015] 1 CLJ 579, MP (dirujuk)
PP v Kenneth Fook Mun Lee @Omar Iskandar Lee bin Abdullah [2007] 1 MLJ 334 ; [2006] 4 CLJ 359, MR (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 ; [1971] 1 LNS 115 (dirujuk)
PP v Zulkifly [1993] 5 CLJ 365, MT (dirujuk)
Rex v Ball (1951) 35 Cr App R 164, HL (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174 ; [1976] 1 LNS 159, MP (dirujuk)
Zulkiple bin Mohamad v PP [2022] 1 MLJ 479 ; [2022] 1 CLJ 673, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 32, 33, 34, 109, 299, 300, 300(a), (b), (c), (d), 302, 304, 304(a), 320, 330
Kanun Tatacara Jenayah ss 170(1), 180, 180(4), 182A, 183A, 293, 294
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Othman bin Abdullah (Nurakmal Farhan Azri dan Nordin bersamanya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan awal; Julia bt Ibrahim (Joy Jothy bersamanya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan kemudian.
Amer Hamzah bin Arshad (Joshua Tay dan Hoe Sue Lu bersamanya) (Amerbon) bagi pihak tertuduh pertama dan kedua.
Ranjit Singh (J Kaur, Ranjit & Assoc) bagi pihak tertuduh ketiga.
M Ramachelvam (Ameerul Radzi Azlan bersamanya) (Rama-Rozi & Assoc) bagi pihak tertuduh keempat.
Hazman Ahmad (Omar Ismail Hazman & Co) bagi pihak tertuduh kelima.
Zamri Idrus (Fadly Hashim, Sharifah Dyana dan Mohd Zaimi Yusof bersamanya) (Zamri Idrus & Co) bagi pihak tertuduh keenam.
AG Kalidas (Nasika bersamanya) (K Nadarajah & Partners) bagi pihak tertuduh ketujuh dan ke-19.
Azizul Shariman (Azizzul & Ariff) bagi pihak tertuduh kesembilan, kesepuluh dan ke-12.
Hazizah Kassim (Fatimah Azzahrah bt Rumaizi bersamanya) (Hazizah & Co) bagi pihak tertuduh ke-11, ke-14 dan ke-15.
G Raja Shankara (R Shankar Gandhi & Assoc) bagi pihak tertuduh ke-13.
Arif Azami (Azizzul & Ariff) bagi pihak tertuduh ke-16, ke-17 dan ke-18.

Azman Abdullah H:

A. LATAR BELAKANG KES

[1] Seorang pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia ('UPNM'), Zulfarhan Osman bin Zulkarnain telah disahkan meninggal dunia di Unit

Kecemasan Hospital Serdang, Selangor pada jam 9.25 malam, 1 Jun 2017. Umur Zulfarhan Osman ('ZF') adalah 20 tahun lapan bulan pada masa kematiannya. Jasad ZF telah mengalami kecederaan luka lecur pada badannya hampir 80%. Bedah siasat mendapati 90 kesan lecur kebakaran pada derajat satu hingga tiga, pada keseluruhan badan ZF. Sebab kematian ZF disahkan akibat dari luka bakar (*severe burn*) yang menghasilkan komplikasi kekurangan cecair pada badan, jangkitan kuman, organ penting rosak dan ketidakseimbangan *electrolite* sehingga membawa maut.

[2] Atas kematian ZF ini, seramai 19 orang pelajar UPNM telah dituduh dan dibicarakan di bawah s 330 Kanun Keseksaan ('KK') iaitu kesalahan mendatangkan kecederaan bagi tujuan pemerasan pengakuan mencuri laptop. Manakala enam orang daripada 19 orang tertuduh ini juga dituduh dengan satu lagi pertuduhan di bawah s 302 KK iaitu kesalahan membunuh.

Perbicaraan bersama untuk 19 orang tertuduh

[3] Mahkamah ini telah membenarkan perbicaraan ini dijalankan bersama antara berlainan pertuduhan di bawah s 330 KK/ s 34 KK dengan s 302 KK/ s 34 KK dan s 109 KK atas alasan ianya terjatuh di bawah s 170(1) Kanun Tatacara Jenayah. Tambahan pula pihak peguambela kesemua tertuduh tiada bantahan atas alasan ianya dalam transaksi yang sama dan menjimatkan masa walaupun pada hari berlainan dan pendaftaran kes yang berbeza, di mana peruntukkan di bawah s 170(1) Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan seperti berikut:

> Section 170(1) When more persons than one are accused of the same offence or of different offences committed in the same transaction ... they may be tried and charged together or separately as the court thinks fit ...

Susunan 19 orang tertuduh

[4] Nama-nama tertuduh T1 hingga T19 adalah berikut:

T1	Muhammad Akmal Zuhairi bin Akmal
T2	Muhammad Azamuddin bin Mad Sofi
T3	Muhammad Najib Mohd Razi
T4	Muhammad Afif Najmudin bin Azahat
T5	Mohamad Shobirin bin Sabri
T6	Abdoul Hakeem bin Mohd Ali
T7	Muhammad Hasif bin Ismail
T8	Muhammad Akmal Akif bin Alias
T9	Muhammad Adib Iman bin Fuad Adi Sany
T10	Mohamad Syazwan bin Musa

T11	Muhammad Amirul Asraff bin Mala
T12	Luqman Hakim bin Shamsuri Agus
T13	Mohd Hafiz Fauzan bin Ismail
T14	Mohamad Lukhmanul Hakim bin Mohd Zain
T15	Ahmad Shafwan bin Berdal
T16	Muhammad Sufi bin Mohd Mustapha
T17	Noriznan Izzairi bin Noor Azhar
T18	Muhamad Ashraf bin Haji Abdullah
T19	Muhamad Danial Firdaus bin Azmir

[5] Susunan tertuduh seramai 19 orang adalah dipersetujui oleh pihak pendakwaan dan peguambela-peguambela bagi tujuan kemudahan rujukan. Ini memandangkan terdapat berlainan nombor kes dan ada juga di kalangan tertuduh-tertuduh yang menghadapi satu hingga tiga pertuduhan. Oleh kerana enam orang tertuduh menghadapi pertuduhan utama di bawah s 302 KK membunuh, maka tertuduh 1 sehingga tertuduh 6 (T1–T6) adalah bagi mereka yang menghadapi pertuduhan di bawah s 302 KK dan diikuti dengan tertuduh 7 sehingga tertuduh 19 (T7–T19) adalah pertuduhan di bawah s 330 KK.

[6] Pertuduhan ke atas tertuduh mengikut kronologi kejadian dan mengikut nombor kes daftar, kejadian pertama (21hb), Kes No WA-45–37–11 Tahun 2017, ke atas tertuduh T11 dan T12 dan Kes No WA-40–11 Tahun 2017, ke atas tertuduh T1, T3, T6, T7, T8, T9, T10. Pertuduhan adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 21.05.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi bertempat di dalam bilik 03–05 Blok Penginapan Asrama Jebat, Universiti Pertahanan National Malaysia (UPNM), Kern Perdana Sungai Besi, dalam Daerah Cheras Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan sengaja menyebabkan cedera terhadap Zulfarhan Osman Bin Zulkarnain No Kad Pengenalan 961129–01–6517 bagi maksud hendak memeras daripadanya pengakuan mencuri laptop dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 330 Kanun Keseksaan dibaca bersama.

[7] Pertuduhan kejadian kedua (22hb), No Kes WA-45–(38 & 39–11 Tahun 2017), ke atas tertuduh T1, T2, T3, T4, T5, T6, T11, T13, T14, T15, T16, T17, T18 dan T19, adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 22.05.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi bertempat di dalam Bilik 04–10 Blok Penginapan Asrama Jebat, Universiti Pertahanan National Malaysia (UPNM), Kern Perdana Sungai Besi, Dalam Daerah Cheras Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan sengaja menyebabkan cedera terhadap Zulfarhan Osman Bin Zulkarnain No Kad

A Pengenalan 961129–01–6517 bagi maksud hendak memeras daripadanya pengakuan mencuri komputer laptop dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 330 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 kanun yang sama.

B **[8]** Kejadian Ketiga (22hb — sebelum subuh) di bawah s 302 KK , No Kes WA-45B-45–09 Tahun 2017 ke atas T1–T5, pertuduhan adalah:

Bahawa kamu bersama-sama pada 22.05.2017 jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi bertempat di dalam Bilik 04–10 Blok Penginapan Asrama Jebat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi,
C Dalam Daerah Cheras Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dalam mencapai niat bersama telah melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian terhadap Zulfarhan Osman Bin Zulkarnain No Kad Pengenalan 961129–01–6517 dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 kanun yang sama.

D **[9]** Pertuduhan bersubahat, No Kes WA-45B-46–09 Tahun 2017, ke atas T6 — s 109 KK , adalah:

Bahawa kamu pada 22.05.2017 jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi
E bertempat di dalam Bilik 04–10 Blok Penginapan Asrama Jebat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi, Dalam Daerah Cheras Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah bersubahat dengan Muhammad Akmal Zuhairi Bin Azmal (No Kpt 960609–11–5137), Muhammad Azamuddin Bin Mad Sofi (No Kpt 960704–08–5451), Muhammad Najib Bin Mohd Razi (No Kpt 960108-08-5455), Muhammad Afif Najmudin Bin Azahat
F (No Kpt 960410–055389), Mohamad Shobirin Bin Sabri (No Kpt 960304–08–6439) untuk melakukan pembunuhan terhadap Zulfarhan Osman Bin Zulkarnain No Kad Pengenalan 961129–01–6517 dimana kesalahan tersebut telah dilakukan akibat persubahatan kamu dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 109 Kanun Keseksaan yang dibaca
G bersama s 302 kanun yang sama.

[10] Sebagai ringkasan kepada nama 19 orang tertuduh, bilangan pertuduhan ke atas mereka dan nombor kes, lihat jadual di bawah:

H

(the remainder of this page is intentionally left blank)

I

Ruj.	Nama Tertuduh	Kes No.					
		WA-45B-45-09/2017	WA-45B-46-09/2017	WA-45-37-11/2017	WA-45-38-11/2017	WA-45-39-11/2017	WA-45-40-11/2017
		Kejadian 22.05.2017 jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi		Kejadian 21.05.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi	Kejadian 22.05.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi		Kejadian 21.05.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi
		Pertuduhan di bawah **seksyen 302 KK**		Pertuduhan di bawah **seksyen 330 KK**			
T1	Muhammad Akmal Zuhairi Bin Akmal	√			√		√
T2	Muhammad Azamuddin Bin Mad Sofi	√			√		
T3	Muhammad Najib Mohd Razi	√			√		√
T4	Muhammad Afif Najmudin Bin Azahat	√				√	
T5	Mohamad Shobirin Bin Sabri	√				√	
T6	Abdoul Hakeem Bin Mohd Ali		√		√		√
T7	Muhammad Hasif Bin Ismail						√
T8	Muhammad Akmal Akif Bin Alias						√
T9	Muhammad Adib Iman Bin Fuad Adi Sany						√
T10	Mohamad Syazwan Bin Musa						√
T11	Muhammad Amirul Asraff Bin Mala			√		√	
T12	Luqman Hakim Bin Shamsuri Agus			√			
T13	Mohd Hafiz Fauzan Bin Ismail				√		
T14	Mohamad Lukhmanul Hakim Bin Mohd Zain				√		
T15	Ahmad Shafwan Bin Berdal				√		
T16	Muhammad Sufi Bin Mohd Mustapha					√	
T17	Noriznan Izzairi Bin Noor Azhar					√	


Kejadian 21.05.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi [s.330KK]
• Melibatkan T11 dan T12 dalam kes WA-45-37-11/2017
• Melibatkan T1, T3, T6, T7, T8, T9 dan T02 dalam kes WA-45-40-11/2017
Kejadian 22.05.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi [s.330KK]
• Melibatkan T1, T2, T3, T6, T13, T14 dan T15 dalam kes WA-45-38-11/2017
• Melibatkan T4, T5, T11, T16, T17, T18 dan T19 dalam kes WA-45-39-11/2017
Kejadian 22.05.2017 jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi [s.302KK]
• Melibatkan T1, T2, T3, T4 dan T5 dalam kes WA-45B-45-09/2017
• Melibatkan T6 dalam kes WA-45B-46-09/2017

[11] Di akhir kes pendakwaan, dapat diringkaskan keputusan Mahkamah Tinggi ini mendapati bagi tiga pertuduhan kejadian ke atas ZF, adalah sebagaimana berikut:

(a) berhubung kejadian kesalahan s 330 KK , pada 21 Mei 2017 jam lebih kurang 2:30 pagi hingga 5:30 pagi, untuk pertuduhan, Kes No WA-45–37–11 Tahun 2017, ke atas tertuduh T11 dan T12 dan Kes No WA-40–11 Tahun 2017, ke atas tertuduh T1, T3, T6, T7, T8, T9, T10, Mahkamah Tinggi ini melepas dan membebaskan tertuduh T3, T6 dan T8. Manakala bagi tertuduh T1, T7, T9, T10, T11 dan T12, Mahkamah Tinggi ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes dan dibuktikan juga dengan niat bersama, secara prima facie di bawah s 34 KK dan oleh itu mereka dipanggil membela diri;

(b) berhubung kejadian kesalahan s 330 KK , pada 22 Mei 2017 jam lebih kurang 1:30 pagi hingga 4:30 pagi, untuk pertuduhan Kes No WA-38–11 Tahun 2017 ke atas T1, T2, T3, T6, T13, T14 dan T15, dan Kes No WA-39–11 Tahun 2017, ke atas T4, T5, T11, T16, T17, T18 dan T19, Mahkamah Tinggi ini melepas dan membebaskan tertuduh T5. Bagi tertuduh yang lain, mereka ini semua dipanggil membela diri; dan

(c) bagi pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK berhubung kejadian pada 22 Mei 2017 jam lebih kurang 4:45 pagi hingga 5:45 pagi, kes No WA-45B-45–09 Tahun 2017, tertuduh-tertuduh iaitu T1,T2, T3, T4 dan T5 dipanggil untuk membela diri. tertuduh T6 untuk kes WA-45B-46–09 Tahun 2017, kesalahan bersubahat, juga dipanggil untuk membela diri.

[12] T3, T5 dan T6 walaupun dilepaskan dalam pertuduhan WA-45–37–11 Tahun 2017, namun tetap dipanggil untuk membela diri bersama

tertuduh-tertuduh yang lain bagi pertuduhan-pertuduhan lain. Hanya T8 sahaja bebas sepenuhnya memandangkan T8 hanya menghadapi satu pertuduhan ini sahaja.

Ringkasan keputusan di akhir kes pembelaan/perbicaraan

[13] Pada 2 November 2021, di akhir perbicaraan, setelah Mahkamah Tinggi ini mendengar pembelaan seramai 18 orang tertuduh dan keterangan saksi-saksi serta barang kes yang mereka kemukakan dan setelah meneliti semula keseluruhan keterangan kes pihak pendakwaan dan segala hujahan-hujahan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh semua pihak, mahkamah ini telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan hanya berjaya membuktikan kesalahan di bawah s 304(a) KK dibaca bersama s 34 KK ke atas T1 hingga T5 dan juga untuk T6 di bawah s 109 KK kerana bersubahat. Oleh yang demikian, tertuduh T1 hingga T6 yang dituduh di bawah s 302 KK telah didapati bersalah di bawah kesalahan yang lebih ringan iaitu s 304(a) KK dan dihukum 18 tahun penjara dari tarikh tangkap.

[14] Manakala untuk pertuduhan di bawah s 330 KK kesemua tertuduh yang dipanggil membela diri adalah didapati bersalah. Dalam erti kata lain, tertuduh iaitu T1, T3, T6, T7, T9, T10, T11 dan T12, di bawah pertuduhan s 330 KK berhubung kejadian pada 21 Mei 2017 dan T1, T2, T3, T6, T13, T14, T15, T4, T5, T11, T16, T17, T18 dan T19 berhubung kejadian pada 22 Mei 2017, didapati bersalah. Kesemua mereka dihukum tiga tahun penjara.

Notis rayuan oleh tertuduh dan pendakwaan

[15] Kesemua tertuduh yang disabitkan bersalah dan dihukum telah memfailkan notis rayuan masing-masing kerana tidak berpuas hati ke atas sabitan dan hukuman. Pihak pendakwaan pula memfailkan notis rayuan tidak berpuas hati ke atas sabitan bersalah di bawah s 304(a) KK dan hukuman 18 tahun. Pendakwaan juga tidak berpuas hati dan menfailkan rayuan ke atas hukuman tiga tahun untuk sabitan bersalah di bawah s 330 Kanun Keseksaan.

Dari hal saksi-saksi pendakwaan

[16] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 29 orang saksi yang terdiri daripada empat kategori, iaitu tiga saksi daripada Hospital Serdang, 15 saksi daripada UPNM terdiri daripada 12 orang pelajar dan tiga orang pekerja, enam orang saksi awam termasuk saksi dari klinik swasta As-Salam di Bangi, bapa kepada T18 dan pemandu Grab dan seterusnya empat orang saksi polis.

B. RINGKASAN FAKTA KES PENDAKWAAN

[17] Si mati ZF adalah pelajar UPNM, menginap di Asrama Jebat di bilik B-06. ZF telah disyaki mencuri sebuah laptop milik T1 di bilik asrama yang lain. Pada 20 Mei 2017 jam 9.30 malam SP25 (rakan sebilik ZF), telah diminta oleh T1 untuk mencari laptop T1 di loker ZF dan di sekitar bilik ZF kerana T1 menuduh ZF mencuri laptopnya. SP25 mencari laptop itu tetapi tidak dijumpai. Menurut SP25 rakan sebilik ZF iaitu T18 menyatakan bahawa bapanya SP13 berkebolehan mencari barang hilang mengikut perubatan Islam. SP13 selepas dihubungi oleh anaknya T18, telah membuat solat hajat dan mendapat firasat bahawa ZF yang telah mengambil laptop. Ini membuatkan T1 menjadi sangat marah.

[18] Pada jam lebih kurang 1 pagi, masuk ke tarikh 21 Mei 2017 semasa ZF sedang tidur di biliknya ZF telah dikejutkan oleh T1 dan SP20 dan ZF diarahkan pergi ke Bilik 03–05. Di bilik ini ZF telah disoal siasat oleh T1 dan telah dipukul oleh T1, T7, T9, T11 dan T12. ZF pada masa itu hanya berseluar tanpa baju. Walaupun ZF dipukul berama-ramai, namun ZF masih tidak mengaku mencuri laptop T1.

[19] Pada sebelah pagi hari tersebut, ZF tidak hadir *roll call*. ZF kemudian dilihat berada di biliknya pada jam 6.30 petang, berpakaian sukan, berkeadaan lemah dan sakit tangan sehingga memerlukan bantuan SP25 untuk memakai baju.

[20] Selepas dipukul, di bilik yang sama dari jam 4.45 pagi hingga ke azan subuh berkumandang jam 5.45 pagi, ZF telah dicucuh atau ditekap dengan seterika wap sambil disoal siasat. Pada masa ini ramai pelajar telah bersurai dan hanya tinggal T1–T6. tertuduh-tertuduh T1 hingga T5 telah mencucuh seterika panas ke badan ZF bergilir-gilir dan T6 yang mengarahkan lima tertuduh ini supaya ZF dicucuh. ZF menjerit dan menggelupur kesakitan setiap kali dicucuh dengan seterika. Pada masa itu ZF hanya memakai *boxer*, tertiarap di lantai dengan kedua-dua tangan diikat.

[21] Selepas dicucuh dengan seterika pada 22hb dan beberapa hari ZF tetap berada di Bilik 04–10. T1 dan T2 ada bersama mengawal ZF dan tidak meninggalkan ZF tanpa ada salah seorang atau lebih seorang tertuduh mengawalnya. Keadaan kecederaan ZF akibat ditekap seterika wap pada badannya menjadi menggelembung dan ada tompok-tompok kehitaman di badan dan sedikit darah di kulitnya, di seluruh badan. ZF dilihat tidur di atas katil dan berselimut. T1 hingga T4 bercakap mahu merawat sendiri ZF.

[22] Kawan ZF, SP23 bersama T8 merasa kasihan kepada ZF telah menulis surat layang meminta ZF diselamatkan dan pada 23 Mei 2017 SP23 telah

menyelitkan surat itu di hadapan Rumah Sakit Angkatan Tentera (RESAT). Malangnya, tiada tindakan diambil untuk memberi bantuan ke atas ZF walaupun surat layang telah dibuat, malah surat layang ini telah tular dan diketahui oleh T1. T1 setelah mengetahui surat layang itu lantas telah membawa ZF ke bilik asrama yang lain. Selepas itu ZF dibawa keluar dari UPNM dan menginap di hotel di Bangi dan membawa ZF Klinik As-Salam pada 27 Mei 2017 dan selepas itu satu lagi rawatan susulan (*follow up*) pada 31hb di klinik yang sama. Selepas itu ZF dibawa tinggal di Apartment De Centerum di Bangi. Di sinilah pada 1 Jun 2017, ZF tidak sedarkan diri dan nazak dibawa dengan ambulan ke Hospital Serdang dan disahkan meninggal dunia.

C. TAHAP PIHAK PENDAKWAAN BERJAYA MEMBUKTIKAN KES PRIMA FACIE Dl AKHIR KES PENDAKWAAN

[23] Di akhir kes pendakwaan, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab mahkamah memperhalusi sama ada pendakwaan berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh-tertuduh di bawah s 180 Kanun Tatacara Jenayah atau tidak.

[24] Section 180(4) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') memperuntukkan bahawa kes prima facie terbukti terhadap tertuduh apabila pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan yang kredibel untuk setiap inti pati kesalahan yang mana jika tidak disanggah atau diperjelaskan akan terjumlah kepada sabitan. Sebelum mahkamah memutuskan suatu kes prima facie telah terbukti ianya perlu dinilai dengan maksima (*maximum evaluation*) akan kredibiliti saksi-saksi di akhir kes pendakwaan.

[25] Penilaian maksima adalah proses menganalisa kredibiliti dan kebolehpercayaan keterangan dikemukakan oleh pendakwaan. Keterangan yang kredibel hendaklah ditapis melalui proses penilaian. Mana-mana keterangan yang tidak selamat untuk dipertimbangan mahkamah ini hendaklah menolaknya. Adalah yang menyebelahi pihak tertuduh.

[26] Mahkamah ini selalu dipandu-arah oleh dua kes yang tersohor iaitu *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65 dan *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 .

[27] Di dalam kes *Looi Kow Chai v Public Prosecutor*, Mahkamah Rayuan menerangkan akan maksud prima facie sebagai berikut:

> It is the duty of a judge sitting alone to determine at the close of the prosecution's case, as a trier of fact, whether the prosecution had made out a prima facie case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself whether he would be prepared to convict the accused on the totality of the evidence

A contained in the prosecution's case if he were to decide to call upon the accused to enter his defence and the accused had elected to remain silent. If the answer to that question is in the negative, then no prima facie case would have been made out and the accused would be entitled to an acquittal. There was no burden on the prosecution to prove its case beyond a reasonable doubt at the close of the B prosecution's case.

[28] Manakala di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* pula, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan berkenaan dengan prima facie sebagaimana berikut:

C A prima facie case is one that is sufficient for the accused to answer, and the evidence adduced must be such that it can only be surmounted by evidence in rebuttal. The force of that evidence must, if unrebutted, be sufficient to induce a state of belief that the facts as they stand are as stated in the charge. In order to make a finding the court must, at the close of the prosecution's case, undertake a positive evaluation of D the credibility and reliability of all the evidence adduced to determine whether all the elements of the offence have been established. If the evidence is unrebutted, and the accused remain silent, he must be convicted. Therefore, the test to be applied at the end of the prosecution's case is whether there is sufficient evidence to convict the accused if he chooses to remain silent, which if answered in the affirmative means E that a prima facie case has been made out. This requires a consideration of the existence of any reasonable doubt in the prosecution's case, which if it exists, cannot lead to the finding of a prima facie case having been made out.

[29] Mahkamah ini juga merujuk kes *Public Prosecutor v Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215, yang mana Augustine Paul (hakim F Mahkamah Tinggi ketika itu) telah menyatakan di ms 63–64 (MLJ) seperti berikut:

G A prima facie case arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. The evidence adduced must be such that it can be overthrown only by rebutting evidence by the other side. Taken in its totality, the force of the evidence must be such that if unrebutted, it is sufficient to include the court to believe in the existence of the fact stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen. As this exercise cannot be H ostponed to the end of the trial, a maximum evaluation of the credibility of witnesses must be done at the close of the case for the prosecution before the court can rule that a prima facie case has been made out in order to call for the defence.

[30] Berdasarkan kes-kes tersebut, keterangan-keterangan yang I dikemukakan oleh pihak pendakwaan hendaklah begitu kuat sehingga sekiranya keterangan tersebut tidak disanggah adalah memadai untuk mahkamah mempertimbangkan kewujudan fakta-fakta sepertimana di dalam pertuduhan. Ini bermaksud, mahkamah ini hendaklah berpuas hati keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan secara

totaliti telah berjaya membuat satu dapatan bahawa fakta kejadian yang cukup lengkap yang mana ianya menjurus kepada kebersalahan tertuduh di dalam melakukan kesalahan yang dipertuduhkan dan mahkamah ini juga berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesemua elemen di dalam pertuduhan terhadap tertuduh-tertuduh.

D. ANALISA KETERANGAN PERTUDUHAN DI BAWAH S 330 KK

[31] Melalui kronologi kes kejadian ZF disoal dan dipaksa mengaku mencuri laptop T1 dan dipukul bergilir-gilir oleh tertuduh-tertuduh dapat dibahagikan kepada dua kejadian. Kejadian pertama pada awal pagi 21hb dan kejadian kedua pada awal pagi 22hb.

[32] Dapat dilihat bagaimana pendakwaan membinakan kesnya dan membuktikan kepada mahkamah elemen-elemen kesalahan yang dipertuduhkan. Mahkamah menyorot keterangan sebagaimana yang diceritakan oleh saksi-saksi daripada awal kejadian pertama sehingga kejadian kedua di bawah pertuduhan s 330 KK dan membawa kepada kejadian ketiga di bawah pertuduhan s 302 KK.

Zulfarhan (ZF) disyaki mencuri laptop

[33] Keterangan rakan sebilik ZF iaitu Muhamad Syafiq Abdullah ('SP25') menjelaskan bagaimana permulaan ZF didera. Menurut SP25, ZF adalah rakan sebiliknya di blok Asrama Jebat di Bilik 306. Rakan sebilik yang lain adalah Senabil ('SP24'), Ashraf iaitu tertuduh T18, Muhammad Irfan dan Syarifuddin.

[34] Pada 20 Mei 2017 jam 9.30 malam sewaktu SP25 berada di biliknya beliau telah terima pesanan ringkas melalui telefonnya daripada Akmal Zuhairi iaitu tertuduh T1, yang mana T1 memberitahu SP25 bahawa beliau mengesyaki ada seseorang telah mencuri laptopnya dan dia mengesyaki bahawa ZF yang mencurinya dan meminta SP25 mencari laptop tersebut di loker ZF dan sekitar Bilik 03–06. T1 tidak tinggal sebilik dengan SP25 dan ZF, tetapi tinggal di asrama Bilik 04–10 iaitu blok yang sama dengan bilik SP25 03–06.

[35] Susulan itu setelah menerima pesanan ringkas talifon daripada T1, SP25 telah mencari laptop T1 di loker ZF dan sekitar Bilik 03–06 tetapi SP25 tidak menjumpai laptop tersebut. SP25 kemudian telah memberitahu T1 bahawa laptop T1 yang hilang itu tidak dijumpai. T1 walau bagaimanapun memberitahu SP25 yang beliau masih tidak berpuas hati dan masih mengesyaki yang ZF mencurinya.

[36] Seterusnya pada hari yang sama, jam 11.30 malam, selepas 'roll call', SP25 telah balik ke biliknya di 03–06 bersama-sama dengan T1 dan Muhammad Ashraf bin Abdullah ('T18'). Menurut SP25, beliau pada malam itu telah diberitahu oleh T18 bahawa bapanya iaitu Abdullah bin Md Seh ('SP13') berkebolehan mencari barang hilang mengikut perubatan Islam.

[37] Mendengar kebolehan ayah T18, iaitu SP13, SP25 telah memberi cadangan kepada T1 agar meminta tolong ayah T18 ('SP13') sekiranya SP13 boleh menolong mencarinya secara batin. Pada pendapat SP25 cara ini lebih baik daripada menuduh ZF tanpa asas. Menurut SP25 apabila sampai di bilik mereka 03–06, T18 dan T1 telah menghubungi SP13 dan memberitahu mengenai laptop T1 yang hilang serta memberi beberapa nama rakan yang mereka syaki termasuk nama ZF.

[38] Beberapa minit selepas itu, T18 telah dihubungi semula oleh SP13 dan memberitahu yang SP13 melalui solat hajat yang dilakukannya dapat nampak atau petunjuk bahawa ZF ada mengambil laptop tetapi tidak tahu laptop siapa.

[39] SP13 telah dipanggil memberi keterangan dan SP13 dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau ada dihubungi oleh rakan anaknya yang kehilangan laptop dan memberi beberapa nama pelajar yang disyaki mencuri termasuk nama ZF. Menurut SP13 beliau telah membuat solat hajat dan mendapat petunjuk bahawa ZF adalah orang yang mencurinya, namun walaupun SP13 berkata demikian, tiada bukti yang dapat beliau kemukakan.

[40] Walaupun SP13 telah mengetahui bahawa ZF meninggal dunia akibat didera oleh rakan-rakan anaknya, namun sewaktu mahkamah ini bertanyakan SP13 mengenai sama ada masih mengamalkan lagi amalan mendapat petunjuk melalui batin, SP13 menjawab bahawa sampai sekarang beliau masih mengamalkannya dan yakin dengan gerak hatinya. Keterangan SP13 tersebut adalah seperti berikut:

> Mahkamah: Sekarang kalau ada lagi orang bertanya tentang kemusykilan begitu Encik masih lagi buat solat hajat dan bagitahu nama semua?
>
> SP13: Sampai sekarang buat lagi.
>
> Mahkamah: Maksudnya Encik yakin la dengan gerak hati yang Encik dapat itu?
>
> SP13: Ya saya.

[41] Menurut SP25, setelah diberitahu oleh SP13 bahawa ZF adalah pencuri melalui firasat SP13, SP25 melihat T1 sangat marah kerana laptop tersebut baru dibeli. SP25 menasihati T1 agar jangan ambil tindakan terburu seperti

mencederakan ZF. Dalam masa yang sama SP25, sehingga jam 1 pagi cuba mencari laptop sekitar Bilik 03–06 dan di sekitar Tingkat 3 namun masih tidak menjumpainya.

[42] Kemudian, pada sekitar jam 1 pagi pada 21 Mei 2017 itu, sewaktu SP25 sedang menyiapkan tugasan pelajarannya dan ZF pada masa itu sedang tidur, T1 telah datang ke Bilik 03–06 bersama bersama seorang lagi rakan mereka iaitu Hari Krishna Rao ('SP20'). SP25 menasihatkan mereka untuk balik semula ke bilik mereka.

[43] Namun, selepas itu, T1 dan SP20 kembali semula ke bilik SP25 dan ZF. SP25 melihat T1 pada masa itu masih berada dalam keadaan marah. T1 dan SP20 telah mengejutkan ZF yang sedang tidur dan membawa ZF ke Bilik 03–05. Menurut SP25, T1 telah kejutkan ZF dan memberitahunya yang T1 ingin berjumpanya di bilik sebelah. ZF telah mengikut T1 dan SP20 ke Bilik 03–05. Menurut keterangan SP25 sewaktu disoal balas oleh peguambela T1 dan T2, sewaktu T1 datang kali kedua di bilik beliau, Bilik 03–06 pada jam 12.30 awal pagi 21 Mei 2017, T1 ada memberitahu niatnya hendak memukul ZF untuk soal mengenai laptop yang hilang.

[44] Sewaktu ZF dibawa ke Bilik 03–05 tersebut, SP25 hanya sekadar melihat sahaja sebab tidak terdaya menahan mereka. SP25 masih di biliknya menyiapkan tugasan pelajarannya dan hanya selepas itu SP25 ikut ke Bilik 3–05.

[45] Seorang lagi saksi, SP20, seorang pelajar dalam jurusan perubatan di UPNM dan tinggal di Bilik 4–06 Asrama Jebat iaitu sebilik dengan Aiman Aufa, Hasif ('T7'), Akmal Akif ('T8'), Shafwan Berdal ('T15') dan Muhammad Sufi ('T16'), pada awal pagi 21 Mei 2017 tersebut, SP20 telah berjumpa dengan T1 dan diberitahu oleh T1 bahawa dia mengesyaki ZF telah mencuri laptopnya. Mengikut keterangan SP20, T1 memberitahunya beliau yakin ZF yang mencuri laptopnya kerana dua minggu sebelum itu, iaitu pada malam laptop T1 tersebut disedari hilang, ZF lambat turun untuk 'roll call'. T1 yang mengesyaki ZF, telah mengajak SP20 ke bilik ZF di Bilik 03–06 untuk bertanyakan apa alasan ZF lambat turun 'roll call' pada malam kehilangan laptop tersebut.

[46] Apa yang berlaku di Bilik 03–06, SP20 dan T1 telah berjumpa dengan SP25 dan bertanyakan tentang ZF. SP25 memberitahu mereka bahawa ZF sedang tidur. Oleh itu mereka balik semula ke Bilik 03–05. Walau bagaimanapun, SP20 dan T1 kemudiannya memutuskan untuk pergi ke semula ke bilik ZF dan mengejutkan ZF dari tidur. Mereka kemudiannya membawa ZF ke Bilik 03–05.

Bermulanya kejadian awal pagi 21 Mei 2017: ZF disoal dan dipukul di Bilik 03–05 supaya mengaku mencuri laptop T1

[47] ZF sewaktu berada di Bilik 03–05 tersebut, T1 dan SP20 telah menyoal ZF mengapa dia lewat turun 'roll call' pada tarikh lebih kurang dua minggu sebelum itu. ZF memberi alasan bahawa dia mempunyai masalah dengan handphonnya dan dia pergi ke biliknya untuk menukar pakaian. SP20 bertanya ZF sebanyak dua kali mengenai sama ada ZF ada ke bilik T1 pada malam ZF lewat turun ke *roll call* itu dan ZF menjawab tidak. Setelah itu SP20 pun balik ke Bilik 03–06 dan tidur di katil Lukhmanul Hakim ('T14').

Keterangan saksi pendakwaan SP25, SP26 dan SP24 membuktikan T1, T7, T9, T10, T11, T12 dan T17 memaksa ZF membuat pengakuan mencuri dan memukul ZF pada 21hb

[48] Menurut keterangan SP25, sewaktu disoal balas oleh peguambela T1 dan T2, sejurus selepas ZF dibawa oleh T1 dan SP20 ke Bilik 03–05, SP25 selepas penyiapkan tugasan pelajarannya, pada jam 1 pagi telah pergi ke Bilik 03–05 dan mendapati ZF sedang dipukul oleh Akmal Zuhairi ('T1'), Hasif Ismail ('T7'), Adib Iman ('T9') Amirul Asraff ('T11') dan Luqman Hakim ('T12'). Terdapat ramai yang berada di dalam bilik pada masa itu dan semasa dipukul, ZF hanya memakai seluar tanpa baju.

[49] SP25 menjelaskan lagi bahawa T1 adalah yang mengetuai soal siasat dan T1 yang banyak menyoal dan memukul ZF disebabkan laptop yang hilang tersebut adalah kepunyaan T1. T1 memukul ZF pada bahagian badan dan ZF kelihatan sakit. SP25 menjelaskan yang beliau melihat T1 memukul ZF.

[50] Sewaktu disoal balas juga, SP25 menyatakan yang beliau tidak tahu jika ada provokasi di pihak ZF ke atas T1 yang menyebabkan T1 memukul ZF. Peguambela T1 cuba mencadangkan tangan kanan ZF menjadi lemah disebabkan sukan triathlon dan bukan sebab dipukul, namun, ianya tidak dipersetujui oleh SP25.

[51] Manakala Hasif ('T7') pula diterangkan oleh SP25, telah menyepak kesakitan. Adib ('T9') pula telah menumbuk ZF dan Amirul Asraff ('T11') telah menyepak ZF.

[52] T12 juga telah memukul ZF. Sewaktu SP25 disoalbalas oleh peguambela Luqman Hakim (peguambela T12), SP25 mengakui yang T12 ada memukul ZF pada kejadian awal pagi 21 Mei 2017. Keterangan SP25 adalah seperti berikut:

Peguam: Kamu ada menyebut semasa disoal oleh TPR, Luqman Hakim juga berada dalam bilik tersebut. Maksud kamu Luqman Hakim atau Lukhmanul Hakim? A

SP25: Yang saya nampak malam pertama Luqman Hakim.

[53] Manakala semasa disoal semula oleh TPR, SP25 sekali lagi mengakui melihat T9, T10, T11, T12 dan T17 memukul ZF hanya pada malam pertama sahaja. B

[54] Keterangan SP25 bahawa T17 ada memukul ZF dan mengelap peluh ZF telah diperjelaskan semasa pemeriksaan balas oleh pihak peguambela T17 sebagaimana berikut: C

Peguam: Berkait dengan T17 Noriznan Izairi, awak kata bahawa dia lap peluh Zulfarhan pada malam pertama.

SP25: Ya. D

[55] Selanjutnya, menurut SP25 juga, ada lagi pelajar yang turut memukul ZF tetapi beliau tidak ingat atau tidak perasan. Menurut SP25 lagi, walaupun ZF dipukul beramai-ramai, namun ZF masih tidak mengaku mengambil laptop kepunyaan T1 tersebut. Hal ini menyebabkan ZF terus dipukul sehingga azan subuh berkumandang barulah ZF berhenti dipukul. E

[56] Menurut SP25, selepas dipukul beramai-ramai, ZF kelihatan lemah dan terduduk di atas lantai dalam keadaan sakit. Namun begitu, ZF tidak meminta apa-apa bantuan dari SP25. Selepas azan subuh, SP25 telah balik ke biliknya di 03–06 untuk persedian kawad pagi. ZF dikatakan tidak balik ke bilik iaitu bilik yang sama dengan SP25, Bilik 03–06 tersebut. F

[57] Menurut SP25, yang banyak bercakap dan bertanyakan soalan kepada ZF adalah T1. Ada kawan-kawan yang hanya melihat sahaja ZF dipukul dan pada masa itu. SP25 sendiri pun berada di sudut pintu masuk hanya mampu memerhatikan sahaja, tidak berdaya untuk menghalang ZF daripada dipukul. Sewaktu dipukul oleh rakan-rakan dan disoal oleh T1 sama ada ZF ada mengambil laptop, ZF tetap tidak mengaku mengambilnya. G H

[58] Selepas peristiwa ZF dipukul pada 21 Mei 2017 tersebut, SP25 ada bertanyakan ZF sama ada betul atau tidak beliau ada mengambil laptop kepunyaan T1. ZF menjawab 'tidak' dan SP25 percaya kepada ZF kerana beliau bukan seorang yang suka mencuri. Menurut SP25, ZF adalah seorang yang tidak suka menimbulkan masalah. Cuma kadang-kadang ZF pernah meminjam laptop SP25 dan barangan lain milik SP25 beberapa hari tanpa memberitahu SP25. SP25 tidak mempunyai masalah dengan ZF kerana telah kenal sejak tahun 2014. I

[59] Menurut SP25 lagi, adalah menjadi kebiasaan di UPNM jika seseorang pelajar disyaki mencuri, dia akan terus dipukul sehingga mengaku dan nasib yang sama berlaku kepada ZF. ZF berterusan dipukul kerana tidak mengaku.

[60] Seorang lagi pelajar UPNM yang pergi ke Bilik 03–05 itu, menyaksikan ZF dipukul adalah SP26 Muhamad Shafiq Muhaimin bin Zakaria. Menurut SP26, pada tarikh kejadian 21 Mei 2017 tersebut jam lebih kurang 3 pagi, beliau berada di Bilik 5–09 sedang bermain video game dan terdengar suara bising di tingkat bawah seperti orang menjerit dengan nada yang tinggi dalam keadaan marah. Semasa SP26 menjenguk ke bilik bawah kelihatan ada pergerakan pelajar keluar dan masuk di Bilik 03–05.

[61] Selepas itu, SP26 dan rakan sebiliknya Fitri telah turun dan menuju ke Bilik 03–05. Menurut SP26 oleh kerana jam melebihi 12 malam, semua lampu ditutup tetapi SP26 dapat melihat melalui lampu meja bahawa ZF sedang duduk di atas kerusi di tengah-tengah bilik.

[62] Menurut SP26 lagi, beliau ada melihat ZF disoal siasat oleh pelajar-pelajar. Salah seorang pelajar itu ialah Hari Krishna Rao (SP20) yang turut berada di bilik tersebut. SP26 juga lihat T1 — Akmal Zuhairi, ada menolak ZF ke meja berhampiran SP26 berada dan SP26 menolong mengangkat ZF bangun. Selepas itu ada pelajar yang memukul ZF di perut, iaitu T10, Mohamad Syazwan Musa. Selepas itu ZF dipukul lagi oleh Mohamad Hasif Ismail ('T7') juga di bahagian perut ZF, dipukul sekali. Selain daripada itu ada lagi sepuluh pelajar yang hanya melihat sahaja apa yang berlaku dan keadaan di dalam bilik tersebut. SP26 tidak dapat pastikan pelajar-pelajar lain.

[63] SP26 bersetuju dengan cadangan peguambela T1 dan T2 bahawa T1, T7 dan T10 lebih kepada untuk menakut-nakutkan ZF dan bukan bertujuan mencederakannya walaupun dipukul di bahagian perut.

[64] Manakala seorang lagi saksi, iaitu SP24 Ahmad Senabil yang sebilik dengan ZF, menyatakan bahawa pada malam itu jam lebih kurang 11.30 malam pada 20 Mei 2017 tersebut, T6 dan T19 ada mencari ZF di Bilik 03–06. SP24 yang berada di bilik pada masa itu menyatakan yang ZF tidak berada di bilik.

[65] Pada kejadian awal pagi 21 Mei 2017 tersebut, beliau ada melihat kejadian ZF dipukul di Bilik 03–05 melalui luar Bilik 03–05. Menurut keterangannya, ZF duduk di atas lantai dan dikelilingi oleh enam hingga tujuh orang pelajar tetapi beliau tidak kenal siapa pelajar itu.

ZF tidak hadiri roll call 21 Mei 2017 tetapi tidak diketahui oleh jurulatih

[66] Pada pagi 21 Mei 2017 tersebut, iaitu selepas kejadian ZF dipukul pada awal pagi, menurut SP25, ZF tidak menghadiri *roll call*. Namun perkara ini tidak diketahui oleh jurulatih walaupun nama dipanggil untuk setiap pelajar

[67] Pada 21 Mei 2017 itu, jam 4 petang, setelah habis kelas, SP25 balik ke bilik dan mendapati ZF masih tidak ada di bilik mereka 306. Hanya selepas sukan jam 6.30 petang baru ZF ada di Bilik 306 dengan berpakaian baju sukan dan kelihatan lemah dan sakit tangan sehingga memerlukan bantuan SP25 untuk memakai baju. Sebelah malamnya, ZF telah ke masjid bersama SP25 dan ZF ada semasa *roll call* malam 10.30. Setelah SP25 balik semula ke bilik pada malam itu, ZF tidak kelihatan di bilik.

Mahkamah melepas dan membebaskan T3, T6 dan T8 atas alasan tiada di tempat kejadian di Bilik 03–05 pada awal pagi 21hb

[68] Daripada keterangan SP25, kesemua tertuduh di dalam mahkamah pada hari ini ada di situ pada masa kejadian awal pagi 21hb, kecuali Azamuddin ('T2'), Muhammad Najib ('T3'), Mohammad Afif Najmudin ('T4'), Abdoul Hakeem (T6), Muhammad Akmal Akif ('T8') dan Mohamad Danial (T19).

[69] Keterangan SP25 berkenaan Muhammad Najib ('T3') tiada di tempat kejadian pada 21hb, seperti berikut:

> Peguam: Kali pertama di Bilik 03–05, Najib tidak pernah ada dalam Bilik 03–05?
>
> SP25: Ya.
>
> Peguam: Jadi untuk meringkaskan, kali pertama tidak ada. Kali kedua Najib tidak ada sebabkan berada dengan Aliff Farhan. Kali ketiga Najib sentuh sekali Zulfarhan dan terus melepaskan iron serta minta kebenaran Abdoul Hakeem untuk tidur
>
> SP25: Ya.

[70] Keterangan SP25 berkenaan Abdoul Hakeem (T6) yang tiada di tempat kejadian pada 21hb tersebut pula adalah seperti berikut:

> Saya buat kerja sampai jam 1 pagi (22hb) lampu bilik tutup Danial Firdaus (T19) dan Abdoul Hakeem (T6) datang ke bilik saya mereka tinggal di tingkat 5 ...
>
> ... Mereka berdua tanya saya semalam itu tentang pukul memukul itu pada kejadian 21/5 mereka tidak ada, dia nak soal lagi arwah.

[71] SP25 sewaktu disoal balas oleh peguambela T8, telah menyatakan bahawa T8 tiada di dalam Bilik 03–05 pada malam pertama (21hb).

Keterangan SP25 seperti berikut:

> Akmal Akif pada malam pertama dia tak ada, dia dengan Aufa, malam kedua Akmal Akif juga saya tak nampak.

[72] Sewaktu SP25 disoal semula oleh Puan TPR sekali lagi SP25 mengulangi bahawa T8 Akmal Akif tiada di dalam kedua-dua insiden memukul ZF:

> TPR: T8 ialah Akmal Akif. Awak kenal dia?
>
> SP25: Kenal.
>
> TPR: Dalam keterangan awak, awak kata di belakang semua terlibat. Bila ditanya siapa yang pukul ZF pada malam kedua, awak kata semua yang di belakang terlibat kecuali Akmal Akif.
>
> SP25: Ya.
>
> TPR: Apabila ditanya oleh peguam, apa jawapan sebenar awak sebab saya tengok awak macam tak pasti?
>
> SP25: Yang saya pasti Akmal Akif langsung tak sentuh ZF dan dia tak ada dalam kedua-dua kejadian.
>
> TPR: Setakat yang awak lihat?
>
> SP25: Ya.
>
> TPR: Kalau demikian kenapa awak boleh di peringkat awal mengatakan Akmal Akif ada pada malam pertama?
>
> SP25: Saya masa itu tengah cemas.

[73] Oleh itu, tiada sebab untuk mahkamah ini memanggil T8 Muhamad Akmal Akif membela diri, apabila inti pati utama T8 berada di tempat kejadian seperti mana pertuduhan pada 21 Mei 2017, pihak pendakwaan telah gagal membuktikannya, inikan pula membuktikan T8 mencederakan ZF di dalam pertuduhan ke atasnya. Oleh itu Mahkamah Tinggi ini membebaskan T8 tanpa dipanggil membela diri.

Tertuduh-tertuduh T3, T6 dan T8 tiada di Bilik 03–05 pada 21hb sewaktu ZF dicederakan

[74] Jelas sekali daripada keterangan SP24, SP25 dan SP26, tidak menyebut nama T3 — Muhammad Najib, T6 — Abdoul Hakeem dan T8 — Muhammad Akmal Akif memukul ZF pada awal pagi 21hb tersebut.

[75] Oleh itu, mahkamah membebas dan melepaskan T3, T6 dan T8 apabila inti pati utama pembuktian berada di tempat kejadian seperti mana pertuduhan pada 21 Mei 2017 di bawah s 330 KK apabila pihak pendakwaan

gagal membuktikan kehadiran mereka di tempat kejadian sebelum membuktikan tertuduh-tertuduh ini memukul ZF.

[76] Pada dapatan mahkamah ini, pihak pendakwaan sendiri gagal mengemukakan bukti-bukti bagi pertuduhan yang berkaitan. Oleh itu, tiada pilihan lain, mahkamah ini selain daripada melepas dan membebaskan T3, T6 dan T8 daripada pertuduhan yang berkaitan tersebut di bawah s 330 KK.

Kejadian kedua di bawah s 330 KK pada 22 Mei 2017: ZF dipukul pada 22 Mei 2017, jam 1:30 pagi hingga 4:30 pagi di Bilik 04–10

[77] Menurut SP25, pada jam 1 pagi pada 22 Mei 2017 tersebut, Abdoul Hakim (T6) dan Denial Firdaus (T19) ada datang ke Bilik 306 di mana SP25 dan rakan-rakan sebilik masih belum tidur. Menurut SP25, T6 dan T19 bertanyakan kejadian ZF dipukul pada awal pagi sebelumnya (iaitu pada 21hb) kerana mereka berdua tiada semasa kejadian itu.

[78] Menurut SP25 lagi, tujuan T6 dan T19 bertanya di mana ZF berada adalah kerana mereka hendak menyoal lagi ZF akan kehilangan laptop T1. Selepas T6 dan T19 menjumpai ZF, SP25 diajak oleh T6 dan T19 untuk ke Bilik 04–10 kerana soal siasat akan dibuat di sana. SP25 hanya ke Bilik 04–10 pada jam 2 pagi. Yang pergi awal ke bilik tersebut ialah Senabil (SP24). Menurut SP25 sewaktu beliau sampai, semua tertuduh T1 hingga T19 telah ada di Bilik 410 kecuali Akmal Akif (T5).

[79] SP25 melihat Abdoul Hakim (T6), Hafiz Fauzan (T13), Lukhmanul (T14) dan Danial Firdaus (T19) memukul ZF. T19 memukul ZF menggunakan kayu penyapu pada bahagian belakang dan kaki dengan kuat, T6 pula tumbuk pada bahagian badan ZF manakala yang lain memukul menggunakan tangan sahaja.

Soal balas peguambela T11 ke atas SP25 mengesahkan T11 memukul ZF

[80] Soal balas oleh Dato' Azizah peguambela Muhamad Amirul Ashraff (Macho) (T11) telah menguatkan lagi keterangan bahawa T11 ada memukul ZF:

> Peguam: Semasa in-chief awak kata T11 Muhamad Amirul Ashraff — Macho ada sepak si mati, siapa yang tiba pada malam antara jam 3-5 pagi?
>
> SP25: Tak pasti saya masuk Macho dah ada dalam bilik.
>
> Peguam: Keterangan awak Macho (T11) sepak arwah tidak benar.
>
> SP25: Tidak setuju.

SP25 pasti tertuduh-tertuduh yang memukul ZF

[81] Dicadangkan oleh peguambela T1 dan T2 bahawa SP25 mungkin tersalah apabila menyebut nama mereka yang memukul ZF dan bahagian tubuh ZF yang dipukul. SP25 menjawab yang beliau pasti siapa yang pukul, cuma bahagian badan yang dipukul mungkin kurang ingat. Keterangan SP25 tersebut adalah seperti berikut:

> Peguam: Ada kemungkinan mungkin kamu telah tersalah mengenai pasti pelajar-pelajar yang kamu telah sebut sebelum ini?
>
> SP25: Saya pasti siapa orang yang pukul.
>
> Peguam: Bahagian mana mereka pukul mungkin kamu tersilap.
>
> SP25: Bahagian mana mungkin saya tak berapa nak ingat.

[82] Sewaktu disoal semula oleh Puan TPR, SP25 menyatakan T13 dan T14 ada memukul ZF pada malam kedua.

SP24 melihat ZF dipukul oleh T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T15, T16, T17, T18 dan T19 secara bergilir-gilir pada 22hb di Bilik 04–10

[83] Saksi pendakwaan yang tidak kurang pentingnya ialah SP24 — Ahmad Senabil bin Mohamad. SP24 merupakan pelajar UPNM yang tinggal di Bilik 03–06 bersama ZF.

[84] Menurut SP24 pada jam 11.30 malam 21 Mei 2017 beliau telah balik ke biliknya di Bilik 03–06. Sewaktu di dalam bilik, T6 dan T19 telah datang ke biliknya bertanyakan di mana ZF berada. Pada masa itu ZF tidak berada di dalam Bilik 03–06.

[85] SP24 menyatakan dalam keterangannya bahawa soal-siasat ZF dilakukan di Bilik 04–10 (iaitu Bilik T1, T3, T14, SP17 dan Alif Farhan) bermula lebih kurang jam 1 pagi 22 Mei 2017. Sewaktu SP24 sampai di Bilik 4–06 pada jam hampir 12 malam, T6, T19 dan ZF telah ada di Bilik 4–06.

[86] SP24 dapat mengingati siapa yang ada di dalam bilik itu pada masa itu. Mereka adalah Muhammad Asraf, Amirul Asraf, Ahmad Shahwan Berdal, Iznan Izzairi, Hafiz Fauzan, Azamuddin, Najib, Akmal Zuhairi, Adib, Sufi dan beberapa orang lagi.

[87] Keterangan SP24 bahawa T6 dan T19 menumbuk ZF adalah seperti berikut:

> TPR: Cerita semula apa soalan-soalan yang ditanya kepada Zulfarhan?

SP24: Soalan tentang kenapa dia datang baris lambat pada malam laptop hilang. Dia jawab dia lambat sebab tidak memakai pakaian FSMO. Dia cakap dia tidak tahu pasal arahan itu. Lepas itu Abdoul Hakeem (T6) tanya kenapa dia tidak tahu dan dia jawab dia tak tengok mesej Abdoul Hakeem (T6) sampaikan dalam telegram. Disebabkan ZF bercakap putar belit, Abdoul Hakeem (T6) terus menumbuk dia di bahagian perut dua kali

TPR: Apa reaksi ZF?

SP24: Dia terus undur ke belakang dan senyap. Lepas itu T6 bertanya soalan yang sama lagi kepada ZF dan ZF jawab putar belit lagi.

TPR: Apa tindakan Abdoul Hakeem?

SP24: Abdoul Hakeem terus tumbuk dia lagi dan diikuti oleh Danial Firdaus.

TPR: Adakah Danial ada tanya apa-apa soalan kepada Zulfarhan?

SP24: Tiada.

TPR: Berapa kali Danial pukul Zulfarhan?

SP24: Banyak kali.

TPR: Macam mana reaksi Zulfarhan bila kena pukul berkali-kali?

SP24: Dia tak buat apa-apa. Tak lawan balik dan tak menjerit kesakitan.

TPR: Masa itu apa pakaian dia?

SP24: Seluar slack hitam dan tak berbaju.

TPR: Selepas itu apa berlaku?

SP24: Selepas itu Abdoul Hakeem menyuruh dia buka seluar Zulfarhan buka.

TPR: Bila dia buka, apa pakaian yang ada masa itu pada dia?

SP24: Boxer warna putih. Seterusnya Abdoul Hakeem dan Danial Firdaus sambung pukul Zulfarhan sambil bertanyakan soalan.

Tidak lama kemudian ramai-ramai masuk ke dalam bilik itu.

Keterangan SP24 bahawa ramai-ramai memukul ZF

[88] Keterangan SP24 berkenaan siapa kesemuanya dituduh pada kejadian kedua memukul ZF adalah berikut:

TPR: Siapa yang ramai-ramai masuk ke dalam bilik itu?

SP24: Muhammad Ashraff, Amirul Asraff, Shafwan Berdal, Iznan Izzairi, Hafiz Fauzan, Azamuddin, Najib, Akmal Zuhairi, Adib, Sufi dan beberapa orang yang lain.

TPR: Bila ramai-ramai ini masuk, apa yang berlaku?

SP24: Sambil Abdoul Hakeem menanyakan soalan dan Zulfarhan menjawab dalam putar belit, mereka pun memukul Zulfarhan,

TPR: Siapa yang ramai-ramai pukul ZF?

SP24: Semua nama yang saya sebut tadi, 9 nama yang saya sebut mereka pukul ZF yang saya lupa nama mereka hanya duduk dan lihat saya duduk dan lihat saja.

TPR: Awak kata mereka semua pukul Zulfarhan? Yang lain-lain awak tak ingat, apa mereka buat?

SP24: Ya. Yang lain mereka hanya duduk melihat.

TPR: Mereka memukul menggunakan apa?

SP24: Mereka pukul menggunakan tangan dan kaki. Mereka pukul menggunakan tangan dan kaki. Abdoul Hakeem menggunakan hanger, Danial Firdaus tendang dan sepak menggunakan kasut getah dan pukul menggunakan kayu penyodok.

Azamuddin (T2) pukul ZF

[89] Terdapat keterangan oleh SP24 yang menyatakan behawa T2 memukul ZF. Keterangan SP24 adalah seperti berikut:

TPR: Itu dimulai oleh Akmal Zuhairi?

SP24: Ya. Semasa itu Abdoul Hakeem hanya duduk di atas kerusi sambil menanyakan soalan kepada Zulfarhan. Jawapan yang sama dia cakap dia tidak ambil dan selepas itu dia cakap dia ambil dan dia sambung lagi dia tidak ambil. Disebabkan dia cakap macam itu, baru Azamuddin mula pukul dia.

TPR: Pukul dengan apa?

SP24: Pukul dengan tangan.

Afif Najamudin (T4) juga memukul ZF

[90] Keterangan SP24 melibatkan juga T4 memukul ZF pada kejadian 22hb di bawah pertuduhan s 330 KK hanya disebut sewaktu di soal balas oleh peguambela T4 iaitu:

Peguam: Ada nampak Afif Najmudin pukul Zulfarhan?

SP24: Ada.

Peguam: Giliran nombor berapa?

SP24: Tak ingat.

Mohamad Shobirin (T5) tidak memukul ZF

[91] Mahkamah Tinggi ini telah melepas dan membebaskan T5 di akhir kes pendakwaan untuk pertuduhan di bawah s 330 KK kejadian pada 22hb.

Alasannya ialah saksi penting pendakwaan SP24 antaranya dengan jelas menyatakan bahawa T5 tidak memukul ZF pada awal pagi 22hb tersebut. Dilihat pada keterangan semasa disoalbalas oleh peguambela T5 seperti berikut:

> Peguam: Kamu boleh sahkan bahawa Shobirin tidak terlibat dengan soal siasat ke atas Zulfarhan setuju?
>
> SP24: Boleh.
>
> Peguam: Setuju ya dia memang tak terlibat?
>
> SP24: Setuju.
>
> Peguam: Dia juga tidak terlibat dengan perbuatan memukul Zulfarhan?
>
> SP24: Tidak.

[92] Selain itu, didapati juga keterangan saksi pendakwaan yang berada di tempat kejadian semasa kejadian pada 22hb untuk kesalahan memukul ZF, memberi keterangan sama seperti SP24 iaitu SP25 dan SP26 yang mana kedua-duanya juga tidak menyebut bahawa T5 terlibat memukul ZF. Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa pendakwaan gagal membuktikan suatu kes prima facie apabila saksi pendakwaan sendiri menafikan yang T5 terlibat dalam kejadian kedua. Tetapi, menurut saksi pendakwaan, T5 adalah terlibat di dalam kejadian menekap dengan seterika wap ke atas ZF. SP24 tetap mengatakan T5 tidak terlibat pada masa itu walaupun SP24 boleh saja jika mengatakan T5 terlibat. Mahkamah ini mempercayai keterangan SP24.

[93] Justeru, rayuan oleh pihak pendakwaan ke atas perintah lepas dan bebas T5 untuk pertuduhan di bawah s 330 berkenaan kejadian kedua pada 22hb wajar ditolak.

ZF sakit semasa dipukul pada 22hb

[94] Soalan balas oleh peguambela T1 dan T2 ke atas SP24 ada mencadangkan tujuan tertuduh-tertuduh memukul ZF hanya untuk menakut-nakutkan ZF semata-mata bukan untuk mencederakan atau menyakitkan ZF. Namun berdasarkan keterangan SP24, SP24 menyatakan bahawa ZF memang sakit dan jeritannya dahsyat. SP24 menyatakan seperti berikut:

> TPR: Adakah ZF menunjukkan tanda-tanda dia dalam kesakitan?
>
> SP24: Memang sakit.
>
> TPR: Macam mana awak kata dia boleh memang sakit?
>
> SP24: Sebab saya sendiri tengok dia pukul. Zulfarhan hanya diam sahaja.

[95] Sewaktu disoal semula oleh TPR, SP24 menyatakan yang berikut:

TPR: Ini situasi pada pagi 22hb Mei awak tengok kawan awak dipukul, diseterika dan jeritan yang dahsyatkan?

SP24: Betul.

[96] Jelas di dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa ZF telah dipukul oleh tertuduh-tertuduh (T1 hingga T19) dalam dua kejadian berasingan melainkan T3, T6 dan T8 yang tidak terlibat dalam kejadian pertama dan T5 yang tidak terlibat di dalam kejadian kedua.

SP24 adalah saksi yang boleh dipercayai

[97] Saksi ini memberi keterangan pada 28 Jun 2018 yang mana di dalam keterangannya menyatakan bahawa lebih kurang dua minggu sebelum ini beliau telah terserempak dengan ayah Mohamad Najib T3 di KTM Ipoh sewaktu hendak ke Kuala Lumpur. Ayah T3 meminta beliau mengubah statementnya kepada pihak polis namun SP24 enggan mengubahnya dan menyatakan bahawa keterangannya di dalam mahkamah adalah seperti mana di dalam statement kepada polis.

[98] SP24 memberi keterangan bukan untuk mereka-reka cerita tetapi memberitahu kejadian sebenar. mahkamah dapati keterangan SP24 tidak berpihak, yang mana semasa kejadian pada 21hb di Bilik 03–05, beliau tetap mengatakan tidak dapat camkan siapakah enam hingga tujuh orang yang mengelilingi ZF yang sedang duduk di atas lantai pada masa itu. Namun bagi kejadian pada 22 Mei 2017 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi di Bilik 04–10, SP24 memberitahu bahawa beliau melihat ZF si mati dipukul oleh T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T15, T16, T17, T18 dan T19 secara bergilir-gilir.

E. ELEMEN PERLU DIBUKTIKAN KE ATAS TERTUDUH Dl BAWAH S 330 KK UNTUK MEWUJUDKAN SUATU KES PRIMA FACIE.

[99] Elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan berhubung dengan pertuduhan di dalam kes ini di bawah s 330 KK di baca bersama-sama dengan s 34 KK ini adalah seperti berikut:

(a) tertuduh-tertuduh telah mencederakan seseorang;

(b) tertuduh-tertuduh telah mencederakan orang tersebut untuk tujuan pemerasan; dan

(c) tertuduh-tertuduh dengan niat bersama telah melakukan (a) dan (b).

[100] Mahkamah ini menganalisa keterangan saksi-saksi pendakwaan di atas

sebelum ini misalnya keterangan SP18:

> Dia kata dia sakit. Dia nak bagitahu sesuatu dan jangan bagitahu orang lain. Dia bagitahu saya dia kena pukul', 'Waktu kali terakhir saya jumpa dia, tangan dia bengkak. 'Dia kata dia lebam-lebam. Jadi akan rehat'.

[101] Jelas di dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa ZF telah dipukul oleh tertuduh-tertuduh (T1 hingga T19) dalam dua kejadian berasingan melainkan T3, T6 dan T8 yang tidak terlibat dalam kejadian pertama. Manakala T5 yang tidak terlibat di dalam kejadian kedua. Disebabkan itu, bagi T3, T6 dan T8 serta T5 ini, mahkamah memutus untuk melepas dan membebaskan mereka daripada pertuduhan di bawah s 330 KK.

[102] Berhubung dengan kesalahan di bawah s 330 KK ini, mahkamah ini merujuk kepada *Pendakwa Raya v Zulkipply B Taib & Ors and other appeals* [2014] MLJU 381 yang menyatakan seperti berikut:

> [28] On this issue as raised by the appellants, the court has carefully scrutinised the provision of s 330 of the Penal Code. The offence under this section is one of causing hurt in order to obtain information or confession having reference to an offence or misconduct. As is stated in *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* (25th Ed) at p 1693: 'The principal object of this section is to prevent torture by the police. But this section covers every kind of torture for whatever purpose it may be intended'.
>
> [29] The key ingredient of an offence under s 330 is the causing of hurt. The hurt may be caused for various purposes, for extorting a confession or to obtain information, to restore or cause restoration of any property or valuable security or to satisfy any claim or demand. The court is of the considered view that there is no necessity that a confession should indeed have been successfully extorted nor is it material that the person who had caused the hurt was not a person who was legally capable of extorting a confession in the sense that such a confession, even if extorted, would not have been admissible in court. To decide otherwise would be to go against the very spirit and intention of that section, namely to prevent the torture of detained persons by persons in a position of authority. If it can be argued that persons below the rank of Inspector could not commit an offence under s 330 that might well take away the weight of that section against those below that rank who cause hurt whilst attempting to extort a confession or to gain information which may lead to the detection of an offence.

[103] Mahkamah ini, atas penelitian maksima, memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie seperti mana dua pertuduhan di bawah s 330 KK yang dibaca bersama s 34 KK dan memanggil T1, T7, T9, T10, T11 dan T12 membela diri untuk kejadian pada 21hb dan memanggil T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T15, T16, T17, T18 dan T19 membela diri bagi kejadian memukul ZF pada 22hb. Keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan telah berjaya membuktikan bahawa kesemua tertuduh tersebut telah mencederakan ZF untuk tujuan pemerasan

suatu pengakuan mengenai kecurian laptop.

F. ELEMEN PERLU DIBUKTIKAN KE ATAS TERTUDUH Dl BAWAH S 302 KK UNTUK MEWUJUDKAN SUATU KES PRIMA FACIE

[104] Bagi membuktikan suatu kes prima facie ke atas T1 hingga T5 atas pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK dan dibaca dengan s 34 KK, manakala untuk T6 dituduh bersubahat dengan T1 hingga T5 untuk membunuh ZF suatu pembuktian unsur-unsur dibawah s 109 KK yang turut dibaca bersama s 302 KK , perlu dibuktikan elemen-elemen berikut oleh pihak pendakwaan:

(a) bahawa ZF telah meninggal dunia;

(b) bahawa ZF meninggal berakibat dari kecederaan yang dialaminya; dan

(c) kecederaan itu diakibatkan seperti mana keadaan yang dinyatakan di bawah limb (a) hingga (d) s 300 KK dilakukan dengan niat atau pengetahuan oleh tertuduh-tertuduh yang mana pengecualian di dalam peruntukan tidak terpakai. Manakala T6 secara bersubahat menyebabkan ZF ditekap dengan seterika panas oleh lima rakan tertuduhnya.

Elemen Pertama: Bahawa ZF telah meninggal dunia

[105] Identiti si mati telah dicamkan oleh bapa si mati sendiri (SP5) ketika berada di bilik bedah siasat pada 2 Jun 2017 jam 9 pagi sebelum Dr Salmah (SP6) menjalankan bedah siasat. Ini dapat juga dilihat di dalam gambar eksh P9 (1 dan 2). Saksi lain yang dapat camkan ZF melalui gambar P9 ialah SP4 iaitu doktor bertugas di Zon Kritikal Unit Kecemasan Hospital Serdang yang mengesahkan ZF meninggal. Dengan itu tanpa sebarang keraguan mahkamah ini berpuas hati elemen pertama berjaya dibuktikan.

[106] Mahkamah ini merujuk kepada kes *Abdul Aziz bin Mohd Sharif v Public Prosecutor* [2009] 1 MLJ 526 yang mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa pengecaman oleh pegawai penyiasat dan keluarga si mati adalah tanpa sebarang keraguan munasabah dibuktikan jasad tersebut yang dibedah siasat.

Elemen kedua: Bahawa ZF meninggal berakibat daripada kecederaan yang dialaminya

[107] Bedah siasat yang dikendalikan oleh SP6 mendedahkan bahawa si mati mengalami luka sebanyak 90 tekapan seterika pada badannya yang mana 28 daripada luka tersebut adalah pada tahap luka bakar derajat ketiga iaitu yang sangat serius. Manakala 60 luka bakar yang lain adalah pada derajat kedua yang

kurang serius dalam proses penyembuhan dan dua lagi luka bakar adalah pada derajat pertama iaitu hanya kesan parut luka bakar. A

[108] Menurut laporan SP6 juga, luka bakar derajat ketiga pada si mati masih berdarah dan basah. SP6, Dr Salmah, menyatakan bahawa si mati mengalami dehidrasi, kekurangan cecair dalam badan kerana bibir kering dan cecair dalam mata juga terlalu pekat sehingga sehingga tidak dapat dianalisa. Terdapat kesan luka lecur derajat satu, dua dan tiga yang sedang mengalami proses penyembuhan dan kesemua luka ini meliputi hampir 80% kawasan permukaan badan. Namun untuk 28 tempat luka derajat ketiga masih berdarah dan basah berair dan dalam hingga ke bahagian otot (*muscle*) yang menyebabkan dehidrasi seperti mana di jelaskan di atas. B C

[109] Oleh yang demikian, berdasarkan keterangan saksi pakar SP6, Mahkamah Tinggi ini berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen kedua pertuduhan iaitu si mati meninggal akibat daripada kecederaan yang dialaminya. D

Elemen ketiga dan keempat: Bahawa kecederaan yang dialami oleh ZF disebabkan oleh atau hasil dari perbuatan tertuduh-tertuduh ke atas ZF, tertuduh-tertuduh mempunyai niat dan pengetahuan akan limb (a) hingga (d) s 300 KK. E

[110] Keterangan-keterangan saksi dinilai secara maksima dan mahkamah membuat dapatan bahawa T1–T6 adalah orang yang telah menyebabkan kecederaan ke atas si mati dan membawa maut ke atas si mati. Niat dan pengetahuan T1–T6 adalah meliputi kehendak s 300 KK dan tidak termasuk dalam pengecualian di bawah seksyen tersebut. F

ZF ditekap dengan seterika wap pada pagi 22 Mei 2017 jam antara 4.45 pagi hingga 5.45 pagi di Bilik 04–10 G

[111] Pada 22hb selepas kejadian memukul ZF selesai (di bawah pertuduhan s 330 KK), deraan ke atas ZF disambung pula dengan tekapan sterika wap ke atas badannya. Kejadian ini berlaku antara jam antara 4.45 pagi hingga 5.45 pagi di bilik yang sama 04–10. Ini disebut kejadian ketiga yang mana menjadi pertuduhan ke atas T1 hingga T5 di bawah s 302 KK dibaca bersama s 34 KK dan untuk T6 di bawah s 302 KK dibaca dengan s 109 bersubahat dengan T1 hingga T5. H

[112] Saksi yang melihat kejadian ketiga ini adalah SP24 Ahmad Senabil, SP25 Mohd Syafiq Abdullah, SP26 Muhammad Syafiq Muhaimin dan SP27 Muhammad Ilham. Di bawah ini adalah keterangan mereka yang membuktikan T1 hingga T5 ada menekap (cucuh) badan ZF dengan seterika panas manakala T6 memberi arahan supaya mereka ini menekapnya. I

ZF ditekap seterika wap

[113] Menurut SP24 sekitar jam 3.30 pagi pada 22hb tersebut, ramai pelajar di dalam Bilik 04–10 tersebut mulai bersurai yang tinggal hanya SP24, SP25, dan enam tertuduh iaitu T1 hingga T6 sahaja.

[114] SP24 menyatakan jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi di Bilik 04–10, beliau telah menyaksikan T6 memegang sterika wap (eksh P12) dan telah menyuruh T1, T2, T3, T4 dan T5 mencucuh badan ZF iaitu si mati dengan P12. SP24 melihat bagaimana si mati menjerit kesakitan setiap kali dicucuh oleh T1 hingga T5.

T1 hingga T5 yang menekap ZF dengan seterika

[115] Berikut adalah keterangan SP24 ke atas T1 semasa ditanya oleh Puan

TPR: Apa yang berlaku masa awak bersama 7 orang lagi di Bilik 410?

SP24: Akmal Zuhairi sedang memegang iron wap. Iron wap kepunyaan Ilham. Sambil mereka menanyakan soalan Akmal Zuhari memulakan dulu iron pada kaki dan badan ZF.

TPR: Selain daripada Akmal Zuhairi, ada orang lain lagi yang guna iron ke atas Zulfarhan?

SP24: Ada, Afif Najmudin, Shobirin, Azamuddin dan Najib. Hanya lima orang sahaja.

TPR: Azamuddin guna iron di bahagian mana?

SP24: Badan dan kaki, Afif Najmudin juga di badan dan kaki. Shobirin dan Najib di bahagian kaki.

TPR: Ada tak sesiapa yang guna iron di bahagian kemaluan ZF?

SP24: Ada tapi saya tidak ingat.

[116] Selain SP24, SP25 juga menceritakan bagaimana ZF dicucuh seterika panas. Menurut SP25 beliau masuk ke Bilik 04–10 pada jam 2 pagi 22hb dan melihat kejadian ZF dipukul beramai-ramai selepas itu SP25 tertidur di atas katil dan terjaga semula. Sewaktu terjaga semula SP25 mendapati T1 hingga T5 yang seterika ZF manakala T6 tidak lakukan tekap ke atas ZF tetapi memberi arahan supaya menekap.

[117] Keadaan ZF ketika itu terikat di kaki meja dengan menggunakan tali dan tangan diikat ke belakang setiap satu secara berasingan.

[118] mahkamah dapati SP25 adalah saksi yang boleh dipercayai apabila tidak cuba menambah-nambahkan cerita di mana SP25 menyatakan T6 tidak mencucuh seterika ke atas ZF dan hanya mengarahkan sahaja T1 hingga T5 melakukan perbuatan mencucuh. Keterangan SP25 adalah seperti berikut:

TPR: Kejadian pukul berlaku sehingga jam berapa?

SP25: Saya tak pasti dan saya tertidur atas katil. Lepas itu saya terjaga.

TPR: Masa terjaga, apa yang berlaku?

SP25: Saya nampak Zulfarhan kena ikat dekat meja atas lantai. Tangan dia diikat dekat meja.

TPR: Pada kaki meja?

SP25: Ya kaki meja.

TPR: Dia dalam keadaan terbaring atas lantai?

SP25: Ya.

TPR: Baring atas lantai maksudnya melentang atau meniarap?

SP25: Terlentang.

TPR: Boleh cerita apa lagi awak nampak?

SP25: Lepas itu, saya tengok Senabil tengah duduk atas meja dan saya pergi dekat did untuk tanya kenapa jadi macam itu. Senabil tak tahu nak cakap apa dan saya tengok Zulfarhan dah kena iron masa itu.

TPR: Siapa yang kenakan iron dekat Zulfarhan?

SP25: Saya nampak Akmal Zuhairi tengah buat.

TPR: Ada lagi?

SP25: Afif Najmuddin, Najib, Azamuddin dan Shobirin.

TPR: Ada sesiapa lagi masa itu dekat situ?

SP25: Ada Abdoul Hakeem. Tinggal enam orang dalam itu tapi dia tak buat.

TPR: Masa itu dia di mana?

SP25: Dia duduk atas kerusi dan arahkan yang lain. Yang betul-betul saya ingat masa itu, dia ada arahkan Shobirin cucuh iron dekat kaki ZF.

TPR: Awak nampak Shobirin ikut arahan dia?

SP25: Dia buat.

Kaki dan tangan ZF diikat semasa di seterika, kena badan ZF dan dia menjerit kuat dan mengelupur kesakitan

[119] Keterangan SP24 juga mengesahkan seterika wap itu terkena badan ZF dan ianya adalah panas dapat dilihat pada keterangan berikut oleh SP24

seterusnya:

TPR: Bersentuh ke iron itu dengan kaki ZF? Apa reaksi ZF?

SP24: Bersentuh dia meronta. Sepanjang mereka buat guna iron dari pukul 4 hingga subuh, dia ada menjerit.

TPR: Masa itu ZF masih memakai boxer atau bogel?

SP24: Masih memakai boxer.

TPR: Semasa ZF dikenakan dengan iron, kedudukan dia macam mana?

SP24: Duduk tertiarap atas lantai sambil kedua-dua tangan diikat dengan belt taekwondo.

TPR: Tali tersebut diikat dengan mana-mana objek?

SP24: Hanya kaki dengan tangan sahaja. Kaki diikat sama dengan belt taekwondo.

TPR: Selain daripada jeritan, ZF menggelupur dalam keadaan tertiarap?

SP24: Ya.

[120] SP25 menerangkan bahawa setiap kali ditekap oleh kelima-lima tertuduh T1 hingga T5 dengan seterika, ZF menjerit kuat dan badannya berpeluh dan merah-merah:

TPR: Apa reaksi ZF?

SP25: Dia jerit sakit.

TPR: Dia menjerit perlahan ke kuat?

SP25: Jerit kuat. (saksi lakonkan cara jeritan dalam mahkamah).

TPR: Awak kata lima orang telah cucuh Zulfarhan. Yang awak lakon balik tadi semasa Shobirin buat?

SP25: Ya.

TPR: Semasa yang lain-lain cucuh, apa reaksi Zulfarhan?

SP25: Sama juga macam tu, jerit kuat macam tadi.

TPR: Bila dicucuh, ada tak awak nampak apa-apa kesan kecederaan?

SP25: Badan dia berpeluh dan merah-merah.

TPR: Bahagian mana mereka cucuh?

SP25: Yang saya nampak dekat kaki, badan depart dan belakang.

SP25 tidak tahu tahap kepanasan seterika

[121] Sewaktu disoalbalas oleh peguambela T1 dan T2, telah dicadangkan kepada SP25 bahawa tiada kesan pada badan ZF walaupun diseterika. SP25

menjawab beliau tidak pasti tetapi mengesahkan ada kesan merah-merah. SP25 bersetuju bahawa kesan merah tersebut tidak boleh menyebabkan kematian.

[122] SP25 bersetuju apabila disoalbalas lagi bahawa perbuatan tertuduh-tertuduh pada pendapat SP25 tidak akan menyebabkan kematian. SP25 turut bersetuju yang beliau tidak tahu tahap suhu seterika itu. Selanjutnya, SP25 bersetuju bahawa T1 berada di Bilik 04–10 tersebut adalah kerana itu adalah bilik T1. SP25 juga bersetuju yang T1 ada bertanyakan ZF di mana laptopnya berada. Namun, SP25 tidak bersetuju bahawa T1 dan T2 masuk ke Bilik 04–10 selepas SP25 telah berada di bilik tersebut.

Tekapan berterusan sehingga jam 6 pagi baru ikatan ZF pada meja dibuka

[123] Saksi SP24 menyatakan bahawa ZF berterusan ditekap dengan seterika wap apabila setiap kali ditanya dan beliau tidak mengaku mengambil laptop T1. Perbuatan menekap seterika itu berterusan sehingga pada jam 6 pagi, sehinggalah apabila T6 menyuruh diberhentikan tekapan seterika dan dibukakan ikatan. T1 yang membuka ikatan pada ZF dan mencuci bilik. Kemudian ZF bergerak ke tepi loker dengan keadaan terbaring di atas lantai. T6 telah tugaskan T1 untuk mengawal ZF. Selepas itu SP24 balik ke biliknya. Menurut SP24 beliau tidak pernah lagi berjumpa dengan arwah ZF selepas itu sehingga diberitahu pada 1 Jun ZF meninggal. SP24 tidak berjumpa ZF kerana mengetahui arwah sentiasa di kawal oleh T1 dan rakan-rakan yang lain.

[124] Keterangan SP24 konsisten dengan SP25 bahawa ZF ditekap sehingga subuh. Menurut SP25 kelima-lima tertuduh berhenti menekap ZF dengan seterika setelah azan subuh. Keterangan SP25 adalah:

> TPR: Perbuatan cucuh dengan seterika berlaku sehingga jam berapa?
>
> SP25: Sampai subuh.
>
> TPR: Apa yang menyebabkan mereka berhenti?
>
> SP25: Tak tahu. Bila dengar azan mereka berhenti buat.

SP25 pasti siapa yang seterika ZF

[125] Peguambela T1 dan T2 mencadangkan semasa menyoal balas SP25 bahawa SP25 tidak dapat ingat siapa yang seterika ZF dan bahagian mana badan tertuduh berkenaan seterika. SP25 menjawab bahawa beliau pasti siapa yang seterika ZF cuma bahagian badan yang tertuduh tersebut seterika beliau tak pasti.

[126] Sewaktu disoal balas oleh peguambela T3 juga, SP25 mengakui yang T3 tidak kelihatanpada awal beliau ke Bilik 04–10 pada jam 2, namun selepas SP25 sedar dari tidur beliau melihat T3 sudah ada di dalam Bilik 04–10 dan sedang memegang seterika dan menekap ZF tetapi SP25 tidak pasti jam berapa pada masa itu. SP25 tidak nampak T6 menahan T3 pada mula-mula masuk pintu Bilik 04–10.

[127] SP25 bersetuju dengan cadangan peguambela T3 bahawa seterika tersebut diberi oleh seseorang kepada T3 dan orang itu arahkan T3 menekap ZF. Walaupun tidak disebut atau dicadang oleh peguambela mahu pun SP25 sendiri menyebut siapa yang memberikan seterika kepada T3 supaya ditekap ke atas ZF, namun sewaktu pemeriksaan semula oleh TPR, SP25 mengakui orang yang memberikan seterika kepada T3 ialah T1. Keterangan SP25 adalah seperti berikut:

> TPR: Pada bilangan 25 nama Muhammad Najib bin Mohd Razi T3. Siapa yang beri seterika kepada Najib?
>
> SP25: Akmal Zuhairi.

[128] Melalui soal balas, SP25 mengesahkan T3 telah mencucuh ZF. Peguambela T3 selanjutnya mencadangkan T6 menahan T3 masuk ke katilnya dan bertanya dari mana T3 datang.

> Peguam: Saya mengatakan masa dia masuk bilik, Abdoul Hakeen tanya beliau kau ke mana sebab Hakeem ketua Kompeni?
>
> SP25: Saya nampak dia sebab dia dah ada dalam bilik. Saya tak nampak dia masuk dalam bilik.
>
> Peguam: ZF adalah merupakan ahli study group Najib?
>
> SP25: Saya tak pasti.
>
> Peguam: Bila kamu lihat Najib pegang iron. Iron demikian telah diberikan oleh seorang kepada Najib. Betul?
>
> SP25: Ya.
>
> Peguam: Orang yang memberikan iron kepada Najib mengarahkan Najib untuk cucuh?
>
> SP25: Ya.
>
> Peguam: Najib bila hendak cucuh, ZF telah jerit kesakitan.
>
> SP25: Ya.

[129] SP25 seterusnya mengesahkan T3 menetap seterika panas ke atas ZF dengan jawapan dari soalan peguam T3 berikut:

Peguam: Sama ada sentuh ZF atau masa hendak cucuh, ZF telah menjerit dengan kuat kamu tidak tahu?

SP25: Saya nampak dia jerit.

Peguam: Sama ada iron itu sentuh atau baru nak sentuh, kamu tak pasti.

SP25: Tak sentuh dah jerit, dah sentuh lagi dia jerit.

Peguam: Kamu tak pasti sama ada sentuh atau tak sentuh? SP25: Sentuh.

[130] Peguambela melalui soalan kepada SP25, mengakui T3 ada menekap seterika ke atas ZF sekali atas arahan T1. Ini dapat dilihat pada keterangan SP25 seperti berikut:

Peguam: Selepas sentuh sekali, Najib minta kebenaran Abdoul Hakeem beliau hendak tidur?

SP25: Ya.

Peguam: Abdoul Hakeem membenarkan Najib tidur?

SP25: Ya.

Peguam: Jadi untuk meringkaskan, kali pertama tidak ada. Kali kedua Najib tidak ada sebabkan berada dengan Aliff Farhan. Kali ketiga Najib sentuh sekali Zulfarhan dan terus melepaskan iron serta minta kebenaran Abdoul Hakeem untuk tidur.

SP25: Ya.

Soal balas SP25 oleh peguam T4 — Mengesahkan melihat T1 hingga T5 ada tekap ZF secara bergilir-gilir

[131] SP25 mengesahkan bahawa ZF diseterika bergilir-gilir. Pelajar yang ada di dalambilik bersama SP25 ialah Senabil (SP24) dan enam tertuduh T1 hingga T6. SP25 dan SP24 keluar dari bilik jam 6 pagi bersama-sama. Sewaktu itu yang tinggal di dalam bilik T1, T2 dan T6 bersama ZF dan T4, T3 dan T5 telah meninggalkan bilik atau tidur di Bilik 04–10.

[132] SP25 mengakui melihat siapa yang seterika ZF di bahagian badan, kaki dan belakang tetapi giliran antara enam tertuduh itu SP25 tidak dapat nyatakan siapa yang lakukan mengikut turutan.

Peguambela T5 akui T5 ada tekap sekali ZF

[133] Soal balas peguambela T5 mengesahkan T5 ada dipanggil supaya mencucuh (menekap) ZF sebelum azan subuh. T5 ada menekap Bilik 04–10.

[134] SP25 bersetuju dengan cadangan peguambela T5 bahawa sebelum T5 keluar dari Bilik 04–10, T5 diarah untuk menekap ZF dan selepas itu T5 keluar manakala SP25 masih di dalam bilik itu.

Penglibatan T6

[135] Keterangan SP24 menyatakan bahawa hanya T1 hingga T5 sahaja bergilir-gilir menekap seterika ke badan ZF, manakala T6 hanya mengarahkan kerana T6 ketua 'intake'. T6 dan T1 akan menanyakan soalan kepada ZF dan sekiranya jawapan ZF itu mereka tidak berpuas hati T6 akan arahkan T1 hingga T5 menekap sterika pada badan ZF secara bergilir-gilir hingga jam 6 pagi. Kenyataan yang diberikan oleh SP24 adalah seperti berikut:

TPR: Selain daripada soal dan pukul ZF semasa seterika digunakan Abdoul Hakeem buat apa?

SP24: Dia hanya duduk di atas kerusi untuk bertanyakan soalan kepada ZF sebab dia ketua intake saya.

TPR: Ada dia larang rakan-rakan yang guna seterika?

SP24: Tidak.

TPR: Ada dia cakap apa-apa masa seterika digunakan?

SP24: Semasa mereka gunakan iron wap disebabkan ZF cakap putar belit, dia menyuruh untuk cucuh kepada ZF.

TPR: Dia suruh siapa?

SP24: Kepada siapa yang pegang seterika wap pada masa itu.

TPR: Adakah dia bagitahu bahagian mana yang perlu dicucuh?

SP24: Tak.

TPR: Bagaimana keadaan ZF setelah dicucuh dengan seterika wap?

SP24: Saya tidak Nampak apa-apa kesan pada masa itu.

SP25 disoal balas oleh peguambela T6 dan sahkan T6 tidak tekap ZF

[136] SP25 bertegas bahawa T6 yang telah mengarahkan T1 hingga T5 untuk menggunakan seterika ke atas ZF. Peguambela T6 cadangkan jika benar SP25 melihat ZF ditumbuk dan diseterika, sudah tentu SP25 akan melaporkan kepada jurulatih dan pengawal 24 jam di UPNM. Oleh itu peguam cadangkan bahawa tidak berlaku kejadian tersebut dan disebabkan itu, tiada sebarang laporan dibuat oleh T6 kepada pihak atasan UPNM. SP25 tidak bersetuju dengan cadangan tersebut.

[137] Sewaktu TPR menyoal semula SP25, beliau akui bahawa T6 tidak menggunakan seterika ke atas ZF tetapi berperanan lebih kepada mengarah. Keterangan SP25 berkenaan perkara ini adalah seperti berikut:

> TPR: Nombor 5 dalam senarai Abdoul Hakeem Ali T6. Mengikut keterangan awak dia tidak memegang seterika?
>
> SP25: Ya.
>
> Peguam: Semasa seterika digunakan, apa peranan dia?
>
> SP25: Dia lebih mengarah.
>
> Peguam: Kenapa lima orang lagi atau yang diarahkan tersebut mengikut saja kata-kata dia?
>
> SP25: Sebab Abdoul Hakeem kami punya 'in charge' masa itu.

Keterangan oleh SP27: Tuan punya seterika wap (P12)

[138] SP27 adalah juga pelajar UPNM yang tinggal di Bilik 4–07, beliau adalah tuan punya sterika wap yang digunakan untuk menekap ZF. Menurut SP27 seterika tersebut sememangnya beliau letak di Bilik 04–10 disebabkan SP27 sering berada di bilik tersebut. SP27 adalah antara rakan baik ZF. Mereka balik ke Johor Baharu bersama-sama dengan bas. SP27 pernah ke rumah ZF dan kenal keluarga ZF.

[139] Menurut SP27, ZF adalah sangat lasak dan 'fit' dalam sukan setiap hari berlari 10km, berenang, berbasikal di dalam Kelab Sukan Lasak. ZF menurut SP27 sangat baik dan raj in serta suka menolong orang. SP27 pernah ke rumah ZF dan mengenali keluarga ZF.

[140] SP27 pada 22 Mei 2017 jam 4.30 pagi telah ke Bilik 04–10 untuk mengambil bajunya untuk kegunaan hari itu. Apabila sampai di Bilik 04–10 pintu bilik tertutup dan SP27 membukanya dan perasan T3 sedang berdiri dan memegang seterika wap milik SP27. Manakala orang-orang lain beliau tidak perasan siapa yang berada di dalam bilik tersebut walau pun ramai sebab SP27 masuk dan terus ke almari loker dan mengambil bajunya dan terus keluar.

G. KETERANGAN SELEPAS KEJADIAN DITEKAP SETERIKA

[141] Berberapa saksi pendakwaan telah memberi keterangan yang menunjukkan keadaan badan dan kesihatan ZF yang sangat serius selepas kejadian ditekap dengan seterika. Saksi-saksi ini terdiri daripada rakan-rakan ZF yang simpati dengan ZF.

[142] Manakala tertuduh-tertuduh pula berada bersama-sama dengan ZF sepanjang masa dan bilik ZF berada adalah berkunci. Pengawasan ZF adalah

untuk mengelak daripada diketahui oleh pihak berotoriti UPNM seperti jurulatih mereka atau pelajar-pelajar melaporkannya. tertuduh-tertuduh dan ZF sendiri takut dibuang sebagai pelajar UPNM atau dikenakan hukuman medan. Di bawah adalah keterangan saksi-saksi SP25, SP27 dan SP23 berhubung keterangan selepas kejadian ZF ditekap dengan seterika.

ZF masih tidak mengaku mencuri laptop T1

[143] Menurut SP25 sewaktu azan subuh berkumandang pada 22 Mei 2017, yang masih berada di dalam Bilik 04–10 tersebut bersama ZF ialah T1 dan T2 manakala T4, T3 dan T5 telah meninggalkan bilik atau tidur di Bilik 04–10. ZF berada di atas lantai dan bangun ke bilik air. Manakala SP25 dan SP24 bersama-sama keluar dari Bilik 04–10 ke bilik mereka untuk baris pagi.

[144] Menurut SP25 lagi selepas pembarisan pagi selesai, beliau ada ke Bilik 04–10 untuk melihat keadaan ZF. Beliau melihat yang ZF sedang baring di atas katil dalam keadaan berselimut tetapi SP25 tidak menyelak selimut itu dan bila ditanya oleh SP25 akan kehilangan laptop T1, ZF masih bertegas yang beliau tidak mengambil laptop T1. Keterangan SP24 adalah seperti berikut:

> Peguam: Macam mana keadaan dia atas katil?
>
> SP25: Dia berselimut, saya tak selak selimut itu.
>
> Peguam: Dia beritahu apa masa itu pada awak?
>
> SP25: Saya tanya dia okay tak dan dia cakap dia okay. Dia cakap jangan bagitahu sesiapa. Arwah Zulfarhan cakap dekat saya sendiri.
>
> Peguam: Kenapa dia cakap macam itu?
>
> SP25: Saya tak tahu. Saya ada tanya dia lagi sekali. Betul ke dia ada ambil, kalau ambil bagitahu je. Dia kata dia memang tak ambil.

[145] SP25 turut menyatakan beliau tahu ZF sedang di kawal oleh tertuduh-tertuduh di Bilik 04–10 untuk sembuhkan ZF. SP25 tidak lagi datang ke Bilik 04–10 melihat ZF sebab pintu bilik sentiasa berkunci untuk mengelak dari orang lain masuk.

ZF berjalan perlahan seperti kurang sihat

[146] Manakala menurut SP27 beliau adalah rakan yang balik bersama ke Johor Baharu setiap cuti. Pada kali terakhir selepas kejadian SP27 hanya berjumpa ZF sebelum balik ke Johor Baharu tanpa ZF. Arwah ada berpesan kepada beliau agar jangan beritahu ibu bapanya yang dia cuti. ZF pada masa itu berada di Bilik 4–06 memakai baju batik lengan panjang dan tidak nampak kecederaannya. Pergerakan ZF nampak perlahan dan seperti kurang sihat.

Badan ZF bergelembung, tompok hitam dan berdarah

[147] SP23 iaitu Muhammad Aiman Aufa, pelajar UPNM menginap di Bilik 4–06 Blok Jebat, menyatakan beliau telah ke Bilik 04–10 pada jam 6 petang 22 Mei 2017 di mana ZF berada dan SP23 mengambarkan keadaan badan ZF dilihatnya dalam keadaan mengelembung, tompok kehitaman di kulit dan sedikit darah di kulitnya di seluruh badan termasuk tangan dan kaki. Sewaktu itu dari pusat ke lutut.

[148] Menurut SP23, turut ada semasa itu di Bilik 04–10 ialah T1, T2, T3, T14 dan Alif Farhan. Mereka sedang bercakap-cakap hendak merawat ZF secara sendiri dan tidak mahu bawa ZF ke hospital sebab takut jika diketahui oleh jurulatih, pelaku dan mangsa (ZF) akan dibuang kadet dan akan dikenakan hukuman medan. Mahkamah ini meneliti keterangan tertuduh-tertuduh yang enggan membawa ZF mendapat rawatan di hospital dari awal kejadian sebagai punca kematian ZF apabila diteliti pula keterangan bedah siasat oleh Dr Samah SP6.

SP23 membuat surat layang

[149] SP23 mengetahui yang ZF telah dipukul pada jam 2 pagi iaitu pada 21 dan 22hb atas sebab disyaki mencuri laptop T1 yang hilang. SP23 menyatakan perasaannya sangat sedih dan ingin membuat laporan. Akhirnya SP23 menulis surat layang (P17) bersama T8 (Muhammad Akmal Akif) merayu ZF diselamatkan.

[150] Menurut SP23, setelah melihat keadaan ZF, SP23 telah keluar dari Bilik 04–10 ke bilik di 4–06 dan beliau ada berbincang dengan Akmal Akif (T8) untuk membuat laporan (mahkamah ini telah melepas dan membebaskan T8 di akhir kes pendakwaan). Keterangan SP23:

> TPR: Laporan apa yang awak ingin buat?
>
> SP23: Pada mulanya kami ingin membuat laporan secara berhadapan dengan jurulatih tetapi takut identiti akan dibocorkan. Jadi kami memutuskan idea daripada Akmal Akif untuk membuat surat layang.

[151] Menurut SP23 beliau bersama T8 ada membuat surat layang (eksh P17) tersebut pada malam 22hb itu dengan T8 memerhatikan keselamatan bilik jika ada sesiapa masuk di bilik itu. Pada keesokannya iaitu pada 23 Mei 2017 jam antara 7.30–8 pagi, SP23 telah selitkan surat layang P17 di atas palang pintu pagar masuk ke Rumah Sakit Angkatan Tentera (RESAT).

[152] Surat layang P17 yang ditulis oleh SP23 atas kertas A4 diperturunkan dibawah:



SURAT LAYANG [P17]

Pembantu Perubatan UPNM menjumpai surat layang P17

[153] Saksi pendakwaan SP14 iaitu Sarjan Mohamad Tarmizi bin Saad adalah bertugas di Rumah Sakit RESAT telah terjumpa surat layang P17 yang diletakkan oleh SP23 atas palang pintu pagar masuk ke RESAT sewaktu datang bertugas pada waktu pagi 23 Mei 2017. P17 dibaca oleh SP14 dan beliau telah tunjukkan kepada pegawai perubatan bertugas di situ iaitu Mejar Dr Hanizah dan arahkan agar diberitahu kepada pegawai bertugas.

[154] SP14 telah membuat makluman ini dengan memasukkan ke dalam 'Whatsapp Group' jurulatih dengan mengambil gambar surat layang P17 itu. Pada jam 8.30 pagi hari yang sama jurulatih Kapten Haryani (SP15) telah datang ke RESAT dan mengambil surat layang (P17) tersebut daripada SP14.

Surat layang 'dikantoi' oleh SP15 — Jurulatih Kapten Hairani tidak membuat 'ambush' tetapi hanya bertanya di dalam 'whatsapp' siapa sakit di Bilik 04–10

[155] Menurut SP23 selepas meletakkan surat P17 di pintu pagar Hospital RESAT lebih kurang jam 10 pagi (23hb) semasa SP23 bersama Akmal Akif (T8) berada di biliknya No 4–06 pada jam lebih kurang 10 pagi, pintu biliknya diketuk oleh T1 di mana T1 dan seorang lagi (SP23 lupa) membawa ZF dari Bilik 04–10 untuk ditumpangkan di bilik SP23 4–06. T1 terus bawa masuk ZF ke biliknya dengan menggunakan kerusi yang mempunyai roda dan keadaan kesihatan ZF terpaksa dipapah oleh T1 apabila hendak bangun dari kerusi beroda ke katil T8 (mahkamah ambil maklum akan serius kesihatan

ZF). Menurut SP23 lagi, belum pun sempat mereka bersetuju atau tidak, T1 telah membawa masuk ZF ke biliknya bersama ubat ZF.

[156] Menurut SP23 sewaktu T1 membawa ZF ke Bilik 4–06, T1 memberitahu SP23 bahawa jurulatih hendak periksa Bilik 04–10 sebab telah 'kantoi' (diketahui) melalui surat layang yang tular oleh jurulatih Kapten Haryani (SP15) di dalam 'Group Whatsapp' atau 'telegram' bahawa Bilik 04–10 akan dibuat pemeriksaan dan bertanyakan Muhamad Ikmal Zukefly (SP16) mengenai siapa yang sakit di Bilik 04–10. SP16 telah memberitahu Muhammad Izzul Akhtar (SP17) dan SP17 memaklumkan 'group' Bilik 04–10 yang mana T1 ada di dalam group itu.

[157] Dari keterangan SP16 iaitu Muhamad Ikmal, beliau walaupun tinggal di Bilik 3–08 Blok Jebat tetapi beliau mempunyai jawatan sebagai Ajutan dalam Batalion Jebat yang menyimpan butir-butir peribadi pelajar Batalion Jebat. Oleh itu, jurulatih Kapten Haryani (SP15) telah menghubungi beliau jam 8.30 pagi, pada 23 Mei 2017 untuk bertanyakan siapa penghuni Bilik 04–10 dan sama ada terdapat masalah Bilik 04–10 tersebut.

[158] SP16 pada jam 8.50 pagi memberitahu Kapten Haryani nama penghuni Bilik 04–10 dan memberitahu tidak pasti apa masalah Bilik 04–10 tersebut. Kapten Haryani memberitahu SP16 agar memaklumkan yang beliau hendak berjumpa penghuni Bilik 04–10 pada jam 9.30 pagi. Lantas SP16 memberitahu SP17 Muhammad Izzul Akhtar berkenaan pesanan Kapten Haryani tersebut.

[159] Berdasarkan keterangan Muhammad Izzul Akhtar (SP17), beliau ada menerima 'screen shot' daripada SP16 mengenai perbualan whatsapp Ikmal dengan Kapten Haryani yang bertanyakan mengenai siapa penghuni Bilik 04–10 yang sakit.

[160] Bilik 04–10 dihuni oleh Izzul (SP17) bersama Alif Farhan, Akmal Zuhairi (T1), Mohd Lukmanul Hakim (T14) dan Mohammad Najib (T3). SP17 telah menghantar 'screen shot' kepada ahli group Bilik 04–10. SP17 walaupun mengetahui keadaan ZF namun membohongi Kpt Haryani menjawab bahawa tiada penghuni Bilik 04–10 yang sakit atas alasan ZF bukan ahli biliknya walaupun sedang sakit di Bilik 04–10.

[161] Keterangan SP17 bahawa beliau tidur di masjid UPNM setiap malam semasa dan selepas kejadian 21hb dan 22hb kerana takut mendengar pelajar biliknya menjerit-jerit. SP17 sebelum dihubungi oleh SP16 pada pagi 22hb, ada melihat ZF tidur di atas lantai di Bilik 04–10 dalam keadaan berselimut. Tidak pernah sebelum ini SP17 melihat ZF berkeadaan begitu.

[162] Menurut SP17, Kapten Haryani (SP15) memaklumkan akan berjumpa penghuni Bilik 04–10 selepas solat zohor namun telah ditangguhkan ke sebelah petang dan akhirnya perjumpaan dibatalkan disebabkan Kapten Haryani tiada di sekitar kampus dan hal ini diberitahu oleh jurulatih yang lain.

Kapt Haryani (SP15) sendiri mengakui apabila terima surat layang P17 beliau tidak 'ambush' Bilik 04–10 hanya bertanya wakil pelajar

[163] SP15 ialah Kapten Haryani bt Hasan dan beliau merupakan jurulatih untuk Batalion dan Asrama Tuah di mana asrama tertuduh-tertuduh, saksi-saksi rakan ZF dan ZF menginap. Menurut SP15 beliau telah datang mengambil surat layang pada pagi 23hb apabila dimaklumkan oleh SP14 Sarjan Mohamad Tarmizi. SP15 telah masukkan di dalam whatsapp group 'jurulatih' dan bertanyakan Ikmal (SP16) mengenai siapa ahli Bilik 04–10 yang sakit.

[164] Sepertimana keterangan oleh SP23 bahawa beliau di dalam surat layangnya menulis agar Bilik 04–10 'pergi ambush', namun SP15 seorang askar bertauliah berpangkat kapten hanya bertanyakan melalui 'whatsapp' sahaja. Begitu juga dengan penggiraan kekuatan 'roll call' sebanyak tiga kali sehari masih tidak dapat mengesan ZF yang tidak hadir walaupun itu adalah tugas jurulatih.

ZF di kawal ketat 24 jam oleh tertuduh-tertuduh selepas kejadian

[165] Keterangan saksi-saksi yang memberi keterangan menunjukkan ZF dikawal oleh tertuduh-tertuduh bukan untuk menjaga kebajikannya tetapi mengawal agar tidak diketahui akan betapa teruknya kecederaan ZF. Sekiranya untuk kebajikan ZF sudah tentu rakan-rakan yang lain boleh turut membantu ZF namun hanya tertuduh-tertuduh yang mengawal kerana takut diketahui pihak UPNM. Berikut adalah keterangan berkenaan tempat di mana tertuduh-tertuduh dilihat mengawal ZF:

(a) SP24 (di ms 441) '... Abdoul Hakeem menyuruh Hairi untuk menjaga ZF dan saya terus balik ke bilik';

(b) SP24 (di ms 442) 'Saya tahu yang ZF sedang dijaga oleh Akmal Zuhairi dan beberapa orang rakan yang lain'; dan

(c) SP18 (di ms 328) 'Kali terakhir saya jumpa dia dalam UPNM. Dekat depan Blok Tuah. Selepas magrib, ada beberapa orang rakan yang lain ... Azmuddin, Afif Najmudin. Yang itu sahaja saya ingat ... waktu itu nak cuti sebelum puasa 26 Mei'.

[166] Dari keterangan saksi-saksi pendakwaan ini, pihak yang mengawal ZF selepas kejadian didera dengan seterika wap adalah di kalangan tertuduh-tertuduh sama ada tertuduh yang dituduh dengan pertuduhan membunuh s 302 atau pertuduhan s 330 KK memukul ZF.

[167] Pada masa ZF di Bilik 4–06 selama enam hari dari 23 hingga 30 Mei 2017 beliau dikawal oleh T2 dan T16. SP23 dan T8 tidak menjaga ZF pada tarikh tersebut kerana SP23 balik bercuti di kampung.

Keterangan saksi-saksi pendakwaan mengesahkan ZF sakit teruk selepas didera

[168] Terdapat beberapa tempat ZF berada selepas beliau diseterika pada subuh 22hb sehingga 1 Jun apabila beliau nazak di Apartment De Centrum Residence Bangi dan meninggal. Berikut adalah keterangan keadaan seriusnya kesakitan ZF menurut kronologi saksi-saksi pendakwaan bukannya seperti yang disoalbalas:

(a) menurut keterangan SP23: 'Keadaan badan bergelembung, tompok kehitaman di kulit dan sedikit darah. 'Seluruh tubuh. tangan, kaki dan badan'. Di tutup dengan kain pelikat pada bahagian pusat ke lutut';

(b) berdasarkan P17 surat layang '... Dalam tu terdapat pesakit yang perlukan rawatan segera';

(c) keterangan selanjutnya oleh SP23 mengenai ZF: 'Diletakkan atas kerusi beroda dan ditolak masuk oleh Akmal Zuhairi', 'Di papah dan diletakkan di atas katil oleh Akmal Zuhairi';

(d) selanjutnya, keterangan SP23: 'Dia cakap kalau nak sapu ubat tunggu dia tidur', 'Sebab dia sakit kalau sapu waktu dia sedar';

(e) keterangan SP24: 'Pada pukul 6 pagi, ZF terikat di bahagian meja dan dicucuh lagi'. 'Bergilir-gilir cucuh dan sebab ZF tidak mengaku, Abdoul Hakeem suruh berhenti menggunakan iron dan buka ikatan. Selepas itu, Akmal Zuhairi membuka ikatan dan mencuci bilik. ZF bergerak ke tepi loker dengan keadaan terbaring atas lantai. Abdoul Hakeem menyuruh Hairi untuk menjaga ZF dan saya terus balik ke bilik'; dan

(f) keterangan SP18: 'Dia kata dia sakit. Dia nak bagitahu sesuatu dan jangan bagitahu orang lain. Dia bagitahu saya dia kena pukul', 'Waktu kali terakhir saya jumpa dia, tangan dia bengkak. 'Dia kata dia lebam-lebam. Jadi akan rehat'.

Dua kali ke klinik swasta As-Salam Bangi sebelum nazak dan disahkan meninggal di unit kecemasan, Hospital Serdang

[169] ZF telah dibawa untuk rawatan ke sebuah klinik swasta benama Klinik As-Salam sebanyak dua kali iaitu pada 27 Mei 2017 dan kali kedua pada 31 Mei 2017. Kedua-dua rawatan ke atas ZF dirawat oleh doktor yang sama iaitu Dr Azfar bin Hussin (SP7).

Rawatan pertama pada 27 Mei 2017

[170] Menurut keterangan SP8 iaitu pembantu di Klinik As-Salam bernama Nur Fitrah Mohd Fauzi beliau berjumpa dengan ZF pada 27 Mei 2017 yang datang bersama-sama yang lain seramai lima orang iaitu T1, T2, T4, T6 dan ZF. Kesemuanya juga dapat dicamkan oleh SP7 iaitu Dr Azfar sewaktu memberi keterangan di dalam mahkamah.

[171] Pada mulanya Dr Rosmaliza merawat ZF dan selepas itu Dr Azfar datang merawat ZF yang mengalami kesan lecur dan kebakaran. Dr Azfar yang membuat cucian dan dressing di bahagian tangan, kaki dan badan pesakit.

[172] Tertuduh-tertuduh yang datang bersama ZF telah mengiringi ZF sehingga di dalam bilik rawatan. ZF dan rakan-rakannya (yang merupakan tertuduh-tertuduh) memberitahu Dr Azfar bahawa mereka dari Kem Tentera Port Dickson dan semasa dalam latihan, ZF telah mengalami kecederaan sewaktu wap air meletup.

[173] Dr Azfar (SP7) telah menasihatkan ZF dan rakan-rakannya agar ke Hospital Serdang disebabkan Klinik As-Salam tersebut adalah klinik biasa. Namun rakan-rakan ZF meminta agar dibuat cucian dan dressing. Menurut SP7, ZF sendiri memberitahu bahawa mereka mendapat rawatan di klinik swasta di Port Dickson dan di As-Salam disebabkan untuk menjaga reputasi mereka sebagai kedet tentera.

[174] SP7 menawarkan kepada ZF untuk memaklumkan kepada keluarganya yang berada di Johor, namun ZF sendiri melarang doktor menelefonnya atas alasan emaknya sedang sakit.

[175] SP7 selanjutnya ada menyediakan 'referral letter' dan memberikannya kepada SP8 untuk diberikan kepada pesakit bersama ubat nanti dan pesakit diarahkan ke Hospital Serdang terus. Namun rakan pesakit enggan menggunakan khidmat ambulan atas alasan mereka akan ke hospital dengan kereta memandangkan pesakit masih boleh berjalan.

Keterangan SP7 mengenai kecederaan ZF pemeriksaan kali pertama dan kali kedua

[176] Keadaan ZF sewaktu dirawat oleh SP8 yang merupakan Jururawat di

Klinik As-Salam adalah stabil di mana tekanan darah dan jantungnya iaitu 118/78 tekanan darah, '100 beat per minute', oksigen 100% dan suhu 36.5°C.

[177] Menurut keterangan SP7, keadaan kesihatan dan kecederaan ZF semasa dirawat adalah seperti berikut:

> Selepas beberapa ketika dressing dibuat saya tinggalkan pesakit untuk membuat surat rujukan (P13) dan ketika itu Vital Sign di ambil semula oleh nurse aid dan saya rekodkan di dalam medical report. Vital sign adalah untuk tekanan darah 118/78 degupan jantung adalah 100 beat per minute, oksigen 100%, suhu 36.5, Berdasarkan kepada vital sign semua bacaan ini menunjukkan bacaan yang stabil untuk tekanan darah, pulse rate dan juga suhu ...
>
> Pesakit agak malu, jadi kain itu kami hanya angkat dari bawah sahaja dan baru kami buat dressing, saya tidak membalut di bahagian peha saya cuci sahaja dan pesakit tidak mahu tunjuk sangat bahagian scrotum tetapi memang saya nampak bahagian scrotum ada burn. Pada hari tersebut saya melihat keseluruhan badan beliau kecuali kemaluan. Pemeriksaan secara menyeluruh di mana saya membuka baju dan kain serentak tiada, kami melihat secara berperingkat kecuali di bahagian punggung dan gentalia scrotum. Bila melibatkan second dan third degree burn, sudah pasti ianya adalah keadaan yang teruk.

[178] Ubat yang diberikan oleh SP7 adalah antibiotik augmentin untuk lima hari, Voltaren untuk lima hari dan Maxolon 10mg untuk tiga hari. SP7 juga memberikan injection di bahagian punggung pesakit dan tinggalkan pesakit beberapa ketika untuk memastikan ubat tahan sakit tersebut bertindak memberi kesan kepada pesakit. Seterusnya selepas membiarkan pesakit seketika, SP7 telah membuat dressing bemula dari bahagian badan, betis dan tangan. Bahagian peha pula hanya dibuat cucian sedikit dan meletakkan *ointment mebo* tanpa dibalut.

[179] Seterusnya, pada 31 Mei 2017, ZF telah dibawa sekali lagi ke Klinik As-Salam bersama dua tertuduh iaitu T1 dan T2. SP7 diberitahu oleh pembantunya SP8 bahawa ZF tidak ke hospital seperti diarahkan oleh SP7 walaupun telah dibekalkan dengan surat rujukan (eksh P13) bersama ubatan semasa rawatan pertama.

[180] ZF dan dua tertuduh tersebut meminta SP7 membuat dressing dan akan ke hospital nanti seperti mana yang SP7 arahkan. Semasa rawatan dressing di bahagian punggung dan perut ZF telah muntah beberapa kali. Menurut SP7 pulse rate ZF agak tinggi. ZF dalam keadaan yang sama dengan mana bahagian *third degree burn* di perut dan punggung masih basah dan dalam keadaan dihidrasi. SP7 masih tidak menelefon ambulan untuk mengambil ZF ke hospital atas alasan mempercayai pengakuan ZF untuk ke hospital selepas mendapat rawatan kali kedua ini.

[181] SP7 menjelaskan lagi yang beliau ada mengeluarkan surat rujukan untuk kali pertama (eksh P13) dan kali kedua (eksh P14) dan ini disokong oleh pembantunya SP8 dan SP9 selain dari ubat-ubatan. Mahkamah ini mendapati SP7 adalah seorang saksi yang boleh dipercayai hanya SP7 sepatutnya menelefon ambulan agar mengambil ZF dari kliniknya sekurang-kurang pada lawatan kedua pada 31hb tersebut.

[182] Kedua-dua rawatan telah dikenakan caj sebanyak RM434 dan RM485.50 masing-masing. Rawatan kali kedua ini berakhir sebelum jam 3 petang dan surat dan ubatan diserahkan kepada rakan ZF oleh pembantu perubatan di Klinik As-Salam, SP10.

[183] SP7 sewaktu disoal-balas oleh peguambela T1 dan T2 menyatakan bahawa orang awam yang tidak mempunyai latar belakang perubatan akan mengatakan secara pandangan kasar ianya amat dahsyat luka di tubuh ZF. Luka ini bukan biasa malah amat serius. Mahkamah ini mendapati bahawa peguam T1 dan T2 bertujuan untuk cuba menunjukkan orang awam tidak menyangka luka ZF adalah serius. Namun mahkamah meneliti surat layang yang dibuat sehari selepas hari kejadian iaitu pada 23hb telah mengambarkan betapa tenatnya kecederaan ZF itu apabila SP23 dan T8 menulis pada P17 '... KALAU ADA HATI PERASAAN, ADA SI FAT PERIKEMANUSIAAN, SAYA MINTAK SANGAT2 PERGI AMBUSH BILIK 04–10 BLOK SATRIA [DEPAN MASJID] DALAM TU ADA PESAKIT YANG SANGAT2 PERLUKAN RAWATAN SEGERA' 'SEGERA'.

[184] Soal balas oleh peguambela T1 dan T2 lebih kepada hendak memberi keyakinan bahawa SP7 tidak mempunyai pengetahuan sebenar kecederaan terjadi ke atas ZF. Walhal pihak pendakwaan melalui saksi-saksi mata di tempat kejadian telah melihat bila dan bagaimana ZF didera dengan seterika wap panas oleh tertuduh-tertuduh T1 hingga T5 atas arahan T6.

[185] Mahkamah ini masih berpendapat bahawa jika terdapat *intervention* oleh pihak SP7 dari Klinik As-Salam Bangi, ianya masih boleh menyelamatkan nyawa ZF. Kebiasaannya pihak hospital atau klinik swasta akan terus menelefon pihak polis sekiranya mengesyaki pesakit didera atau adanya ada unsur-unsur jenayah *medico legal* dan tidak membabi buta mempercayai bahawa si mati terlibat dengan letupan dalam latihan sehingga terkena ke semua bahagian tubuh termasuk zakar dan *testice/scrotum* si mati tetapi tidak muka. SP7 sempat merawat ZF sebanyak dua kali dan memberi temujanji yang ketiga namun ZF meninggal sehari sebelum temujanji ketiga.

[186] Walau bagaimanapun ianya tidak melepaskan perbuatan janayah tertuduh-tertuduh yang menyebabkan kecederaan ke atas ZF. tertuduh-tertuduh mengetahui punca kecederaan ZF dan mengawal ZF secara

ketat dan 24 jam bersama ZF dari mula-mula diseterika sehingga menerima rawatan dua kali di Klinik As-Salam Bangi. ZF juga dibawa ke pangsapuri De Centrum Bangi dan koma di sana, dan meninggal.

ZF semakin tenat selepas rawatan kali kedua

[187] Justifikasi SP7 tidak menelefon ambulan sewaktu ZF dibawa ke Klinik As-Salam adalah tidak dapat memperbetulkan sikap tidak bertanggungjawab beliau sebagai doktor perubatan apabila ZF mengalami nazak dan meninggal pada keesokanya iaitu pada 1 Jun 2017.

[188] Setelah ZF selesai rawatan kali kedua di Klinik As-Salam, T1 telah membawa ZF pada waktu tengah malam ke unit sewaan SP11 dan SP12 yang merupakan pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Mereka ini adalah kenalan sekolah T1.

[189] Menurut SP11 dan SP12 mereka tinggal di unit Apartment De Centrum Bangi bersama tiga lagi rakan UNITEN. Mereka sebelum ini tidak mengenali T2 dan ZF dan hanya kenal dengan T1 sahaja. Menurut SP11, beliau sampai di unit sewaannya di De Centrum pada awal pagi 1 Jun 2017 antara jam 12.30 pagi hingga 1 pagi dan dilihat T1 bersama ZF dan T2 telah berada di unit sewaannya. Walaupun SP11 tidak menyukai T1 menumpang di unit sewaannya tetapi T1 telah menelefon SP12 iaitu Azim Shah yang merupakan rakan sebilik SP11. Apabila SP12 menelefon semula T1 dan diberitahu oleh T1 bahawa mereka bertiga telah berada di lobi De Centrum, T1 telah meminta SP12 menjemputnya naik.

[190] Menurut SP12, T1 rakannya itu datang bersama ZF yang kelihatan sakit berada atas kerusi roda dan ditolak oleh T2 yang hanya SP12 kenali pada malam itu. Menurut SP11 dan SP12 mereka tidak bercakap dengan ZF sepanjang berada di biliknya. SP11 dan SP12 ada menolong memberikan air apabila ZF memintanya dan menurut mereka ZF sentiasa berbaring dan tidak berpuasa.

[191] Pada petang 1 Jun 2017 jam lebih kurang 5 petang, T1 ada meminta tolong SP11 untuk membeli *ORS Water* dan 'bandage' di Kedai Farmasi di Bandar Baru Bangi. SP11 berbuka puasa bersama T1 dan T2 di unit sewaan De Centrum. ZF makan bubur nasi dan dilihat berselera. Selepas berbuka ZF meminta ubat dari T2. Selepas itu ZF meminta T2 agar baringkan dirinya untuk berehat. mahkamah ini sekali lagi diberitahu oleh saksi pendakwaan iaitu SP11 dan SP12 tentang keadaan ZF yang tenat.

ZF tiba-tiba kaku, tidak sedarkan diri dan meninggal dunia

[192] Menurut SP11 lagi, selepas solat maghrib sewaktu beliau berada di dalam biliknya dan sedang menuggu untuk solat tarawih, tiba-tiba T2 memanggil SP11 dan memberitahunya bahawa ZF telah kaku dan tidak sedarkan diri dan meminta SP11 lakukan CPR ke atas ZF tetapi SP11 tidak tahu caranya. T2 kemudiannya telah menelefon ambulan.

[193] T1 meminta SP11 tunggu ketibaan ambulan di ruang bawah untuk dapatkan akses ke unit sewaan mereka. Setibanya ambulan pada jam 8.40 malam, SP3 iaitu penolong pegawai perubatan dari Hospital Serdang melihat yang ZF telah tidak sedarkan diri dan tiada mempunyai tanda masih bernyawa/hidup serta tiada denyutan nadi. SP3 telah melakukan CPR ke atas ZF. Selepas itu SP3 membawa ZF dengan ambulan ke Hospital Serdang dan sepanjang perjalanan CPR dilakukan ke atas ZF sebanyak lima pusingan atau 600 kali. Turut serta di dalam ambulan ialah T1 dan T2.

ZF disahkan meninggal di unit kecemasan pada 1 Jun 2017 jam 9.25 malam

[194] Pada jam 9.11 malam, ZF telah dibawa dengan ambulan ke Unit Kecemasan di Hospital Serdang dan cuba diselamatkan oleh Dr Muhammad Faiq Nabil bin Ramlee SP4 di Unit Kecemasan Hospital dengan cara CPR dan memberi ubat adrenaline sebanyak tiga kali bagi membantu jantung mengepam darah namun tetap gagal.

[195] Sewaktu cuba menyelamatkan nyawa ZF, SP4 mengesahkan yang T1 dan T2 ada berdekatan. Pada 9.25 malam ZF telah disahkan meninggal dunia. Selepas itu SP4 membuka balutan pada jasad ZF dan dibersihkan kesan luka terbakar dan dibalut dan dihantar ke bahagian forensik untuk bedah siasat.

[196] Peguambela T1 dan T2 semasa soal balas bertanyakan saksi SP4 akan balutan yang diterima oleh ZF di Klinik As-Salam sehari sebelum ZF meninggal. Peguambela cadangkan juga badan ZF yang dihidrasi adalah akibat dari kekurangan air kerana berpuasa dan menyebabkan kegagalan buah pinggang.

[197] Mahkamah ini meneliti soal balas oleh peguambela T1 dan T2 yang seolah-olah menutup mata akan kecederaan ZF yang teruk akibat ditekap dengan seterika wap sehingga 90 kali. Peguambela meletakkan dihidrasi kekurangan air di dalam tubuh kerana ZF berpuasa dan kurang minum air tanpa mengambil kira kecederaan ZF seteruk itu, dan masih dikatakan akibat ZF berpuasa.

[198] Peguambela juga mencadangkan kepada SP4 tindakan T1 dan T2 memanggil ambulan adalah sikap bertanggungjawab mereka ke atas ZF. Daripada pemerhatian mahkamah terhadap keterangan SP3 yang merupakan

pembantu hospital, keadaan ZF adalah telah tidak mempunyai nadi dan nafas sewaktu di bawa ke hospital. Oleh itu tahap bertanggungjawab T1 dan T2 adalah setelah ZF tidak bernyawa dan kaku barulah dipanggil bantuan ambulan. Pada masa ZF masih hidup, T1 dan T2 tidak ada rasa bertanggungjawab dan belas kasihan untuk menghantar ZF ke hospital. Selain itu, adakah T1 dan T2 bertanggungjawab apabila mencederakan si mati dan mengawal ZF daripada diketahui akan nasib kesengsaraanya sebelum menemui ajal dengan cara amat tragis.

H. BEDAH SIASAT OLEH SP6 DR SALMAH KE ATAS MAYAT ZF

[199] Dr Salmah bt Arshad SP6 adalah seorang pakar perubatan forensik yang diiktiraf dan digazet semenjak tahun 2016. Beliau memperolehi kepakaran dari Academy of Forensic Medical Sciences di London. Beliau juga mendapat kelulusan DMJ (Pathogy) pada tahun 2015. Beliau mula bertugas di Jabatan Perubatan Forensik Hospital Serdang sejak tahun 2008 lagi dan telah mengendalikan kes mati mengejut dan lebih dari 800 kes bedah siasat sejak tahun 2008.

[200] SP6 juga menjalani kursus dan latihan di dalam dan di luar jabatan. SP6 turut memberi ceramah kepada peserta kursus asas forensik Disaster Victim Identification (DV1) di Ops Lahad Datu, Sabah pada tahun 2013 dan Ops Gangga di Gunung Beruas, Perak pada tahun 2015. Selain itu, SP6 pernah memberi keterangan di mahkamah di dalam kes-kes bedah siasat (lihat keterangan bertulis (WSSP6) berkenaan SP6 di perenggan 3 hingga 8). Mahkamah ini berpuas hati dengan kepakaran dan pengalaman SP6 di dalam bidang bedah siasat mayat ke atas ZF.

Dari hal bedah siasat jasad si mati ZF pada 2 Jun 2017

[201] Dr Salmah telah menjalankan bedah siasat ke atas jasad ZF pada pada 2 Jun 2017 pada jam 9 pagi di Bilik Mayat Hospital Serdang dan telah menyediakan Laporan Bedah Siasat (eksh P11). Bapa ZF bernama Zulkarnain bin Idros (SP5) telah mengecam mayat ZF dan permohonan bedah siasat dibuat oleh Pegawai Penyiasat kes iaitu ASP Wan Azirul Nizam (SP29).

Terdapat 90 kesan luka lecur akibat tekapan seterika wap panas

[202] Di akhir Laporan Bedah Siasat (eksh P11), dinyatakan bahawa sebab kematian adalah luka bakar (*severe burn*). Dari pemeriksaan bedah siasat oleh SP6 ini, kecederaan utama si mati ini adalah kesan luka lecur sebanyak 90 tempat di tubuh si mati akibat daripada tekapan seterika wap. Daripada 90 kesan lecur ini SP6 telah membahagikan kepada tiga derajat (tahap) lecur pada ZF iaitu derajat ketiga paling serius masih berdarah dan berair, derajat kedua dalam proses sembuh dan derajat ketiga telah kering dan berkuping:

(a) yang utama iaitu derajat ketiga yang paling serius dan parah (*severe*) di 29 tempat;

(b) derajat kedua (*moderate*) adalah paling banyak iaitu di 59 tempat; dan

(c) derajat satu di dua tempat.

29 tempat luka lecur derajat ketiga

[203] 29 tempat luka lecur derajat ketiga yang mana bahagian tengah luka menampakkan otot (muscle) yang masih basah dengan cecair dan berdarah. Berikut mengikut perenggan-perenggan di dalam laporan bedah siasat P11 yang berkaitan:

(a) tengah dada bawah, berukuran 18sm x 10sm:

(1/29) Beberapa luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung, bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada tengah dada bawah, berukuran 18sm X 10sm yang mengalami kesan penyembuhan pada sekeliling tepi luka, manakala bahagian tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair badan yang keluar bercampur darah.

(b) luka besar pada abdomen kiri berukuran 14.5sm x 6.9sm:

(2/29) Beberapa luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung, bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada abdomen kiri, berukuran 14.5sm X 6.9sm yang mengalami kesan penyembuhan pada sekeliling tepi luka, manakala bahagian tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair badan yang keluar bercampur darah.

(c) bahagian bawah pusat:

(3/29) Luka lecur derajat 3 melintang di bahagian bawah pusat yang telah mengalami kesan penyembuhan pada sekeliling luka, manakala bahagian tengah masih basah.

(d) sisi kanan abdomen berukuran 8.7sm x 2.7sm:

(4/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk binlik-btk dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung di bahagian sisi kanan abdomen berukuran 8.7sm x 2.7sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(e) satu luka besar pada sisi rusuk kiri 12.5sm x 12sm:

(5/29) Beberapa luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung, bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi rusuk kiri, berukuran 12.5sm X 12sm yang mengalami kesan penyembuhan pada sekeliling tepi luka, manakala bahagian tengah luka

menampakkan otot dan basah dengan cecair badan yang keluar bercampur darah.

(f) lengan kiri atas depan berukuran 8.5sm x 9sm:

(6/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada lengan kiri atas depan berukuran 8.5sm x 9sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping basah dengan cecair dan darah.

(g) luka besar pada lengan kiri bawah depan berukuran 8sm x 6sm:

(7/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada lengan kiri bawah depan berukuran 8sm x 6sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(h) lengan kiri atas belakang berukuran 5.7sm x 4sm:

(8/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikil melengkung lengan kiri atas belakang berukuran 5.7sm X 4sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(i) luka besar di lengan kanan dan siku belakang ukuran 22sm x 10sm:

(9/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada lengan kanan dan siku belakang berukuran 22sm x 10sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(j) luka besar pada peha kiri depan berukuran 34.5sm x 16sm:

(10/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada peha kiri depan berukuran 34.5sm x 16sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(k) luka besar pada sisi peha kiri berukuran 18.7sm x 11sm:

(11/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi peha kiri berukuran 18.7sm x 11sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka mankala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(l) luka besar pada betis kiri depan berukuran 22sm x 13sm:

(12/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kiri depan berukuran 22sm x 13sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(m) luka besar pada sisi betis kiri bawah berukuran 18.5sm x 14sm:

(13/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan besar pada sisi betis kiri bawah berukuran 18.5sm x 14sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping basah dengan cecair dan darah.

(n) otot basah di peha kanan dalam berukuran 25sm x 15sm:

(14/29) Luka lecur derajat 3 pada peha kanan dalam berukuran 25sm x 15sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(o) otot basah di pangkal peha kanan dalam berukuran 9.5sm x 5.1sm:

(15/29) Luka lecur derajat 3 pada pangkal peha kanan dalam berukuran 9.5sm x 5.1sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(p) luka besar pada sisi betis kanan atas berukuran 16.5sm x 10sm:

(16/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi betis kanan atas berukuran 16.5sm x 10sm yang lelah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping basah dengan cecair dan darah.

(q) betis kanan dalam atas berukuran 7.5sm x 9.5sm:

(17/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kanan dalam atas berukuran 7.5sm x 9.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(r) luka besar pada betis kanan dalam bawah berukuran 6.5sm x 6.7sm:

(18/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan besar pada betis kanan dalam bawah berukuran 6.5sm x 6.7sm yang lelah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(s) atas kaki kanan berukuran 6.2sm x 3.6sm:

(19/29) Luka lecur derajat 3 pada atas kaki kanan berukuran 6.2sm x 3.6sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada

keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(t) luka besar tengah belakang badan:

(20/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada tengah-tengah belakang badan berukuran 20sm x 18.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(u) luka nampak otot pangkal leher belakang:

(21/29) Luka lecur derajat 3 pada pangkal leher kanan belakang berukuran 8.2sm x 4.7sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(v) luka besar punggung kanan:

(22/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan besar pada punggung kanan berukuran 14.5sm x 10dm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(23/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada punggung kiri berukuran 13.2 x 12.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(w) luka besar peha kanan belakang:

(24/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada peha kanan belakang berukuran 27.1sm x 18sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(x) luka besar betis kanan belakang:

(25/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kanan belakang berukuran 18.6sm x 16sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(y) luka besar betis kanan:

(26/29) Luka lecur derajat 3 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kanan dalam berukuran 25sm x 4.2sm yang telah mengalami

kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(z) luka belakang peha kiri:

(27/29) Luka lecur derajat 3 pada belakang peha kiri atas berukuran 12sm x 15sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(aa) luka belakang peha kiri:

(28/29) Luka lecur derajat 3 pada belakang peha kiri bawah berukuran 8sm x 3.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

(ab) luka belakang betis kiri:

(29/29) Luka lecur derajat 3 pada belakang betis kiri tengah berukuran 9sm x 9.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

59 tempat luka lecur derajat kedua

[204] Manakala luka lecur derajat kedua di 59 tempat adalah seperti berikut mengikut perenggan-perenggan di dalam laporan bedah siasat P11:

(a) luka di atas bahu kanan:

(1/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada atas bahu kanan berukuran 7.5sm x 4.3sm.

(b) luka di atas pusat:

(2/59) Luka lecur derajat 2 melintang di bahagian atas pusat yang telah kering berkeruping berukuran 12.1dm x 4sm.

(c) luka di kiri pusat:

(3/59) Luka lecur derajat 2 menegak berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung yang bercantum di bahagian kiri pusat berukuran 9.1sm x 5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(d) luka bahagian kanan pusat:

(4/59) Luka lecur derajat 2 menegak berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung di bahagian kanan pusat berukuran 9.1sm x 5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(e) luka di kanan abdomen:

(5/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung di bahagian kanan abdomen berukuran 10.7sm x 4sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(f) luka di kiri dada:

(6/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung di bahagian kiri dada berukuran 6.5sm X 4sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(g) luka di sisi kiri abdomen:

(7/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung di bahagian sisi kiri abdomen berukuran 6.1sm x 3.7sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(h) luka di lengan kiri bawah depan:

(8/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada lengan kiri bawah depan berhampiran pergelangan tangan berukuran 8sm x 8.3sm yang lelah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(i) luka di lengan kiri bawah belakang:

(9/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk btk-binlik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada lengan kiri bawah belakang berukuran 11dm x 5s m yang lelah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(j) luka lengan kiri bawah belakang hampr pergelangan tangan:

(10/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada lengan kiri bawah belakang berhampiran pergelangan tangan berukuran 5sm x 3sm yang lelah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(k) luka di pangkal lengan kiri depan:

(11/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada pangkal lengan kiri depan berukuran 11sm x 5.2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(l) luka di lengan kiri atas depan:

(12/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk btk-binlik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada lengan kiri atas depan berukuran 7.5sm x 3.9sm yang lelah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(m) luka lecur di siku kiri:

(13/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan

2 barisan sedikit melengkung pada siku kiri berukuran 2.5sm x 1.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(n) luka lecur bahu kanan belakang:

(14/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada bahu kanan belakang berukuran 6.4sm x 5.3sm yang lelah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(o) luka lecur lengan kanan atas belakang:

(15/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada lengan kanan atas belakang berukuran 14.9sm x 3.2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(p) luka lecur di lengan kanan bawah belakang:

(16/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada lengan kanan bawah belakang berukuran 7sm x 3sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(q) luka lecur di lengan kanan bawah depan:

(17/59) Luka lecur derajat 2 pada lengan kanan bawah depan berukuran 2.5sm x 5.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

(r) luka lecur di lengan kanan bawah depan:

(18/59) Luka lecur derajat 2 pada lengan kanan bawah depan berukuran 1sm x 4.7sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

(s) luka lecur di zakar:

btk kecil berukuran 0.5sm x 0.5sm setiap satu yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(t) luka lecur pangkal peha kiri depan:

(20/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikil melengkung pada pangkal peha kiri depan berukuran 12sm x 2.7sm yang lelah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(u) luka lecur di pangkal peha kiri depan:

(21/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikil melengkung pada pangkal peha kiri depan di alas luka No32 berukuran 8sm x 3.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(v) luka lecur di sisi peha kiri:

(22/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan

2 barisan sedikit melengkung pada sisi peha kiri di alas luka No 34 berukuran 6sm x 3.2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(w) luka lecur di lutut kiri:

(23/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada lutut kiri berukuran 7sm x 3.2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(x) luka lecur di peha kiri:

(24/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada sisi peha kiri di bawah luka No 34 berukuran 9.2sm x 4.6sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(y) luka lecur di peha kiri bawah depan:

(25/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk btk-binlik dalam susunan 2 barisan sedikil melengkung pada peha kiri bawah depan di bawah luka No 32 berukuran 7sm x 5.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(z) luka lecur besar sisi betis kiri:

(26/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi betis kiri atas berukuran 13.5sm x 6sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(aa) luka lecur di betis kiri depan:

(27/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada betis kiri depan di atas luka No39 berukuran 12.5sm x 5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ab) luka lecur di buku lali kiri:

(28/59) Luka lecur derajat 2 pada buku lali kiri dalam berukuran 7.8sm x 4.2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

(ac) luka lecur di pangkal ibu jari kaki kiri:

(29/60) Luka lecur derajat 2 pada pangkal ibu jari kaki kiri dalam berukuran 5.7sm x 5.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

(ad) luka lecur di sisi kaki kiri:

(30/59) Luka lecur derajat 2 pada sisi kaki kiri dalam berukuran 9.7sm x 3.7sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

(ae) luka lecur pada sisi peha kanan:

(31/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada sisi peha kanan berukuran 6.4sm x 3.7sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(af) luka lecur di sisi peha kanan:

(32/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada sisi peha kanan disebelah luka No48 berukuran 5sm x 2.8sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ag) luka lecur di sisi peha kanan bawah:

(33/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada sisi peha kanan bawah berukuran 9.6sm x 3.6sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ah) luka lecur di sisi betis kanan bawah:

(34/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada sisi betis kanan bawah berukuran 12sm x 5.2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ai) luka lecur bahu kiri belakang:

(35/59) Luka lecur derajat 2 pada bahu kiri belakang berukuran 5.2sm x 4.8sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

(aj) luka lecur di belakang bahu kiri:

(36/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada belakang bahu kiri berukuran 8sm x 8.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ak) luka lecur sisi tulang belikat kiri:

(37/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada sisi tulang belikat kiri berukuran 12sm x 2.6sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(al) luka lecur di sisi tulang belikat kiri bawah:

(38/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada sisi tulang belikat kiri di bawah luka No 58 berukuran 6sm x 2.9sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(am) luka lecur pada belikat kiri:

(39/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada belikat kiri berukuran 7.4sm x 3.1sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(an) luka lecur di tengah belakang badan:

(40/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada tengah belakang badan di bawah luka No61 berukuran 8.2sm x 3.1dm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ao) luka lecur di tengah belakang badan:

(41/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada tengah belakang badan di bawah luka No 61 dan di kanan luka No 62 berukuran 9sm x 3sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ap) luka lecur di tengan belakang badan sebelah kanan:

(42/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada tengah belakang badan di sebelah kanan luka No 63 berukuran 5sm x 2.8sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(aq) luka lecur di tengah belakang paras pinggang:

(43/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada tengah belakang paras pinggang berukukran 6.6sm x 2.2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ar) luka lecur di belakang paras pinggang kanan:

(44/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada belakang paras pinggang di sebelah kanan luka No65 berukuran 5.3sm x 2.3sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(as) luka lecur di pinggang kanan belakang:

(45/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada sisi pinggang kanan belakang berukuran 5.6sm x 1.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(at) luka lecur di belikat kanan:

(46/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada belikat kanan berukuran 7.8sm X 2.9sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(au) luka lecur di belakang badan kanan:

(47/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan luka No61 berukuran 11.5sm x 2.3sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(av) luka lecur di belakang badan kanan atas luka para 68:

(48/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada belakang badan kanan di alas luka No68 berukuran 6.6sm x 1.9sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(aw) luka lecur di belakang bahu kanan:

(49/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada belakang bahu kanan berukuran 6.6sm x 9.9sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ax) luka lecur di belakang ketiak kanan:

(50/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada belakang ketiak kanan berukuran 5.9sm x 3.3sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ay) luka lecur atas luka bertindih di pungguh kiri:

(51/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung di atas luka No75 berukuran 9.3sm X 3sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(az) luka lecur di pangkal peha kanan belakang:

(52/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada pangkal peha kanan belakang berukuran 9.2sm x 3.2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(ba) luka lecur di pangkal peha kanan belakang:

(53/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada pangkal peha kanan belakang di sebelah luka No 77 berukuran 9.2sm x 2sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(bb) luka lecur di peha kanan belakang:

(54/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada peha kanan belakang dalam berukuran 6.2sm x 3.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(bc) luka lecur di peha kanan belakang bawah:

(55/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada peha kanan belakang bawah berukuran 9.6sm x 2.8sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(bd) luka lecur di sisi punggung kiri:

(56/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2

barisan sedikit melengkung pada sisi punggung kiri berukuran 5sm X 4sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(be) leka lecur bertindih di luka belakang peha kiri:

(57/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar menyeliputi luka No85 dan No86 berukuran 28sm x 15sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(bf) luka lecur di belakang betis kiri atas:

(58/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung pada belakang betis kiri atas berukuran 8.5sm x 4sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

(bg) luka lecur bertindih di bawah luka di belakang betis kiri:

(59/59) Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung di bawah luka No88 berukuran 8.5sm X 5.5sm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

Dua tempat luka lecur derajat pertama

[205] Luka lecur derajat pertama di dua tempat adalah berikut mengikut perenggan-perenggan di dalam laporan bedah siasat P11:

(a) luka lecur belakang tangan kanan:

(1/2) Luka lecur derajat 1 yang telah kering dan berkeruping pada belakang lengan kanan berukuran 7.9sm x 4sm.

(b) luka lecur di lengan kanan bawah:

Luka lecur derajat 1 yang lelah kering dan berkeruping pada lengan kanan bawah depan berukuran 14.1dm x 7.5sm.

ZF mengalami luka lecur (severe burn) selain dari kecederaan dipukul

[206] Kecederaan luka lecur (*severe burn*) adalah sebab kematian yang menjurus kepada pertuduhan kejadian ditekap dengan seterika melibatkan enam tertuduh T1 hingga T6 di bawah s 302 KK pada 22 Mei 2017 antara jam 4.45 pagi hingga 5.45 pagi.

[207] Manakala kesan lebam dan luka di bahagian dahi adalah disebabkan pukulan tumbukan dan tendangan dan mengunaan kayu bersesuaian dengan pertuduhan di bawah s 330 KK ke atas T1 hingga T19.

SP6 — Dr Salmah pakar bedah melihat seterika wap (P12) bersetuju ianya punca kecederaan tekapan pada ZF

[208] Sembilan puluh (90) kesan lecur ini menurut SP6 bercorak bintik-bintik bersesuai dengan permukaan lubang wap seterika (eksh P12) yang ditunjukkan di dalam mahkamah kepada SP6. Nota Keterangan (NT) di ms 55 menyatakan seperti berikut:

> Daripada kesan tersebut ianya seperti disebabkan oleh steam iron yang dipegang dengan menegak.

[209] Menurut SP6 mengenai kesan dihidrasi di mana bibir dan lidah kering serta buah pinggang mengalami *acute tubular necrosis* atau kerosakan ginjal diakibatkan oleh antara faktornya adalah seperti kes-kes lecur atau kerosakan pada mana-mana organ dalam badan atau pun apabila badan menerima toksin. Kesan dehidrasi ini juga dapat dilihat dari keterangan SP6 apabila beliau menyatakan di ms 61 dan 62 nota keterangan yang berikut:

> TPR : Dr mengatakan bahawa analisa tidak dapat dijalankan kerana cecair mata terlalu pekat, apa yang menyebabkan cecair mata terlalu pekat?
>
> SP6: Antara sebab utama adalah dehidrasi ataupun kekurangan air di dalam badan.
>
> TPR : Di para 27, doctor ada menyebutkan bahawa kompilasi luka lecur adalah hypovolemic shock kekurangan cecair di dalam badan. Boleh doctor jelaskan mahkamah bagaimana hypovolemic shock ini boleh berlaku?
>
> SP6: Dalam kes ini hypovolemic shock boleh berlaku kerana; satu bila salur darah mengembang peredaran darah menjadi perlahan dan pori-pori salur darah membesar membenarkan air ataupun air merupakan volume paling besar di dalam darah, jadi air keluar dari salur darah menyebabkan volume darah dalam salur darah itu mengecil jadi volume itu tidak cukup untuk disalurkan ke keseluruhan badan terutama sekali otak yang menyebabkan kekurangan oksigen atau pun yang ini diberi nama hypovolemic shock.

[210] Menurut SP6 lagi, punca berat jantung si mati melebihi 166g dari jantung normal yang hanya 300g adalah kerana:

> Di ms 59 NT:
>
> SP6: Dalam kes ini jantung menjadi berat kerana dia telah berkerja keras untuk mengepam darah yang sedikit volumenya ke otak. Jadi dia bekerja keras mengepam setiap hari sehingga sel-selnya membesar untuk menampung pergerakan itu.

Kesan lebam dan luka calar

[211] Menurut SP6 di ms 13 laporan bedah siasat si mati, terdapat kederaan lebam pada kelopak mata kiri dan calar yang telah mengalami penyembuhan pada kening kiri. Terdapat juga kesan dalam pada lebam pada tengah kulit kepala dan kiri kanan temporal. Namun, tiada pendarahan dalaman. Kecederaan kesan lebam dan luka calar lecur adalah menjurus kepada pertuduhan kejadian dipukul melibatkan 19 tertuduh T1 hingga T19 di

bawah s 330 KK pada 21hb jam 2.30 pagi hingga 5.30 pagi dan 22hb jam 1.30 pagi hingga 4:30 pagi.

[212] Selanjutnya, terdapat kesan lebam di bawah kulit kepala pada bahagian temporal kanan, kiri dan tengah kepala. Namun, tulang tengkorak tidak patah dan tiada pendarahan pada selaput otak. Keterangaan SP6 di dalam pernyataan bertulis beliau (WSSP6) menyatakan seperti berikut:

> (17) Pemeriksaan dalaman menunjukkan pendarahan di bawah kulit kepala pada bahagian temporal kanan, kiri dan tengah kepala tulang tengkorak tidak patah, Pendarahan ini boleh diakibatkan oleh objek tumpul. Tiada pendarahan pada selaput otak dan kelihatan baik. Tiada sebarang kecederaan di bahgian leher.

[213] Terdapat juga kesan patah yang baru pada tulang rusuk si mati No 8 dan 9 dimana SP6 percaya ianya adalah akibat dari rawatan CPR semasa Jabatan Kecemasan cuba menyelamatkan si mati sewaktu sampai di unit tersebut. Tiada perdarahan pada selaput otak dan otak kelihatan baik. Tiada sebarang kecederaan kecederaan di bahagian leher.

[214] Bahagian abdomen pula menunjukkan rongga perut mengandungi cecair. Hati, limpa dan ginjal sesak dan sembab. Analisa untuk elektrolit dalam tubuh tidak dapat dijalankan kerana cecair mata terlalu pekat. Analisa tisu histologi mendapati paru-paru sembab dan terdapat beberapa kawasan kecil yang menunjukkan kesan keradangan akibat jangkitan paru-paru. Tisu ginjal menunjukkan kesan 'acute tubular necrosis' atau kerosakan pada sel ginjal.

Kesimpulan dari bedah siasat oleh SP6

[215] SP6 membuat kesimpulan bahawa berdasarkan bedah siasat yang di jalankan ke atas jasad ZF, si mati mengalami dehidrasi kekurangan cecair dalam badan kerana bibir kering dan cecair dalam mata juga terlalu pekat sehingga tidak dapat dianalisa. Terdapat kesan luka lecur derajat satu, dua dan tiga yang sedang mengalami proses penyembuhan dan kesemua luka ini meliputi hampir 80% kawasan permukaan badan. Namun untuk 28 tempat luka derajat ketiga masih berdarah dan basah berair dan dalam hingga ke bahagian otot (*muscle*) yang menyebabkan dehidrasi.

[216] Menurut SP6 lagi, luka lecur ini menyebabkan pengeluaran beberapa bahan kimia ke saluran badan yang menyebabkan salur darah tiris dan menyebabkan cecair di dalam salur darah keluar melalui luka dari sepanjang salur darah ke tisu. Ini meyebabkan kekurangan volume darah untuk dipam ke seluruh tubuh terutama sekali otak. Ini juga menyebabkan jantung akan mengepam lebih kuat untuk darah sampai ke otak. Otot jantung menjadi besar (*hypertrophy*) secara physiologi dan ini disahkan melalui ujian tisu jantung mikroskopik.

Kehilangan air melalui pengeluaran cecair (dehydration) akibat luka lecur merosakkan buah pinggang ZF

[217] Kesan daripada hilangnya cecair dalam badan akibat luka lecur tanpa mendapat rawatan pakar ini membawa kepada tubuh ZF di bahagian ginjal (*kidney*) menjadi merosot, dan begitu juga organ-organ dalaman yang lain. Analisa secara mikroskopi menunjukkan kerosakan pada sel. Ini juga menyebabkan salur penafasan dalam paru-paru menjadi sempit, air dari kapilari darah tiris ke dalam paru-paru dan membuatkan paru-paru menjadi sembab dan sesak dan mengakibatkan buah pinggang rosak.

[218] SP6 juga menjelaskan mengenai kesan dari lecur yang dialami oleh ZF menyebabkan buah pinggang dan jatung berhenti dan gagal berfungsi dan akhirnya menyebabkan kematian. SP6 bersandarkan juga pada jurnal perubatan atas luka lecur 50% yang akan menyebabkan kematian walaupun sekiranya rawatan diberikan akibat dari hypovolemic shock iaitu kekurangan air, jangkitan kuman, organ utama rosak dan ketidak seimbangan electrolit.

Dapatan mahkamah daripada keterangan SP6 dan saksi-saksi lain ke atas kecederaan ZF adalah serius

[219] Mahkamah Tinggi ini telah meneliti keterangan bagaimana dahsyatnya luka lecur pada seluruh badan ZF iaitu akibat 90 tekapan seterika wap yang meliputi keluasan 80% tubuh ZF. Dapatan ini disokong oleh empat orang saksi yang mempunyai kelulusan perubatan dan seorang pakar bedah siasat. Mereka adalah SP7 iaitu Dr Azfar dari Klinik As-Salam, SP3 (pembantu perubatan) yang datang bersama ambulan SP4 Dr Muhammad Faiq Nabil iaitu Dr yang memberi rawatan kecemasan dan mengesahkan kematian ZF dan SP6 iaitu Dr Salmah, pakar bedah siasat. Kesemua saksi ini memberi gambaran tahap kesihatan dan luka yang teruk dialami oleh ZF.

[220] Hanya soalan balas peguambela T1 dan T2 yang membuat gambaran bahawa kecederaan ZF itu tidak serius. Malah terkena seterika wap juga dikatakan tidak sakit dan menyebabkan orang awam biasa seperti anak guamnya tidak akan tahu kecederaan itu serius kerana tiada pengetahuan perubatan.

[221] Mahkamah ini juga meneliti semula surat layang (eksh P17) yang dibuat oleh dua rakan tertuduh dan ZF iaitu SP23 dan T8 yang melihat kejadian dan kecederaan ZF sebagai sangat serius sehingga tahap merayu sekiranya ada belas kasihan minta di 'ambush' [diserbu] bilik tempat ZF yang sedang sakit teruk berada.

[222] Betapa peritnya kesakitan yang dialami oleh ZF ketika ditekap seterika panas dapat diteliti dari keterangan saksi-saksi mata yang melihat betapa azab ZF menjerit dan menggelupur setiap kali ditekap. Maka jika digabungkan gambar-gambar jasad ZF, laporan bedah siasat dan keterangan saksi-saksi, ini adalah pada tahap prima facie kematian ZF adalah secara perlahan, perit dan azab sekali. SP6 juga mengesahkan di dalam muka surat akhir P11 dan juga keterangannya bahawa sebab kematian ZF adalah disimpulkan berpunca dari 'luka bakar' yang teruk (*severe*).

[223] Keterangan oleh SP6 terutamanya dan juga saksi-saksi SP5 dan SP7 adalah cukup bagi membuktikan suatu kes prima facie ke atas T1, T2, T3, T4, T5 dan T6 ke atas pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK.

[224] Mahkamah ini telah meneliti keterangan saksi-saksi di tempat kejadian pada masa kejadian menggunakan seterika wap yang diperlakukan ke atas ZF oleh T1 hingga T5 atas arahan T6. Dalam hal ini, mereka berlima secara niat bersama dan disubahati oleh T6 telah menyebabkan kecederaan sebanyak 90 tekapan seterika wap ke atas ZF. Ini dapat dilihat dari keterangan saksi-saksi SP24 — Ahmad Senabil dan SP25 — Mohd Syafiq yang mana kedua-4.45 pagi hingga 5.45 pagi bertempat di dalam Bilik 04–10, SP24 dan SP25 yang berada di tempat kejadian telah melihat bagaimana T6 yang memegang seterika wap (eksh P12) telah mengarahkan T1 hingga T5 mencucuh atau menekap badan ZF dengan seterika wap tersebut. Saksi melihat si mati menjerit kesakitan setiap kali ditekap oleh T1 hingga T5 atas arahan T6.

[225] Selanjutnya, berdasarkan keterangan SP27 iaitu Muhamad Ilham yang merupakan tuan punya seterika wap P12 tersebut, SP27 melihat T3 sedang memegang seterika wap pada 22hb jam antara 4.45 pagi hingga 5.45 ketika beliau berada di Bilik 04–10 tersebut dan SP27 melihat ZF menjerit sakit setiap kali dicucuh dengan seterika wap.

[226] mahkamah juga telah meneliti dan menilai bagaimana perlakuan menekap seterika itu dilakukan dan bagaimana peritnya ZF menaggung kesakitan, menjerit dan menggelupur dengan kaki dan tangan diikat ke meja.

[227] Bukan sahaja saksi-saksi melihat ZF ditekap dengan seterika wap tersebut, malah yang menguatkan lagi kes pendakwaan adalah saksi-saksi lain melihat akan bagaimana T1 hingga T6 bersusah payah cuba menyorokkan akan kecederaan ZF daripada pihak warden asrama UPNM apabila 'diviralkan' melalui surat layang oleh SP23 dan T8.

[228] Daripada keterangan SP23 selepas kejadian ZF ditekap dengan seterika wap tersebut, ternyata T1 hingga T6 adalah pihak yang berdampingan mengawal ZF dari awal selepas kejadian sehingga membawanya ke bilik lain

setelah jurulatih SP15 iaitu Kpt Haryani bertanyakan kepada SP17 mengenai siapakah penghuni Bilik 04–10 dikatakan yang sakit tenat di dalam surat layang.

[229] T1 dan T2 selanjutnya telah bertindak membawa ZF keluar dari UPNM dan masuk ke Hotel Bangi Lanal pada 26 Mei 2017. Saksi yang merupakan sepupu T2 iaitu SP19 ketika mengambil ZF daripada UPNM kerana membantu T2 telah menyatakan di dalam keterangannya bahawa keadaan ZF pada masa itu adalah ZF terpaksa dipimpin semasa berjalan masuk ke kereta SP19 dan ketika memasuki hotel.

[230] Selepas itu, ZF seterusnya ada dibawa ke Klinik As-Salam dan menumpang di Kodominium De Centrum Bangi dan kali kedua pada 31 Mei 2017 ke Klinik As-Salam.

Pemandu Grab SP21 menceritakan bagaimana T1 dan T2 melayan ZF dengan buruk dan kasar

[231] Pemandu Grab iaitu SP21 adalah individu yang mengambil T1 dan T2 bersama ZF dari Kondominium De Centrum yang mana di dalam keterangannya menyatakan yang pada masa itu ZF berada atas kerusi roda dan berbau busuk luka dan nanah dengan keadaan badan yang berdarah dan berair. ZF memakai kain pelikat dan berbalut tangan dan kaki.

[232] Apa yang menarik daripada keterangan SP21 adalah semasa beliau membantu ZF untuk naik ke kereta yang padanya agak sukar memandangkan keadaan ZF pada masa itu, namun T1 dan T2 tidak membantu ZF. Sebaliknya hanya SP21 yang memapah ZF. Malah sewaktu keluar kereta untuk masuk ke Klinik As-Salam juga, SP21 mendengar ZF mengeluh sakit sebab T1 dan T2 menolak kerusi secara cuai dan terkena kaki ZF sehinggakan SP21 marahkan T1 dan T2 namun kedua mereka hanya senyum sahaja. SP21 menyatakan beliau banyak menolong ZF disebabkan simpati dengan keadaan ZF yang sangat sakit tetapi rakannya tidak menolong ZF.

[233] Dalam penelitian ke atas keterangan saksi bebas ini, ternyata pada mahkamah ini bahawa T1 hingga T6 tidak mempunyai perasaan kesihan terhadap ZF bukan sahaja semasa mencederakan ZF dengan seterika wap, malahan juga selepas kejadian mencederakan ZF. tertuduh-tertuduh hanya takut sekiranya perkara kecederaan ZF ini diketahui oleh pihak lain seperti jurulatih UPNM.

I. ELEMEN NIAT DENGAN SENGAJA MENCEDERAKAN ZF OLEH TERTUDUH-TERTUDUH MENURUT PERUNTUKAN LIMB (a) HINGGA (d) S 300 KK

[234] Seksyen 299 KK memperuntukkan mengenai pembunuhan yang *culpable.* Jika perbuatan menyebabkan kecederaan kepada si mati dilakukan dalam keadaan seperti di bawah s 300 sama ada sub-s (a), (b), (c), atau (d), maka ia adalah pembunuhan yang boleh dihukum di bawah s 302 . Ini selepas pengecualian di bawah s 300 dipertimbangkan. Untuk menentukan di bawah klausa (a) atau (b) atau (c) atau (d) kejadian itu, bergantung kepada fakta.

[235] Seksyen 300 KK adalah seperti berikut:

300 Murder

Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder —

(a) if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death;

(b) if it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused;

(c) if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or

(d) if the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

[236] Merujuk kepada kes *Jaafar bin Ngamil lwn Pendakwa Raya* [2019] 1 MLJ 758 , Mahkamah Rayuan dipetik berkata:

[42] Dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Razak bin Dalek* [2007] 2 MLJ 255 di ms 275–276 ; [2006] 4 CLJ 129 di ms 156–157, YA Jeffrey Tan H (pada ketika itu) telah merujuk kepada buku teks *Ratanlal & Dhirajlal* berkaitan dengan isu niat untuk menyebabkan kematian (membunuh), seperti berikut:

> [53] In relation to intention under the first clause of s 300 , *Ratanlal & Dhirajlal* ibid at pp 1296–1297 commented as follows: The first clause of s 300 enacts that culpable homicide is murder if the act by which death is caused is done with the intention of causing death ... An intention to kill a person brings the matter so clearly within the general principle of mens rea as to cause no difficulty. Such intention, however, must be found as a matter of fact. It is distinct from presumed or constructive intention. The accused also cannot be held guilty from the knowledge of the consequences of the act.
>
> At the same time, however, it is equally true that intention is a subjective element

A and in most of the cases direct proof of intention is not forthcoming. It has rightly been said that 'the Devil himself knows not the thought of man'. A man's intention is a question of fact and it can be gathered from his acts. In deciding the intention of the accused, the court may consider the nature of the weapon used, the part of the body of the victim chosen by the accused for attack, the number
B of blows administered, the force used by the assailant, etc'.

[54] In *Virsa Singh*, the Supreme Court stated:

> ...To determine what the intention of the offender is, each case must be decided on its own merits. Where it is proved that the accused fired a gun
C shot at such close range that it could not have had other than a fatal effect and it is indicative of the intention of the accused that after firing at one person he reloaded the gun and fired another shot at another person there is clear indication of his intention to commit murder. Where a person fires two shots successively at another person his murderous intention is clearly
D evident. The law looks as regards intention to the natural result of the man's act and not to the condition of his mind. From a legal point of view a person intends whatever he gives others reasonable grounds for supposing that he does intend. Where a man strikes the blows on the head of the deceased mercilessly and practically kills him on the spot, he is guilty of murder. Where a man stabs another in a vital part, he must be
E held to have intended to cause death, and if death ensures either directly from the wound or in consequence of the wound creating conditions which give occasion to the appearance of a fatal disease, the person inflicting the wound is guilty of murder. Absence of premeditation will not reduce the crime of murder to culpable homicide not amounting to
F murder.

[237] Seperti yang dikatakan, terdapat lebih daripada seorang saksi melihat tertuduh-tertuduh melakukan kesalahan itu terhadap si mati. Bermakna, keterangan langsung telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam
G membuktikan pertuduhan membunuh terhadap tertuduh-tertuduh berhubung dengan kejadian pada 22 Mei 2017 antara jam 4.45 pagi hingga 5.45 pagi tersebut. Kematian adalah akibat terus daripada kecederaan luka bakaran berpunca daripada dicucuh dengan seterika. Kecederaan pada si mati adalah nampak dilihat pada masa seterika dicucuh. Selain itu jeritan dan
H keadaan si mati menggelupor kesakitan tidak dapat mengecualikan T1–T6 daripada mengetahui bahawa kecederaan yang dibuat ke atas si mati adalah serius.

[238] Kecederaan ini dalam keadaan perjalanan yang biasa telah membawa
I maut. Ini adalah fakta di dalam *medical science* yang mana keterangan perubatan diperlukan untuk membantu mahkamah membuat keputusan. Di dalam kes ini pakar bedah siasat Dr Salmah yang telah menjalani bedah siasat ke atas jasad ZF telah mendapati 90 kesan luka bakaran. SP6 menerangkan kecederaan sebagaimana telah diterangkan terdahulu dalam alasan ini, dan

dalam dapatan SP6, bahawa ZF telah meninggal dunia akbiat daripada luka lecur yang teruk (*severe*).

[239] Merujuk kepada kes *Zulkiple bin Mohamad v Public Prosecutor* [2022] 1 MLJ 479 ; [2022] 1 CLJ 673 , suatu keputusan Mahkamah Persekutuan, elemen niat membunuh di bawah klausa (c) s 300 KK bahawa kematian bukanlah akibat yang diniatkan tetapi kematian telah berlaku, bukan kerana diniatkan tetapi kerana kecederaan badan yang diniatkan adalah jenis yang mencukupi dalam keadaan biasa untuk mengakibatkan kematian. Mahkamah Persekutuan dalam keputusannya berkata:

> It is clear therefore that where the prosecution relies on cl (c) of s 300 of the Penal Code, it is not require to prove intention to cause bodily injury of a kind that is sufficient in ordinary course of nature to cause death. All that is required is proof of intention to inflict the injury that is proves to be present, irrespective of whether the injury is grievous or trivial.

[240] Oleh itu, kecederaan ini pada ZF adalah kecederaan yang cukup dalam keadaan biasa membawa kematian dan jatuh kepada klausa (c) s 300 . Seterika P12 yang telah ditunjukkan kepada SP6, diakui oleh SP6 sebagai boleh mengakibatkan luka bakar pada ZF.

J. NIAT BERSAMA (S 34 KK) TERTUDUH-TERTUDUH DL DALAM TIGA KEJADIAN 21HB (S 330 KK) DAN 22HB (S 330 DAN S 302 KK))

[241] Sepanjang kes pendakwaan, tidak dapat dipertikaikan tertuduh-tertuduh T1 hingga T6 ada bersama si mati pada malam itu dan masa itu di Bilik 04–10. Berhubung dengan perkara ini, mahkamah ini merujuk kepada kes *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84 . Di dalam kes ini, seorang tahanan bernama Nordin telah dipukul oleh pihak polis (yang merupakan tertuduh-tertuduh di dalam kes tersebut) dalam usaha pihak polis mendapatkan satu pengakuan berhubung kesalahan pecah masuk rumah. Akibat daripada kecederaan dipukul termasuk menggunakan getah paip, Nordin telah meninggal dunia dan saksi mengesahkan bahawa punca kematian adalah disebabkan kecederaan yang dialami akibat dipukul tersebut. Di dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

> The question then is whether the six accused or any one of them caused the death of Nordin ...
>
> I have given this matter my serious consideration and in particular whether I should invoke the presumption under s 114(g) of the Evidence Act. On a review of the entire evidence of the prosecution's case, however, I find that not a single police officer at Cheras has given evidence against any of the six accused persons and I can only conclude that Cpl Halidi, if called, would be a most reluctant witness to testify against his superior and brother officers.

There is, however, the independent and direct evidence of Noorazali and Khairuddin that all six accused persons assaulted the deceased. All the six accused persons were identified at identification parades. A1/Insp Lai and A3/Mahazan were identified by the Pudu Police as having taken out Nordin from Pudu Police Station This evidence is corroborated by Entry 5006 in the Station Diary Exhibit P16. Entry 5007 of exh P16 further shows that A1/Insp Lai; A2/ASP Liew and A3/Mahazan were conducting an interrogation at the CPB office from 9.30pm that night.

There is the evidence that A5/Joseph took out Khairuddin from the Cheras Police lock-up at 9.20pm the same night — Entry 6556 in exh P14. And finally there is the evidence of PC Munir who said that accused 1, 2, 3, 4 and 5 were present when he took the deceased to the General Hospital. I find as a fact that all six accused persons have been identified as the persons who caused the death of Nordin.

It was contended that the prosecution had failed to adduce evidence of common intention in this case on the grounds that the accused were not acting in concert and the non-existence of a pre-arranged plan. True there was no evidence that the six accused persons held a meeting at which they decided to cause the death of Nordin. 'As has often been observed, it is difficult if not impossible to procure direct evidence to prove the intention of an individual. In most cases it has to be inferred from his act or conduct or other relevant circumstances of the case': see *Mahbub Shah v King Emperor LR* [1972] IA 148 .

In the instant case one need only confine to the incidents between 9.30pm (June 19, 1977) and 2am (June 20, 1977); the so-called second session of the interrogation of the deceased. A1/Insp Lai as Head of the CPB was in charge of the interrogation. There is evidence that Nordin denied from the very beginning that he was involved in any house-breakings. That was during the first interrogation which concluded at 7.30pm When the interrogation was resumed at 9.30pm the same night. Nordin again denied all allegations. Following police procedure, he was treated as unco-operative whereupon intensive interrogation commenced. That meant he was to be interrogated continuously by relays of officers. This in fact took place. But the interrogation was accompanied by beating him up. There was ample evidence of the beating up, mostly with a rubber-hose. The accused persons used the same rubber-hose by turn. He was strapped to the window and the beatings continued. All the six accused persons took part and although not all six were present throughout, the fact remains that they took turns until Nordin collapsed when accused 1, 2, 3, 4 & 5 were present. They were all obviously acting in concert and their common intention was to beat up Nordin until he confessed to his alleged crimes. They in fact beat up a 16 years old boy continuously for four hours until this boy died. They were experienced police officers and knew what they were doing. I am satisfied in all the circumstances of this case that there is ample evidence here to invoke the provisions of s 34 of the Penal Code.

[242] Sebagaimana keterangan SP6 mengenai punca kematian ZF, SP6 mengesahkan bahawa kematian ZF adalah disebabkan oleh kecederaan yang dialaminya akibat seterika wap yang mengakibatkan luka bakar (*severe burn*) seterusnya telah mengakibatkan kurangnya cecair di dalam badan atau hypovolemic shock, jangkitan kuman, organ penting rosak serta ketidak

seimbangan electrolyte sehingga akhirnya menyebabkan kematian. Oleh yang demikian, setakat kes pendakwaan, berkenaan apa yang telah berlaku pada ZF dan apa yang dilakukan oleh tertuduh-tertuduh (T1–T6) ke atasnya serta kelakuan tertuduh-tertuduh sejurus selepas kejadian, Mahkamah Tinggi ini berpandangan bahawa semuanya tidak termasuk dalam mana-mana pengecualian di bawah s 300 KK.

Tertuduh-tertuduh mempunyai niat yang sama untuk melakukan bunuh terhadap si mati (s 34 KK) dan T6 bersubahat dengan mereka berlima

[243] Mahkamah ini perlu mengingatkan dirinya bahawa pemakaian s 34 KK ini tidak terhad kepada perlakuan sahaja akan tetapi meliputi 'ketinggaian'. Oleh yang demikian, ketinggalan T1 hingga T6 menyelamatkan ZF daripada maut setelah secara niat bersama mencederakan ZF dengan seterika wap menunjukkan bahawa mereka secara niat bersama mengawal dan gagal membawa ZF ke Hospital Serdang untuk rawatanpakar lecur seperti mana dicadangkan oleh Dr Azfar Hussin (SP7). tertuduh secara sepakat sentiasa mengawal ZF seperti membawa kain buruk dari satu tempat ke tempat yang lain sehingga menemui ajalnya.

[244] Mahkamah Tinggi ini merujuk kepada tiga peruntukan s 32 , s 33 dan s 34 KK yang berikut:

> 32 Words referring to acts include illegal omissions
>
> In every part of this Code, except where a contrary intention appears from the context, words which refer to acts done extend also to illegal omissions.
>
> 33 'Act' and 'omission'
>
> The word 'act' denotes as well a series of acts as a single act: the word 'omission' denotes as well a series of omissions as a single omission.
>
> 34 Each of several persons liable for an act done by all, in like manner as if done by him alone
>
> When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

[245] Dengan itu perkataan 'act' yang terkandung di dalam s 34 KK tersebut harus dibaca bersama s 33 KK yang mana 'act' tersebut haruslah mengambil kira semua 'act' dan 'omission' oleh tertuduh-tertuduh. Mereka secara bersama telah menyiksa dan mencederakan ZF bukan setakat kesalahan di bawah s 330 KK malah lebih daripada itu apabila menggunakan P12 iaitu seterika wap untuk menekap ZF beramai-ramai secara bergilir-gilir antara mereka di seluruh tubuh ZF sehingga mengakibatkan 90 tekapan yang meliputi 80% daripada tubuh si mati.

[246] Mahkamah ini mendapati bahawa T6 adalah 'kepala' kepada T1 hingga T5 yang menyuruh mereka menekap badan ZF dengan P12 dan tanpa mempunyai peri kemanusiaan terus menerus menekapnya. Ini boleh dilihat daripada gambar jasad si mati sehingga kemaluan si mati dan 'testice' si mati telah ditekap dengan seterika wap.

[247] Bagi lebih memahami niat bersama ini, ianya boleh dilihat di dalam beberapa keputusan kes tersohor. Di dalam kes *Low Kian Boon & Anor v Public Prosecutor* [2010] 4 MLJ 425 ; [2010] 5 CLJ 489 , Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> ... Section 33 states that the word 'act' denotes a series of acts as well as a single act; and the word 'omission' denotes a series of omissions as well as a single omission. It follows that the words in s 34 'when a criminal act is done by several persons' may be construed to mean 'when criminal acts are done by several persons.' Thus, where different acts in a criminal enterprise are committed by different participants, such participants may still be regarded as having done 'a criminal act' for the purposes of liability under s 34 .

[248] Manakala Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Public Prosecutor v Azilah bin Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617 ; [2015] 1 CLJ 579 telah membincangkan mengenai pemakaian s 34 KK seperti berikut:

> [98] Section 34 of the Penal Code provides that when a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act was done by him alone. The Supreme Court in: (1) *Namasiyiam*; (2) *Rajindran*; (3) *Goh Chin Peng*; and (4) *Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336 at p 344 ; [1987] CLJ Rep 241 observed that: In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was: (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted; and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.
>
> Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused (The Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950–1960 by JK Soonavala at pp 188–193).
>
> [99] It is trite that when s 34 of the Penal Code is alluded to in a charge for murder, there is no requirement to prove who actually or ultimately caused the death of the deceased (*Ong Chee Hoe & Anor v Public Prosecutor* [1999] 4 SLR 688). In that case the court opined: In any case, the effect of invoking s 34 made it unnecessary

to determine who exactly the actual doer of the offence in question was. In the Privy Council decision of *Barenda Kumar Ghosh v Emperor* AIR 1925 PC 1, the court stated:

> Section 34 deals with the doing of separate acts, similar or diverse, by several persons; but if all are done in furtherance of a common intention, each person is liable for the result of them all, as if he had done them himself.

[249] Di dalam kes *Farose bin Tamure Mohamad Khan v Public Prosecutor and other appeals* [2016] 6 MLJ 277 ; [2016] 9 CLJ 769 pula, YAA Md Raus Sharif PMR (pada ketika itu) telah membincangkan pemakaian s 34 KK itu seperti berikut:

> [65] ... we still hold the view which had been widely accepted by our courts that in a criminal prosecution where s 34 of the Penal Code is invoked, it is not incumbent on the prosecution to prove that there existed between the participants a common intention to commit the crime actually committed. As long as there is a common intention to commit a criminal act, which resulted to the commission of a crime actually committed, s 34 can operate against all persons involved in the commission of the actual crime.
>
> [66] The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because the common intention is essentially a state of mind. Invariably inferences have to rely upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there is a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved.

[250] Meskipun T6 hanya menyuruh T1 hingga T5 melakukan perbuatan menekap sterika wap dan T6 tidak melakukan sendiri, namun ianya masih terjatuh sebagai T6 turut bersubahat mendatangkan kecederaan ke atas ZF sepertimana T1 hingga T5. Berdasarkan penelitian mahkamah ini terhadap prinsip daripada tiga kes di atas dari keputusan Mahkamah Persekutuan di atas yang bukan sahaja memberi panduan malah mengikat mahkamah ini dan daripada fakta kes pendakwaan, mahkamah ini berkeputusan bahawa telah dibuktikan secara prima facie yang T6 secara niat bersama di bawah s 34 KK dan bersubahat menurut s 109 melakukan pembunuhan ke atas si mati pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan di bawah s 302 KK ke atas T6.

[251] Merujuk kepada satu lagi keputusan Mahkamah Persekutuan iaitu di dalam kes *Mohd Ghafar Othman v Public Prosecutor* [1986] 2 CLJ 257 mahkamah di dalam kes tersebut memutuskan seperti berikut:

A At the close of the prosecution case, when the learned Magistrate held that there was a prima facie case against the appellant and the third accused, presumably the learned Magistrate had found there was common intention. But then the second accused was acquitted and discharged without his defence being called just because he did nothing. If there was common intention, then all the three accuseds' defence B should have been called. After all one can participate in the pre-arranged plan by just standing or keeping a look out or by being present at the scene of the crime to lend weight by numbers. One can also participate by just standing or sitting quietly, just like the extras in a film or in a play. In any event, there is a total absence of such evaluation of evidence to infer such a pre-arranged plan to handcuff the complainant, or to put him under threat of arrest.

C

[252] Di dalam kes pembunuhan arwah Sosilawati iaitu di dalam kes *Pathmanabhan a/l Nalliannen v Public Prosecutor and other appeals* [2017] 3 MLJ 141 ; [2016] 1 CLJ 377 Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

D

It was the finding of the learned trial judge that Sosilawati would not have gone to the farm unannounced. His Lordship made an inference that it was the first appellant who had lured Sosilawati to the farm. From the evidence of SP33, the learned trial judge found that the manner in which Sosilawati and company were E burnt to death leans towards a prearranged plan orchestrated by the first appellant and carried out by the second to the fourth appellants which bring into action the provision of s 34 of the Penal Code on common intention.

[8] In *Om Prakash v State* AIR 1956 All 241 it was held that participation of the individual offender in the criminal act in some foRMor the other is the leading F feature of s 34 of the Penal Code. A person present at the scene might or might not be guilty of s 34 . If he is present at the scene for the purpose of participating in the offence, he would certainly be guilty as a participator in the offence. On the other hand, if he is present there merely as a spectator, he would not be guilty. Explaining the aforesaid proposition, Beg J said:

G [14] Participation of the individual offender in the criminal act in some foRMor the other which is the leading feature of s 34 , IPC differentiates it not only from s 149, IPC, but also from other affiliated offences like criminal conspiracy and abetment. A bare agreement between two or more persons to do or cause to be done an illegal act might make a person liable for the offence of criminal H conspiracy as defined in s 120, IPC. If the said agreement is to commit offence, then such an agreement is by itself enough to make a man guilty and no overt act apart from the agreement would be necessary. If, however, the agreement is to commit an act which is not tantamount to an offence, then some overt act in pursuance thereof is necessary. Such overt act may, however, be performed by any person who is a party to the agreement and not necessarily by the particular I accused who might be guilty of the offence without having participated in the act.

On the other hand, under s 34 , IPC, a mere agreement, although it might be a sufficient proof of the common intention, would be wholly insufficient to sustain a conviction with the application of s 34 , IPC, unless some criminal act is done in

furtherance of the said common intention and the accused himself has in some way or the other participated in the commission of the said act.

[253] Kes *Ong Teik Thai v Public Prosecutor* [2017] 4 MLJ 421 ; [2016] 7 CLJ 1 , Mahkamah Persekutuan juga menggunakan prinsip daripada kes yang sama, *Om Prakash v State* AIR 1956 All 241 , dipetik sebagai:

> Similarly a person might be guilty of the offence of abetment by virtue of his previous association with the offence without having actually participated in it. This previous association would consist of his instigation to commit an offence in one of the ways defined in s 107 of the Penal Code.
>
> The offence itself would be complete even though the act abetted is not committed; or, even if the act is committed, the abettor himself has not participated in it. Thus, actual participation in the commission of the offence, which is a condition precedent of s 34 and is its main feature, again distinguishes it from the offence of abetment.
>
> Section 34 , IPC, compendiously summarises the liability imposed under English Law on what are therein called as principal in the first degree and principal in the second degree and assimilates the principles underlying both by compressing them in one section and treating them as what have been called accessories at the fact as opposed to what are termed as accessories before the fact and accessories after the fact.
>
> In this connection, the learned counsel for the appellant argued that a person who is present on the spot at the time of the commission of the offence would be guilty by the application of s 34 , IPC. although such a person did not do anything. This criticism appears to me to be based on a misapprehension.
>
> A person present on the scene might or might not be guilty by the application of s 34 , IPC. If he is present on the scene for the purpose of participating in the offence, he would certainly be guilty as a participator in the offence. On the other hand, if he is present there merely as a spectator, he would not be guilty.
>
> Thus for example a person who is an eyewitness of the incident is present at the spot as well as a person who is a confederate of the assailant. The former is not guilty because he is present merely to see the commission of the crime. On the other hand, the latter is guilty because he is present for the purpose of seeing that the crime is committed. In other words, presence on the spot for the purpose of facilitating or promoting the offence is itself tantamount to actual participation in the criminal act ...

[254] Setelah menjalankan penilaian maksimum terhadap keterangan pendakwaan, saya dengan ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh T1 hingga T6 di bawah s 302 Kanun Keseksaan seperti mana pertuduhan yang dibaca bersama-sama s 109 KK dan s 34 KK melibatkan persubahatan oleh T6 dan niat bersama oleh T1–T5. Oleh itu, saya telah memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri sepertimana pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK.

A K. PEMBELAAN TERTUDUH-TERTUDUH T1 HINGGA T19 (KECUALI T8)

[255] Tertuduh-tertuduh dipanggil membela diri pada beberapa pertuduhan masing-masing. Bagi memudahkan melihat di antara T1 hingga T19 (kecuali T8 yang telah dilepaskan) ke atas pertuduhan yang mereka dipanggil membela diri, disediakan jadual seperti di bawah:

Ruj.	Nama Tertuduh	Kes No.					
		WA-45B-45-09/2017	WA-45B-46-09/2017	WA-45-37-11/2017	WA-45-38-11/2017	WA-45-39-11/2017	WA-45-40-11/2017
		Kejadian 22.05.2017 jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi		Kejadian 21.05.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi	Kejadian 22.05.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi		Kejadian 21.05.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi
		Pertuduhan di bawah **seksyen 302 KK**		Pertuduhan di bawah **seksyen 330 KK**			
T1	Muhammad Akmal Zuhairi Bin Akmal	√			√		√
T2	Muhammad Azamuddin Bin Mad Sofi	√			√		
T3	Muhammad Najib Mohd Razi	√			LB		LB
T4	Muhammad Afif Najmudin Bin Azahat	√				√	
T5	Mohamad Shobirin Bin Sabri	√				LB	
T6	Abdoul Hakeem Bin Mohd Ali		√		LB		LB
T7	Muhammad Hasif Bin Ismail						√
T8	Muhammad Akmal Akif Bin Alias						LB
T9	Muhammad Adib Iman Bin Fuad Adi Sany						√
T10	Mohamad Syazwan Bin Musa						√

Ruj.	Nama Tertuduh	Kes No.					
		WA-45B-45-09/2017	WA-45B-46-09/2017	WA-45-37-11/2017	WA-45-38-11/2017	WA-45-39-11/2017	WA-45-40-11/2017
		Kejadian 22.05.2017 jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi		Kejadian 21.05.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi	Kejadian 22.05.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi		Kejadian 21.05.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi
		Pertuduhan di bawah **seksyen 302 KK**		Pertuduhan di bawah **seksyen 330 KK**			
T11	Muhammad Amirul Asraff Bin Mala			√		√	
T12	Luqman Hakim Bin Shamsuri Agus			√			
T13	Mohd Hafiz Fauzan Bin Ismail				√		
T14	Mohamad Lukhmanul Hakim Bin Mohd Zain				√		
T15	Ahmad Shafwan Bin Berdal				√		
T16	Muhammad Sufi Bin Mohd Mustapha					√	
T17	Noriznan Izzairi Bin Noor Azhar					√	
T18	Muhamad Ashraf Bin Haji Abdullah					√	
T19	Muhamad Danial Firdaus Bin Azmir					√	

[256] Mahkamah telah menerangkan kepada T1 hingga T19 (kecuali T8) tentang tiga pilihan yang mereka boleh gunakan untuk membela diri sama ada memberi keterangan secara bersumpah dan boleh disoal-balas oleh peguambela tertuduh yang lain dan juga oleh pihak pendakwaan atau boleh memilih cara kedua iaitu memberi keterangan secara tidak bersumpah di kandang tertuduh dan keterangan mereka tidak boleh disoal-balas oleh pihak peguambela mana-mana tertuduh atau pendakwaan atau memilih cara ketiga dengan tidak memberi keterangan pembelaan langsung dan dengan itu mereka tidak boleh disoal-balas juga dan mahkamah akan menentukan tertuduh bersalah atau tidak. Kesemua 18 orang tertuduh memilih memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi.

[257] Selain daripada 18 orang tertuduh (SD1–SD18) ini memberi keterangan secara bersumpah T1 dan T2 memanggil empat orang saksi lain iaitu SD19 — Dr Rohayu bt Shahad Adnan iaitu Pakar Bedah Siasat Hospital Sungai Buluh, SD20 — Alif Farhan iaitu Kadet UPNM, SP30 iaitu Dr

Harniza bt Kosnan, seorang doktor iaitu dari RSAT dan SP31 — Dr Mohamad Azaini bin Ibrahim iaitu Pakar Bedah Siasat HKL.

Keterangan Pembelaan T1/SD1 — Muhammad Akmal Zuhairi bin Azmal

[258] T1 adalah juga kadet di UPNM jurusan kejuruteraan sama seperti ZF yang belajar bersama-sama ZF dan tertuduh-tertuduh yang lain. Beliau adalah tuan punya laptop yang hilang di bilik kediamannya di Bilik 04–10 pada 17 Mei 2017.

Kejadian pertama pada 21hb di bawah s 330 KK

[259] Pada awal pagi 21 Mei 2017 lebih kurang jam 12.30 pagi Asraf (T18) memberitahu T1 bahawa ayahnya (SP13) nampak dalam ramalannya bahawa ZF yang mengambil laptop tetapi tidak tahu laptop siapa.

[260] Setengah jam kemudian pada jam 1 pagi T1 dan SP20 — Hari Krishna telah kejutkan ZF daripada tidur dan menganjaknya ke Bilik 03–05. Di Bilik 03–05 T1 arahkan ZF duduk dan SP20 bertanyakan ZF mengenai laptop T1 yang hilang. Sewaktu ZF disoal siasat oleh T1, ada ramai pelajar lain menolak dan memukul ZF. Selepas itu T1 mengakui membawa ZF ke biliknya di 04–10 dan tidur sekatil dengannya.

[261] Manakala pada hari yang sama (21hb) menurut T1, ZF telah meminta maaf kepada T1 serta mengaku mencuri laptop T1 dan berjanji akan menggantikannya. Namun pengakuan ZF ini tidak dapat disokong oleh mana-mana orang, apabila T1 menyatakan tiada saksi semasa itu dan T1 tidak memberitahu sesiapa pun selepas itu berkenaan akan pengakuan ZF kepada T1 itu.

Kejadian awal pagi 22hb (masih pembelaan T1)

[262] Menurut T1 kejadian pada 22hb jam 1 pagi T1 sewaktu masuk ke biliknya di 04–10 beliau dapati ramai dengan pelajar di bilik itu dan T1 melihat ZF sedang disoal berhubung dengan kehilangan laptop T1. T1 turut menyoal ZF. ZF telah menukar pengakuan awalnya mengambil laptop T1 kepada tidak mengaku mengambil laptop T1 dan tidak akan menggantikannya. T1 mengakui rasa sedih dan kecewa dengan jawapan ZF tersebut.

[263] T1 hanya mengakui menolak hanya sekali sahaja ZF dan ZF menolak balik T1. Penelitian mahkamah, kenapa T1 semasa mula-mula masuk dan dapati pelajar-pelajar sedang memukul ZF tidak meleraikan pelajar-pelajar

yang memukul ZF pada masa itu, sebelum ZF dikatakan ZF menukar pengakuan, walhal dia juga yang mengatakan ZF telah mengaku kepadanya mencuri laptop itu.

[264] Selepas itu menurut T1 ramai yang menolak dan memukul ZF. T1 menafikan terlibat memukul ZF walaupun berterusan ZF dipukul oleh rakan-rakan yang lain dan kekecohan berlangsung selama 2 jam. Menurut T1, tindakan pelajar-pelajar lain memukul ZF adalah suatu kesalahan tetapi ia biasa berlaku di UPNM. Antara pelajar yang disahkan berada di tempat kejadian pada masa itu, 22hb ialah Mohd Najib T3, Alif Farhan, Luqman Hakim (T12), Mubin Muztaza, Syafiq Abdullah (SP25), Abdool Hakeem (T6) dan Senabil (SP24). Ternyata pada masa ini T1 akui bahawa saksi utama pendakwaan SP24 dan SP25 berada di tempat kejadian.

[265] Menurut T1 pada jam 4 pagi (22hb) pelajar telah berkurangan di Bilik 04–10. Yang masih ada di dalam bilik tersebut ialah T1, Mubin Muztaza (bukan saksi pendakwaan atau dituduh), Syafiq Abdullah (SP25), Ahmad Senabil (SP24), Abdool Hakeem (T6), Azamuddin (T2), Najib T3, Alif Farhan dan Luqman Hakim (T12).

T1 menyatakan seterika wap tersebut tidak panas semasa terkena tangan T1

[266] T1 hanya melihat seorang rakannya bernama Mubin yang mencucuh sterika wap ke perut ZF apabila ZF bercakap tidak benar dan ZF menjerit semasa dicucuh. Menurut T1 beliau tidak cuba menghalang Mubin mencucuh perut ZF sebab tiada apa-apa kesan pada perut ZF selepas dicucuh. Malah menurut T1 semasa Mubin menyerahkan sterika wap kepada T1 seterika terkena tangan T1 tetapi T1 merasa tidak terlalu panas sehingga dapat mencederakan tangan T1. Pernyataan T1 ini adalah diambil kira dan diperhalusi dan dipertimbangkan oleh mahkamah ini namun T1 masih mengekalkan pembelaannya dengan cerita bahawa ZF berlakon meraung sakit dan seterika wap tidak sakit bila terkena tangannya. Keteranga bahawa seterika itu tidak panas perlu dibandingkan dengan fakta yang telah terbukti bahawa kecederaan derajat tiga pada 29 tekapan yang masih berair dan berdarah luka lecur. Begitu juga keterangan ZF terpaksa dipapah sehari dua selepas kejadian.

[267] T1 tidak mengakui telah mencucuh seterika wap mengenakan pada badan ZF tetapi mengaku hanya setakat mengacah-acah sahaja:

> T1: Masa wap itu terkena dekat tangan saya, saya dapat rasa suhu dia tak terlalu panas sampai boleh mencederakan dia.
>
> T1: Masa saya acah, dia ada jerit-jerit. Tapi sebenarnya tak kena pun.

[268] T1 hanya mengakui mencucuh pada jarak sejengkal dari badan ZF di bahagian tapak kaki dan lutut tetapi hanya satu saat sahaja dan ZF menjerit-jerit.

> T1: Saya pasti masa saya cucuh memang tak kena kulit dia. Memang ada jarak lebih kurang sejengkal.

[269] T1 menyatakan ZF seolah-olah berlebih-lebih menjerit sebab seterika tersebut tidak pun panas dan T1 hanya mengacah-acah dan tidak kena pada badan ZF dan dia menjerit-jerit.

[270] T1 memberitahu mahkamah ini bahawa T1 selepas mengacah-acah ZF dengan seterika beliau tidak lagi menekap ZF dan T1 bersama T2 — Azamuddin keluar dari Bilik 04–10.

[271] Menurut T1 lagi, lebih kurang jam 5 pagi T1 masuk semula ke Bilik 04–10 dan melihat ZF sedang tidur dengan kawan-kawan di bilik tersebut dan T1 sempat berbual dengan ZF dan sekali lagi ZF meminta maaf dengan T1 dan berjanji akan menggantikan laptop T1 yang hilang (sekali lagi mahkamah pertimbangan pengakuan ZF tersebut benar atau rekaan T1 oleh sebab tiada saksi bersama T1 seperti mana kali pertama ZF dikatakan mengakui di hadapan T1 yang oleh T1 juga tanpa saksi dan tidak dicerita kepada sesiapa).

[272] Selepas itu menurut T1 lagi ZF, mandi di bilik T1. Menurut T1 juga beliau ada nasihatkan ZF jangan lagi mencuri dan supaya ZF balik ke biliknya tetapi ZF enggan balik takut hubungan makin keroh (mahkamah meneliti selepas kejadian ditekap dengan seterika wap fakta bahawa ZF tidak pernah dibiarkan tanpa dikawal oleh tertuduh-tertuduh yang sentiasa berada di sampingnya, ZF dibawa ke pangsapuri D'Centrum sewaktu cuti dan perjalanan akhir ZF dengan ambulan juga dituruti oleh dua tertuduh).

T1 mengambarkan badan ZF mengalami kemerahan pada badannya sahaja dan berkeadaan baik

[273] T1 menyatakan hanya melihat kesan kemerahan pada badan ZF seakan 'sunburn'. Namun jika diteliti surat layang oleh SP23 bersama T8 telah mengambarkan kecederaan ZF sebagai sangat serius. Gambaran SP23 dan T8 telah mengambarkan kecederaan ZF sebagai sangat serius. Gambaran SP23 dan T8 kepada keadaan ZF adalah pada pada hari yang sama selepas kejadian dan, telah melihat keadaan badan ZF dan lebih kurang sama masa T1 melihatnya. Malah SP23 dalam keterangannya menyatakan pada hari yang sama 22hb selepas kejadian telah melihat keadaan badan ZF mengelembung dengan tompok-tompok hitam. T1 memberitahu bahawa pada hari 23 hingga

26hb keadaan ZF seperti biasa. Namun SP23 melihat ZF pada 22hb di atas katil di Bilik 04–10 kulit mengelembung dan kehitaman.

[274] Akhir sekali dapat dilihat pada gambar jasad ZF sangat mengerikan kecederaannya. Malah keadaan seperti ini sejak seawal 23hb, sewaktu ZF disorokkan dari Bilik 04–10 ke Bilik 4–06, dengan ZF dibawa dengan kerusi beroda. Jika benar ZF sihat dan boleh lakukan aktiviti seperti biasa kenapa perlu dibawa ZF dengan kerusi roda dan tidak boleh berjalan seperti biasa.

[275] Walaupun terdapat keterangan T1 dan tertuduh yang lain menyorokkan ZF yang dalam kecederaan daripada dijumpai oleh pihak atasan UPNM apabila surat layang tersebar, tetapi T1 memberi alasan bahawa ZF sendiri yang enggan mendapatkan rawatan dan bukan T1 tidak mahu mendapatkan rawatan untuknya. T1 memberi alasan ZF yang tidak mahu kecederaannya diketahui kerana takut dibuang universiti sebab kesalahan mencuri, dan bukan sebab T1 hingga T6 terlibat menekap ZF dengan seterika dan memukulnya beramai-ramai. T1 juga memberi alasan ZF sendiri yang hendak ke Bilik 4–06 dan bukan idea T1 atau T2 membawa ZF ke Bilik 4–06. T1 tetap mengatakan demikian walaupun T1 dan T2 yang menyorong ZF dengan kerusi beroda tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan tuan punya Bilik 4–06 sebagaimana keterangan SP23 sebelum ini.

[276] T1 walau bagaimanapun secara berlawanan membuat kenyataan apabila menyatakan di dalam keterangan pembelaannya, menyatakan bahawa beliau ada tawarkan sekiranya ZF hendak ke hospital mendapat rawatan pada setiap kali beliau melawat ZF di Bilik 4–06 iaitu sewaktu ZF disorokkan di situ antara 23–26hb tersebut. mahkamah ini meneliti bahawa jika betul keadaan ZF dikatakan baik dan hampir sembuh mengapa pula perlu ditanya dan ditawarkan berkali-kali sama ada hendak ke hospital. Keterangan secara 'flip-flop' ini adalah cubaan T1 hendak tunjukkan ZF sendiri yang enggan ke hospital dan bukannya T1 dan T2–T6 yang enggan membawanya. Dalam masa yang sama cuba menunjukkan keadaan badan ZF biasa sahaja tak ada luka yang serius sebagaimana berikut:

> Soalan Peguam T1: Apabila kamu lihat keadaan ZF tersebut, ada apa kamu cakap atau lakukan?
>
> Jawapan T1: Pada setiap kali saya datang jumpa dia, saya ada tanya dia pasal nak pergi hospital.
>
> Soalan Peguam T1: Kenapa kamu tanya ZF sama ada beliau hendak pergi ke hospital?
>
> Jawapan T1: Sebab luka dia masa itu dah semakin sembuh. Cuma cakap dekat dia nak cek dekat hospital takut kalau ada jangkitan berlaku.

Keterangan T1 membawa keluar ZF dari UPNM ke Hotel Bangi Lanai

[277] T1 cuba memberi gambaran bahawa ZF yang memilih untuk ke klinik sahaja dan tidak ke hospital dan oleh itu menurut T1 semua tindakan tertuduh adalah menurut pilihan ZF sendiri. Walhal keadaan sebenar pada waktu cuti di UPNM dari 26hb hingga 29hb tersebut pelajar-pelajar tidak dibenarkan berada di dalam asrama oleh sebab itu mereka (T1, T2, T4, T5, T6, T14 dan T16) terpaksa membawa ZF keluar dari UPNM dan keadaan ZF semakin tenat. Oleh itu mereka tiada pilihan lain selain daripada membawa ZF mendapat rawatan di klinik.

[278] Pada 26hb ZF telah dibawa keluar dari UPNM dan SP19-Mohd Yus Alif iaitu sepupu kepada T2 membawa ZF dengan keretanya ke Hotel Bangi Lanai bersama-sama T2 dan manakala T7 memandu keretanya membawa T1 ke hotel yang sama. Pada 27hb tertuduh berenam membawa ZF ke Klinik Al-Salam di Bandar Baru Bangi jam 12 tengah hari dengan kereta dipandu oleh T7 bersama T1 lagi ialah T6, T4 dan T16. T1 menyatakan:

> T1: Masa kami pergi klinik, naik kereta hasif. Jadi saya, Hasif, Zulfarhan, Abdoul Hakeem, Sufi dan Afif Najmudin.

[279] Menurut T1 beliau bersama Hakeen dan Afif turut masuk ke bilik rawatan bersama ZF dan Dr Azfar (SP7) bertanyakan ZF apa dia terkena wap semasa latihan di Port Dickson. Menurut T1 tiada sesiapa yang mengajar atau arahkan ZF memberi alasan tersebut dan mereka tidak tahu ZF akan memberi alasan tersebut.

Keterangan T1 berlawanan daripada SP7 bahawa tidak perlu ke hospital

[280] T1 menyatakan SP7 Dr Azfar memberitahu mereka bahawa ZF tidak perlu mendapat rawatan di hospital.

> T1: Ada, Masa itu saya ada sembang dengan Dr Saya tanya sama ada kecederaan kawan saya serius atau ada kecederaan dalaman ke atau kena pergi hospital.
>
> Peguam: Apa yang diberitahu oleh Dr Azfar?
>
> T1: Dr jawab keadaaan kawan kamu stabil dan tak payah pergi hospital. Kalau ada kecederaan dalaman, kawan kamu mesti dah lama meninggal.

[281] Keterangan T1 di atas ternyata berlawanan dengan apa yang SP7 nyatakan di dalam keterangannya. Di mana menurut SP7 beliau menasihatkan ZF dan rakan-rakannya membawa ZF ke hospital Serdang dan buktinya surat iringan dibekalkan untuk kedua-dua kali rawatan (lihat P13 dan P14). Malah keterangan SP7 ini disokong oleh pembantu klinik SP8 dan SP9 yang menyediakan P13 dan P14 agar dibawa ke Hospital Serdang. SP7 mengesahkan lagi orang awam yang tidak mempunyai latar belakang

perubatan akan mengatakan secara pandangan kasar kecederaan pada ZF ianya amat dahsyat dan serius luka di tubuh ZF.

[282] Menurut T1, SP7 tidak pernah memberitahu mereka agar ke Hospital Serdang untuk rawatan luka lecur, dan SP7 tidak surat iringan rawatan kedua. Malah menurut T1 menyatakan tidak pernah melihat kedua-dua P13 atau P14 sehingga dikemukakan di mahkamah oleh SP7 — Dr Azfar. Menurut T1, Dr Azfar menasihatkan ZF agar menghabiskan ubat antibiotik yang dibekalkan dan sekiranya ada kesan sampingan hendaklah terus menelefon SP7. T1 menyatakan beliau membuat bayaran rawatan pertama di Klinik As-Salam dan bayarannya ialah sebanyak RM454. Menurut T1, SP7 memberi tarikh rawatan lanjut pada 31 Mei 2017 iaitu empat hari selepas rawatan pertama (27 Mei 2023) untuk mencuci luka lecur ZF.

[283] T1 menyatakan selepas keluar dari Klinik As-Salam ZF bersama T1, T6, T4 dan T16 balik semula ke Hotel Bangi Lanai dengan kereta yang di pandu oleh Hasif (SP17). Keesokannya T1 bersama ZF dan T6, T4 dan T16 balik semula ke Asrama Jebat dan menurut T1, ZF tidur di Bilik 4–06 atas kehendak ZF sendiri menurut T1. Sewaktu berada di UPNM sebelum ke Klinik As-Salam kali kedua pada 31 Mei 2023 menurut T1, keadaan ZF kelihatan semakin sembuh dan pulih.

[284] T1 ada menghubungi rakan sekolahnya dahulu yang pada masa ini belajar di UNITEN iaitu SP12 Muhammad Hazim Shah bagi tujuan membawa ZF dan T1 dan T2 menumpang di Apartment De Centrum berhampiran Klinik As-Salam.

Rawatan kali kedua di Klinik As-Salam pada 31 Mei 2017

[285] Menurut T1 pada 31 Mei 2017 jam 10 pagi sekali lagi ZF dibawa ke Klinik As-Salam bersama T2 dengan menaiki kereta Uber. Sewaktu di Klinik As-Salam, Dr Azfar (SP7) memberi rawatan kepada ZF dengan mencuci luka, menyapu krim dan membalut luka.

[286] Menurut T1 beliau ada bertanyakan kepada Dr Azfar keadaan ZF dan diberitahu bahawa ZF semakin pulih. SP7 ada membekalkan ubat tahan muntah dan antibiotik kepada ZF dan menetapkan temujanji rawatan akhir dalam masa empat hari lagi dan mengenakan RM495 kos rawatan.

[287] Mahkamah meneliti bahawa T1 dan rakan-rakannya sanggup membayar kos rawatan yang tinggi mencecah RM500 walaupun mereka boleh mendapatkan rawatan percuma di Hospital Kerajaan atau UPNM itu sendiri. T1 memberitahu mahkamah bahawa beliau dan tertuduh yang lain mengumpul wang antara mereka atas alasan kesihankan ZF yang tidak mampu

membayar seorangan kos rawatan. Namun tiada keterangan dari T1 tentang mengapa beliau yang dalam keterangan pembelaan, tidakpun mengenakan seterika panas ke atas ZF, telah bersungguh-sungguh dan beriya benar membawa ZF mendapatkan rawatan, walaupun dengan bersusah payah menumpangkan di hotel dan apartment dan juga menyusahkan kawan-kawan yang bukan belajar bersama dan bukan pun mengetahui kisah ZF cedera.

[288] T1 turut menafikan Dr Azfar ada menyediakan surat rujukan dan pihak kakitangan di Klinik As-Salam ada memberikan surat rujukan P13 dan P14 kepada ZF atau T2 termasuk T1 selepas rawatan. Malah T1 tidak pernah melihat sama ada P13 atau P14 sehingga dikemukakan di mahkamah oleh SP7 — Dr Azfar

Kembali dari rawatan kali kedua dan ZF menemui ajalnya

[289] Perjalanan balik dari Klinik As-Salam, sekali lagi mereka bertiga iaitu T1, T2 membawa ZF menaiki perkhidmatan kereta Uber untuk kembali ke Apartment De Centrum Bangi. Mereka berbuka puasa di apartment tersebut dan ZF turut berbuka puasa dan makan ubat antibiotik dan ubat yang dibekalkan oleh klinik. ZF menyatakan dia penat dan hendak berehat.

[290] Daripada penelitian mahkamah ke atas pembelaan T1 ini seolah-olah ZF berpuasa dan tidak serius sakitnya walaupun T1 sendiri mengakui keesokannya waktu tengah hari ZF begitu lemah dengan muntah dan cirit.

> SD1 — Masa saya cakap dia lemah, masa itu dia ada muntah dan cirit. Sebelum ini tak pernah macam ini.

[291] T1 menyatakan beliau telah menelefon Klinik As-Salam dan bercakap dengan Dr Azfar (SP7) dan dinasihatkan agar ZF diberikan ubat 'ORS' dan hanya jam 5 petang barulah SP11 — Nazreen bersama-sama T1 menaiki kereta pergi mencari ubat 'ORS' di farmasi. Daripada penelitian mahkamah, ini adalah kali pertama T1 mengakui ZF kelihatan lemah daripada sebelumnya. Namun dalam keadaan ZF begitu, T1 dan T2 masih gagal membawa ZF ke Unit Kecemasan hospital terdekat tetapi hanya sekadar menelefon Klinik As-Salam dan membeli ubat 'ORS'.

[292] Selepas membeli ubat 'ORS' tersebut ZF dan T1, T2 serta SP11 berbuka puasa di Apartment De Centrum. Selepas berbuka puasa menurut T1, ZF telah diberikan ubat 'ORS' yang dikatakan dicadangkan oleh Dr Azfar melalui telefon. Selepas itu ZF kelihatan susah bernafas dan tidak sedarkan diri. Ketika itu barulah T1 menelefon 911 dan SP11 (Nazreen) menunggu di bawah untuk ambulan dan pihak para-medic datang naik ke unit mereka

untuk bantuan penafasan diberikan kepada ZF. ZF kemudian dibawa naik ambulan dan T1 dan T2 naik ambulan tersebut bersama-sama ke Unit Kecemasan Hospital Serdang.

[293] Menurut T1 kakitangan Unit Kecemasan memberitahu T1 yang ZF masih hidup dan jangan risau:

> SD1 — Ada seorang staf hospital ini. Saya tanya macam mana kawan saya, dia cakap jangan risau nadi dia ada. Dia hidup lagi. Lepas itu saya menunggu di bahagian kecemasan sampai ada seorang doktor datang jumpa saya dan Azam.

[294] Mahkamah membandingkan keterangan T1 ini dengan keterangan SP3 Penolong Perubatan yang membawa ZF dengan ambulan yang telah mengesahkan dalam keterangan bahawa ZF telah tidak bernafas, tiada denyutan nadi dan tiada pergerakan anak mata hitam sewaktu mereka merawat ZF di unit kediaman Apartment De Centrum. Begitu juga keterangan pegawai perubatan SP4 yang memberi rawatan kecemasan kepada ZF di Unit Kecemasan di Hospital Serdang menyatakan yang ZF tidak mempunyai tanda hidup, tidak bernafas dan tiada denyutan nadi. Oleh itu T1 memberi gambaran dari awal hingga akhir hayat ZF bahawa tiada yang serius berlaku hasil daripada perbuatan mereka menekap dengan seterika wap ke tubuh ZF.

Doktor di Unit Kecemasan memberitahu T1 bahawa ZF telah tiada

[295] Menurut T1 sewaktu masih menunggu ZF dirawat di Unit Kecemasan jam 9 malam lebih kurang (9.25 malam waktu sebenar) telah datang doktor (SP5) yang merawat ZF memberitahu T1 bahawa ZF telah meninggal dunia. Selepas itu T1 dan T2 dibawa ke Pondok Polis di Hospital Serdang. Di situ T1 menelefon jurulatih UPNM Kapten Azmi dan T2 memberitahu bahawa ZF telah meninggal dunia. Selepas itu anggota polis di situ bercakap dengan Kapten Azmi. Kemudian T1 menelefon ayahnya. Seterusnya selepas itu satu kumpulan polis sampai dan menggari T1 dan T2 dan dibawa ke Balai Polis Dato Abu Bakar Baginda (DABB). Di Balai DABB T1 diberitahu bahawa mereka ditangkap untuk siasatan kematian kes bunuh kawan.

[296] Selepas itu T1 dan T2 dibawa ke UPNM oleh kumpulan polis tadi. Kemudian T1 dibawa untuk mendapatkan seterika wap di bilik Ilham nombor 4-07 di tingkat empat. jurulatih Kapt Azmi dan beberapa orang polis ikut sama bersama T1 dan polis mengeledah Bilik 4–07. Pihak polis Unit Forensik telah menjumpai tali pinggang taekwando. Selepas itu T1 dibawa turun ke bilik gerakan semula. Selepas itu T1 bersahur di Wisma Pegawai pada jam 3 pagi. Seramai 32 orang termasuk T1 dan rakan-rakan di UPNM ditahan polis dan dibawa ke Balai Polis Sepang dengan menaiki bas.

T1 menafikan sakit hati kepada ZF dan hendak mencederakannya

[297] T1 dalam pembelaannya menyatakan walaupun ZF disyaki mencuri laptop T1 namun T1 tidak berdendam dan tidak benci kepada ZF. ZF adalah dalam Batalion Tuah yang sama dengan T1 dan dalam Fakulti Kejuruteraan yang sama dan sangat rapat dengan ZF.

[298] T1 memberi pembelaan bahawa beliau tidak mengetahui perbuatannya menekap seterika wap ke atas ZF menyebabkan ZF ditimpa kecederaan sedemikian. Menurut T1 beliau pasti permukaan seterika tidak terkena kulit ZF dan tidak kelihatan apa-apa kesan sewaktu T1 cuba menekap ke tubuh ZF.

T1: Sebab waktu saya cucuh, saya dah pastikan ada jarak antara seterika dengan kulit dia.

[299] T1 juga memberi pembelaan yang beliau mengambil berat hal kebajikan ZF apabila rakan-rakan pelajar UPNM tidak mengambil berat kesihatan ZF. T1 mengakui beliau sebagai rakan baik ZF tidak akan membiarkan ZF sakit tanpa ditolong. Namun T1 mengakui menolak dan menggunakan seterika tetapi kurang sesaat sahaja ke atas ZF atas alasan tetap akan menegur ZF atas perbuatannya.

[300] T1 memberi alasan lagi bahawa ZF sendiri yang enggan mendapat rawatan di hospital bimbang pihak atasan UPNM tahu akan kejadian mencuri laptop. T1 memberi gambaran bahawa keadaan ZF adalah semakin pulih dan masih mengikuti aktiviti seperti biasa. Mahkamah ini mendapati adalah keadaan ZF yang digambarkan oleh T1 jelas berlawanan dengan keadaan sebenar ZF semasa di bawa oleh T1 dan rakannya ke bilik lain dengan cara menaiki kerusi roda kerana terlalu sukar dan sakit untuk berjalan sejurus selepas surat layang ditularkan oleh jurulatih yang mencari kadet yang sakit parah berada di bilik T1.

T1 disoal balas oleh peguambela T3

[301] Antara tertuduh yang menyoal balas T1 adalah T3. T1 hanya disoal balas oleh peguam T3 (Muhammad Najib bin Mohd Razi) mengajukan dan soalan berkisar kepada rakan mereka bernama Mubin Mustaza yang mana T1 mengakui Mubin ada memukul ZF.

[302] T1 juga mengakui T3 hanya pergi ke Bilik 04–10 di antara jam 4.45 pagi hingga 5 pagi dan T1 tidak melihat T3 menggunakan seterika ke atas ZF. T1 menyatakan bahawa T1 hingga T6 tiada niat untuk melakukan pembunuhan ke atas ZF dan tiada niat untuk mendatangkan kecederaan ke atas ZF sehingga membawa maut.

T1 disoal balas oleh timbalan pendakwa raya (TPR)

[303] T1 mengakui tidak membuat laporan rasmi kepada pihak UPNM tentang kehilangan laptopnya hanya dimaklumkan secara tidak rasmi kepada jurulatih atau Pegawai Rendah Kanan bernama Aizat.

[304] T1 selepas menafikan ada menolak ZF apabila ditanya oleh TPR telah mengakui pula ada menolak ZF pada kejadian 21hb di Bilik 03–05. Sewaktu ditanya oleh peguambela beliau, T1 mengakui ada menolak dan menggunakan seterika ke atas ZF.

> Soalan Peguam T1: Kalau kawan kenapa ada keperluan kamu menolak dia menggunakan seterika untuk seterika?
>
> Jawapan T1: Walaupun kita kawan tak semestinya kalau kita kawan ada buat salah kita tak boleh tegur dia. Niat saya masa itu macam nak bagitahu dia pasal perbuatan dia sebab baik buruk dia pun dia tetap kawan saya.

[305] Semasa disoal balas oleh TPR, T1 mengakui bahawa ZF membuat pengakuan salah di hadapan T1 sahaja dan T1 sendiri tidak pasti sama ada beliau ada memberitahu kepada sesiapa. T1 seterusnya tidak bersetuju yang beliau hanya reka cerita tentang pengakuan salah ZF kepadanya. T1 juga akui beliau ada mencucuh atau menekap pada badan ZF sebanyak dua tempat iaitu di tapak kaki dan di lutut, namun menafikan ada mencucuh di bahagian lain lagi. T1 juga akui bahawa ZF akan menjerit setiap kali dicucuh dengan seterika. T1 menjawab tidak tahu sama ada rakan-rakannya yang lain seperti T2 hingga T5 ada mencucuh badan ZF.

[306] Kebanyakan jawapan T1 dari soal balas oleh TPR adalah dengan jawapan 'tidak tahu', 'tidak ingat', 'tidak pasti'. Berbeza dengan keterangan T1 semasa pemeriksaan utama yang begitu tepat dan berpengetahuan.

[307] Semasa ditanya oleh TPR sama ada T2 hingga T5 mencucuh ZF dengan seterika T1 menjawab 'Saya tak tahu'. Namun anehnya sewaktu Pemeriksaan Utama T1 dapat pula menceritakan dengan terperinci bagaimana Mubin Muntaza mencucuh seterika panas ke atas ZF di bahagian perut.

T1 menyatakan ZF menjerit walaupun hanya diacah

[308] T1 ditanya oleh TPR soalan seperti berikut dan jawapan T1:

> TPR: Awak kata ZF menjerit tapi sebenarnya tak kena pun. Acah-acah je tu. Jadi awak nak kata ZF berlakon?
>
> T1: Ya.

[309] Terdahulu sewaktu pemeriksaan utama oleh peguambelanya T1 telah menyatakan yang ZF macam berlebih-lebih walau pun seterika tidak mengena

badan:

Peguam: Bila kamu dengar ZF menjerit, apa reaksi kamu?

T1: Masa dia menjerit, saya rasa dia macam lebih-lebih sebab saya acah pun dia dah jerit-jerit walaupun tak kena.

[310] Namun sebaliknya T1 mengakui sewaktu disoalbalas oleh TPR bahawa keadaan badan ZF antara 23–26hb Mei badan penuh dengan luka-luka melecur akibat daripada penggunaan seterika.

Rawatan di Klinik As-Salam

[311] Sewaktu ditanya oleh TPR, T1 mengakui semasa membawa ZF ke Klinik As-Salam pada 27hb ketiga-tiga tertuduh iaitu T1 sendiri, T4 dan T6 turut masuk ke dalam bilik rawatan bersama ZF. Walau bagaimanapun T1 menafikan bahawa tiada temujanji kedua pada 31hb diberikan oleh Dr Azfar.

[312] T1 seterusnya mengakui bahawa kos rawatan ZF yang terlibat adalah melebihi RM1,000 untuk dua kali rawatan di Klinik As-Salam (RM454 dan RM495) dan juga kos tinggal di Hotel Bangi Lanai. T1 turut mengakui bahawa tiada sebarang kos sekiranya dihantar ZF mendapat rawatan di Klinik UPNM. Namun T1 menafikan yang beliau dan rakan-rakan tertuduh membawa ZF ke Klinik As-Salam untuk menutup kecederaan ZF daripada terbongkardan dengan memberi alasan kecederaan akibat latihan di Port Dickson.

[313] Dalam T1 mengakui hanya sekejap sahaja masa diambil jika membawa ZF ke Hospital Serdang dari Apartment De Centrum, namun tidak dibawa ZF ke Hospital Serdang. T1 memberi alasan bahawa ZF sendiri yang enggan ke hospital. T1 memberi alasan bahawa beliau telah menjaga dan membawa ZF ke klinik walaupun kos mahal sebab tanggungjawab moral T1 dan rakan-rakan jenayahnya yang lain menjaga ZF apabila rakan-rakan yang lain tidak mengambil berat ke atas ZF. T1 menafikan yang mereka berenam takut akan diketahui punca kecederaan ZF akibat didera dengan seterika oleh mereka.

Pemeriksaan semula oleh peguambela T1

[314] Dalam soalan semula peguambelanya T1 terus menafikan bahawa ZF dalam keadaan teruk kecederaannya dan menafikan SP7 Dr Azfar ada memberi surat rujukan agar dibawa ZF ke Hospital Serdang. T1 sebaliknya menyatakan SP7 Dr Azfar memberitahunya bahawa ZF beransur pulih dan SP7 tidak pernah mencadangkan agar dibawa ZF ke hospital. T1 turut memberi alasan bahawa ZF sendiri yang tidak mahu ke Klinik UPNM mendapat rawatan atas alasan ZF takut pihak atasan mengetahui beliau mencuri laptop. Jawapan solan

semula T1:

> Peguam T1: Kamu juga ada ditanya berhubung dengan kos-kos yang terlibat. Dicadangkan bahawa kos yang terlibat secara anggaran RM1000 lebih. Dicadangkan kamu akan dapat rawatan percuma kalu kamu bawa ke Klinik UPNM. Kenapa tak bawa ZF pergi ke Klinik UPNM?
>
> T1: Saya ada cadangkan dekat dia tapi dia tak nak pergi Klinik UPNM.
>
> Peguam T1: Ada dia bagitahu kenapa?
>
> T1: Sebab dia tak nak pihak atasan tahu perbuatan mencuri laptop.

[315] Semasa pemeriksaan semula T1 menafikan beberapa fakta yang Dr Azfar (SP7) berikan, antaranya ialah:

(a) T1 menafikan mereka (tertuduh-tertuduh) yang telah memberitahu Dr Azfar akan rekaan cerita latihan di Port Dickson sebagai punca kecederaan tetapi T1 menyatakan ZF sendiri yang reka-rekakan cerita itu di hadapan SP7;

(b) Dr Azfar yang memberitahu T1 dan rakan-rakannya keadaan ZF stabil dan Dr Azfar yang mencadangkan tidak perlu ke hospital dan Dr Azfar yang berikan temujanji kedua pada 31hb tersebut;

(c) cadangan memberi ubat ORS diberikan melalui telefon oleh mereka di Klinik As-Salam namun tidak diketahui oleh siapa. Menurut T1 beliau tidak tahu apa itu ORS; dan

(d) T1 menafikan Dr Azfar memarahinya apabila membawa ZF ke Klinik As-Salam kali kedua pada 31hb dan tidak membawa ZF ke hospital. Menurut T1 beliau akan membawa ZF ke hospital sekiranya benar Dr Azfar arahkan ke hospital.

[316] Mahkamah ini meneliti pembelaan T1 sewaktu disoal semula oleh peguambelanya berkenaan ZF keluar dari kampus UPNM pada 26hb dengan Yus Alif (SP19) iaitu sepupu kepada T2 ke Hotel Bangi Lanai. T1 mengatakan beliau tidak tahu akan pergerakan ZF dengan alasan yang T1 berikan bahawa beliau keluar bersama T6 ke Sg Besi. Malah tarikh 26hb ZF keluar dari UPNM bukan tarikh yang T1 pilih. Walhal mereka telah berkumpul di Hotel Bangi Lanai selepas itu untuk membawa ZF ke klinik pada 27hb.

[317] T1 menyatakan ZF dibawa ke Klinik As-Salam bukan sebab seriusnya kecederaan tubuh ZF tetapi hanya untuk mengetahui tentang luka ZF sama ada terdapat jangkitan atau tidak:

> Soalan Peguam T1: Kalau kamu katakan tadi ada kesan luka yang dah kering dan sembuh, kenapa perlu keluar pada 26hb dan bawa ke klinik pada 27hb?

T1: Sebab nak tahu pasal luka dia sama ada kena infection atau tidak. Kita tidak tahu keadaan luka itu boleh membahayakan dia ke apa.

[318] Ternyata T1 di dalam berdolak dalih memberikan pembelaan yang berlawanan dengan keterangannya yang sendiri. T1 sanggup menghabiskan wang menyewa hotel dan membawa ZF mendapat rawatan sebanyak dua kali (27hb dan 31hb) walaupun T1 mengambarkan ZF kelihatan biasa dan tidak mengalami luka yang serius. Jika benar T1 dan rakan-rakannya sebagai orang biasa tidak tahu bezakan luka ZF serius atau tidak kenapa pula perlu menghabiskan wang ringgit hanya untuk hendak mengetahui sama ada luka itu boleh membahayakan ZF atau tidak:

Soalan Peguam T1: Kamu juga ada ditanya berhubung dengan losyen gamat. Kamu dicadangkan bahawa kamu dan Azamuddin ada menyapu losyen gamat kepada ZF dan di tanyakan apa fungsi losyen gamat, kamu kata biasanya untuk cedera dan bengkak. Boleh jelaskan kenapa losyen gamat tersebut disapukan kepada ZF?

T1: Sebab nampak tanda merah dekat ZF macam sunburn.

[319] T1 berdolak dalih lagi apabila menafikan pula seterika terkena pada badan ZF sewaktu menjawab semasa disoal semula oleh peguamnya. Sebelum itu T1 telahpun mengakui mencucuh seterika di bahagian kaki dan lutut ZF.

T1: Penggunaan iron yang saya buat ke atas ZF adalah di bahagian tapak kaki dan lutut. Saya pasti ada jarak kebih kurang sejengkal dan kurang daripada sesaat.

T1: Dia menjerit lepas saya menggunakan iron itu tapi dia menjerit itu macam pretend sebab masa saya acah itu dia dah menjerit berkali-kali.

[320] T1 sewaktu disoal oleh mahkamah (saya) dengan merujuk kepada gambar mayat ZF, sama ada kecederaan ZF serius banyak atau serius sedikit, T1 hanya menjawab tidak serius dan masih tidak mahu menjawab serius walaupun menurut T1 itulah pertama kali melihat gambar mayat ZF dengan 90 tekapan di bilik mayat.

L. KETERANGAN PEMBELAAN T2 MUHAMMAD AZMUDDIN BIN SOFI

[321] T2 semasa memberi keterangan pembelaan pada 2019 berumur tiga tahun dan sewaktu kejadian pada Mei 2017 T2 berumur 21 tahun. T2 memasuki UPNM tahun 2014 dalam bidang asasi dan lanjut kepada siswazah jurusan Sarjana Muda Sains Komputer (Sekuriti). Sewaktu kejadian Mei 2017 beliau berada di tahun kedua pengajian. Sewaktu itu beliau tinggal di Asrama Blok Jebat Bilik No 5–02 bersama-sama rakan sebilik adalah T5 — Mohamad Shobirin bin Sabri Muhammad, T11 — Muhammad Amirul Asraff, Muhammad Izzudin bin Nazri, Muhamad Luqman Razali dan Muhammad Ahzaa.

[322] Menurut T2, pada awal pagi 21hb Mei 2027 sewaktu berada di biliknya beliau mendapat tahu adanya soal menyoal ke atas ZF daripada kawanya Izuddin Nazri namun T2 hanya berada di biliknya sahaja dan tidak ke tempat di mana ZF di soal siasat.

Kejadian 22hb awal pagi T2 hanya menolak tetapi tidak memukul ZF

[323] Pada 22hb awal pagi lebih kurang jam 12.30 pagi, T2 diajak oleh rakannya bernama Mubin Mustaza untuk ke bilik asrama di blok yang sama bilik nombor 04–10. Bilik ini adalah bilik yang juga rakan mereka tinggal di situ iaitu T1 — Akmal Zuhairi, T3 — Najib dan Alif Farhan. Menurut T2 beliau tidak tahu apakah tujuan tujuan ke Bilik 04–10 sewaktu Mubin mengajaknya:

Peguam T2: Kenapa Mubin ajak kamu pergi ke Bilik 04–10?

T2: Mubin tak ada bagitahu apa-apa tujuan kenapa dia ajak.

[324] Menurut T2 pada jam lebih kurang 2 pagi baru T2 ke Bilik 04–10 dan di dalam pencahayaan lampu meja T2 melihat ramai pelajar UPNM sedang menyoal ZF. Menurut T2 lagi, ZF disoal siasat oleh rakan-rakan selama dua jam atas kehilangan barang. Ada berlaku sedikit tolak menolak antara rakan-rakan dengan ZF tetapi sekejap sahaja.

[325] T2 mengenali antara kawan-kawan yang ada di dalam Bilik 04–10 pada waktu itu adalah Ahmad Senabil (SP24). T2 menafikan akan keterangan SP24 bahawa T2 ada menumbuk ZF. Menurut T2 beliau hanya menolak ZF sebab ZF selalu bertukar-tukar pengakuan dan percakapannya bila disoal atas kehilangan barang. T2 turut menyebut tentang pelajar-pelajar yang lain berada di dalam Bilik 04–10 waktu itu. Mereka ialah Mubin Mustaza, Syafiq Abdullah, Akmal Zuhairi, Noramizan.

Kejadian selepas jam 4.30 pagi 22hb menekap ZF dengan seterika

[326] Menurut T2 antara jam 4.30 pagi ramai pelajar telah meninggalkan Bilik 04–10 dan menurut T2 ada di antara mereka yang masih tinggal di bilik tersebut adalah:

12: Lebih kurang pukul 4.30 pagi, kebanyakan pelajar telah balik.

Peguam T2: Siapa lagi yang berada dalam Bilik 04–10 tersebut pada ketika itu?

T2: Seingat saya Akmal Zuhairi, Mubin, Syafiq, Senabil dan Shukri Junoh.

T2 menceritakan Mubin menekap seterika ke atas ZF beberapa kali

[327] T2 menyatakan beliau ada melihat Mubin ada mengambil seterika di dalam bilik tersebut dan Mubin ada menyatakan yang beliau akan menggunakan seterika ke atas ZF untuk ZF bercakap benar dan Mubin ada menggunakan beberapa kali seterika ke atas ZF.

[328] T2 dapat memberi keterangan bahawa yang beliau nampak jika ada apa-apa kesan ke atas badan ZF selepas diseterika oleh Mubin dan T2 berpendapat tekapan dengan seterika tidak mendatangkan kecederaan walaupun mengakui ZF ada menjerit sewaktu ditekap:

> T2: Pada waktu Mubin menggunakan seterika, saya tidak nampak apa-apa kesan pada ZF dan juga saya beranggapan yang perbuatan itu bukanlah boleh mendatangkan kecederaan terhadap ZF.

T2 menyatakan ZF hanya berlakon sakit dan menjerit sewaktu T1 mengacah seterika ke atas ZF

[329] T2 turut memberi keterangan yang bersamaan dengan T1 menyatakan ZF berlakon sakit dan menjerit apabila T1 mengacah-acah seterika ke atas ZF. Menurut T2, T1 ada menggunakan seterika tersebut ke atas ZF:

> T2: Pada saya, saya tidak tahu dan beranggapan perbuatan itu boleh mendatangkan kecederaan sebab waktu mereka buat tiada langsung kesan pada ZF.
>
> Peguam T2: Tapi kamu kata ada dengar jerit. Jadi apa yang kamu faham bila ada jeritan daripada ZF?
>
> T2: Pada saya jeritan itu bukan jeritan yang sebenar. Macam lakonan sebab waktu Zuhairi mengacah ZF juga tetap menjerit.

[330] T2 menyatakan bahawa T1 hanya menekap seterika wap ke atas ZF hanya sesaat sahaja. Selepas itu T2 mengakui beliau juga turut menggunakan seterika wap menekap badan ZF dan T2 mengambil seterika itu dari atas meja. Menurut T2 beliau menekap ZF selepas Mubin menyatakan yang ZF kena diajar sedikit:

> T2: Selepas itu saya ada dengar Mubin cakap lebih kurang macam ini. ZF ini kena ajar sikit ni. Dah banyak dah kes-kes sebelum ini dia buat. Jadi saya pun menggunakan juga seterika tersebut.

Keterangan T2 hampir sama dengan T1, menekap seterika tetapi tidak mengena badan ZF dan T6 tidak terlibat memberi seterika

[331] Keterangan T2 di atas tidak libatkan T6 sama ada mengarahkan T2 menekap ZF atau T6 memberikan seterika kepada T2 supaya menekap ZF tetapi perbuatan T2 adalah atas dorongan oleh Mubin. Menurut T2 lagi

selepas T1 menggunakan seterika tersebut T1 telah letakkannya pergi di atas meja dan T1 ke tandas. Keterangan T2 ini seperti 'copy paste' dengan keterangan T1.

[332] T2 turut memberi keterangan tentang tekapan seterika yang hampir sama dengan T1 bahawa seterika yang digunakan oleh T2 tidak mengenai tubuh badan ZF walaupun T2 akui menggunakan seterika pada bahagian bahu dan peha ZF namun dan ZF menjerit walaupun tidak mengenai tubuhnya:

> T2: Saya guna iron ini, saya buat pada tubuh badan ZF lebih kurang sesaat pada bahu dan juga peha ZF. Tapi semasa saya buat, iron dan ZF tidak bersentuhan.

[333] Menurut T2 walaupun seterika tidak mengenai badan ZF namun ZF menjerit dan T2 mengatakan tidak kelihatan sebarang kesan pada badan ZF. Menurut T2 lagi selepas menggunakan seterika ke atas ZF beliau meletakkan kembali seterika di atas meja dan T1 mengajak T2 keluar untuk menghisap rokok. Selepas itu T2 balik ke biliknya di 5–02 dan singgah di Bilik 04–10 semula dan melihat T1 sedang menyapu ubat pada badan ZF dan T2 turut sama melakukan menyapu ubat pada ZF. T2 menjelaskan walaupun tiada kesan sewaktu menekap seterika pada ZF tetapi selepas itu terdapat kesan merah. Semasa di dalam mahkamah, apabila gambar jasad ZF (P9 (9–12)) ditunjukkan kepadanya T2 menafikan kecederaan ZF seteruk itu sejurus selepas ditekap dengan seterika.

ZF sendiri yang tidak mahu pihak atasan UPNM mengetahui keadaannya

[334] Menurut T2, ZF sendiri yang tidak mahu pihak atasan UPNM mengetahui tentang kecederaannya, dan bukannya T2 atau rakan-rakan yang lain yang menyorok keadaan ZF daripada diketahui. Kejadian surat layang yang tular berkenaan ZF sakit di Bilik 04–10 pada 23hb Mei menurut T2 bukannya menjadi sebab T1 atau T2 yang mahu memindahkan ZF ke bilik lain tetapi ZF sendiri yang meminta agar beliau dibawa ke bawa ke Bilik 4–06 agar tidak ditemui oleh jurulatih.

Keterangan T2, ZF mendapat rawatan di klinik

[335] Keterangan T2, ZF enggan dibawa untuk rawatan di Klinik UPNM walaupun diajak oleh T2 di mana ZF memberitahu T2 bahawa beliau 'OK'. Namun pada 26hb ZF dan T2 ke Hotel Bangi Lanai bagi tujuan membawa ZF ke klinik bagi memastikan ZF betul-betul sihat, di mana sepupu T2 bersama Yus Alif (SP19) membawa mereka iaitu ZF, Sufi (T16), Afif Najmudin (T4) dengan kereta SP19. Sebelum itu ZF menemui teman wanitanya SP18 — Syuhada.

[336] Sebelum mereka ke Klinik As-Salam pada 27hb mereka menginap di Hotel Bangi Lanai iaitu ZF, T2, 14 dan T16. Pada 27hb, T2 tidak menyertai rakannya ke Klinik As-Salam. T2 menghadiri perbincangan pengajiannya dan selepas itu menyewa kereta dan pada waktu malam baru balik semula ke Hotel Bangi Lanai berjumpa ZF dan rakan-rakan tadi.

[337] T2 memberi gambaran yang sama dengan T1 tentang keadaan ZF iaitu ZF kelihatan biasa sahaja cuma terdapat balutanpada bahagian perut dan kaki ZF selepas balik dari Klinik As-Salam Bangi. Selepas itu antara 27hb hingga 31hb ZF dan tertuduh T1, T2, 14 dan T6 balik semula ke UPNM. Bila ditanya keadaan ZF, T2 menjawab:

Peguam T2: Dalam tempoh 28–31 Mei bagaimana keadaan ZF.

T2: Secara fizikal ZF okay.

[338] Manakala pada luka-luka lain T2 mengatakan kelihatan kering dan tidak serius, melainkan yang berbalut dengan bandage tidak T2 ketahui keadaannya. Menurut T2 walaupun luka-luka kering dan semakin baik ZF datang kali kedua ke Klinik As-Salam atas temujanji yang diberikan oleh Dr.

[339] Menurut T2, pada 30hb, pada sebelah malam ZF bersama T1 dan T2 ke Klinik As-Salam dan telah menumpang di Pangsapuri De Centrum iaitu di unit kediaman sewaan SP12 rakan T1. Esoknya pada 31hb Mei T2 bersama T1 dan ZF menaiki kereta sewa Uber dari De Centrum ke Klinik As-Salam di Bangi.

[340] Menurut T2 beliau dan T1 masuk bersama ke bilik rawatan semasa SP6 Dr Azfar memberi rawatan ke atas ZF. T2 menyatakan tidak timbul langsung isu Dr Azfar memarahi mereka kerana tidak membawa ZF mendapatkan rawatan ke Hospital Serdang. Dr Azfar menetapkan empat hari lagi untuk temujanji ZF datang semula dan tidak pernah T2 melihat surat rujukan (P13 dan P14) tersebut diberikan oleh SP7 atau pembantu klinik sewaktu mengambil ubat atau membuat bayaran.

[341] Selepas balik dari Klinik As-Salam mereka bertiga balik ke Apartment De Centrum dan pada keesokan harinya jam 11.30 pagi 1 Jun T2 mereka tersedar daripada tidur apabila mendapati ZF muntah dan cirit birit. Menurut T2 inilah kali pertama ZF berkeadaan begini. T1 pula ada menelefon Klinik As-Salam dan diberitahu oleh Dr Azfar melalui pembantu klinik supaya ZF diberi 'ORS' iaitu sejenis ubat. Pada waktu ini T2 tidak membawa ZF ke hospital atau menghubungi ambulan atas alasan berpuas hati dengan apa yang disyorkan 'ORS' kepada ZF.

[342] Menurut T2 sewaktu akhir hayat ZF, ZF ada memberitahu T2 yang dia sayangkan T2 dan rindu kepada emak dan ayahnya di kampung dan mengimbau kembali waktu T2 datang ke rumah ZF di Johor. Kemudian, apabila T1 balik membeli 'ORS' mereka memberi minum kepada ZF sehingga waktu berbuka puasa dan ZF berehat tidur.

[343] Keterangan oleh T2 tentang keadaan ZF yang setelah dibantu meniarap dan tidak sedarkan diri adalah hampir sama dengan apa yang diberikan oleh T1 sebelum ini. Menurut T2, T1 yang panik melihat keadaan tubuh ZF tidak bergerak dan sejuk lantas T1 menelefon ambulan. Walaupun ZF diberi bantuan oksigen oleh pembantu hospital yang datang dengan ambulan namun ZF masih tidak sedarkan diri. Dari situ ZF tidak sedarkan diri dan sehingga ZF dibawa ke Unit Kecemasan Hospital Serdang dan disahkan meninggal dunia oleh doktor walaupun sebelum disahkan meninggal dunia, staf hospital ada memberitahu T2 dan T1 bahawa ZF masih bernyawa.

[344] Keterangan berkenaan selepas kematian ZF antara T2 dan T1 adalah hampir sama di mana mereka digari dan dibawa ke balai polis DABB dan ke UPNM sewaktu itu telah 2hb Jun jam 1 pagi. Selepas itu mereka bersahur dan dibawa ke Balai Polis Sepang seramai 32 orang dengan bas.

Persahabatan T2 dengan ZF seperti sebuah tasbih sangat akrab

[345] T2 memberi gambaran persahabatan beliau dengan ZF adalah seperti sebuah tasbih yang mana ada awalnya tetapi tanpa penghujung. T2 menjelaskan bahawa beliau menekap ZF adalah untuk menasihati ZF dan tidak tahu ianya membawa kecederaan yang serius dan apabila ZF menjerit, T2 lebih kepada menyangka arwah ZF banyak berlakon. Menurut T2 keadaan badan ZF pada 22hb tidak kelihatan apa-apa kecederaan. T2 menyatakan keadaan ZF adalah biasa masih boleh belajar, menonton drama, makan minum dan sebagainya walaupun pada waktu selepas dipukul dan ditekap seterika sehingga di bawa ke Klinik As-Salam:

> T2: Hubungan saya dengan ZF saya boleh analogikan seperti seutas tasbih yang mana ada awalnya dan tidak berpenghujung. Walaupun ZF telah pergi bertemu penciptanya, saya dan rakan-rakan sentiasa mendoakan kesejahteraan beliau. Berkenaan dengan ZF, perkenalan kami bermula dari tahun 2014. Walaupun saya dan ZF berbeza dalam jurusan akademik tetapi UPNM yang menanamkan erti persahabatan dan menanam kepada kami prinsip no man left behind menyebabkan saya dan ZF berkawan baik.

[346] Namun daripada penelitian mahkamah pada keterangan SP21 pemandu grab yang membawa mereka dari Apartment De Centrum ke Klinik As-Salam adalah berbeza dengan apa yang T2 nyatakan beliau sayang dan ambil berat ke atas ZF. SP21 menyatakan peristiwa 31hb hari akhir hayat ZF ke

klinik yang mana SP21 membawa ZF dan T1 dan T2 bahawa ZF berada atas kerusi berair. ZF memakai kain pelikat dan berbalut tangan dan kaki. Menurut SP21 sewaktu keluar kereta untuk masuk ke Klinik As-Salam SP21 mendengar ZF mengeluh sakit sebab T1 dan T2 menolak kerusi secara cuai dan terkena kaki ZF sehinggakan SP21 marah ke atas T1 dan T2 namun kedua mereka hanya senyum sahaja. SP21 menyatakan beliau banyak menolong ZF disebabkan kesian dengan keadaan ZF yang sangat sakit tetapi rakannya tidak menolong ZF. Begitu juga semasa SP21 membantu ZF untuk naik ke kereta yang pada pandangan SP21, ZF agak sukar memandangkan keadaanya pada masa itu, namun T1 dan T2 tidak membantu ZF tetapi hanya SP21 yang memapah ZF.

[347] Keterangan saksi SP21 yang melihat betapa teruk keadaan luka dan kesihatan ZF. SP21 hanya mengenali kesemua mereka hanya pada hari tersebut sahaja sehari sebelum arwah menemui ajalnya dan menilai T1 dan T2 sebagai tidak ada perikemanusiaan ke atas ZF sehari sebelum arwah menemui ajalnya. Jika diikutkan keterangan T1 dan T2, digambarkan keadaan ZF biasa sahaja dan hampir pulih. Namun hakikatnya ZF menghembus nafasnya yang terakhir pada keesokan hari iaitu 1 Jun akibat kecederaan yang dialaminya.

Analisis keterangan pembelaan T2 disoal balas

[348] Hanya tiga orang peguambela sahaja iaitu peguambela bagi tertuduh T3, T6 dan T16, T17 dan T18 yang menyoal balas T2. Selainnya T2 disoal balas oleh Puan TPR.

[349] Soalan balas oleh peguambela T3 adalah berkisar tentang T2 dan rakan-rakan yang menghadapi pertuduhan di bawah s 302 KK dan s 330 KK di mana T2 menjawab beliau dan rakan-rakan tiada niat melakukan kecederaan yang membawa kematian ke atas ZF dan tiada niat memeras ugut ZF untuk pengakuan mencuri.

[350] Soal balas oleh peguambela T6 pula, T2 menjawab bahawa kenyataan T2 meminta maaf dengan ZF untuk dirinya sahaja bukan mewakili rakan-rakan yang lain.

[351] Soal Balas oleh peguambela yang mewakili T16, T17 dan T18 hanya berkenaan tujuan membawa ZF sebanyak dua kali ke Klinik As-Salam atas sebab hendak memberi rawatan dan mengambil berat kepada ZF.

T2 disoal balas oleh Puan TPR

[352] Dalam soal balas oleh Puan TPR, T2 tidak bersetuju keadaan bilik terang pada malam kejadian ZF dan ditekap dengan seterika di Bilik 04–10

sebab hanya ada cahaya lampu meja sahaja. T2 turut menafikan beliau pernah mengakui kejadian tolak menolak antara ZF dan rakan-rakan di Bilik 04–10 selama dua jam tetapi hanya sekejap sahaja.

[353] T2 turut menafikan keterangan saksi pendakwaan SP24 — Senabil bahawa T2 ada menumbuk ZF. T2 sewaktu menjawab soalan TPR, T2 hanya mengakui hanya menolak sahaja ZF atas sebab ZF memberi jawapan yang berubah-ubah dan tidak jujur bila ditanya akan kehilangan laptop T1.

[354] T2 tidak dapat pastikan siapa lagi yang berada di Bilik 04–10 sewaktu kejadian tolak menolak pada 22hb di antara ZF dengan T2 dan T1, T2 tidak dapat ingat kehadiran sama ada Najib, Afif Najmudin, Abdul Hakeem, Amirul Asraff, Hafiz Fauzan, Lukhmanul Hakim, Shafwan, Sufi, Noriznan, Ashraf dan Danial Firdaus.

[355] T2 juga tidak dapat pastikan sama ada T1, Najib, Afif, Shobirin dan Abdoul Hakeem masih berada di Bilik 04–10 setelah ramai yang Namun T2 dapat pastikan Mubin Mustaza ada di bilik tersebut sewaktu itu dan menekap ZF dengan seterika dan ZF menjerit.

[356] T2 menafikan T6 terlibat mengarahkan T1 hingga T5 menekap seterika ke atas ZF secara bergilir-gilir. T2 turut menyatakan tekapan T1 ke atas ZF tidak terkena tubuh ZF dan ZF berlakon sahaja apabila beliau menjerit. T2 menafikan dia ada menekap kemaluan ZF walaupun gambar kecederaan kemaluan P9(37) diakui pada jasad si mati.

[357] T2 tidak bersetuju bila dicadangkan oleh TPR yang T1 dan T2 tidak keluar selama 30 minit dari Bilik 04–10 untuk merokok. T2 juga menafikan ZF diikat dengan tali digunakan untuk mengikat kaki dan tangan ZF.

[358] T2 memberi versi yang berbeza bahawa ZF sendiri yang hendak berpindah bilik apabila pihak jurulatih hendak membuat pemeriksaan ke atas Bilik 04–10. T2 menafikan ZF dibawa keluar dari UPNM dan di bawa ke Klinik As-Salam apabila pelajar semua perlu mengosongkan asrama.

[359] T2 bersetuju ZF perlu dibawa ke Pangsapuri De Centrum dan ke Klinik As-Salam menggunakan *wheelchair*:

> TPR: Saya katakan itu adalah wheelchair yang digunakan untuk bawa ZF ke De Centrum dan Klinik As-Salam. Setuju?
>
> T2: Saya setuju.

[360] Walau ZF dibawa ke klinik dengan kerusi roda, namun T2 terus menafikan keadaan ZF sewaktu dibawa ke Klinik As-Salam pada 31hb adalah semakin lemah dan teruk. T2 juga tidak bersetuju badan ZF berbau hamis dan busuk pada ketika itu.

Pemeriksaan semula oleh peguambela T2

[361] Walaupun beliau dapat melihat apa yang dilakukan oleh Mubin Mustaza ke atas ZF, namun berkenaan rakan-rakannya yang berada di dalam bilik yang sama, T2 memilih untuk menyatakan samar-samar pencahayaan dari lampu meja.

[362] T2 menjelaskan bahawa ZF sendiri yang tidak mahu dirawat di klinik kesihatan UPNM (RESAT) dan ZF memilih untuk dirawat di Klinik As-Salam. Menurut T2, SP21 iaitu pemandu Grab mengambarkan keadaan ZF teruk adalah tidak benar sebab ZF kelihatan biasa sahaja dan T2 lebih lama bersama T2 daripada SP21 yang sekejap sahaja membawa ZF pergi dan balik dari klinik pada 31hb. Daripada penelitian mahkamah keadaan adalah sebaliknya apabila dengan hanya seketika SP21 melihat ZF semasa membawa beliau pada 31hb, SP21 telah dapat melihat kecederaan ZF yang teruk dan bau yang busuk, seharusnya T2 yang lama bersama ZF, tentunya lebih jelas mengetahui keadaan kecederaan ZF yang teruk. Namun, dalam keadaan itu pun,T2 masih berdolak dalih di dalam menjawab soalan peguam sendiri.

[363] Walaupun kecederaan ZF yang teruk sehingga membawa maut, namun sebaliknya T2 menjelaskan beliau tidak menggunakan kekerasan ke atas ZF untuk mendapatkan pengakuan tetapi sekadar untuk ZF bercakap jujur. T2 juga turut menyatakan ZF berkeadaan biasa sahaja sehingga pada 31hb ke Klinik As-Salam apabila menyatakan ZF boleh berjalan, makan biasa dan boleh belajar. Menurut T2, ZF dibawa ke Klinik As-Salam bukan sebab kecederaan ZF yang serius tetapi takut dijangkiti virus.

[364] mahkamah ini ada bertanyakan beberapa soalan kepada T2 antaranya berkenaan isi surat layang P17 mengambarkan keadaan ZF 'sangat perlukan rawatan segera' namun T2 menyatakan ZF sendiri bila ditanya oleh T2, ZF menjawab dia 'okay' dan T2 melihat ZF boleh belajar, bersembang. Sekali lagi T2 keterangannya berlawanan dengan keterangan saksi pendakwaan bahawa pada masa membawa lari ZF ke bilik lain mangsa telah di tolak dengan kerusi roda dan dibawa ke klinik dengan kerusi roda.

Penelitian mahkamah ke atas pembelaan T1 dan T2

[365] Mahkamah ini meneliti pembelaan T1 dan T2 adalah sama sekata dibanyak sudut malah di dalam soalan-soalan yang jawapannya negative T2

dan T1 menyatakan 'tidak pasti', tidak ingat dan 'tidak setuju' adalah juga hampir sama. Yang paling ketara sekali ialah T1 dan T2 memberi gambaran yang sama tentang kecederaan ZF dari awal selepas didera dengan seterika sehingga ZF koma di DeCentrum sebelum dipanggil ambulan.

[366] Keterangan tentang mereka berdua tidak tahu betapa panasnya seterika yang digunakan ke atas ZF adalah juga bersamaan. Kedua-dua menyatakan tekapan seterika masing-masing tidak tersentuh pada badan ZF dan tetapi Mubin Mustaza dilihat menekap ZF pada badan ZF. Kedua-duanya juga memberi penjelasan yang sama bahawa tidak pula pasti sama ada T3, T4 hingga T5 menekap seterika pada badan ZF. Begitu juga T1 dan T2 tidak pula melibatkan T6 di dalam mengarahkan T1 hingga T5 menekap seterika pada badan ZF.

[367] T1 dan T2 memberi alasan yang sama bahawa ZF yang hendak berpindah bilik apabila surat layang menjadi tular. ZF sendiri yang tidak mahu ke klinik UPNM untuk rawatan dan ZF sendiri yang hendak mendapat rawatan di klinik swasta dan tidak mahu ke hospital untuk rawatan.

[368] Selain itu T1 dan T2 memberi gambaran mereka sangat sayangkan ZF dan mereka hanya bertindak menolak sahaja dan tidak memukul ZF tetapi hanya secara tidak tersentuh secara acah-acah menekap seterika ke atas ZF dengan tidak tersentuh. Namun T1 dan T2 mendakwa ZF menjerit kuat setiap kali diacah dan mereka hanya tiga kali mengacu sahaja walaupun melihat gambar jasad ZF penuh dengan tekapan seterika T1 dan T2 masih kekal dengan penderian mereka bahawa kecederaan ZF adalah biasa tidak membimbangkan.

M. PEMBELAAN T3 — MUHAMMAD NAJID BIN MOHD RAZI

[369] T3 memberi pembelaan secara bersumpah dan pada masa memberi keterangan T3 berumur 23 tahun. T3 menuntut di MRSM Pengkalan Hulu sebelum memasuki UPNM sebagai kadet di dalam bidang Kejuruteraan Awam. Asrama T3 adalah di Blok Jebat Bilik 04–10. Rakan-rakan sebilik T3 adalah Akmal Zuhairi (T1), Muhammad Lukhmanul Hakim (T14), Izzul Akhtar bin Rosli dan Muhammad Alif Farhan bin Rosni.

[370] Pada 21hb, sebelah malam T3 menyatakan beliau menghadiri taklimat Affin Bank bersama Alif Farhan (nama panggilan 'Papan') sehingga waktu 11.30 malam dan hadiri roll-call selama satu jam sebelum balik ke Bilik 04–10. Sampai di biliknya melihat ramai kadet di dalamnya dan T3 bercadang untuk membaca di Bilik 4–11, tetapi setelah Papan masuk ke Bilik 04–10, Papan ke bilik air dan T2 terlena lebih kurang 5–10 minit di atas katilnya sementara menunggu Papan.

[371] Selepas itu T3 ke Bilik 4–11 dan mendapati Papan telah ada di Bilik 4–11 dan mereka berdua mentelaah pelajaran. Menurut T3 pada jam 4.55 pagi T3 balik ke biliknya di 04–10 kerana mengantuk. Sewaktu hendak menuju ke katilnya, Abdoul Hakeem (T6) telah menghalang T3 dan bertanya T3 dari mana. Keterangan T3 adalah:

> T3: Saya sampai di Bilik 04–10 lebih kurang tak sampai pukul 5 sebab sebelah bilik. Apabila saya sampai di Bilik 04–10, saya ingin menuju ke katil saya. Waktu itu Abdoul Hakeem iaitu ketua 'intake' saya menghalang saya. Dia tanya saya kau dari mana dan saya jawab aku study dekat 4–11. Lepas itu dia suruh saya buat sekali. Pada masa yang sama, tiba-tiba ada orang hulur iron pada saya dan saya pegang iron itu. Seingat saya, saya baru nak pusing menghadap Abdoul Hakeem. ZF telah menjerit. Saya terkejut dan terus melepaskan iron tersebut di atas meja belajar. Seterusnya saya minta kebenaran Abdoul Hakeem untuk pergi tidur dan dia membenarkan. Saya terus ke katil dan tidur.

[372] Mahkamah ini meneliti keterangan T3 yang bersamaan dengan keterangan SP24 dan SP25 bahawa T6 yang memegang seterika dan ada orang yang mengarahkan T3 menekap atau mencucuh seterika (P12) ke badan ZF. Manakala keterangan T1 dan T2 di atas tidak melibatkan T6. Namun T3 tidak mengakui menekap ke badan ZF yang mana T3 terus meletakkan semula T6 apabila terkejut mendengar ZF menjerit. T3 menyatakan beliau meminta kebenaran daripada T6 untuk ke katilnya dan dibenarkan oleh T6.

[373] Mahkamah ini meneliti keterangan T3 yang menutup penglibatan dirinya mencederakan ZF apabila beliau menyatakan beliau memasang 'earphone' dan terus tidur dan sedar pada jam 6.15 pagi. Keterangan ini T3 adalah tidak mengaku terlibat menyoal siasat ZF atas kehilangan laptop dan tidak mendengar dan tidak melihat apa yang berlaku seterusnya.

[374] Menurut T3 beliau melihat ZF hanya keesokan hari dan pada 1hb telah mendengar berita kematian ZF selepas tarawih. Selepas itu jurulatih kadet meminta mereka berada di bilik MES bersahur dan dibawa ke Balai Polis Sepang.

T3 disoal balas oleh peguambela T1 dan T 2

[375] T3 mengakui bahawa T1 turut berada bersama sewaktu taklimat oleh Affin Bank pada malam 21hb. T3 mengakui T1 dan T2 berada di Bilik 04–10 sewaktu beliau diarah menekap ZF oleh T6. T3 akui tidak melihat T1 dan T3 mendera ZF.

[376] T3 mengakui bahawa beliau bersama T1 dan T2 serta dan tertuduh yang lain tidak merancang untuk mencederakan ZF dengan tujuan untuk memeras pengakuan salah ZF mencuri laptop. Daripada penelitian mahkamah

pembelaan T3 ini hanya melibatkan T6 dan menyokong keterangan SP24 dan SP25 tentang peranan T6 yang dikatakan mengarahkan T1–T5 menekap ZF. A

Soal balas oleh peguambela T4 ke atas T3

[377] Peguambela T4 hanya bertanyakan T3 bahawa tiada perancangan awal antara T1 hingga T6 untuk mendera dan mencederakan ZF. B

Soal balas peguambela T6 ke atas T3

[378] Semasa soal balas oleh peguambela T6, T3 menyatakan bahawa ayahnya adalah seorang anggota polis bertugas di IPK Padang Tembak Ipoh berpangkat Sarjan. T3 mengakui telah berada selama dua tahun di dalam reman sewaktu memberi keterangan di mahkamah. C

[379] T3 mengakui bahawa tiada saksi yang menyatakan T6 memegang seterika untuk mencederakan ZF. T3 walau bagaimanapun tidak mengakui beliau tidak berpuas hati dan berdendam terhadap T6 dan keterangan beliau tetap T6 tidak mencederakan ZF dengan seterika. D

[380] T3 tidak bersetuju bahawa dia berbohong apabila menyatakan T6 menghalangnya untuk ke katilnya dan berbohong T6 berikan seterika agar T3 menekap ZF. T3 tidak bersetuju bahawa beliau ada pilihan atas arahan T6 ini. E

[381] T3 tidak bersetuju bahawa beliau bertujuan hendak melibatkan T6 sama dengan pertuduhan ini sebab T3 merasakan T6 patut juga didapati bersalah. T3 tidak bersetuju beliau mereka-rekakan cerita yang beliau meminta kebenaran dari T6 untuk tidur selepas tidak sempat menekap ZF. T3 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela T6 bahawa apa yang terjadi antara T3 dan ZF tiada kaitan dengan T6. F G

Puan TPR soal balas ke atas T3

[382] T3 memilih untuk menjawab tidak pasti apabila disoal balas oleh TPR dalam hal penting pada 21hb dan 22hb di Bilik 04–10. T3 tidak dapat pastikan sama ada ZF ada di Bilik 04–10. T3 tidak tahu bahawa ramai kadet di Bilik 04–10 untuk menyoal siasat ZF atas kehilangan laptop T1. Malah T3 menyatakan bahawa beliau tidak tahu ZF disyaki mencuri laptop T1. H

[383] T3 bukan sahaja tidak mengaku memukul ZF di Bilik 04–10 malah tidak pun tahu sama ada ZF ada di bilik tersebut. Namun T3 telah menyanggahi keterangannya sendiri apabila T3 dapat menyatakan ZF menjerit belum sempat T3 menekap seterika ke atas ZF dan menjawab ada melihat ZF di bilik tersebut. T3 turut menyatakan tidak mengetahui sama ada I

tertuduh-tertuduh yang dituduh di bawah s 330 KK pada 22hb ada di bilik bersama T3.

TPR: Saya katakana masa rama-ramai dalam bilik awak, awak lihat bahawa ZF telah dipukul oleh rakan-rakan kadek awak dalam bilik tersebut bergilir-gilir. Setuju?

T3: Saya tak tahu sama ada ZF ada dalam itu atau tidak.

TPR: Awak kata awak dengar ZF telah menjerit. Maknanya awak ada lihat ZF pada masa itu?

T3: Benar.

TPR: Saya cadangkan bahawa bersama dengan awak, rakan-rakan kadet awak yang lain adalah turut sama memukul ZF pada malam itu ialah Akmal Zuhairi, Muhammad Azamuddin, Afif Najmudin, Abdoul Hakeem, Amirul Asraff, Hafiz Fauzan, Lukhmanul Hakim, Ahmad Shafwan, Muhammad Sufi, Norizan Izzairi, Ashraf dan Danial Firdaus.

T3: Saya tidak tahu.

[384] T3 tidak bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa beliau tidak pernah keluar dari Bilik 04–10 tetapi sentiasa berada di dalam bilik tersebut. T3 juga menyatakan beliau tidak tahu apakah tujuan T6 menahannya dan menghulur seterika kepadanya T3 supaya buat tekapan satu kali.

Keterangan T3 Selepas Kejadian Diseterika

[385] Pada 22hb sebelah petang selepas kejadian menurut T3 beliau ada bertemu dengan ZF di Bilik 04–10 dan kelihatan ZF berjalan seperti biasa. Pada 23hb T3 tahu bahawa ada pemeriksaan di Bilik 04–10 dan pada waktu itu ZF tiada di Bilik 04–10 itu lagi. Menurut T3 selepas tarikh 23hb sehingga 1 Jun 2017 hari kematian ZF, T3 tidak tahu apa yang terjadi pada ZF dan T3 juga akui beliau tidak ambil tahu.

[386] T3 memberi keterangan secara berdolak dalih antara keterangan soalan oleh mahkamah. T3 sewaktu ditanya oleh mahkamah memberitahu beliau tidak pasti siapa yang ada di dalam Bilik 04–10 dan yang T3 perasan ada di bilik tersebut hanyalah T1 dan Izzul Akhtar (SP17). Menurut T3 lagi sewaktu masuk ke Bilik 04–10 beliau masuk bukan T6 yang arahkan beliau T3 menekap ZF satu kali dan tetapi bukan T6 yang memberi seterika kepadanya dan beliau tidak perasan siapa yang berikan. Sebaliknya T3 perasan pula ZF berada di atas lantai.

N. PEMBELAAN T4 — MUHAMMAD AFIF NAJMUDIN BIN AZAHAT

[387] T4 mengambil program asasi kejuruteraan di UPNM dan kemudian melanjut pelajaran di peringkat sarjana muda di UPNM dalam jurusan

Teknologi Maritime untuk selama tiga tahun. T4 tinggal di Blok Asrama Jebat di Bilik 3–03 bersama lima pelajar yang lain. Menurut T4 dan ZF adalah baik dan tidak pernah berdendam dan tiada niat mencederakan ZF. T4 mengakui menggunakan seterika ke atas badan ZF hanya satu saat dan tidak tahu ianya akan mendatangkan cedera. T4 pernah sekelas dengan ZF sewaktu program asasi dan satu batalion dengan ZF.

[388] Pada 19 hingga 21 Mei, 2017 T4 bersama T6, Muhamad Danial Firdaus (T19) dan beberapa rakan yang lain menyertai Program Wacana Anak Muda Cheras dan selepas program, pada sebelah petang 21hb T4 dan rakan-rakan balik ke asrama di UPNM.

[389] Pada awal pagi 22hb jam lebih kurang 1 pagi sewaktu berada di bilik T4, rakannya Noramizan datang ke bilik T4 dan mengajak T4 ke Bilik 04–10. Hanya jam 1.30 pagi baru T4 ke Bilik 04–10 dan didapati ramai kadet di dalam Bilik 04–10 itu termasuk ZF, T4 dapat pastikan kehadiran mereka walaupun hanya terdapat lampu meja sahaja. Antara pelajar yang ada di dalam bilik tersebut ialah Adib Iman (T9), Noriznan Izzairi (T17), Akmal Zuhairi (T1) dan Azamuddin (T2).

[390] Sewaktu itu ZF sedang disoal oleh ramai pelajar UPNM dan berlaku kekecohan tolak menolak dan pukul memukul antara ZF dan pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun T4 menafikan beliau ada terlibat. T4 menyatakan beliau berada di atas katil dan tertidur dan terjaga semula pada jam 4.30 pagi. Pada waktu itu pelajar telah berkurangan di dalam Bilik 04–10 dan yang ada ialah Azamuddin, Akmal Zuhairi, Syafiq, Senabil, Mubin berhampiran dengan ZF. Menurut T4, Mubin ada menekap beberapa kali di badan ZF apabila ZF menjawab soalan berhelah-helah.

[391] T4 turut akui Mubin ada menyerahkan seterika kepada T1 dan T1 ada menekap di bahagian kaki dan meletakkan seterika di atas meja dan beredar. Selepas itu T2 pula mengambil seterika di atas meja dan menekap ZF. Selepas itu T4 ada menghampiri ZF dan mendapati ZF hanya berpeluh tetapi tiada kesan kecederaan. Menurut T4 ada seseorang memberikan seterika kepada T4 dan menyuruh T4 menekap ZF. Menurut T4 beliau ada menekap pada bahagian luar peha ZF sebanyak dua kali secara spontan tanpa niat untuk mencederakan atau membunuh ZF. ZF telah menarik kakinya dan mengerengkot. Mahkamah memerhatikan bahawa T4 tidak menggunakan perkataan ZF menjerit sewaktu ditekap oleh Mubin dan T1 tetapi menggunakan perkataan meninggikan suara.

[392] Menurut T4 selepas menekap ZF beliau meletakkan seterika di atas meja dan meninggalkan Bilik 04–10 sebelum subuh dan balik ke biliknya di

3–03. Selepas kejadian tersebut T4 berjumpa ZF pada 26hb apabila mendapat tahu ZF hendak mendapat rawatan di klinik luar atas kecederaan malam kejadian ditekap seterika.

[393] Pada malam 26hb selepas solat maghrib T4 telah menaiki kereta Yus Alif (SP19) bersama ZF dan T2, Sufi singgah berjumpa Numl Syuhada (SP18) kawan perempuan ZF di Blok Tuah. ZF dan SP18 berbual hanya berdua di dalam kereta selama sepuluh minit. Keterangan SP18 sewaktu kes pendakwaan mengakui fakta menemui ZF di dalam kereta. Selepas itu T4 bersama T1, T5, T6, T16 dan ZF beredar dan pergi menginap di Hotel Bangi Lanai.

Keterangan T4 berkenaan rawatan ZF di Klinik As-Salam pada 27hb

[394] Pada 27hb T4 bersama T1 dan T6, T16 dan ZF ke Klinik As-Salam di Bangi pada waktu tengah hari menaiki kereta yang dipandu oleh Yus Alif. Mereka masuk bersama-sama ZF di bilik rawatan dan ZF telah di rawat oleh Dr Azfar (SP7). Menurut T4, ZF sendiri yang meminta dari SP 7 agar T4 dan tertuduh yang lain dibenarkan bersamanya di bilik rawatan. ZF telah memberitahu SP7 bahawa kecederaannya berpunca daripada latihan tentera di Port Dickson. Menurut SP7 kecederaan ZF tidak membahayakan ZF dan SP7 telah mencuci luka dan membalut luka tersebut. SP7 mengingatkan agar mereka menghubungi SP7 jika terdapat kesan sampingan ke atas ZF selepas itu. SP7 telah memberi tarikh 31hb untuk temujanji akan datang. T4 menafikan SP7 ada memberi sebarang surat rujukan (*referal letter*) kepada mereka atau kepada ZF seperti mana yang SP7 rujuk sebagai P13.

[395] Selepas balik dari Klinik As-Salam T4 telah pulang ke rumahnya di Seremban sehingga 29hb barulah T4 balik semula ke UPNM tetapi tidak bertemu dengan ZF sehingga 1 Jun 2017. Semasa T4 dan palajar-pelajar perlu berada di Wisma Pegawai Kadet telah diberitahu bahawa ZF telah meninggal meninggal dunia. Seramai 32 orang termasuk T4 di bawa dengan bas ke IPD Sepang dan direman selama 14 hari dan selepas itu T4 dituduh dengan pertuduhan di bawah s 302 KK atas kejadian pada awal pagi sehingga sebelum subuh pada 22hb bersama T1 hingga T6 dan lapan orang rakan yang lain di bawah s 330 KK.

Soal balas peguambela T1 dan T2 ke atas T4

[396] Peguambela T1 dan T2 bertanyakan tradisi di UPNM jika berlaku kecurian pelajar-pelajar akan mengambil tindakan ditangan sendiri adalah kebiasaan dan ini dipersetujui oleh T4.

[397] T4 juga mengulangi akan jawapannya sebelum ini bahawa T4 menekap seterika ke atas ZF sebab melihat Mubin menekap ZF dan tidak ada sebarang

kecederaan dan ZF hanya berpeluh sahaja. Namun T4 menjawab tidak pasti apabila diletakkan soalan bahawa T1 dan T2 menekap seterika ke arah badan ZF tetapi tidak terkena tubuhnya. T4 juga menjawab tidak pasti selepas T1 dan T2 menekap ZF mereka ke tandas tetapi T4 bersetuju bahawa T1 dan T2 beredar dari bilik tersebut.

[398] Peguambela T1 dan T2 cuba mencabar keterangan SP23 — Aiman Aufa berkenaan akan keadaan pengetahuannya tentang keadaan seriusnya kecederaan ZF dan penulisan surat layang SP23 sebagai tidak benar. T4 menjawab tidak tahu apabila peguambela T1 dan T2 cadangkan bahawa pada 22hb selepas kejadian SP23 Aiman Aufa tidak pernah melihat kecederaan ZF dan tidak pernah menziarahi ZF sewaktu berada di Bilik 04–10. T4 mengakui bahawa bahawa tiada kecederaan serius ke atas ZF selepas ditekap dengan seterika pada tarikh 22hb. Peguam T1 dan T2 cuba untuk menyanggah pengamatan SP23 bahawa ZF pada selepas kejadian tidak kelihatan serius kecederaannya.

[399] Peguambela T1 dan T2 ada bertanyakan berkenaan surat layang (P17) yang ditulis oleh SP23 menulisnya bersama T8 bahawa T4 tidak pernah melihat surat layang tersebut dan hanya di mahkamah ini baharu mendengar akan adanya surat layang tersebut. T4 mengakui isi surat layang tersebut tidak ada membuat diskripsi akan keadaan fizikal ZF dan bersetuju bahawa surat layang tersebut hanya menyatakan *ambush* Bilik 04–10 sebab ada orang perlukan rawatan. mahkamah meneliti P17 adalah terang lagi bersuluh meminta di'ambush' kerana 'ada pesakit yang sangat perlukan rawatan segera':



[400] Peguambela T1 dan T2 mengajukan soalan dan dipersetujui oleh T4 bahawa ZF tidak kelihatan hampir maut atau nazak pada 22hb dan juga dan pada 26hb sewaktu T4 melihat keadaan ZF. Begitu juga keterangan ZF tidak serius kecederaannya apabila memberi gambaran bahawa Dr Azfar (SP7) di Klinik As-Salam merawat ZF dan mencuci dan membalut luka ZF dengan menujukkan tidak serius kecederaannya dan jika tidak mana mungkin SP7 masih hendak merawat ZF. T4 bersetuju akan cadangan peguam bahawa surat rujukan (P13) yang menyatakan ZF perlu dibawa ke hospital tidak pernah dilihat oleh mereka. Peguambela T1 dan T2 memberi cadangan bahawa mereka tidak menyangka kos rawatan sebanyak lebih RM400 dan mereka tidak menyagka sebegitu mahal. Namun mahkamah ini mendapati agak pelik walaupun tertuduh tidak menyangkakan kos rawatan mahal, tetapi masih lagi membawa ZF rawatan kali kedua apabila pada 31hb, dengan kos rawatan RM500. Tertuduh ZF dibawa pula untuk kali kedua dengan kos rawatan RM500. Tertuduh masih tidak membawa ZF ke hospital untuk rawatan percuma malah sanggup menghabiskan duit atas alasan ZF enggan ke hospital dan tidak serius kecederaannya. Gambar-gambar jasad ZF dengan kecederaan 90 tekapan penuh dibadannya adalah tidak munasabah jika berpandukan keterangan pembelaan T1 hingga T4 hanya acah-acah sahaja dan mereka masih menyatakan ZF berlakon apabila menjerit.

T4 disoal balas oleh peguambela T3

[401] T4 mengakui bahawa T3 tidak terlibat di dalam cadangan untuk membawa ZF bagi mendapat rawatan di klinik swasta, ZF bertemu teman wanitanya iaitu SP18, membawa ZF ke Hotel Lanai Bangi dan ke Klinik As-Salam pada 27hb Semuanya peristiwa itu T3 tidak turut serta.

[402] T4 akui T6 sebagai Ketua Intake adalah mendapat arahan dari jurulatih yang perlu dipatuhi. Manakala T4 akui Mubin pula adalah ahli Majlis Perwakilan Pelajar UPNM.

[403] T4 bersetuju dengan cadangan peguambela T6 bahawa hanya arahan yang sah dan betul sahaja yang dikeluarkan oleh jurulatih dan ketua intake yang dikeluarkan.

TPR menyoal balas T4

[404] T4 akui arahan yang betul sahaja daripada ketua intake. T4 akui salah menurut peraturan university. T4 akui sepatutnya seterika tidak digunakan di dalam kejadian menyoal ZF pada hari kejadian. Budaya yang selalu diamalkan adalah memukul sahaja. T4 menafikan berlaku kejadian ZF di pukul pada awal 22hb oleh tertuduh-tertuduh yang dituduh pada pertuduhan s 330 Kanun Keseksaan iaitu T1 hingga T6, T11, T13 hingga T19.

[405] T4 mengakui beliau menekap dua kali di peha ZF dan sememangnya terkena tubuh ZF sebab ZF hanya memakai *boxer* pada masa itu. T4 menggunakan perkataan meninggikan suara bukan menjerit sebab jika menjerit ianya lebih kuat. T4 menyatakan ZF tidak cuba menepis sewaktu ditekap dengan seterika tetapi tidak bersetuju bahawa kaki dan tangan ZF diikat sewaktu disiksa dengan seterika. Melihat kepada tempat ditekap di bahagian zakar misalnya mahkamah berpendapat ternyata manusia akan menjerit dan meronta sakit yang amat sangat. Berdasarkan keadaan ZF yang mengalami kesan parut jika telah sembuh dan kesan luka masih berair dan berbau, pembelaan adalah gagal untuk menimbulkan keraguan munasabah walaupun keterangan T4, T1, T2 dan T3 tekapan seterika tersebut kelihatan biasa selepas tekapan dan tidak serius. T4 pun di dalam pembelaannya mengakui menekap sebanyak dua kali sterika pada peha ZF dan apabila dicadangkan seterika tersebut amat panas T4 menjawab mengakui panas sahaja.

[406] T4 mengakui masa kejadian menekap seterika ke atas ZF adalah antara jam 4.30 pagi sehingga sebelum subuh seperti mana pertuduhan. T4 tidak bersetuju keadaan kecederaan ZF adalah teruk dan nampak luka kesan seterika panas berair, berdarah serta berbau. TPR cadangkan bahawa sebab kesan luka yang teruk itu lah ZF sebenarnya dibawa ke Klinik As-Salam untuk rawatan namun T4 menafikannya.

[407] T4 tidak bersetuju beliau dan tertuduh yang lain yang berada di bilik rawatan masih kekal berada di bilik tersebut atas sebab bimbang ZF menceritakan kejadian sebenar kepada SP7. T4 tidak bersetuju SP7 meminta ZF dibawa ke hospital untuk mendapat rawatan dan T4 tidak bersetuju rakan-rakan tertuduh meminta agar SP7 merawat ZF terlebih dahulu sebelum mereka membawa ZF ke hospital. T4 menafikan SP7 melalui kakitangannya ada mengeluarkan surat rujukan P13 agar dibawa ZF ke hospital

[408] T4 menafikan bahawa beliau ikut sama mengiringi ZF ke Klinik As-Salam dan menyumbang bayaran kos rawatan sebab T4 terlibat sama di dalam perbuatan mencederakan ZF dengan cara memukul dan menekap seterika panas. T4 juga menyangkal cadangan Puan TPR bahawa beliau dan rakannya tadi terpaksa membawa ZF ke klinik swasta bagi mengelak keadaan ZF daripada diketahui awam jika dibawa ke klinik UPNM atau ke hospital kerajaan.

Jawapan T4 sewaktu disoal semula oleh peguambelanya

[409] T4 mengakui pula selepas ditanya oleh peguamnya tujuan beliau membawa ZF ke klinik kerana rasa terlibat atas kecederaannya walaupun T4 semasa menekap seterika ke atas ZF beliau tidak terfikir akan boleh menyebabkan kecederaan ke atas ZF.

[410] Adalah suatu yang bertentangan apaabila dalam soal semula T4 mengakui selepas di tanya oleh peguambelanya tujuan beliau membawa ZF ke klinik adalah kerana rasa terlibat atas kecederaan ZF sedangkan keterangan T4 bahawa semasa menekap seterika keatas ZF beliau tidak terfikir akan boleh menyebabkan kecederaan keatas ZF.

[411] Sewaktu menjawab soalan mahkamah atas betapa panasnya wap keluar dari seterika sama panas dengan air yang mendidih T4 menjawab beliau tidak tahu akan perbandingan air panas dan seterika wap.

O. PEMBELAAN T5 — MUHAMAD SHOBIRIN BIN SABRI

[412] T5 berusia 23 tahun sewaktu memberi keterangan pembelaannya ini. Menurut T5 selepas tamat Tingkatan 5 beliau telah melanjutkan pelajaran di UPNM di dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengaiian Sains Komputer dan sepatutnya tamat pada tahun 2019. Bapa T5 adalah seorang tentera.

[413] Menurut T5 bilik asrama beliau adalah di bilik 5–02 Asrama Jebat. Di bilik 5–02 beliau tinggal bersama Amirul Asraf (T11), Muhammad Azamudin (T2), Ahza, Muhammad Luqman dan Izzudin. Pada hari kejadian awal pagi 22 Mei 2017 jam 1 pagi menurut T5 beliau berada di bilik 5-09 bilik kawannya untuk menyiapkan kerja pengajiannya dan di dalam bilik tersebut ada bersama adalah Syafiq Muhaimin (SP26) dan Qarnur Ashraf yang sedang berehat. Selesai kerja T5 balik ke biliknya di 5–02.

[414] Menurut T5 beliau secara kebetulan ke Bilik 04–10 pada awal 22hb tersebut setelah mencari rakan sebiliknya tiada T5 secara kebetulan melalui Bilik 04–10 dan melihat banyak selipar dan T5 telah masuk ke Bilik 04–10. Pada masa itu waktu hampir jam 5 pagi.

T5 memberi gambaran Bilik 04–10 waktu kejadian ZF diseterika

[415] Menurut T5 lampu di bilik tersebut hanya dipasang satu lampu meja dan cahaya bilik adalah malap. T5 dapat mengcamkan siapa di dalam bilik tersebut. Mereka ialah ZF, Sinabil (SP24), Syafiq Abdullah (SP25), Shukri Junoh, Mubin dan Lukhmanul Hakim (T14). Menurut T5 beliau tidak nampak orang-orang lain lagi di bilik tersebut. T5 telah mengambil tempat di atas katil dan bila bertanyakan berkenaan rakan sebilik yang ada di situ T5

beritahu bahawa T2 — Azamuddin telah tinggalkan Bilik 04–10 itu. Sewaktu T5 ada di situ beberapa orang di dalam bilik tersebut sedang menyoal balas ZF tentang kecurian di blok asrama Jebat.

T5 tidak pasti siapa menyuruhnya menggunakan seterika ke atas ZF

[416] Menurut T5, beliau berjalan untuk keluar dari bilik tersebut tetapi seseorang yang T5 tidak pasti dan tidak ingat telah menyuruhnya menggunakan seterika ke atas ZF. Menurut T5, beliau secara spontan telah menggunakan satu kali seterika pada bahagian kaki ZF dan meletakkannya semula di atas meja dan beredar balik ke biliknya. T5 menyatakan beliau berada hanya dua hingga tiga minit sahaja duduk di bilik tersebut.

[417] Menurut T5, keterangan SP25 — Shafiq Abdullah iaitu saksi pendakwaan adalah sama bahawa T5 hanya menekap sekali ke atas badan ZF. T5 akui sewaktu beliau menekap di kaki ZF, ZF ada menjerit dan menarik kakinya dan cuba menepis. T5 memberi alasan beliau tidak tahu suhu seterika wap itu panas sebab seterika itu bukan kepunyaannya.

[418] mahkamah ini meneliti keterangan bahawa satakat ini T1 hingga T5 tidak dapat membezakan betapa panasnya seterika wap tersebut walaupun fungsinya adalah sama dengan fungsi seterika biasa yang lain, berfungsi untuk melicinkan pakaian yang berkedut. T1 hingga T5 tidak pasti dan tidak menyangka akan mengakibatkan kecederaan. Manakala kecederaan ZF juga T1 hingga T5 tidak menganggap ianya serius.

T5 ke Hotel Bangi Lanai pada 29hb bersama T9

[419] Menurut T5 tujuan beliau bersama T9 — Adib ke Hotel Bangi Lanai kerana tiada wang untuk membeli tiket kapal terbang balik ke kampung dan kebetulan pula terdapat perlepasan keluar asrama selepas jam 6 petang. Beliau diberitahu bahawa rakan-rakan ada yang bermalam di hotel tersebut. Oleh itu mahkamah meneliti dari keterangan T5 tujuan beliau keluar UPNM adalah hanya untuk sertai rakan-rakan di hotel bukan untuk merawat ZF.

[420] Menurut T5 rakan-rakan yang lain yang berada di hotel tersebut ialah T1, T6, T16, T14, T4 dan ZF. Sewaktu itu ZF sedang tidur pada mula-mula ZF masuk ke bilik hotel itu. Menurut T5 beliau tidak bersama ZF ke Klinik As-Salam dan membuat urusan peribadi pada waktu siang. Selepas itu balik ke hotel T5 diberitahu bahawa diberitahu ZF dibawa ke klinik dan T5 lihat ZF berbalut 'bandage'. Menurut T5 beliau ada bertanyakan kepada ZF keadaan beliau dan ZF diberitahu bahawa dia 'okay'. Pada malam tersebut menurut T5 beliau bermalam di Hotel Bangi Lanai.

[421] Pada 1 Jun 2017 jam 10.30 malam mereka seramai 30 orang kadet diarahkan oleh jurulatih berkumpul di Wisa Pegawai Kadet dan diberitahu ZF telah meninggal. Selepas itu mereka dibawa ke IPD Sepang oleh pihak polis dan ditahan selama 14 hari.

T5 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[422] T5 bersetuju dengan cadangan peguambela T1 dan T2 bahawa pada awal pagi 22hb sewaktu T5 masuk ke Bilik 04–10, T2 tidak kelihatan dan telah keluar dari bilik kejadian manakala T1 tidak berada di situ. T5 tidak menyebut nama T6 ada berada di dalam bilik tersebut dan tidak dapat pastikan siapa yang memberikan seterika kepada T5.

[423] T5 bersetuju bahawa ZF pada waktu itu tidak terdapat sebarang luka pada tubuhnya sewaktu T5 mula-mula masuk Bilik 04–10. Hanya pada 27hb selepas hari kejadian menekap seterika T5 berjumpa pula dengan ZF dan T5 menyatakan keadaan ZF pada masa itu bukan nazak atau hampir mati. Malah Zf sendiri memberitahu T5 yang beliau okay.

[424] T5 bersetuju dengan cadangan peguambela T1 dan T2 bahawa tidak benar seperti mana cadangan Puan TPR bahawa terdapat 90 tekapan seterika ke atas badan ZF, malah 'Laporan Post mortem' P11 di ms 2–11 Dr Salmah menyatakan hanya ada 90 kesan lecur sahaja. T5 bersetuju dengan cadangan peguam T1 dan T2 bahawa Dr Salmah menyatakan ada kesan penyembuhan pada luka lecur. Mahkamah meneliti soalan peguambela T1 dan T2 yang mencadangkan pada 27hb luka di badan ZF telah sembuh ini bermakna kecederaan memang berlaku sebelum adanya kesembuhan kebiasaannya. Namun daripada laporan kecederaan oleh Dr Salmah masih terdapat luka serius 'Third Degree Burn' lebih daripada 20 di badan ZF.

[425] T5 bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa Syafiq Abdullah, mubin dan Senabil adalah juga suspek apabila mereka turut ditahan selama 14 hari oleh pihak polis. Mereka juga turut berada di Bilik 04–10 sewaktu kejadian menekap seterika pada 22hb.

T5 disoal balas oleh peguambela T3

[426] Menurut T5 sewaktu di hotel Bangi Lanai pada 27hb T3 tidak berada di situ dan sepanjang masa sewaktu T5 di hotel tersebut T3 adalah tidak kelihatan.

T5 disoal balas oleh peguambela T4

[427] T5 mengesahkan bahawa disepanjang T5 berada di Bilik 04–10 pada pagi 27hb adalah T4 tidak kelihatan.

T5 disoal balas oleh peguambela T6

[428] T5 diminta menejelaskan apa maksud 'ketua intake' dan 'ketua kompeni'. Menurut T5 ketua intake adalah orang yang dipilih menurut setiap intake dan dipilih secara sebulat suara bagi mewakili program di dalam dan luar universiti. Manakala ketua kompeni pula ialah pecahan dari battalion dan mempunyai ketua setiap kompeni. T5 adalah ketua kompeni Delta dan ketua kepada T5 ialah Pegawai Rendah Muda Muhammad Syahmim yang perlu T5 patuhi.

TPR menyoal balas T5

[429] Menurut T5 beliau boleh mengigati kejadian dan juga siapa yang berada di dalam Bilik 04–10 sewaktu beliau masuk pada 22hb jam hampir 5 pagi. T5 tidak setuju bahawa sewaktu beliau masuk ke Bilik 04–10 ZF bukan sahaja disoal tetapi juga di seterika. Puan TPR bertanyakan jika pasti siapa di dalam bilik tersebut kenapa tidak pasti siapa yang menghulurkan seterika dan arahkan T5 menekap ZF. Jawapan T5 adalah:

> T5: Sewaktu itu saya cuma ingin keluar dari bilik dan dalam perjalanan keluar di belakang saya mereka sedang bertanya dan pada waktu itu ada seorang menghulur.
>
> TPR: Dia suruh apa? Apa yang dia cakap?
>
> T5: Dia suruh tekap seterika ke atas ZF.

[430] Sebaliknya T5 bersetuju dengan cadangan TPR bahawa T5 yang menyuruhnya. Juga tidak bersetuju dengan cadangan TPR bahawa T1, T2 dan T4 ada di dalam Bilik 04–10.

[431] T5 bersetuju dengan cadangan TPR bahawa T5 mempunyai pilihan untuk menekap atau tidak seterika di badan ZF pada masa diarahkan. T5 bersetuju beliau menekap hanya sekali pada badan ZF dan tidak pasti tertuduh-tertuduh yang lain yang menekap selebihnya kecederaan luka.

[432] Walau bagaimanapun T5 tidak bersetuju dengan Puan TPR bahawa T6 yang menyuruhnya seterika ZF. T5 juga tidak bersetuju dengan Puan TPR bahawa t1, T2 dan T4 ada di dalam Bilik 04–10.

T5 disoal semula oleh peguamnya

[433] T5 menjelaskan bahawa panas air di kolam air panas suhunya adalah boleh masuk dan mandi manakala panas seterika beliau tidak tahu tahap panasnya.

[434] Menurut T5 beliau tidak berjumpa dengan ZF selepas ditekap seterika bukan sebab beliau tidak ambil kisah ke atas ZF tetapi tidak tahu yang ZF cedera atas perbuatan menekap seterika.

T5 menjawab soalan mahkamah.

[435] T5 mengakui selama 2–3 minit berada di dalam Bilik 04–10 pada waktu ZF disoal siasat beliau hanya nampak enam orang di dalam bilik itu. T5 pada awalnya melihat dari di luar pintu Bilik 04–10 sebelum T5 masuk. Walau bagaimanapun apabila ditanya oleh mahkamah T5 menukar cerita yang banyak adalah selipar. Hanya 4–5 pasang sahaja selipar ahli penghuni bilik. Dengan kata lain T5 menukar cerita ramai orang di dalam Bilik 04–10 lebih daripada biasa melihat pada selipar di luar pintu. Oleh itu jika selipar penghuni bilik ianya bukan banyak sebab adalah biasa untuk 4–5 pasang bersamaan dengan penghuni yang ada.

[436] T5 sewaktu menjawab soalan mahkamah beliau mengakui tidak melihat orang lain menekap seterika di badan ZF waalaupun ada tiga orang berhampiran ZF. T5 mengakui beliau ingatkan beliau sangkakan adalah orang yang pertama menekap seterika ke atas badan ZF.

[437] T5 tidak bersetuju bahawa ZF diikat kaki dan tangannya. Menurut T5 jangan lakukan lagi. Namun begitu T5 masih kekal dengan jawapannya bahawa beliau tidak tahu sterika wap itu panas dan boleh mencederakan. T5 tidak bersetuju beliau ada niat bersama dengan tertuduh yang lain untuk menekap ZF.

[438] T5 akui selepas kejadian 22hb T5 hanya bertemu ZF di Hotel Bangi Lanai dan tiada lagi bertemu ZF selepas itu.

P. PEMBELAAN T6 — ABDOUL HAKEEM BIN MOHD ALI

[439] T6 sewaktu memberi keterangan pembelaan berumur 24 tahun. T6 belajar di UPNM di dalam bidang Ijazah Pengurusan Sumber Manusia. T6 tinggal di Bilik 5–05 di Asrama Jebat sewaktu kejadian antara 21 hingga 22 Mei 2017.

[440] Pada jam 12.30 pagi iaitu 22hb sewaktu berada di biliknya T6 menerima pesanan 'whatsapp' dari Mubin Muntaza bertanyakan adakah T6 ada nampak ZF berada di mana dan T6 menjawab yang beliau tidak nampak.

Mubin mencadangkan kepada T6 bahawa ZF yang mencuri wang T6 dan ramai pelajar mengesyaki ZF mencuri. Selepas itu T6 pergi ke bilik ZF di Bilik 03–06 mencari ZF. Di dalam bilik tersebut T6 dapati bilik gelap dan hanya pelajar bernama Syafiq (SP25) sahaja yang ada. T6 bertanya SP25 tentang di mana ZF berada dan SP25 memberitahu ZF ke Bilik 04–10 bersama Senabil mengikut Mubin. Senabil dan SP25 adalah rakan sebilik dengan ZF. T6 turut ke Bilik 04–10 dan mendapatkan ZF di sana.

Keterangan T6 sewaktu di Bilik 04–10 pada pagi 22hb

[441] Menurut T6, pada masa beliau sampai, Bilik 04–10 tidak berkunci tetapi tertutup dan terdapat lampu meja yang bernyala tetapi cahaya samar-samar. T6 dapati satu kumpulan pelajar di bilik itu dan T6 hampiri mereka dan duduk disebuah kerusi. T6 melihat ZF sedang duduk di atas kerusi dan dikelilingi oleh pelajar yang terdiri daripada Mubin, Senabil, Nadwi, Marzuki, Nazrul Hakim dan Shahriul. Menurut T6 nama-nama ini tidak ada di dalam mahkamah sebagai tertuduh atau saksi dan hanya Senabil sahaja dipanggil menjadi saksi pendakwaan (SP24).

[442] T6 mengakui bahawa terdapat ZF ada disoal siasat oleh pelajar-pelajar tersebut sama ada ZF mengambil atau tidak duit, handphone dan laptop. Menurut T6, pelajar yang banyak bertanya ialah Mubin, bertanya tentang duitnya yang hilang. Manakala Senabil bertanyakan laptopnya yang hilang berbulan-bulan dahulu. Namun kemudian T6 menukar fakta bahawa soal siasat tersebut bukan bertanyakan laptop T1 yang hilang tetapi tentang duit Mubin dan laptop Senabil. mahkamah dapati ini adalah pertama kali keluar keterangan berkenaan tujuan siasatanpada pagi tersebut. Malah T6 menyatakan Mubin Muntaza dan Senabil yang banyak bertanyakan soalan kepada ZF

[443] Mahkamah ini meneliti keterangan T6 bahawa punca ZF disoal siasat pada waktu itu adalah tidak melibatkan T1 yang kehilangan laptopnya. T6 juga tidak melibatkan tertuduh yang lain. T6 menyatakan Mubin dan Senabil yang menampar dan menumbuk ZF apabila ZF menjawab 'tidak ambil' dan ada pelajar lain yang memukul ZF. ZF dikatakan me lawan dengan menolak pelajar-pelajar disekelilingnya. T6 menolak ZF dan pelajar-pelajar di situ dan T6 arahkan ZF supaya duduk. Keterangan T6 adalah seperti berikut:

> T6: Saya bangun dan pergi ke arah mereka dan tolak kedua-dua belah pihak dan saya menyuruh ZF untuk duduk kembali supaya keadaan kembali reda, saya pun duduk kembali.

[444] Menurut T6, beberapa minit selepas itu pelajar lain mula datang ke Bilik 04–10 menjadikan seramai 25 orang di dalam bilik tersebut. T6 mengambarkan keadaan bilik pada masa itu seperti berikut:

Waktu itu keadaan bilik memang sesak, bising, penuh dengan soalan, selepas itu saya tidak ambil masa lama, selepas dengar semua itu, saya keluar balik ke bilik saya bilik 5–5 untuk sambung buat assignment.

[445] T6 memberi alasan kenapa pada jam 4 pagi lebih selepas berada di biliknya di 5–05 beliau pergi semula ke Bilik 04–10 sebagaimana keterangannya:

Selepas saya siap assignment, saya pergi ke arah pintu bilik saya, waktu itu bilik saya sudah kosong, saya tidak pasti ahli bilik saya pergi mana, saya pergi ke arah pintu bilik saya untuk menutup pintu dan saya ingin berehat sekejap, apabila saya sampai di pintu bilik saya, saya dapat [sic] di seberang bilik saya dan di tingkat bawah bilik saya, saya boleh lihat Bilik 04–10 itu dari bilik saya, waktu itu saya lihat ramai di situ, saya buat keputusan untuk pergi ke Bilik 04–10 untuk lihat apa yang berlaku.

[446] Dari keterangan T6 di atas seolah-olah T6 tiada pengetahuan apa yang sedang berlaku walaupun T6 telah mengetahui soal balas ke atas ZF sedang berjalan sebelum ini.

[447] Menurut T6 apabila beliau masuk semula ke dalam bilik tersebut didapati pelajar makin berkurangan dan yang ada hanya Mubin, Shafiq (SP25), Senabil (SP24), Syukri, Nizan dan Najib T3. mahkamah meneliti keterangan T6 ini bahawa T6 hanya melibatkan T3 sahaja di kalangan tertuduh-tertuduh yang lain dan SP24 dan SP25 yang mana mereka ini adalah orang yang telah memberi keterangan yang tidak memihak kepada T6.

[448] T6 melihat Mubin seterikakan ZF dan ZF menjerit. Selepas itu T6 dapat cam suara SP24, SP25 dan Mubin yang menyoal ZF. Selepas Mubin seterika ZF dan Mubin serahkan pula seterika kepada T3 (Najib) dan T3 telah seterikakan lengan ZF dan ZF menjerit. T6 ada mengakui beliau menegur mereka di dalam bilik bahawa subuh hampir tiba apabila menurut T6 beliau mendengar di masjid ada bacaan ayat suci al quran. Keterangan T6 adalah:

Waktu itu saya dapat dengar dari luar blok ada mengaji dari Masjid UPNM. Saya bangun, saya ada bercakap secara umum iaitu subuh sudah nak masuk, lalu saya berlalu pergi ke bilik saya untuk siap ke masjid untuk solat subuh.

[449] Menurut T6 menyatakan bahawa sewaktu Mubin mengenakan seterika ke atas ZF, Mubin kelihatan marah. mahkamah dapati bahawa ini bermaksud pencahayaan di dalam Bilik 04–10 adalah baik apabila T6 dapat melihat air muka Mubin bahawa Mubin di dalam keadaan marah.

[450] T6 tidak mengaku beliau menekap ZF dengan seterika atau mengarahkan sesiapa menekap seterika ke atas ZF. T6 menafikan beliau ada menekap ZF dengan seterika dan menafikan mengarahkan mana-mana

tertuduh menekap seterika ke atas ZF malah T6 menyatakan tidak pun memukul ZF pada bila-bila masa. Oleh itu T6 menafikan beliau secara perbuatan atau niat hendak mencederakan ZF bagi maksud memeras supaya pengakuan mencuri laptop T1.

[451] Keterangan T6 adalah keadaan ZF selepas ditekap dengan seterika adalah biasa sahaja, yang mana pergerakan tubuhnya boleh menjalankan aktiviti sebegai pelajar UPNM. Menurut T6 daripada 23hb sehingga 26 Mei 2017, ZF kelihatan berada di perpustakaan dan pernah ada bersama teman wanitanya di kafetaria. Dengan kata lain mahkamah ini mendapati keterangan saksi pendakwaan yang melihat ZF selepas kejadian dikawal oleh T1 hingga T6 sentiasa dan serius kecederaannya adalah berlawanan dari apa yang T6 keadaan ZF.

T6 ikut serta membawa ZF ke klinik di Bangi

[452] Menurut T6, ZF sendiri yang hendak mendapat rawatan di klinik pada 27hb

[453] T6 juga menyatakan beliau turut mengikuti rombongan selepas Maghrib bersama-sama T1, Shafwan (T15), Hasif (T7) dan Lukhmanul (T14). Walaupun sewaktu kejadian memukul dan seterika ZF, T6 tidak melihat mereka ini terlibat namun sebaliknya T6, T1, T4, T14 dan T15 turut serta membawa ZF ke hotel.

[454] Apabila T6 dan empat tertuduh tadi sampai ke Hotel Bangi Lanai selepas Maghrib pada 26 Mei 2017 telah ada di dalam bilik hotel bersama ZF ialah Sufi (T16), Afif (T4) dan juga Shobirin (T5). Sewaktu T6 sampai ZF telah tidur dan T6 turut menginap sebilik bersama yang lain. Menurut T6, CCTV ada merakam siapa yang ke hotel tersebut dan ini telah ditunjukkan oleh sepuluh kes.

T6 ke Klinik As-Salam Bangi pada 27 Mei 2017

[455] T6 memberitahu mahkamah mereka yang ikut bersama ZF ke Klinik As-Salam ialah T6, T1, T4,T7 dan T16. Tiga orang iaitu T6, T1 dan T4, turut masuk ke bilik rawatan bersama ZF dan berjumpa dengan SP7 — Dr Azfar mahkamah meneliti fakta tertuduh berminat untuk masuk ke bilik rawatan adalah suatu yang sangat penting, kebiasaannya hanya pesakit bersama doktor sahaja.

[456] Menurut T6, ZF yang memberitahu sebab kecederaan akibat terkena letupan bom wap semasa latihan di Port Dickson kepada SP7. Selepas itu SP7 mencuci luka ZF dengan cara menyental luka-luka di badan. Ini telah

menyebabkan luka itu menjadi merah dan semakin besar. Krim disapu dan dibalut tempat luka hampir semua tempat luka. T6 menyatakan SP7 memberitahu mereka yang ada bersama ZF seperti berikut:

> T6: Dia cakap keadaan ZF stabil, tidak ada kecederaan dalaman dan waktu itu dia beritahu tidak perlu ke hospital tetapi ambil ubatan-ubatan yang diberi nanti dan kemudian pesan jangan lupa datang balik ke klinik dia untuk rawatan susulan tarikh 31 Mei 2017. Selepas itu dia cakap jika ada apa-apa perkara terhadap ZF seperti kesan sampingan atau sebagainya sila hubungi dia segera. Itu sahaja yang diberitahu.

[457] Diteliti daripada keterangan SP7 — Dr Azfar ternyata SP7 menyatakan keadaan ZF sangat serius dan perlu dihantar ke hospital segera untuk rawatan dan tidak pernah memberi temujanji baru pada 31hb malah mereka diberikan surat rujukan ke Hospital Serdang untuk kedua-dua kali datang ke klinik (P13 dan P14).

[458] T6 memberi keterangan bahawa SP7 sendiri memberitahu tidak perlu ke hospital cuma perlu ambil ubat-ubatan sahaja namun T6 menyatakan terdapat pesanan dari SP7:

> Selepas itu dia cakap jika ada apa-apa perkara terhadap ZF seperti kesan sampingan atau sebagainya sila hubungi dia segera.

Pesanan ini adalah bersesuaian dengan kejadian di mana T1 menghubungi Klinik As-Salam apabila T6 sakit semakin teruk dan dikatakan SP7 cadangkan ZF diberikan ubat yang dibelikan oleh T1 dan diberikan ZF minum.

[459] T6 di dalam pembelaannya juga memberi keterangan secara cermat dan teliti bagi menunjukkan tiada sebarang surat rujukan (P13) ke Hospital Serdang seperti mana dimaksudkan oleh SP7 dan kakitangannya SP8. Keterangan T6 adalah:

> Selepas di dalam bilik rawatan, setelah siap semua saya tunggu di kereta, selepas itu saya tengok ZF sudah siap ambil ubat sekali dengan T1 dan T4, apa yang saya tengok ZF sudah pegang plastik ubat dan waktu saya tengok ubat-ubatan yang diberi, ada beberapa ubat, dua tiga ubat dan dia pesan datang lagi semula pada 31.5.2017 dan tiada apa-apa surat yang diberikan oleh Dr itu. Tiada surat untuk merujuk kepada hospital.

[460] Dari pengamatan mahkamah ini keterangan T1 sehingga T6 tentang akan keperluan membawa ZF untuk rawatan segera adalah tidak diperlukan. Malah dibawa ZF ke Klinik As-Salam keadaan yang tenat. Mahkamah membandingkan kecederaan ZF melalui gambar post mortem secara luaran

dan melalui keterangan penulis surat layang SP23 dan pemandu grab SP21 tentang kejadian pergi dan balik Klinik As-Salam pada 31 Mei 2017, kecederaan ZF adalah amat serius.

T6 selepas 27hb hanya mengetahui ZF telah meninggal pada 1hb

[461] Menurut T6 selepas balik dari Klinik As-Salam pada 27hb T6 balik ke asrama di UPNM. Manakala sewaktu rawatan kali kedua pada 31hb T6 tidak ikut sama. Pada 1 Jun 2017 pelajar-pelajar diarahkan berbaris di hadapan Wisma Pegawai Kadet UPNM dan diberitahu ZF telah meninggal dunia. Seramai 32 orang termasuk T6 telah dibawa ke IPD Sepang dengan bas dan ditahan reman selama 14 hari.

T6 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[462] Sewaktu disoal balas oleh peguambela T1 dan T6 akui bahawa beliau ada masuk ke Bilik 04–10 sebanyak dua kali iaitu pada 22hb. T6 akui kali kedua beliau masuk ke bilik tersebut tidak kelihatan T1 atau T2.

[463] T6 setuju dengan cadangan bahawa pada pagi 22hb di Bilik 04–10 tiada pelajar-pelajar berniat untuk mendatangkan kecederaan parah yang boleh menyebabkan kematian ke atas ZF. Mahkamah ini mendapati walaupun menumbuk dan memukul ZF dan menggunakan seterika wap dan si mangsa menjerit masih lagi tertuduh-tertuduh mengatakan tidak mempunyai niat mendatangkan kecederaan parah tiada niat untuk membunuh. Bahagian paling sensitif pada zakar mangsa juga tergamak diseterika dan masih mengatakan tiada niat jahat (mens rea). Boleh dibayangkan betapa sakit dan azabnya si mangsa sewaktu ditekap begitu.

T6 jawab soalan peguam T1 dan T2 sewaktu di Klinik As-Salam

[464] T6 akui Dr Azfar (SP7) yang merawat ZF di Klinik As-Salam tidak pernah memberitahu ZF atau rakan-rakan di dalam bilik rawatan tentang keadaan hidrasi pada badan ZF. SP7 juga tidak ada mengambil semple darah ZF. T6 bersetuju bahawa SP7 memberi gambaran yang tahap kesihatan ZF tidak kritikal.

[465] Manakala bayaran rawatan dikongsi bersama semua mereka termasuk ZF juga dan mengakui mereka tidak mengetahui berapakah kos rawatan sebelum bayaran dibuat. T6 akui mengapa ramai mengiringi ZF ke klinik tersebut adalah kerana ZF sendiri tidak mempunyai wang mencukupi untuk membayar kos rawatan.

[466] T6 akui tiada surat rujukan ke Hospital Serdang yang diberikan sama ada oleh SP7 sendiri atau melalui kaunter ubat atau bayaran. SP7 tidak juga menasihati ZF atau tertuduh lain supaya membawa ZF ke hospital.

[467] T6 akui bahawa ZF tidak kelihatan nazak sewaktu T6 berjumpa ZF di perpustakaan atau sewaktu ZF berjumpa dengan teman wanitanya:

> Peguam T1 dan T2: Setuju saya katakan daripada keterangan kamu apabila kamu nampak dia di library, di kafetaria bersama teman wanita, keadaan beliau tidak menampakkan seolah-oleh beliau nazak seperti orang hendak mati atau sakit tenat, setuju?
>
> T6: Setuju.

T6 menafikan soal balas oleh peguam T3

[468] T6 ditanya tentang saksi pendakwaan SP24 — Senabil yang T6 akui kenal dan T6 tidak pasti sama ada SP24 mempunyai niat untuk menganianyai T6 dengan memberi keterangan bahawa T6 terlibat sama datang bersama Danial Firdaus (T19) ke bilik Senabil dan ZF. T6 menyatakan SP24 berbohong di dalam keterangan berikut:

(a) apabila SP24 melibatkan T6 mengajak ZF ke Bilik 04–10 selepas baris malam;

(b) T6 bertanyakan soalan kepada ZF kenapa datang lewat baris dan tidak berpakaian assembly;

(c) T6 menafikan keterangan SP24 yang T6 menumbuk dua kali diperut ZF dan menumbuk lagi apabila ZF bercakap berputar belit;

(d) T6 menafikan keterangan SP24 bahawa T6 beliau arahkan ZF membuka seluar T6 menafikan juga bahawa T6 terus menumbuk ZF dan memukul menggunakan hanger; dan

(e) menurut T6 walaupun beliau sebagai ketua intake tetapi beliau tidak bertanyakan soalan-soalan ke atas ZF dan tidak menyuruh orang lain mencucuh seterika wap ke atas ZF. Akhirnya keterangan SP24 yang T6 mengarahkan ikatan dibuka ke atas ZF apabila azan subuh berbunyi dinafikan juga oleh T6.

[469] T6 ditanya juga oleh peguambela T3 tentang saksi pendakwaan SP25 — Muhammad Shafiq bin Abdullah yang T6 akui kenal dalam Jurusan Sumber Manusia dan T6 tidak pasti sama ada SP24 mempunyai niat untuk menganianyai T6 dengan memberi keterangan bahawa T6 terlibat sama datang bersama Danial Firdaus (T19) ke bilik berjumpa dengan SP25 — Shafiq. T6 menyatakan SP25 berbohong di dalam keterangan berikut:

(a) T6 menafikan tujuan beliau datang berjumpa SP25 pada malam 22hb adalah untuk bertanya khabar kejadian pada awal pagi hari semalam;

(b) T6 menafikan keterangan SP25 bahawa T6 ada memberitahu SP25 T6 bertujuan untuk menyoal ZF dan memukulnya sehingga beliau mengaku mencuri;

(c) T6 menafikan keterangan SP25 bahawa beliau ada melihat T6 memukul ZF dengan menggunakan tangan di Bilik 04–10;

(d) T6 menafikan beliau duduk di atas kerusi sewaktu ZF ditekap dengan seterika wap sambil memberi arahan kepada T5 — Shobirin untuk mencucuh di kaki ZF;

(e) T6 menafikan ada mengarahkan T3 — Najib menekap tubuh ZF walaupun peguam T3 mencadangkan T3 enggan mencucuh dibadan ZF sebab ZF adalah sahabat di dalam study group;

(f) T6 menafikan beliau sebagai ketua intake boleh menghentikan perbuatan memukul dan menekap ZF pada 21hb dan 22hb; dan

(g) T6 mengakui sebagai ketua intake beliau rasa bertanggungjawab membawa ZF ke Klinik As-Salam tetapi menafikan sebab perbuatannya sebagai dalang ke atas kecederaan ZF dan oleh itu T6 sanggup keluarkan wang membayar rawatan.

T6 disoal balas oleh peguambela T4

[470] Peguambela T4 bertanyakan T6 tentang sewaktu menemani ZF mendapat rawatan di Klinik As-Salam di mana SP7 Dr Azfar memberitahu mereka di bilik rawatan bahawa keadaan ZF adalah stabil dan tidak ada arahan supaya membawa ZF ke hospital. T6 mnjawab SP7 hanya memberitahu agar mengambil ubat dan tarikh rawatan susulan.

T6 disoal balas oleh peguambela T5

[471] Peguambela T5 bertanyakan soalan bahawa T6 sebagai Ketua Intake arahan T6 akan dipatuhi oleh kadet-kadet pada arahan T6. T6 menjawab bahawa beliau hanya menjalan arahan dari jurulatih dan senior yang berpangkat.

[472] T6 ditanya berkenaan keterangan terdahulu oleh T5-Shobirin bahawa T5 pada masa berada di depan pintu Bilik 04–10 terdapat banyak selipar dan menurut T6 menjawab sememangnya bukan ahli bilik yang akan meninggalkan selepar di luar pintu.

T6 disoal balas oleh Puan TPR

A **[473]** T6 menyatakan beliau tidak tahu kejadian pada 21hb dan beliau juga tidak diberitahu oleh sesiapa kejadian pada 21hb tersebut. Menurut T6 beliau ke Bilik 04–10 pada 22hb untuk berjumpa dengan ZF walau pun itu bukan bilik ZF tetapi oleh kerana diberitahu oleh Shafiq bahawa ZF berada di Bilik 04–10.

B

[474] T6 mengakui bahawa Mubin ada memberitahunya yang Mubin, ada kehilangan duit dan mengesyaki ZF yang mencurinya. T6juga mengetahui di kalangan kadet yang kehilangan barang ialah Senabil (SP25), Izuddin dan Akmal Zuhairi (T1).

C

[475] T6 ke Bilik 04–10 pada 22hb untuk bertanyakan ZF adakah ZF ada mencuri barang pelajar. SP25 — Syafiq memberitahu T6 bahawa ZF berada di Bilik 04–10. Menurut T6 beliau ke Bilik 04–10 untuk bertanyakan ZF atas kapasiti sebagai ketua intake. T6 bersetuju beliau mempunyai hubungan yang baik dengan jurulatih dan pegawai senior. T6 setuju segala arahan T6 dipatuhi oleh pelajar-pelajar dalam batalion yang T6 ketuai. T6 turut akui apabila beliau leraikan kejadian tolak-menolak dan arahkan ZF duduk semula semua patuhi arahannya.

D

E

[476] T6 tidak bersetuju bahawa beliau berada di Bilik 04–10 dari kejadian pukul memukul sehingga kejadian menekap dengan seterika berhenti apabila azan subuh berkumandang. T6 menyatakan beliau hanya masuk sekejap sahaja di Bilik 04–10 dan bila ramai pelajar yang masuk T6 menyatakan beliau keluar dan balik ke biliknya untuk siapkan assignment beliau. T6 juga tidak bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa beliau tidak pernah menghalang pelajar-pelajar daripada memukul ZF apabila ZF tidak mengaku mencuri laptop dan T6 juga tidak akui bahawa beliau turut tidak berpuas hati dan marah seperti pelajar-pelajar lain dengan jawapan ZF yang mengelak apabila disoal.

F

G

[477] T6 sewaktu masuk ke Bilik 04–10 pada kali kedua hanya mengakui bahawa hanya T3 — Najib yang mengelilingi ZF selain daripada Senabil dan Mubin. T6 tidak bersetuju T1, T2, T4 dan T5 turut sama. T6 akui beliau berada di atas kerusi dan melihat ZF hanya memakai *boxer*. T6 juga turut akui pada di waktu itu ZF masih tidak mengaku mengambil laptop.

H

[478] T6 tidak bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa beliaulah yang memegang seterika dan arahkan T1 hingga T5 menekap ZF dengan seterika.

I

[479] T6 tidak bersetuju beliau hanya kaitkan T3 sebagai tertuduh yang menekap seterika ke atas badan ZF sebab tertuduh lain iaitu T1, T2, T4 dan T5 tidak melibatkan T6 pada hari kejadian menekap seterika dan menumbuk ZF dalam keterangan mereka.

T6 disoal balas pada 27hb ZF mendapat rawatan di Klinik As-Salam

[480] T6 mengakui bahawa SP7 — Dr Azfar mencuci dan membalut luka ZF sewaktu mendapat rawatan pada 27hb Namun T6 tidak pasti bahawa luka tersebut akibat daripada kena diseterika oleh rakan-rakan berkali-kali di seluruh tubuh mangsa. T6 menafikan bahawa T1 hingga T5 yang menekap 90 kali seterika pada badan ZF yang dikatakan menyebabkan luka di seluruh tubuh ZF.

[481] T6 turut tidak mengakui bahawa beliau ikut serta membawa ZF ke Klinik As-Salam pada 27hb untuk mempastikan tidak terbongkar kejadian mereka terlibat mencederakan ZF. T6 juga menafikan beliau sanggup menanggung kos rawatan ZF di klinik berbayar walaupun boleh sahaja mendapat rawatan di klinik kerajaan atau di dalam UPNM itu sendiri.

[482] T6 tidak bersetuju dengan keterangan SP7 bahawa bahawa T1 adalah yang mereka-reka cerita ZF terkena bom sewaktu latihan di Port Dickson dan bukan ZF yang menjawabnya sewaktu SP7 bertanya di bilik rawatan. T6 juga tidak bersetuju dengan keterangan SP7 pada rawatan kedua pada 31hb itu bahawa SP7 — Dr Azfar ada memarahi ZF sebab tidak ke Hospital Serdang seperti diarahkan T6 tidak bersetuju SP7 tidak memberi temujanji pada 31hb itu.

[483] T6 bersetuju bahawa beliau tidak melihat kejadian sewaktu ZF ubat diberikan selepas rawatan pada 27hb tersebut kerana T6 telah keluar lebih awal daripada ZF dan rakan-rakan yang lain. Namun begitu T6 tidak bersetuju dengan keterangan SP8 dan SP9 bahawa surat rujukan (P13) ke Hospital Serdang diberikan oleh petugas di Klinik As-Salam kepada T1 walaupun T6 tiada di situ.

Pemeriksaan semula

[484] T6 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela T3 bahawa beliau adalah dalang kejadian ZF ditumbuk dan diseterika oleh tertuduh-tertuduh pada kejadian 22hb di Bilik 04–10. T6 meletakkan kesalahan pada Mubin sebagai dalang di dalam kejadian ini kerana Mubin adalah Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan lebih ramai pelajar bawahan daripada beliau sendiri (T6) yang hanya ketua intake. Oleh itu arahan Mubin akan pelajar patuhi.

[485] Menurut T6 beliau dan rakan-rakan yang lain tidak membawa ZF untuk rawatan sebab ZF tidak meminta mereka membawanya untuk rawatan. Namun dalam masa yang sama T6 menyatakan ZF tidak perlu meminta T6 mendapatkan rawatan tetapi perlu mendapat pertolongan dari jurulatih.

T6 menjawab soalan daripada mahkamah

[486] Soalan mahkamah berkisar kepada keterangan antara tertuduh bahawa hanya T3 yang meyebut T6 yang mengarahkannya menekap ZF dengan seterika wap. Manakala T4 dan T5 tidak perasan siapa yang memberi seterika supaya menekap ZF. Jawapan T6 adalah beliau juga tidak perasan siapa yang mengarah supaya menekap ZF. T1 dan T2 menyatakan Mubin yang arahkan menekap ZF.

Q. PEMBELAAN T7 — MUHAMMAD HASIF BIN ISMAIL

[487] Menurut T7 beliau selepas selesai peperiksaan tingkatan 5 (SPM) beliau telah memasuki UPNM pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 mengambil Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang Pengurusan Pertahanan. T7 tinggal di Bilik 4–06 di Asrama Blok Jebat antara pertengahan tahun 2015 sehingga kejadian dan T7 ditangkap selepas ZF meninggal dunia pada 1 Jun 2017. Manakala teman sebilik T7 di Bilik 4–06 adalah berlima iaitu SP20 — Hari Krishna, T15 — Ahmad Sazwan b Berdal, T8 — Muhammad Akmal b Akif, SP23 — Muhammad Aiman Aufa bin Asmada Affendi dan T16 — Muhammad Sufi b Mohd Mustapha.

Kejadian pada awal pagi 21hb ZF dipukul

[488] Menurut T7 pada jam 2 pagi 21hb beliau sedang menyiapkan assignment dan teringat untuk mengambil calculator yang dipinjam oleh Luqman Hakim dan T7 telah ke Bilik 03–05 menurut T7. Sampai di Bilik 03–05 kelihatan hanya cahaya samar-samar lampu meja sahaja terpasang. T7 melihat dan mendengar SP20 — Hari Krishna bertanya kepada ZF tentang *roll call*.

[489] T7 menyatakan bahawa beliau terus ke katil belakang di mana Luqman Hakim sedang tidur. T7 mendapat balik kalkulator dan assignment daripada Luqman Hakim dan T7 keluar semula dari bilik tersebut pulang ke biliknya. Menurut T7 beliau hanya 2 minit sahaja berada di dalam bilik tersebut dan dapat melihat pelajar-pelajar sedang bertanyakan soalan kepada ZF.

[490] T7 menafikan terlibat bertanyakan soalan kepada ZF dan tidak pernah menyentuh ZF atau menumbuknya dan tidak terlibat memeras pengakuan mencuri laptop.

Keterangan T7 selepas kejadian

[491] Pada 23hb selepas kelas jam 12 tengah hari T7 melihat ZF T7 tidak tahu bagaimana ZF boleh berada di Bilik 4–06. ZF berada di Bilik 4–06 sehingga 27hb T7 ada bersembang dengan ZF sepanjang ZF berada di bilik 11 dari 23hb–27hb.

[492] Menurut T7 pada 26hb beliau dapati ZF telah tiada di bilik dan T7. Pada sebelah petang pelajar-pelajar boleh balik selepas 6 petang kerana mula bercuti dan T7 telah balik ke rumahnya di Ampang. Selepas itu T7 mendapat panggilan telefon daripada T1 — Akmal Zuhairi meminta tolong T7 menghantar T1, T6, T14 — Lukhmanul Hakim dan T15 — Ahmad Safwan dengan kereta ke Hotel Bangi Lanai dari UPNM. T7 menaiki kereta emaknya dan bila sampai di Hotel Bangi Lanai bersama empat orang tadi T7 sempat jumpa dengan ZF yang sedang tidur dan dua lagi T5 dan T16 — Sufi juga sedang tidur. Selepas itu T7 telah balik ke rumahnya.

[493] Esoknya 27hb sebelah pagi T1 sekali lagi meminta T7 membawa kereta ke Hotel Bangi Lanai untuk ke Klinik di Bangi. T7 sampai pada jam 10 pagi di Hotel Bangi Lanai dan pergi ke klinik. Orang yang ikut bersama ialah ZF, T1, T4, T6 dan T16. Mengikut T7 mereka pusing-pusing Bandar Bangi mencari klinik dan akhirnya berjumpa dengan Klinik As-Salam. T7 dan T16 tidak masuk ke bilik tetapi rawatan hanya menunggu di ruang menunggu manakala yang lain masuk bersama ZF.

[494] Menurut T7 beliau menunggu di bilik menunggu selama 1 jam bersama T16. Menurut T7 beliau selepas mereka keluar bilik rawatan mereka mengambil ubat. Menurut T7 beliau tidak memberi apa-apa wang atau bayaran untuk rawatan ZF di klinik hari itu. T7 kemudian itu ke kereta dan bawa mereka semula ke Hotel Bangi Lanai. T16 — Sufi tumpang ke TBS manakala T7 balik rumahnya dan mereka tidak masuk ke Hotel Bangi Lanai.

[495] T7 menjelaskan kereta emaknya digunakan membawa ZF dan rakan yang lain ke Klinik As-Salam pada 27hb adalah kebiasaan bagi T7. Menurut T7 beliau selalu menumpangkan rakan-rakannya dengan kereta emaknya semenjak di peringkat pengajian asasi lagi di kampus sehingga ke hari pergi dan balik dari mahkamah dalam kes ini.

[496] Selepas 27hb T7 tidak lagi berjumpa dengan ZF sehingga pada 1 Jun 2017 jam 9 malam sewaktu T7 berada di UPNM dan di arahkan untuk berbaris *roll call* di hadapan Mass. Di situ diumumkan ZF telah meninggal dunia dan pelajar Batalion Tuah dan mengikut bilik pula. T7 turut ditahan bersama Intake 2014 dan mengikut bilik asrama.

[497] Selepas bersahur T7 dan rakan yang lain telah dibawa menaiki bas ke lokap di IPD Sepang dan ditahan selama 14 hari dan kemudian dituduh di

bawah s 330 KK.

[498] Menurut T7 beliau tidak bersetuju dengan keterangan saksi pendakwaan SP20 — Hari Krishna dan menyatakan bahawa tidak benar SP20 terserempak T7 bersama T15 — Shafwan sebelum ke Bilik 03–05 pada awal pagi 21hb. Menurut T7 beliau berseorang diri bukan bersama Safwan dan tidak terserempak dengan SP20 sewaktu ke Bilik 03–05 kejadian pertama ZF ditumbuk. T7 menafikan ada mengejutkan SP20 pada subuh 21hb di Bilik 03–05 sebab T7 tidak akui beliau berada di bilik tersebut masa itu.

T7 disoal balas oleh peguam T1 dan T2

[499] T7 akui beliau hanya dituduh dengan satu pertuduhan di bawah s 330 KK pada kejadian 21hb sahaja. Menurut T7 beliau turut mendengar soalan-soalan yang ditanyakan kepada ZF berkisar kenapa ZF lambat turun *roll call*. Selain daripada itu T7 tidak tahu kenapa pelajar-pelajar berkumpul di Bilik 03–05 pada awal pagi 21hb.

[500] Selepas kejadian antara 23hb hingga 25hb T7 ada melihat ZF di dalam bilik T7 di 4–06. Sewaktu di Bilik 4–06 ZF mempunyai telefon bimbit namun ZF tidak ada membuat aduan kepada jurulatih. ZF sewaktu berada di bilik yang sama dengan T7 ada bercakap dengan T7 bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa ZF tidak kelihatan nazak dan tidak kelihatan di dalam kecederaan parah yang boleh menyebabkan kematian. Sewaktu membawa ZF ke klinik ZF juga tidak kelihatan nazak atau teruk.

[501] T7 tidak pasti apabila di cadangkan ada kesan-kesan kesembuhan pada badan ZF:

> Peguam T1 & T2: Setuju kalau saya katakan apabila kamu melihat ZF ada kesan-kesan penyembuhan pada tubuh badan beliau setuju?
>
> T7: Kesan penyembuhan saya tidak pasti.

[502] T7 bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa T7 tidak pernah melihat surat P13 sewaktu berada di ruang menunggu di Klinik As-Salam sama ada diberikan kepada ZF atau rakan-rakan lain. Sewaktu ZF berada di bilik T7 antara 23–26hb beliau ada melihat ZF makan ubat dan balutan-balutan oleh Dr di Klinik As-Salam.

T7 disoal balas oleh peguambela T4

[503] T7 mengakui sepanjang masa dari 23–27hb ZF berada di bilik T7, ZF bebas untuk bergerak dan tidak dikurung dan mempunyai telefon untuk berkomunikasi.

[504] Sewaktu ZF dibawa oleh T7 ke Klinik As-Salam beliau boleh berjalan masuk dan keluar sendiri. Selepas rawatan T7 dapat melihat satu plastik ubat tetapi tidak ada sampul surat. T7 menyatakan sewaktu balik dari klinik ZF duduk di sebelah depan kerusi pemandu, T7 sempat melihat kandungan plastik ubat tersebut.

[505] Mahkamah mengamati jawapan T7 begitu teliti membuktikan bahawa beliau melihat kandungan plastik di dalam plastik ubat yang diberikan di Klinik As-Salam dan begitu pasti tiada sebarang surat di dalamnya.

Soalan Peguam T4: Adakah anda nampak apa-apa ubat atau surat yang dipegang oleh beliau?

T7: Seperti rakan-rakan yang lain juga, saya pun excited juga ingin tengok ubat apa yang dapat, saya ada cek plastic ubat tersebut kerana ZF letak plastik ubat tersebut dekat tempat armrest saya.

Soalan: Jadi nampak ubat ada?

T7: Betul Yang Arif.

Soalan: Ada apa-apa surat diletak bersama dengan ubat tersebut?

T7: Tidak ada Yang Arif.

T7 disoal balas oleh peguambela T16 dan T18

[506] T16 ikut sama ke Klinik As-Salam dengan T7 dan rakan-rakan yang lain membawa ZF pada 27hb atas sebab mengambil berat hal ehwal keadaan ZF.

TPR menyoal balas T7

[507] T7 mengakui telah ke Bilik 03–05 pada 21hb dan terdapat ramai pelajar dan masih boleh melihat mereka walaupun lampu samar-samar dan masih dapat mengenali pelajar-pelajar tersebut. T7 sahkan ada soalan-soalan ditujukan kepada ZF oleh pelajar-pelajar tersebut. Namun T7 menafikan berada di bilik tersebut hingga subuh dan T7 menegaskan beliau hanya dua minit sahaja di bilik tersebut. T7 menafikan ada turut sama bertanya soalan kepada ZF berkenaan kehilangan laptop T1.

[508] Menurut T7 pelajar yang ada sama di dalam bilik tersebut ialah Luqman Hakim, Akmal Zuhairi, Shafiq Abdullah, Adib Iman, Muhamad Shazwan dan Amirul Ashraf. T7 tidak bersetuju turut hadir di dalam bilik tersebut ialah Adib Iman dan Muhamad Shazwan. T1 menafikan berlaku insiden soal menyoal ke atas ZF dan ZF dipukul dan disepak di kaki oleh T7 dengan menggunakan kasut sukan seperti mana keterangan SP25. T7 menafikan tertuduh yang lain

T1, T9, T10, T11 dan T12 turut melakukan perbuatan yang sama ke atas ZF iaitu menyoal dan apabila ZF menafikan mengambil laptop T1, ZF dipukul dan disepak.

[509] T7 menafikan beliau ada pergi ke Bilik 04–10 pada jam 3 pagi 22hb dan menafikan ada melihat kejadian pukul memukul ke atas ZF.

TPR bertanyakan soalan kejadian selepas subuh pada 22hb

[510] T7 tidak tahu siapa yang membawa ZF ke biliknya pada 23hb dan ZF sentiasa datang ke biliknya sebelum ini kerana berkawan baik dengan Sufi. T7 mengakui beliau ada menolong membelikan makanan untuk ZF sepanjang ZF berada di bilik T7 dari 23hb sehingga 26hb. Namun T7 tidak bersetuju apabila dicadangkan ZF terpaksa dibantu membeli makanan sebab ZF berada di dalam kesakitan T7 menyatakan ZF memberitahunya bahawa beliau 'ok' apabila ditanya keadaannya. T7 tidak bersetuju apabila dicadangkan bahawa oleh sebab ZF sakit msks ZF tidak boleh tinggal di biliknya tetapi perlu penjagaan di bilik T7.

[511] T7 tidak bersetuju keadaan ZF dalam keadaan sakit dan lemah sepanjang berada sebilik dengan T7. Dicadangkan ZF sentiasa berada di atas katil dan berehat dan sewaktu T7 melihat ZF di Hotel Bangi Lanai keadaan ZF sedang tidur. T7 tidak bersetuju sewaktu di bilik sepanjang 23hb hingga 26hb ZF perlu dibantu setiap kali untuk ke bilik air. T7 ada melihat lengan ZF berkeadaan melecur sebab bahagian lain ZF memakai baju dan kain pelikat sepanjang masa selepas kejadian dipukul dan ditekap seterika.

[512] T7 tidak bersetuju ZF di dalam keadaan yang sakit teruk dan tidak bersetuju ZF menggunakan kerusi roda yang disediakan di klinik tersebut sebab tidak mampu lagi berjalan. T7 mengakui antara 29hb hingga 30hb ZF balik semula ke bilik T7 di asrama.

[513] T7 menyatakan beliau tidak masuk ke dalam bilik rawatan bersama ZF dan rakan-rakan yang lain dan T7 tidak bersetuju bahawa beliau tidak melihat ZF memegang sebarang surat sebab sebenarnya T1 yang mengambil surat P13 tersebut. T7 akui walaupun meminjam kereta emaknya namun beliau tidak memberitahu kepada emaknya akan tujuan meminjam kereta dan kejadian berlaku ke atas ZF.

T7 disoal semula oleh peguambelanya

[514] Menurut T7 selepas 30hb beliau tidak mengetahui di mana ZF berada sebab ZF telah tiada di biliknya. T7 mengakui tidak membawa ZF ke RESAT

(Klinik UPNM) sebab ZF boleh melakukan sendiri jika hendak dapatkan rawatan di situ tambahan pula ZF mempunyai telefon bimbit.

[515] T7 mengakui sebab beliau tidak memberitahu emak tentang akan kejadian menimpa ZF kerana menurut T7 beliau tidak biasa menceritakan hal-hal kawan-kawannya kepada keluarganya.

T7 menjawab soalan mahkamah

[516] T7 akui bahawa tidak mengetahui bahawa ZF disoal siasat atas kehilangan laptop oleh Hari Krishna dan pelajar lain pada kejadian dikatanya T7 hanya berada dua minit sahaja. T7 hanya mendegar ZF disoal atas perkara *roll call* sahaja. T7 juga tidak tahu apakah punca kecederaan ZF dibawa ke Klinik As-Salam walaupun melihat ada kecederaan ZF di bahagian lengannya.

R. PEMBELAAN T9 — MUHAMMAD ADIP IMAN BIN FUAD ADI SANY

[517] T9 berada di tahun kedua pengajian pada 2017 dalam Jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maritim dan Pertahanan. T9 menginap di Blok Jebat di bilik bemombor 03–05 bersama-sama dengan ahli sebilik terdiri daripada Faiz Abdul Rahman, Fitri Sukarno, Noriznan, Shahwan Ahmad dan Afif Najmudin (T4).

[518] Pada kejadian 21hb Mei 2017 di sebelah awal pagi menurut T9 beliau telah tidur dari jam 12 malam selepas *roll call* sehingga 1.30 pagi. Menurut T9 beliau telah ke Bilik 03–05 untuk meminjam sabun membasuh baju daripada Shazwan Musa sebab sabunnya telah habis. Apabila sampai di hadapan Bilik 03–05 berkenaan di dapati pintu bilik tertutup tapi tidak berkunci. T9 ada mengetuk bilik tersebut sebelum masuk dan melihat T1 ada di bilik tersebut. T9 dapat melihat dan mengecam Hairi (T1), Hari Krishna (SP20), Shafiq Abdullah (SP25), Mubin Mustaza, kerana ada lampu koridor di luar bilik selain daripada lampu meja di dalam bilik tersebut.

[519] T9 melihat mereka di dalam bilik ketika itu seperti bersembang. T9 menyatakan kebiasaannya pelajar suka ke bilik tersebut kerana capapaian 'wifi' adalah kuat sebab 'router' berdekatan. T9 tidak melihat sesuatu yang luar biasa dan T9 terus ke katil Shazwan Musa tetapi Shazwan semasa itu berada di bilik air dan Shazwan meminta mengambil sabun itu dari bawah sinki berada di luar bilik air. Selepas mengambil sabun tersebut T9 terus keluar dari Bilik 03–05 balik ke biliknya T9 dan tidak lagi ke bilik tersebut. Menurut T9 beliau hanya seminit dua sahaja di Bilik 03–05 itu.

[520] Menurut T9 beliau hanya tahu kejadian di Bilik 03–05 pada awal pagi 21hb setelah ZF meninggal dunia. Malah menurut T9 beliau tidak tahu bahawa ZF berada di Bilik 3-04 pada masa beliau meminjam sabun Shazwan pada pagi itu. Menurut T9 beliau tiada sebab untuk memeras pengakuan bersalah dengan memukul ZF kerana beliau tidak tahu menahu T1 kehilangan laptop sehingga ZF diberitahu punca ZF meninggal dunia.

[521] Menurut T9 beliau disyaki terlibat sama kejadian pada 21hb mungkin sebab ada yang nampak T9 masuk ke Bilik 03–05. Walhal menurut T9 beliau sepanjang waktu sebelum ditangkap pada 1 Jun 2017, beliau sibuk menyiapkan presentation projek tahun akhir dan tidak tahu akan semua hal dan tidak terlibat memeras ZF dengan cara memukulnya.

T9 disoal balas oleh Peguam T1 dan T2

[522] Menurut T9 beliau tidak dapat pastikan secara 100 peratus bahawa ZF meninggal dunia akibat daripada badan melecur. T9 hanya dengar daripada apa yang pihak pendakwaan nyatakan semasa bicara.

[523] Pada awal pagi 21hb semasa masuk ke Bilik 03–05 beliau nampak Hari Krishna (SP20) dan T1 namun tidak tahu apa yang mereka perkatakan. Menurut T9 beliau berjumpa ZF hanya pada 21hb sewaktu membeli minuman pada sebelah malam dan selepas itu hanya mendapat tahu ZF telah meninggal dunia pada 1hb dan beliau ditangkap. T9 tidak nampak apa yang T1 lakukan ke atas ZF.

T9 disoal balas oleh Peguam T3

[524] T9 menjawab beliau tidak berada di Bilik 04–10 pada 22hb antara jam 1.30 pagi hingga 4.30 pagi.

T9 disoal balas oleh TPR

[525] T9 tidak bersetuju sewaktu masuk ke Bilik 03–05 pada 21hb awal pagi turut berada di dalam bilik tersebut ialah Hasif — T7, Shazwan — T15, Amirul Ashraf — T11 dan Lukman Hakim — T14.

[526] T9 turut menafikan terlibat menumbuk ZF secara bergilir-gilir di dalam menyoalnya untuk mendapat pengakuan seperti mana keterangan SP25 — Shafiq. T9 juga tidak pasti sama ada rakan-rakannya yang berada di dalam bilik pada masa itu turut memukul ZF walaupun mereka juga memberi alasan tiada sebab untuk memukul ZF.

[527] T9 turut menafikan beliau mempunyai pengetahuan tentang

kehilangan laptop T1 sewaktu berada di Bilik 03–05. T9 tidak bersetuju dengan cadangan bahawa beliau bukan bertujuan meminjam sabun basuh sewaktu ke bilik tersebut tetapi untuk mengambil bahagian menyoal ZF. T9 menafikan beliau memukul ZF dengan kawan-kawan secara bergilir-gilir apabila ZF tidak mengaku mencuri laptop T1. T9 bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa keterangan T9 adalah penafian semata-mata.

Pemeriksaan semula

[528] T9 bermaksud dengan penafian semata-mata ialah beliau tidak melakukan apa yang dipertuduhkan ke atas beliau dan keterangan pembelaan yang beliau berikan adalah betul.

S. PEMBELAAN T10 — MOHAMAD SYAZWAN BIN MUSA

[529] Menurut T10 pada tahun 2017 beliau belajar di UPNM di tahun kedua pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan. Sewaktu itu T10 menginap di bilik asrama nombor 03–05.

[530] Pada 21 Mei 2017 sebelum jam 12.30 malam semasa perjalanan ke biliknya T10 singgah seketika di kafe UPNM untuk makan dan minum. Dalam jam 2 pagi T10 balik ke biliknya di 03–05. Di dalam bilik itu hanya satu lampu meja milik T10 sahaja yang terpasang dan lampu itu T10 baluti dengan kertas mahjung.

[531] T10 dapat camkan kawan-kawan yang berada di dalam bilik tersebut iaitu SP20 — Hari Krishna, Fitry Che Daud, SP25 — Shafiq Abdullah dan SP26 — Shafiq Muhaimin. T10 tidak dapat mengetahui akan apa tujuan mereka beramai-ramai sedang lakukan hanya yang T10 perasan perbincangan mereka tentang masalah *roll call* tempuh hari. Menurut T10 beliau tidak nampak ZF ada di dalam bilik tersebut dan tidak pernah menyentuh atau mencederakan ZF antara jam 2.30 pagi hingga 5.30 pagi pada 21hb itu. T10 tidak mengambil berat akan perbincangan kawan-kawannya tersebut atas alasan tiada kaitan dengan beliau. Malah beliau bukannya ketua kompeni dan T10 bukan orang penting dalam kumpulannya.

[532] Menurut T10 beliau terus ke almari pakaiannya dan mengambil baju dan membasuhnya di bilik air. Sewaktu berada di bilik air rakannya Muhamad Adib (T9) datang meminjam sabun basuh pakaian dan selepas itu datang Amirul Ashraf (T11) mengajak T10 bermain game mobile legend.

[533] Selepas siap membasuh pakaian T10 menjemurnya di belakang biliknya. Beliau perhatikan pada jam lebih kurang 4 pagi kelihatan Noramizan dan Luqman Hakim (T14) sedang tidur di katil masing-masing. Sewaktu itu

sudah tiada pelajar-pelajar yang berhimpun tadi. Sewaktu itu SP20 — Hari Krishna tidur di katil T11 dan T11 tidur sekatil dengan Afif — T4. T10 memberi alasan bahawa dari jam 4 pagi sehingga 6.30 pagi beliau sedang tidur dan tidak tahu apa yang terjadi di biliknya. Malah T10 tidak tahu menahu tentang kehilangan laptop T1 dan hanya tahu sewaktu ditahan semasa menuju ke IPD, Sepang. Pada jam 6.30 pagi T10 bangun daripada tidurnya dan pergi ke padang kawad MTD.

[534] Menurut T10 pada sebelah malam 21hb T10 ada beratur di belakang ZF sewaktu membeli minuman dan ZF kelihatan biasa dan ZF ada bertanya T11 berkenaan 'assignment english' T11 turut sama rakan yang berbual dengan rakan bernama Nadwi.

T10 disoal balas oleh Peguam T1 dan T2

[535] T10 bersetuju amalan di UPNM untuk tidur di katil rakan-rakan adalah perkara biasa seperti mana Hari Krishna (SP20) tidur di katil T10 pada 21hb tersebut. T10 turut bersetuju dengan cadangan peguam T1 bahawa T10 walaupun nampak T1 dan SP10 di Bilik 305 pada 21hb namun T10 tidak tahu apa yang terjadi.

Peguambela T3 menyoal balas T10

[536] T10 menyatakan ketua intake adalah T6 — Abduoul Haqeem dan tugas Ketua Intake untuk menyampaikan arahan pegawai/jurulatih atau senior dan arahan wajib dipatuhi.

Peguambela T6 soal balas T10

[537] T10 menyatakan T6 tidak memberi apa-apa arahan kepada T10. Mereka ialah T9 — Adib dan T11 — Amirul Asraf. Amirul Asraf dan T10 biasa bermain Game Counter Strike dan Mobile Legend. T10 akui sewaktu beliau keluar dari bilik air T11 telah tidak ada lagi di bilik tersebut.

Peguambela T11, T14 dan T15 soal balas T10

[538] T10 akui pada waktu dua rakannya mencari T10. Mereka ialah T9 — Adib dan T11 — Amirul Ashraf. Amirul Ashraf dan T10 biasa bermain game Counter Strike dan Mobile Legend. T10 akui sewaktu beliau keluar dari bilik air T11 telah tidak ada lagi di bilik tersebut.

TPR menyoal T10

[539] T10 tidak setuju lampu meja yang bernyala di Bilik 03–05 pada masa itu Hari Krishna (SP20) beliau dapat camkan tidur di katil T11, maka oleh itu mereka yang berada di bilik tersebut T11 patutnya boleh camkan.

[540] TP10 tidak bersetuju dengan cadangan TPR bahawa Akmal Zuhairi, Adib, Amirul Ashraf, Lukman Hakim ada sama di Bilik 03–05 bersama T10. T10 tidak bersetuju dengan keterangan saksi pendakwaan iaitu SP20, SP24 dan SP25.

[541] T10 tidak bersetuju dengan cadangan TPR bahawa T11 sememangnya mengetahui perbualan antara mereka di dalam Bilik 03–05 adalah menyoal ZF atas kehilangan laptop T1 dan T11 terlibat sama menyoal ZF dan memukul ZF secara bergilir-gilir bagi memaksa ZF mengaku mencuri laptop T1.

Pemeriksaan semula oleh peguambela T10

[542] T10 menyatakan bahawa beliau dapat cam SP20 — Hari Krishna tidur di katilnya bukan atas penglihatan tetapi cam tubuh SP20 yang besar dan menyentuh badan berbulu banyak di bahagian belakangnya.

T. PEMBELAAN T11 — MUHAMMAD AMIRUL ASRAFF BIN MALA

[543] T11 adalah pelajar UPNM di dalam bidang Sains Komputer Keselamatan dan Sekuriti dan pada tahun 2017 beliau berada di dalam tahun kedua pengajian dan tinggal di Bilik 5–02 asrama Jebat pada hari kejadian 21hb Mei 2017. T11 tinggal sebilik bersama Azamuddin bin Mad Sofi (T2), Shobirin bin Sabri (T5), Izzuddin Nazri, Ahza bin Salleh dan Luqman bin Razali.

[544] Pada 20hb jam 11 malam terdapat *roll call* dan selepas itu T11 ke kantin minum dan makan. Selepas itu T11 balik ke biliknya di 5–02 hanya untuk menukar pakaian dan selepas itu beliau ke Bilik 3–03. Alasan yang diberikan oleh T11 adalah kerana beliau selalu ke Bilik 3–03 untuk berjumpa rakannya bernama Fitri Sukarno. T11 mengenali Fitri sejak masa pengajian asasi lagi dan kebiasaannya T11 bermain game.

[545] Menurut T11 sewaktu sampai di Bilik 3–03 rakannya Fitri sedang membuat tugasan. Oleh itu tiada permainan video game pada malam itu. Lantas pada jam 2 pagi T11 ke Bilik 03–05 untuk bermain game Mobile Legend dengan Syazwan Musa dan Luqman Hakim.

[546] Apabila T11 sampai dan pintu Bilik 03–05 dibuka dan T11 nampak T1, SP20 Hari Krishna dan SP26-Shafiq Muhaimin sedang bercakap. Semasa

A itu Luqman Hakim sedang berada di dalam bilik air membasuh baju. Sementara itu T11 menunggu Luqman, T11 berada di katil Luqman sambil bermain game.

B **[547]** Menurut T11 lagi setelah beberapa minit bermain game melalui 'ear phone' beliau lihat ramai pelajar yang masuk ke bilik itu dan keadaaan mulai hangat dan menjejaskan permainan game T11 lalu T11 beralih ke koridor di luar Bilik 03–05 lebih kurang 15–20 minit. Selepas itu T11 ke Bilik 3–03 bermain game counter strike.

C

[548] Mahkamah ini perhatikan keterangan T11 hanya berkisar pada permainan games dari awal hingga akhir dan kejadian memukul ZF di bilik yang sama agak tidak menimbulkan keraguan untuk memberi alasan semudah itu tidak terlibat. T11 menafikan terlibat mencederakan ZF dan memeras
D ugut.

[549] Pada 21hb jam 11 malam menurut T11 beliau berada di padang kawad MTD untuk *roll call* dan ZF berdiri di sebelah T11. Akibat daripada lambat masuk kawad kesemua mereka termasuk ZF diarahkan oleh pegawai supaya
E lakukan side roll. Selepas selesai *roll call* T11 membeli minum dan baru balik ke Asrama di bilik 502.

[550] Pada awal pagi antara jam 1 hingga 2 pagi selepas menukar baju T11 itu
F T11 menukar baju beliau ke Bilik 3–03 lebih kurang dalam jam 1 atau 2 pagi. T11 turut memberitahu beliau bermain game di bilik tersebut. Semasa hendak ke aras 4 untuk mengambil air T11 nampak ada orang keluar masuk dari Bilik 04–10 termasuk pelajar dari battalion lain.

G **[551]** T11 hendak tahu apa yang berlaku di Bilik 04–10 lantas pintu tersebut terbuka dan terdapat penuh orang di dalam bilik tersebut. T11 masuk hanya sebahagian sahaja di dalam bilik tersebut. T11 tidak bercakap dengan sesiapa dan balik ke Bilik 3–03 dan ada Fitri Sukarno di bilik itu.

H *Peguambela T1 dan T2 menyoal T11*

[552] T11 akui bahawa adalah amalan biasa pelajar-pelajar untuk berada di bilik rakan-rakan dan bermain game. T11 turut akui bahawa beliau tidak tahu akan apa yang sedang T1 dan SP20 dan SP26 sedang bualkan semasa berada di
I dalam Bilik 03–05. Tambahan pula menurut T11 beliau menggunakan 'earphone' di telinganya.

[553] T11 bersetuju dengan semua cadangan jawapan yang diletakkan kepadanya oleh peguambela T1 dan T2, bahawa T11 tidak lihat apa yang

berlaku di dalam bilik sebab tumpu kepada permainan game walaupun semasa keluar dari bilik tersebut dan telinganya ditutup dengan 'earphone' termasuk semasa keluar dari bilik tersebut.

TPR soal balas T11

[554] T11 akui kenal ZF dan rakan-rakan yang dituduh sejak dua atau tiga tahun sebelum Mei 2017. Menurut T11 beliau hanya perasan di dalam Bilik 03–05 semasa 21hb hanya T1, SP20 dan SP26 sahaja. Manakala baki 17–20 orang lagi beliau tidak perasan sebab sibuk tumpu kepada game. T11 tidak pasti sama ada Hasif lsmail — T7 dan Adib Iman — T9 ada pada masa itu.

[555] T11 setelah itu mengakui bahawa sewaktu beliau hendak keluar dari Bilik 03–05 bahawa ZF ada di dalam bilik itu:

> TPR: Saya cadangkan ZF juga ada di Bilik 03–05 pada malam tersebut?
>
> T11: Masa saya nak keluar ada.

[556] T11 tidak bersetuju beliau ambil bahagian memukul dan mencederakan ZF bergilir-gilir dengan tertuduh-tertuduh yang lain iaitu T1, T3, T6, T7 hingga T12 bagi mendapatkan pengakuan mencuri laptop.

Kejadian kedua pada 22hb di Bilik 04–10

[557] T11 mengakui ada ke Bilik 04–10 pada 22 Mei 2017 dan ada seramai 20 hingga 25 orang lagi di dalam bilik tersebut. T11 menafikan beliau dapat masuk terus ke bilik tersebut tetapi hanya separuh sahaja. Namun T11 menyatakan beliau tidak perasan sama ada ZF ada di dalam bilik tersebut. T11 turut menafikan beliau ada bercakap dengan ZF dan ada menyoal balas ZF atas kehilangan laptop juga. T11 tidak pasti sama ada T1, T2, T3, T4, T6, T13, T14, T15, T16, T18, T19 dan Noriznan ada bersama di dalam bilik tersebut. T11 tahu punca ZF meninggal dunia adalah akibat luka lecur. Itupun tahu hanya setelah berada di dalam tahanan reman.

Pemeriksaan semula

[558] T11 menjawab soalan peguamnya bahawa mereka yang berada di dalam Bilik 03–05 pada 21hb ialah Mubin Mustaza, Fitri Ashabab, Noramizan dan Hari Krishna.

[559] Pada kejadian kedua iaitu 22hb T11 menyatakan pintu Bilik 04–10 hanya boleh dibuka separuh sahaja dan T11 hanya menjengah sahaja ke dalam bilik tersebut iaitu hanya badan yang masuk kaki di luar bilik.

U. PEMBELAAN T12 — LUQMAN HAKIM BIN SHAMSURI AGUS

[560] Menurut T12 beliau masuk belajar di UPNM pada tahun 2014 peringkat asasi dan ijazah di dalam jurusan Pengurusan Sumber Manusia dan Pertahanan. Pada bulan Mei 2017 beliau menginap di Bilik 03–05 di Blok Jebat dan ahli bilik terdiri daripada Syazwan Musa, Normizan, Hazim Othman dan Afif.

[561] Pada 20hb Mei jam 11 malam T12 ada hadir *roll call* dan selepas itu beliau balik ke bilik beliau jam lebih kurang 12 tengah malam. Selepas itu T12 ke katil sekitar jam 12.30 malam dan tidur. T12 tersedar daripada tidur apabila rakannya dari bilik lain mengejutkan T12 untuk mendapatkan kalulator dan assignment beliau. T12 memberikannya kepada Hasif dan menyambung balik tidurnya.

[562] Menurut T12 sewaktu dikejutkan oleh Hasif T12 mendapati terdapat pelajar-pelajar dari bilik lain sedang bermain handphone dan bersembang waktu itu jam 5.30 pagi. T12 lihat Syazwan Musa (T10) dan Noramizan ada di bilik itu. Manakala T12 menyatakan ZF tidak kelihatan.

[563] T12 mengakui sewaktu beliau tidur susah untuk sedar melainkan digerakkan tubuhnya. Oleh itu menurut T12 keterangan SP25 bahawa T12 ada memukul ZF adalah tidak benar. T12 menyatakan beliau tidak tahu pada bila-bila masa ZF ada hadir bilik itu pada 22hb tersebut. Malah T12 menyatakan beliau hanya tahu tentang akan kehilangan laptop dan apa yang terjadi kepada ZF sewaktu beliau ditahan reman.

[564] Mahkamah ini meneliti pembelaan T12 ini hanya menafikan langsung mengetahui apa yang terjadi di dua bilik pada 21hb dan 22hb seperti mana pertuduhan ke atas dirinya walau pun mengakui berada di situ.

Puan TPR menyoal balas T12

[565] Peguambela tertuduh-tertuduh yang lain tidak menyoal balas T12 tetapi hanya Puan TPR sahaja yang menyoal balas T12.

[566] TPR menyoal berkenaan sensitiviti T12 sebagai kadet tentera yang agak pelek apabila tidak peka dan tidak tahu menahu kejadian sekelilingnya walaupun di bilik yang sama.

[567] T12 tidak bersetuju dengan cadaangan Puan TPR bahawa sebenarnya T12 adalah tahu tentang akan kejadian ZF di tumbuk dan dicederakan pada untuk kejadian 21hb dan 22hb. T12 turut tidak setuju dengan cadangan Puan

TPR bahawa akan tujuan T12 dan tertuduh-tertuduh yang lain mencederakan ZF pada 21hb dan 22hb adalah untuk mendapatkan pengakuan mencuri laptop T1.

V. PEMBELAAN T13 — MOHD HAFIZ FAUZAN BIN ISMAIL

[568] T13 adalah pelajar di UPNM di dalam Jurusan Kejuruteraan Awam. Sekitar masa kejadian pada 22hb T13 tinggal di Blok Jebat Bilik 4–11.

[569] Menurut T13 pada 21hb jam lebih kurang 11 malam beliau sedang hadiri mesyuarat untuk persediaan bulan puasa dan setelah mesyuarat selesai jam 12 malam T13 balik ke biliknya di 4–11. Sewaktu di bilik selepas menukar baju T13 siapkan urusan 'assignment' yang patut dihantar keesokkan harinya. T13 memilih untuk ke Bilik 04–10 untuk mendapatkan rakan kelasnya Alif Farhan untuk bertanya 'assignment' yang tidak dapat dijawab dan T13 menyatakan beliau selalu bertanya kepada Alif hal pengajiannya.

[570] T13 sampai di depan Bilik 04–10 lebih kurang jam 12.30 pagi, 22hb. T13 dapati di luar bilik terdapat banyak selipar. T13 masuk ke dalam Bilik 04–10 dan dapat kenal pasti terdapat pelajar dari batch dan battalion lain. Pada masa itu hanya lampu meja sahaja menyala.

[571] Menurut T13 sewaktu hendak menuju katil Alif Farhan beliau telah dilanggar oleh ZF dan T13 telah menolak ZF. T13 ke katil Alif Farhan dan mengajak beliau ke bilik T13 kerana ramai orang di Bilik 04–10. T13 menafikan ada memukul ZF bertujuan untuk mendapatkan pengakuan salah mencuri laptop dari ZF pada 22hb di Bilik 04–10 pada bila-bila masa.

T13 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[572] T13 menjawab soalan peguambela T1 dan T2 bahawa T13 berada hanya selama dua minit di Bilik 04–10.

[573] Mahkamah ini meneliti dan mendapati bahawa daripada pembelaan ini bermaksud T13 sampai di bilik itu pada jam 12.30 pagi 22hb dan 2 minit berada di bilik tersebut dan paling lewat jam 12.35 telah keluar dari bilik tersebut.

T13 disoal balas oleh TPR

[574] T13 tidak bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa beliau ada memukul ZF untuk menyoal berkenaan akan kehilangan laptop T1. T13 tidak

bersetuju beliau dan pelajar-pelajar lain berada di situ untuk tujuan yang sama dan T13 tidak pasti kenapa ramai pelajar-pelajar berada di Bilik 04–10 tersebut.

[575] T13 hanya dapat pastikan T3 — Najib sahaja yang dia sahkan berada di dalam bilik tersebut manakala nama-nama tertuduh yang lain yang dicadangkan tidak dapat dipastikan seperti nama T1, T2, T4, T6, T11, T14, T15, T16, Noriznan Izzarairi, T18 dan T19. T13 tidak bersetuju nama-nama ini berada bersama T13 memukul dan menyoal siasat ZF untuk mendapatkan pengakuan mencuri.

[576] Pemeriksaan semula oleh peguambela T13 adalah mengesahkan tujuan T13 ke Bilik 04–10 untuk berjumpa dengan Alif Fahan bagi tujuan 'assignment'.

T13 menjawab soalan mahkamah

[577] T13 bersetuju dengan cadangan mahkamah bahawa 30 orang pelajar berada di dalam Bilik 04–10 adalah ramai iaitu sewaktu T13 masuk bagi tujuan berjumpa dengan Alif Farhan. T13 tidak bertanya dan ambil tahu apa yang mereka lakukan sewaktu itu selain daripada T13 melihat mereka bersembang sana sini:

> Soalan mahkamah: Apa yang menarik perhatian mereka untuk berada di situ?
>
> Jawapan T13: Saya tak pasti. Cuma saya pasti mereka ada sembang sana sini
>
> Soalan mahkamah: Awak tak ambil tahu apa yang berlaku?
>
> Jawapan T13: Tidak.

[578] Mahkamah ini mendapati T13 memilih pembelaan yang mudah dengan menafikan pengetahuan apa yang sedang berlaku di dalam bilik tersebut dan menyelematan keadaan dengan menyatakan hanya berada di bilik tersebut untuk dua minit sahaja walhal saksi pendakwaan menyatakan T13 terlibat memukul dan menyoal ZF. Tidak menimbulkan keraguan munasabah apabila melihat 30 orang pelajar di dalam satu bilik dan menyatakan T13 menyatakan bahawa beliau tidak tahu apa yang sedang berlaku dalam keadaan fakta apabila pendakwaan menjuruskan kepada beliau sebagai salah seorang yang terlibat.

W. PEMBELAAN T14 — MOHAMAD LUKHMANUL HAKIM BIN MOHD ZAIN

[579] Menurut T14 selepas tamat pengajian tingkatan 5 beliau memasuki UPNM di dalam pogram asasi dan melanjutkan pengajian di dalam Program

Ijazah Kejuruteraan Awam di UPNM. Pada bulan Mei 2017 beliau berada di dalam tahun dua pengajian. Sewaktu itu T14 menginap di Blok Jebat di Bilik 04–10. Rakan sebilik lima orang termasuk beliau dan yang lain ialah T1, T3, Alif Farhan dan Izzul Akhtar.

[580] Pada 21 Mei 2017 malam T14 menghadiri ceramah Affin Bank dan terpaksa jalani hukuman keliling MES dan *push up* dan *forward roll* sehingga jam 1 pagi 22hb. Selepas itu T14 balik ke biliknya dan beliau dapati di dalam biliknya terdapat ZF dan T6 — Abdoul Hakeem. T14 melihat keadaan di dalam Bilik 04–10 dan beliau keluar ke Bilik 4–07 kerana tidak suka dengan keadaan itu. Namun Bilik 4–07 tiada sesiapa di dalamnya dan T14 tunggu selama 20 minit dan balik ke biliknya di 04–10 pada jam 2 pagi.

[581] Menurut T14 beliau dapati di dalam Bilik 04–10 tersebut masih terdapat ramai pelajar yang keluar masuk namun T14 terus ke katilnya dan membuka pakaiannya dan ke katilnya. Daripada pemerhatian T1 empat orang yang ada di bilik tersebut ialah ZF sedang duduk di atas kerusi. T6 — Abdoul Hakeem, T2 — Azamuddin, SP25 — Syafiq Abdullah pula duduk atas meja dan Mubin Mustaza duduk di atas katil Najib — T3 bersebelahan katil T14. Selepas itu Mubin bangun dan beri laluan kepada T14 berehat.

[582] T14 tidak bersetuju dengan keterangan SP25 — Syafiq Abdullah bahawa beliau terlibat sama memukul ZF kerana apabila T14 melihat kejadian awal beliau telah ke bilik lain sebab tidak setuju dengan kejadian memukul. Ini kerana T14 tidak suka perbuatan itu. T14 tidak mengakui tuduhan beliau memukul ZF.

[583] T14 mengesahkan SP25 — Syafiq berada di Bilik 04–10 pada 22hb namun menurut T14 beliau tidur dan tersedar dari tidur hanya apabila mendengar azan subuh. Pada pagi tersebut T14 pergi berbaris seperti rutin biasa.

T14 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[584] T14 akui T1 turut hadir ceramah Affin Bank pada 21hb malam. T14 turut bersetuju bahawa T1 turut dikenakan 'punishment' dan berakhir hanya selepas jam 1.30 pagi pada 22hb.

[585] T14 hanya menjawab 'mungkin' apabila peguam T1 dan T2 mencadangkan T2 — Azamuddin duduk dekat meja dan bukan atas meja. Namun mahkamah ini meneliti keterangan SP24, SP25 dan bersama-sama dengan keterangan T3 yang menyatakan T2 duduk di atas meja memegang seterika sambil memberi arahan.

[586] T14 sewaktu mula ditanya siapakah yang bertanya soalan tentang 'webbing set' T14 menjawab beliau menoleh ke belakang dan dapati Syafiq Abdullah yang cakap. Namun selepas itu peguambela T1 dan T2 cadangkan T14 adalah tidak tahu siapakah yang bertanya pasal 'webbing set' dan T14 menjawab 'tak tahu' siapa yang bertanya.

Soalan peguam T1 dan T2: Kamu kata ada orang tanya pasal webbing set itu dan, siapa yang tanya?

Jawapan T14: Saya tak perasan. Lepas saya dengar soalan out, saya dengar Stafiq Abdullah cakap macam itu dan saya toleh belakang nak tahu siapa yang cakap macm itu.

Soalan peguam T1 dan T2: Apa yang saya faham dengar ada orang tanya ZF pasal webbing set tapi kamu tak tahu siapa yang tanya. Bila kamu toleh ke belakang kamu nampak Syafiq Abdullah. Siapa yang tanya berkenaan 'webbing set' kamu tak tahu?

Jawapan T14: Tak tahu.

[587] T14 turut bersetuju dengan cadangan peguambela T1 dan T2 bahawa T2 — Azamuddin sedang bermain handphone sewaktu duduk dekat dengan meja.

T14 disoal balas oleh TPR

[588] Menurut T14 sewaktu beliau baru masuk ke biliknya di 04–10 beliau lihat ZF dan T6. T14 menjelaskan apa yang beliau maksudkan tidak suka dengan keadaan ialah tentang kejadian pada 21hb di mana ZF disoal tentang lewat datang baris.

[589] Menurut T14 kali kedua beliau masuk ke biliknya pada jam 2 pagi masih ramai pelajar antara 18–23 orang. T14 akui dengan pencahayaan lampu meja beliau mampu dan dapat namakan siapa yang ada di Bilik 04–10 pada waktu itu. Namun T14 tidak pasti sama ada, mereka ini ada atau tidak iaitu T1 — Akmal Zuhairi, T3 — Najib, T4 — Afif Najmudin, Mohd Hafiz Fauzan, Ahmad Syahwan, Muhammad Sufi, Noriznan Izzairi, Muhammad Asraf, Mohd Danial Firdaus ada atau tidak masa itu.

[590] T14 dapat pastikan T2 — Azammudin, T6 — Abdoul Hakeem dan SP25 — Syafiq sedang mengadap ZF. T14 mendengar mereka bersembang sekelompok sini sana tetapi tidak tahu adakah sedang disoal. Namun T14 akui semasa pertama kali beliau masuk kebiliknya jam 12.30 pagi, beliau terkejut dengan suara SP25 — Syafiq.

[591] T14 akui tahu yang T1 kehilangan laptop namun tidak pasti soal menyoal dan pukul memukul yang didengar dan dilihat itu berkaitan laptop

T1 yang hilang. T14 menafikan terlibat sama menyoal dan memukul ZF atas kehilangan laptop tersebut. T14 tidak bersetuju ZF di tempatkan di tengah-tengah pelajar di dalam Bilik 04–10 dan dipukul dan dicederakan.

[592] T14 tidak bersetuju beliau masuk ke Bilik 04–10 pada jam 2 lebih dan terlibat sama memukul ZF dan bukannya tidur. T14 menjelaskan beliau bangun pada pagi tersebut dan mandi dan terus gerak dan tidak ambil tahu tentang ZF ada atau tidak di dalam bilik tersebut.

Mahkamah menyoal T14

[593] Oleh kerana tiada pemeriksaan semula oleh peguambela T14 mahkamah telah bertanyakan T14. T14 menyatakan beliau tidak minat berkenaan apakah soalan yang berkaitan. T14 tidak terlibat dengan kejadian memukul ZF dan apa yang berlaku di dalam bilik tersebut T14 akui tidak berpengetahuan.

[594] Mahkamah meneliti pembelaan T14 bahawa mengakui berada di biliknya hanya seketika pada awal 22hb dan kali kedua masuk ke biliknya dan terus tidur dan sedar pagi tanpa peduli sama ada ZF masih di dalam bilik tersebut atau tidak. T14 bukan sahaja menafikan tentang pengetahuannya dan penglibatannya menyoal dan memukul ZF malah manafikan kesemua tertuduh terlibat dengan tuduhan di bawah s 330 KK untuk kejadian awal 22hb dan cuba melibatkan SP25 — Syafiq seorang sahaja. Pembelaan T14 ini seakan-akan pejam mata atau tunduk sewaktu masuk ke biliknya sendiri, jika tidak masakan tidak berminat sekali pun tentu akan dapat lihat apa yang sedang berlaku. Pembelaan T14 adalah gagal menimbulkan keraguan atas keterangan saksi-saksi pendakwaan melibatkan T14.

X. PEMBELAAN T15 — AHMAD SHAFWAN BIN BERDAL

[595] T15 adalah pelajar UPNM di dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Keselamatan dan pada sekitar 21hb Mei 2017 tempat penginapan asrama beliau adalah di Asrama Jebat Bilik 406. Rakan sebilik T15 ialah Hari Krishna Rao, Muhammad Hasif Ismail, Muhammad Sufi Mustapha, Aiman Aufa dan Akmal Akif.

[596] Pada jam 12 malam T15 baru sahaja selesai 'roll call' dan balik ke biliknya dan tukar pakaian dan berada di Bilik 4–06 itu sehingga jam 1 pagi lebih. Menurut T15 bilik beliau adalah mengadap Bilik 04–10 dan beliau perhati ada pelajar keluar masuk di Bilik 04–10 tersebut. T15 berbuat demikian atas perasaan ingin tahu.

[597] T15 telah ke Bilik 04–10 dan dapati banyak selipar di depan pintu bilik itu. Bila masuk ke dalam bilik tersebut keadaannya agak gelap dengan sedikit cahaya meja belajar. T15 telah ke katil kosong dan dalam masa dua minit sahaja rakan sebiliknya T15 bernama Muhammad Sufi telah memanggilnya T15 ke 4–06 atas urusan hendak siapkan assignment. T15 menafikan memukul ZF sewaktu di Bilik 04–10 untuk mendapatkan pengakuan mencuri laptop.

T15 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[598] T15 menyatakan yang beliau tidak nampak ZF sewaktu *roll call* pada 22hb. T15 juga tidak nampak T1 dan T2 berada di Bilik 04–10 malam awal pagi 22hb itu.

T15 disoal balas oleh Puan TPR

[599] Menurut T15 lebih kurang 20 orang berada di dalam Bilik 04–10 sewaktu T15 ke sana pada 22hb awal pagi tersebut. Namun T15 tidak perasan sama ada T1 — Akmal Zuhairi, T2 — Azmuddin, T3 — Muhammad Najib, T4 — Afif Najmudin, T11 — Amirul Asraff, T13 — Hafiz Fauzan, T14 — Lukhmanul Hakim, Noriznan Izzairi, T18 — Muhamad Ashraf dan T19 — Danial Firdaus turut ada bersama di dalam bilik tersebut. Manakala T6 — Abdoul Hakeem, T15 yakin ada di dalam Bilik 04–10.

[600] T15 tidak bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa T1–T4, T11–T14, T18 dan T19 berada di dalam Bilik 04–10 sedang menyoal ZF bersama-sama beliau. T15 akui ZF ada di tengah-tengah bilik tersebut dikelilingi oleh rakan-rakan T15. Namun T15 tidak mendengar perbualan mereka berkisar kepada tajuk apa sama ada soal laptop atau hal lain walaupun T15 ketahui T1 kehilangan laptop. Menurut T15, T1 ada datang menemui T15 menceritakan tentanq kehilangan laptopnya. T15 tidak mengakui beliau terlibat dalam soal siasat dan mencederakan ZF bagi tujuan ZF mengaku mencuri laptop T1.

[601] T15 mengakui beliau turut berada di Hotel Bangi Lanai pada 26 hingga 28hb Mei 2017 bersama-sama ZF dan T1, T16 dan T6. T15 tidak pasti sama adakah T2 ada bersama. T7 — Hasif hanya menghantar T15, T1 dan T14 sahaja tetapi tidak bermalam di hotel tersebut. T15 hanya bermalam satu malam sahaja di hotel tersebut dan tidak ikut serta ke Klinik As-Salam membawa ZF untuk

[602] T15 tidak akui ZF sewaktu di hotel tersebut berada di dalam keadaan lemah, cedera dan dalam kesakitan. T15 menyatakan beliau tidak tahu ZF cedera akibat ditekap dengan seterika wap pada 22hb dan juga tidak tahu akan tujuan membawa ZF ke klinik untuk rawatan sewaktu bermalam di hotel itu.

T15 disoal semula oleh peguambelanya

[603] T15 menjelaskan apa yang didengar di dalam Bilik 04–10 antara perbualan rakan-rakan dengan ZF ialah tentang *roll call* dan bukan tentang kehilangan laptop. Manakala rakan-rakan yang T15 dapat camkan yang ada di dalam bilik tersebut ialah ZF, SP25 — Syafiq Abdullah, T6 — Abduol Hakeem, SP24 — Senabil dan Mubin.

[604] Manakala menurut T15, T1 dan T6 yang mengajaknya ke hotel di Bangi Lanai itu dan T15 bersetuju untuk ikut kerana tiada tempat tinggal di asrama UPNM waktu itu.

T15 menjawab soalan mahkamah

[605] Menjawab soalan mahkamah T15 menyatakan walaupun beliau mungkin satu atau dua malam berada sebilik dengan ZF namun beliau tidak dapat tahu yang ZF itu luka dan dalam kesakitan dan tidak juga tahu tujuan berada di hotel tersebut.

Y. PEMBELAAN T16 — MUHAMMAD SUFI BIN MOHD MUSTAPHA

[606] T16 memberi keterangan berdasarkan pernyataan bertulis yang mana semua pihak-pihak tiada bantahan dan setelah T16 selesai membaca pernyataan saksinya dan tiada pembetulan atau tambahan mahkamah telah menandanya sebagai WSSD16.

Pembelaan T16 di dalam WSSD16

[607] T16 berada di dalam jurusan Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan) di UPNM dan pada tahun 2017 beliau menetap di Asrama Jebat di mana rakan-rakan sebiliknya ialah Aiman Aufa (SP23) Akmal Akif (T8), Safwan Berdal (T15), Hari Krishna (SP20) dan Hasif (T7). Manakala ZF adalah rakan di dalam Batalion Tuah yang sama dengan T16 dan tinggal di Bilik 03–06 asrama sama cuma di tingkat bawah.

[608] Pada 22 Mei 2017 jam 1.30 pagi T16 telah ke Bilik 04–10 berseorangan. Menurut T16 tujuan ke bilik itu adalah untuk memanggil T15-Safwan bagi membuat bersama 'assignment' Military Law. T16 menyatakan hanya seminit beliau berada di dalam Bilik 04–10 apabila ke sana atas alasan hanya untuk mengajak Safwan sahaja.

Keadaan Bilik 04–10

[609] Menurut T16 keadaan bilik adalah sesak dan gelap hanya cahaya samar-samar sahaja dan T16 hanya dapat melihat beberapa pelajar duduk atas kerusi dan atas meja dan ada yang berdiri serta baring di atas katil. Antara yang dapat T16 namakan ialah SP24 — Senabil dan SP25 — Syafiq. Setelah berjumpa T15 — Safwan, T16 terus balik ke biliknya di 4–06.

[610] Pada 23hb iaitu keesokkannya sebelah petang apabila tamat kelas didapati ZF berada di bilik T16 di 4–06. Namun T16 tidak berpengetahuan bagaimana ZF ke biliknya dan kenapa ZF ke biliknya. Bila ditanya ZF memberitahunya hendak menumpang bilik T16 beberapa hari.

[611] Pada 24hb T16 melihat tangan ZF ada kesan merah gelap. Apabila ditanya ZF menjawab 'tak ada apa-apa'. Selama tiga hingga empat hari berada di Bilik 3–10 menurut T16, ZF kelihatan biasa berbual dan menonton movie. Menurut T16, ZF ada mengirim makanan melalui T16 sewaktu T16 hadiri kelas pengajiannya.

[612] Pada 26hb UPNM bercuti selama tiga hari dan menurut T16, ZF memberitahu T16 hasratnya untuk mendapat rawatan di klinik untuk rawatan dan mengajak T16 menemaninya ke klinik.

[613] Pada 27hb T16 bersama T7 — Hasif, T4 — Najmuddin, T6 — Abdoul Hakeem dan T1 — Ahmad Zuhairi bersama ZF ke klinik di Bangi. Namun T16 tidak masuk ke dalam klinik tersebut dan terus balik tetapi beliau tahu bahawa pada 31hb terdapat tarikh temujanji di klinik yang sama.

[614] Pada 1 Jun 2017 jam 11 malam diberitahu oleh jurulatih tentang kematian ZF. T16 seterusnya telah ditahan bagi membantu siasatan bersama 31 kadet yang lain. T16 menafikan pernah mencederakan ZF pada bila-bila masa dan tidak pernah memeras pengakuan dan menyoal siasat berkaitan dengan kehilangan laptop atas alasan beliau tiada mempunyai kepentingan.

T16 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[615] T16 bersetuju dengan cadangan peguambela T1 dan T2 bahawa adalah kebiasaan kadet-kadet (pelajar UPNM) lepak di bilik bukan bilik mereka dan baring di katil kawannya. Oleh itu keadaan pada awal pagi 22 Mei 2017 itu adalah keadaan biasa di Bilik 04–10.

[616] T16 turut akui pada 23hb berikutnya ZF berada di biliknya dan adalah perkara biasa dan tidak mencurigakan malah T16 bersetuju bahawa ZF atas kerelaannya berada di Bilik 04–10 tersebut.

[617] Pada 24hb pula T16 setuju bahawa beliau ada bertanyakan kepada ZF tentang kesan pada tangan ZF dan ZF menjawab — tidak ada apa-apa dan ZF dalam keadaan seperti biasa bukan di dalam keadaan nazak dan mudarat. A

[618] Manakala pada tarikh 26hb pula menurut T16 beliau dipelawa oleh ZF untuk ke klinik menemani ZF. Tujuan ZF ajak ke klinik menurut T16 adalah untuk merawat tangannya. Menurut T16 beliau tidak ikut masuk ke dalam bilik rawatan bersama ZF semasa di Klinik As-Salam. Beliau hanya menunggu di luar. Selepas rawatan doktor ada menetapkan tarikh rawatan susulan pada 31hb dan ada diberikan ubat tetapi tidak ada sampul surat yang diberikan. Pada pengamatan mahkamah, walaupun T16 tidak masuk ke bilik rawatan namun beliau boleh memberitahu yang doktor atau kakitangan klinik tidak menasihatkan ZF mendapat rawatan ke hospital. B C

T16 disoal siasat oleh peguambela T4 D

[619] Menurut T16 sewaktu ZF dibawa ke Klinik As-Salam pada 27hb, hubungan ZF adalah rapat dan baik dengan tertuduh-tertuduh yang menemaninya. E

T16 disoal siasat oleh Puan TPR

[620] T16 akui beliau ada ke Bilik 04–10 jam lebih kurang 1.30 pagi untuk menemui T15 — Shafwan. T16 hanya dapat mengigati pelajar yang ada pada masa itu ialah Shafwan, Senabil dan Syafiq (SP24 dan SP25). Namun T16 tidak pasti sama ada tertuduh-tertuduh yang disenaraikan oleh Pn TPR turut ada bersama pada 22hb itu. T16 tidak pasti sama ada T1, T2, T3 dan Muhammad Amirul Asraff, Mohd Hafiz Fauzan, Mohamad Lukhmanul Hakim, Noriznanlzzairi, Ashraf Haji Daud dan denial Firdaus ada atau tidak. T16 juga tidak pasti ZF ada di Bilik 04–10 atau tidak pada 22hb. F G

[621] Pembelaan T16 hampir sama juga dengan tertuduh-tertuduh yang lain di mana menurut T16 beliau hanya berada di Bilik 04–10 seminit sahaja. T16 tidak bersetuju beliau berada di bilik tersebut dari 1.30 pagi hingga 4.30 pagi. T16 tidak pasti berlaku soal siasat ke atas ZF pada masa itu dan T16 tidak terlibat langsung. T16 sendiri tidak mengaku terlibat dengan tertuduh-tertuduh yang lain menyoal siasat dan memukul ZF bagi mendapatkan pengakuan mencuri laptop. T16 menafikan beliau ada menyoal ZF tentang kehilangan laptop dan turut menumbuk ZF bersama-sama dengan rakannya kerana marah apabila ZF tidak mengaku mencuri laptop T1. H I

[622] T16 akui terdapat tujuh orang di dalam bilik tersebut apabila termasuk ZF. Kebiasaannya hanya enam orang ahli bilik sahaja. ZF pada masa itu tidur di katil T8 — Akmal Akif dan Akmal Akif tidur sebelah Aufa. T16 dapati ZF

kelihatan biasa dan tidak pasti sama ada ZF ada hadiri kelas atau tidak. T16 mengatakan ZF pesan makanan melalui T16. T16 setuju bahawa ZF tidak keluar daripada biliknya. T16 tidak pasti siapa yang datang melawat ZF sewaktu berada di bilik T16 memandangkan pelajar-pelajar di UPNM kebiasaannya keluar masuk bilik rakan-rakan.

[623] T16 akui tangan ZF kelihatan merah gelap di bahagian kiri sebelah atas manakala T16 tidak perasan bahagian lain badan ZF turut alami warna merah gelap. Namun T16 tidak tahu punca kecederaan ZF. T16 akui pada 26hb ZF mengajak T16 temankan beliau ke klinik untuk mendapat rawatan atas kecederaannya. Namun T16 tidak pasti kecederaan ZF semakin teruk. T16 setuju bahawa ZF tidak di dalam keadaan nazak sewaktu duduk sebilik dengan T16.

[624] T16 akui tidak mengetahui kecederaan ZF kerana T16 tidak turut masuk ke dalam bilik rawatan berasama kawan-kawan yang lain. Selepas balik semula ke asrama ZF masih tinggal sebilik dengan T16 tetapi tidaklah T16 perasan ZF sakit teruk dan hanya kelihatan biasa. T16 akui beliau tidak mengetahui keadaan ZF semakin teruk selepas balik dari klinik pertama kali.

[625] Tentang pengetahuan Dr ada mengarahkan ZF ke hospital dan sama ada diberikan surat 'referral' T16 mengakui beliau tidak tahu.

T16 menjawab mahkamah

[626] T16 menyatakan bahawa ZF masuk ke klinik secara berjalan dan bukan menggunakan kerusi roda pada masa ke klinik pada 27hb.

Z. PEMBELAAN T17 — NORIZNAN IZZAIRI BIN NOOR AZHAR

[627] T17 memberi keterangan berdasarkan pernyataan bertulis yang mana semua pihak-pihak tiada bantahan dan setelah T17 selesai membaca pernyataan saksinya dan tiada pembetulan atau tambahan mahkamah telah menandanya sebagai WSSD17.

Pembelaan T17 di dalam WSSD17

[628] Pada tahun 2017, T17 berada di dalam jurusan Pengurusan Sumber Manusia di peringkat Sarjana Muda di UPNM. Asrama Jebat dan menginap di Bilik 3–03 dimana rakan sebilik ialah Fitri Sukarno, Sazwan Ahmad, Adib Iman, Afif Najmuddin dan Muhd Faiz dan di bawah Batalion Tuah. ZF adalah rakan kenalan T17 dan juga Ketua Service Navy untuk intake 2014 di Batalion Tuah dan ZF menginap di Bilik 03–06.

[629] Pada 22 Mei 2017 jam 2 pagi selesai dari 'punishment' atas kesalahan tidak hadiri baris T17 telah terserempak dengan Fitri Sukarno dalam perjalanan T17 ke biliknya di 3–03. Fitri memberitahu T17 bahawa ZF kena 'seta' (settle) oleh itu T17 pun ke Bilik 04–10 untuk melihat apa terjadi kepada ZF. Sampai di Bilik 04–10, T17 dapati SP25 — Syafiq, Mubin, T6 — Abd Hakim, T1 — Hairi dan ZF ada di bilik. Menurut T17 mereka sedang bersembang dan ramai lagi pelajar yang tidak dapat T17 ingati tambahan pula keadaan bilik agak gelap.

[630] T17 akui beliau melihat ZF sedang berpeluh dan bertanya sama ada ZF juga kena *punishment* namun ZF tidak kena *punishment*. T17 hanya berada selama tiga minit di Bilik 04–10 tersebut dan keluar setelah hanya ingin tahu apa terjadi kepada ZF. T17 keluar dari bilik tersebut tanpa dihalang oleh sesiapun. T17 tidak ada melihat sebarang kejadian pukul memukul dan tidak ada kaitan dengan kejadia laptop hilang. Itu adalah kali terakhir T17 berjumpa dengan ZF sehingga beliau diberitahu ZF telah meninggal dunia dan ditahan reman bersama 31 kadet yang lain.

Soalan tambahan oleh peguambela T17

[631] Merujuk kepada para 4 nama-nama dinyatakan itu adalah siapa yang pernah dipanggil sebagai saksi pendakwa atau tertuduh; iaitu Fitri Sukarno, Syazwan Ahmad, Muhammad Faiz; bukan saksi atau bukan dituduh adalah Adib Adam T9 (sebenarnya Adib Iman), Afif Najmudin T4.

[632] Manakala merujuk kepada perenggan 6, 'punishment' dikenakan pada malam 21hb tersebut ialah 'side roll', forth roll dan push up.

[633] Manakala perenggan 9, pada baris ke 4 dari atas T16 menjawab beliau tidak faham maksud 'keluar waktu bekerja'. Perenggan 9 yang sama baris kedua dari bawah dikatakan 'sambil secara spontan mengelap peluh arwah' membawa maksud T16 tidak setuju akan apa yang berlaku ke atas ZF.

[634] Di perenggan 12 dinyatakan di hadapan Wisma Kadet jam 11 malam diberitahu ZF telah meninggal dunia pada 1 Jun 2017.

T17 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[635] Menurut T17 penama Fitri Sukarno, Syazwan Ahmad ada ditahan reman walaupun tidak dituduh atau dijadikan saksi. Manakala Muhammad Faiz tidak ditahan reman dan tidak juga dijadikan saksi mana-mana tertuduh.

[636] T17 akui akan cadangan peguambela T1 dan T2 bahawa beliau ke Bilik 04–10 pada 22hb jam 2 pagi telah ada ramai kadet dan T17 juga akui melihat

ZF ada duduk macam dalam bulatan dan kelihatan kadet Syafiq, Mubin, Hakeem Akmal Zuhairi seakan-akan sedang bersembang. Namun menurut T17 beliau berada di Bilik 04–10 hanya tiga minit sahaja dan tidak ada melihat sebarang kejadian ZF dipukul atau bergaduh di dalam Bilik 04–10 tersebut.

T17 disoal balas oleh Puan TPR

[637] T17 tidak bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa ZF berada di tengah-tengah tetapi dalam bulatan bersebelahan Syafiq atas kerusi memakai singlet dan seluar slack dan ZF di dalam keadaan berpeluh. T17 ada bertanyakan ZF adakah ZF turut kena hukuman dan ZF jawab 'tidak'. T17 juga tidak setuju dengan cadangan TPR bahawa ZF kena pukul dan sebab itulah dia berpeluh. T17 tidak bersetuju beliau bukan mengelap peluh ZF tetapi turut terlibat memukul ZF bersama-sama tertuduh-tertuduh T1, hingga T6, T11, T13 hingga T19 bagi maksud mendapatkan pengakuan ZF mencuri laptop T1.

[638] T17 bersetuju mereka semua termasuk Mubin, T6, T1 sedang bersembang. T17 tidak pasti sama ada Azamuddin, Amirul Asraff, Hafiz Fauzan, Mohamad Lukhmanul Hakim, Ahmad Syafwan, Muhammad Sufi, Muhammad Ashraf Abdullah Danial Firdaus ada di situ.

[639] T17 bersetuju bahawa sewaktu T17 berada di bilik tersebut Fitri Sukarno ada menyatakan ZF ada masalah yang nak kena *settle* atau 'seta' T17 menjelaskan lagi maksud 'seta' atau *settle* ialah masalah yang perlu diselesaikan. Namun apabila dicadangkan pihak yang ramai di dalam bilik pada masa itu hendak menyelesaikan masalah ZF tetapi T17 tidak bersetuju pula. Sebaliknya T17 menyatakan beliau tidak tahu apakah masalah yang hendak di 'seta' itu.

[640] Menurut T17 beliau hanya berada di Bilik 04–10 hanya tiga minit dan beredar selepas itu. T17 mengulangi jawapannya bahawa tiada sebarang pergaduhan atau apa-apa tindakan yang mendatangkan kecederaan kepada ZF sepanjang tiga minit T17 berada di bilik tersebut. Selepas itu T17 tidak lagi berjumpa dengan ZF.

Pemeriksaan semula oleh peguambela T17

[641] T17 menyatakan bahawa beliau dan rakan-rakannya seperti Fitri Sukarno ke Bilik 04–10 untuk 'back up' iaitu menolong ZF namun menurut T17 keadaan tidak serius dan oleh itu tidaklah perlu beliau menolong (*back up*) ZF.

[642] Mahkamah meneliti jawapan di dalam pemeriksaan semula T17 kepada soalan peguambelanya bahawa beliau ke Bilik 04–10 bertujuan untuk 'back

up' ZF atau menyokong ZF. Namun jika disorot kembali keterangan, T17 menyatakan sewaktu pemeriksaan utama di perenggan 11 pernyataan bertulisnya bahawa beliau tidak tahu tentang kehilangan laptop dan beliau tiada kaitan. Malah keterangan T17 yang melihat keadaan ZF yang berpeluh namun tidak pula melihat kejadian ZF dipukul dan hanya berada di bilik tersebut tiga minit sahaja tetapi sempat mengelap peluh ZF dan bertanya khabar adakah ZF turut terima hukuman 'punishment' seperti T17 juga adalah bertentangan antara satu sama lain.

AA. PEMBELAAN T18 — MUHAMMAD ASHRAF BIN HAJI ABDULLAH

[643] T18 memberi keterangan berdasarkan pernyataan bertulis yang mana semua pihak-pihak tiada bantahan dan setelah T18 selesai membaca pernyataan saksinya dan ada beberapa pembetulan dan tambahan oleh peguam T18. Mahkamah telah menandanya sebagai WSSD18.

Pembelaan T18 di dalam WSSD18

[644] T18 mengambil jurusan Sarjana Muda Jurusan Elektrik dan Elektronik (Komunikasi). Pada tahun 2017 beliau menetap di Bilik 03–06 di Asrama Jebat. Rakan sebiliknya ialah SP25 — Syafiq Abdullah, SP24 — Ahmad Senabil, Irfan, Sharifuddin dan ZF.

[645] Menurut T18 pada hari Khamis tarikh sebenar beliau tidak ingat, SP25 — Syafiq datang memberitahu T18 bahawa laptop T1 telah hilang. Syafiq meminta beliau mendapatkan pertolongan ayahnya iaitu SP13 — Hj Abdullah untuk 'tengokkan' siapa yang mencuri laptop tersebut. Mereka tahu ayah T18 ada kemahiran ilmu melihat siapa yang mencuri. SP25 turut memberi tiga nama kepada T18 iaitu ZF, Nami dan Izzat Amir. T18 telah menelefon ayahnya meminta untuk ditengokkan dan selepas 30 minit ayahnya menelefon balik T18 dan memberitahu kemungkinan ZF yang mengambilnya. Ayahnya pesan jangan ambil apa-apa tindakan sebab tiada petunjuk yang jelas dan T18 turut berpesan kepada Syafiq.

[646] Kejadian pada 22 Mei 2017 menurut T18 jam lebih kurang 1 pagi di Bilik 03–06 dapat melihat pelajar keluar masuk Bilik 04–10 dan T18 terdorong untuk mengetahui apa yang terjadi telah ke Bilik 04–10. Sewaktu sampai di Bilik 04–10, beliau mendengar pelajar bersembang tentang *webbing set* dan hal Bilik 03–06 sahaja. Di lihat antara yang ada di dalam bilik tersebut iaah SP24 — Senabil yang duduk di atas meja. Manakala SP25 — Syafiq Abdullah dan ZF duduk di atas kerusi.

[647] Mahkamah ini mendapati daripada keteranagan ini T18 akui ramai pelajar lain namun di antara ramai pelajar itu, T18 hanya perasan dua orang saksi pendakwaan SP24 dan SP25 ini sahaja iaitu yang memberi keterangan menuduh T18 melakukan kecederaan ke atas ZF bagi memeras pengakuan bersalah mencuri laptop.

[648] T18 hanya akui berada di Bilik 04–10 antara dua hingga tiga minit sahaja selepas itu keluar dari bilik tersebut pergi ke Bilik 03–06. Menurut T18, beliau hanya mendengar berbincangan soal *webbing set* dan tidak ada insiden pukul memukul.

[649] Pada 1 Jun 2017 jam 11 malam di maklumkan ZF telah meninggal. Termasuk T18 seramai 31 orang termasuk T18 telah di bawa oleh pihak polis ke IPS Sepang dan di tahan reman bagi membantu siasatan. T18 menafikan pada bila-bila masa beliau pernah memukul ZF dan berpakat dengan mana-mana pelajar menyoal siasat memeras pengakuan dari ZF kerana T18 tiada kepentingan langsung.

Dua soalan tambahan peguambela T18

[650] T18 menambah beliau menginap di Blok Jebat Bilik 03–06. Soalan Tambahan satu lagi adalah menjelaskan maksud *webbing set* yang disembangkan. la adalah peralatan yang kadet pakai untuk latihan sebelum menggunakan beg yang besar iatu adalah *webbing set* yang ada di bilik T18 di 3-06.

T18 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[651] T18 aku bahawa beliau tiada dicadangkan oleh T1 — Akmal Zuhairi dan SP25 — Syafiq untuk lakukan sesuatu ke atas ZF sewaktu T25 meminta T18 untuk mendapatkan pertolongan ayahnya menengokkan petunjuk siapa yang mencuri laptop T1. T18 menyatakan beliau hanya dengar perbincangan tentang *webbing set* sahaja tidak ada mendengar soal hendak 'seta'. T18 juga tidak melihat T1 atau T2 memukul ZF atau sebarang pergaduhan sewaktu di Bilik 04–10 itu selama 2–3 minit tersebut.

T18 disoal balas oleh Puan TPR

[652] T18 akui bahawa ZF adalah rakan sebiliknya. SP25 — Syafiq yang datang menemui T18 memberikan tiga nama dan T18 hanya kenal ZF sahaja manakala dua lagi nama iaitu Nazmi dan Izat Amir beliau tidak kenal. T18 akui ayahnya menelefon semula dan memberitahu dengan menyebut nama ZF yang kemungkinan yang mengambil laptop T1. Sewaktu itu ayah T18 memberitahu nama ZF namun tiada bukti dan nasihat jangan ambil apa-apa

tindakan SP25 ada mendengar perbualan telefon itu melalui 'loud speaker' telefon bimbit T18. T18 tidak pasti sama ada T1 ketahui berkenaan akan maklumat ayahnya menyebut nama ZF sebagai suspek pencuri laptop itu.

[653] T18 pada 22hb ke Bilik 04–10 jam 1 kerana ingin tahu apabila melihat dari pintu biliknya bahwa Bilik 04–10 pelajar keluar masuk. T18 sewaktu itu berada di mejanya sedang bermain game. Bilik ke Bilik 04–10 dapati ada 20 hingga 30 orang pelajar. Soalan kepada ZF yang T18 dengar ialah hanya *webbing set* milik ZF di biliknya yang sebilik dengan T18. *Webbing set* itu semua pelajar miliki dan T18 tidak tahu apakah isu tentang *webbing set* itu.

[654] T18 tidak bersetuju dengan cadangan oleh Puan TPR bahawa jawapan yang ZF berikan berkenaan akan kedudukan *webbing set* milik ZF yang sebilik dengan T18 adalah bukan suatu jawapan yang memuaskan. T18 tidak bersetuju oleh kerana ZF tidak mengaku mencuri laptop maka itu ZF telah T18 dan rakan-rakan yang lain memukul ZF di Bilik 04–10 pada 22hb itu.

[655] T18 tidak pasti nama-nama yang dicadangkan oleh Puan TPR bagi 20 hingga 30 orang pelajar yang menyoal siasat dan memukul untuk mendapatkan pengakuan ZF dan berada di Bilik 04–10 ialah T1 hingga T6, T11, T13 hingga T19. T18 hanya pasti Syafiq, Senabil dan ZF sahaja yang ada di dalam Bilik 04–10. T18 tidak bersetuju beliau sememangnya tahu tujuan beliau dan rakan-rakan berlaku ke atas ZF.

T18 disoal semula oleh peguamnya

[656] T18 tidak maklum pihak atasan UPNM walaupun di beritahu oleh ayahnya yang petunjuk adalah ZF yang mencuri sebab hormati ayahnya yang memesan tiada bukti dan jangan ambil tindakan ke atas ZF.

[657] T18 akui selepas kejadian pada awal pagi 22hb itu ZF tidak balik ke bilik mereka di 3-06. T18 akui sehingga ZF meninggal dunia pada 1hb arwah ZF tidak pernah balik ke biliknya lagi semenjak itu. T18 akui kebiasaannya ZF akan balik menukar pakaian walaupun gemar tidur di bilik lain.

T18 disoal satu soalan oleh mahkamah

[658] T18 perjelaskan bahawa beliau melihat pelajar keluar masuk Bilik 04–10 selepas beberapa hari ayahnya menelefon memberitahu ZF yang petunjuk mencuri laptop itu.

BB. SD19 — DR ROHAYU BT SHAHAR ADNAN (SAKSI DIPANGGIL OLEH T1 DAN T2)

[659] Saksi pakar SD19 dipanggil oleh T1 dan T2 untuk mengakas keterangan saksi pendakwaan SP6 — Dr Salmah bt Arshad. SD19 ialah Pakar Perunding dan Ketua Jabatan, Jabatan Forensik, Hospital Sungai Buluh, Selangor. Jawatan di Hospital Sungai Buluh ini baru disandang pada bulan Mei 2020 sebelum itu beliau bertugas di Jabatan Perubatan Forensik di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru sebagai Pakar Perunding Perubatan Forensik dan Ketua Jabatan.

Pemeriksaan utama oleh peguambela T1 dan T2 tentang kepakaran SD19

[660] Saksi telah kemukakan 17 muka surat keterangan berkenaan kepakaran, pengalaman bekerja, seminar dihadiri dan penulisan oleh SD19 ditanda sebagai WS-SD19. Peguambela T1 dan T2 masih meneruskan soalan dengan maklumat yang terdapat di dalam WS-SD19. Pihak peguambela T1 dan T2 menandakan laporan pakar SD19 sebagai D13 A berlogo jabatan manakala D13B adalah termasuk gambar.

[661] SD19 menjadi pakar perunding dan Ketua Jabatan di Jabatan Perubatan Forensik di Hospital Sungai Buioh semenjak Mei 2020 dan di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru sebagai jawatan yang sama sebelum itu.

[662] Mahkamah ini meneliti bukan sahaja kelulusan SD19 dan pengalaman kerja dan kelayakan beliau malah peguambela-peguambela tertuduh yang lain dan Puan TPR turut tidak mempetikaikan kepakaran dan kelayakan SD19 ini. Apa yang penting adalah SD19 telah melebihi 1,000 kali melakukan bedah siasat dan telah 95 kali memberi keterangan di Mahkamah Tinggi, sesyen, majistret di merata negeri di Malaysia. Menurut SD19 beliau telah mengendalikan melebihi 600 kes analisa histology slide.

SD19 — Kaitan dengan keterangan SP6 — Dr Salmah

[663] Menurut SD19 beliau mengetahui maklumat daripada SP6-Dr Salmah tentang sebab kematian seorang pelajar UPNM bernama ZF adalah akibat 'severe burn'. Menurut SD19 beliau lebih senior daripada SP6 di mana Dr Salmah hanya diwartakan sebagai pakar pada tahun 2016 mana SD19 diwartakan lebih awal iaitu pada tahun 2007. Menurut SD19 beliau tidak mempunyai perselisihan faham dengan SP6 dan SP6 bukan juga rakan baik tetapi di dalam kepakaran yang sama di hospital kerajaan yang berlainan.

[664] mahkamah mengambil maklum bahawa SD19 tidak berkesempatan memeriksa jasad ZF tetapi hanya meneliti nota keterangan bertulis oleh

saksi-saksi SP6 — Dr Salmah, SP3 — Mohd Fadli Sham, SP4 — Muhammad Faiq Nabil, SP7 — Dr Azfar Hussin dan SP29 — ASP Wan Azirul Nizam (10), gambar seterika (P7) gambar-gambar sewaktu bedah siasat P9 (1–87), laporan bedah siasat oleh SP6 (P11), Surat dari Klinik As-Salam Bangi (P14) dan kenyataan oleh SP6 (WSSP6), dan laporan toxicology (D7). Ini adalah apa yang diakui oleh SD19 sendiri dan peguambela T1 dan T2.

[665] Malah SD19 juga mengakui beliau memberi keterangan sebelum ini atas kes-kes jenayah pertuduhan di bawah s 302 atau s 304 KK berdasarkan pemeriksaan jasad dan bedah siasat oleh beliau sendiri. Sewaktu disoal balas oleh pihak pendakwaan SD19 mengakui bahawa atas faktor tidak membuat pemeriksaan jasad oleh itu beliau tidak dapat membuat dapatan atau finding yang konklusif.

SD19 adalah saksi dibayar oleh peguambela T1 dan T2 dan gagal mematuhi tatacara penjawat awam mendapat kelulusan ketuanya

[666] SD19 yang mengakui dibayar untuk memberi keterangan bagi pihak T1 dan T2 dan mengakui tidak meminta kebenaran Ketua Jabatannya di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan Ketua Jabatan di Hospital Sungai Buluh Selangor untuk mengambil bayaran sudah tentu mempunyai tujuan untuk memperlihatkan kecederaan dan kematian ZF bukan disebabkan perbuatan oleh T1, T2 atau kesemua enam tertuduh yang lain. Malah SD19 akui ketua jabatannya tidak tahu menahu bahawa SD19 akan memberi keterangan bagi pihak tertuduh dan dibayar. Malah SD19 mengakui tidak membuat tuntutan bayaran daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tugas ini. Malah SD19 ada berbincang dengan Dr Razwin Rahimi yang bertugas di Hospital UITM yang bukannya di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, jabatan yang SD19 bertugas.

[667] SD19 memberi keterangan ini pada 28 Disember 2020. Menurut SD19 beliau telah berjumpa dan berbincang bersama peguam En Ameer dan En Joshua iaitu peguambela T1 da T2 pada 20 November 2020. Sewaktu perjumpaan itu SD19 diberikan pertuduhan (P2) surat (D9 a, b, c), nota-nota keterangan saksi SP6, SP3 — Mohd Fadli Sham, SP4 — Muhammad Faiq Nabil, SP7 — Dr Azfar Hussin dan SP29 — ASP Wan Azirul Nizam gambar seterika P7 gambar P9 (1-87), laporan bedah siasat oleh SP6 (P11), Surat As-Salam (P14) dan kenyataan bertulis oleh SP6 (WSSP6), dan laporan toxicology (D7). Apa yang paling utama ialah keterangan SD19 juga berasaskan pemeriksaan ke atas 15 slid tisu mikroskopik yang dirujuk pada P11 di ms 12 iaitu tisu organ analisa histopatologi berkaitan pons, hippocampus, *cerebellum* (bahagian otak), *pancreas*, *liver*, *spleen*, *lung*, *kidney* dan *heart*.

[668] SD19 akui apabila menerima surat lantikan (D10) oleh peguambela T1 dan T2, SD19 masih tidak merujuk kepada ketua jabatannya di Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru. Namun, apabila melihat kepada surat (D11) oleh SD19, didapati beliau telah menggunakan kepala surat rasmi Hospital Sultan Ismail.

[669] Menurut SD19 setelah meneliti dokumen-dokumen di atas beliau merasakan bertanggungjawab untuk memberi pendapatnya atau perlu menjelaskan kerana menurut SD19 beliau dapati laporan bedah siasat oleh SP6 dan gambar ada terdapat 'discrepancy' dari segi penerangan luka. Discrepancy yang dimaksudkan oleh SD19 biasanya ialah mengikut perubatan luka-luka digambarkan atau 'describe' menggunakan 'rule of nine' berdasarkan peratusan permukaan badan yang terbakar. Namun menurut SD19, SP6 — Dr Salmah mengukur setiap satu luka daripada segi dua dimensi iaitu panjang dan lebar dan kaedah Dr Salmah ini tidak mengikut standard perubatan.

[670] SD19 mengakui ada menghubungi SP6 — Dr Salmah dan memberitahu SP6 bahawa terdapat kesilapan di dalam pengiraan peratusan oleh SP6. SD19 turut akui walaupun menghubungi SP6 namun SD19 gagal memberitahu SP6 berkenaan ada surat peguam pada D10 yang mengkehendaki antara lain adalah pada bahagian 'Terma Rujukan' untuk: (1) menganalisa kematian mangsa, (2) untuk mengesan sama ada terdapat sebarang faktor utama atau faktor lain yang boleh dan atau telah menyumbang kepada kematian mangsa selain daripada luka kebakaran yang dialami olehnya terutamanya apabila luka kebakaran tersebut telah menunjukkan kesan-kesan penyembuhan.

[671] Mahkamah ini meneliti kepada bahagian terma rujukan di D10. Terserlah peguambela telah mengambil pendekatan kepada 'terutamanya apabila luka kebakaran tersebut telah menunjukkan kesan-kesan penyembuhan'. Ini berbeza dengan keterangan SP6 — Dr Salmah dan SP7 — Dr Azfar yang mana mereka menyatakan keadaan luka dialami oleh ZF sama ada di Klinik As-Salam yang mana SP7 menyatakan 'dahsyat' atau oleh SP6 setelah mangsa meninaaal menyatakan akibat severe burn.

[672] Selain daripada itu keterangan SD19 mempertikaikan sebab kematian ZF yang dicatatkan oleh SP6 sebagai adalah tidak betul apabila menyatakan sebagai luka bakar atau severe burn. SD19 berpendapat jika disebabkan luka bakar ianya sepatutnya dikategorikan sebagai *delay death.*

SD19 merujuk kepada P11 — Laporan bedah siasat SP6 — Dr Salmah

[673] Menurut SD19 lagi terdapat enam jenis luka terbakar yang semuanya menggunakan *rule of nine* kerana jawapan adalah sama, tidak kira daripada

jenis apa kebakaran tersebut. Oleh itu mengukur dua dimensi panjang dan lebar seperti mana SP6 gunakan hanya relevan jika ada kecederaan luka tikaman atau trauma tumpul.

[674] Kaedah yang diguna pakai oleh SP6 secara dua dimensi tidak menunjukkan dengan tepat peratusan permukaan badan yang terlibat kerana ianya melibatkan kulit. Kulit adalah yang menghalang jangkitan dan kehilangan cecair badan. Menurut SD19 jika melibatkan 30 peratus badan ianya adalah luka major. Walaupun kurang 30 peratus masih lagi major sekiranya ada unsur-unsur menyedut asap sebagai contohnya.

[675] Mahkamah ini mendapati keterangan SD19 ini relevan sekiranya luka terbakar (*burn injury*) yang dialami oleh ZF itu adalah sedikit atau 'border line' tetapi di dalam kiraan oleh SP6 yang SD19 sendiri akui ianya adalah sebanyak 90 tekapan seterika wap. Ini dapat dilihat daripada keterangan SD19 tentang kiraan keseluruhan peratusan luka bakar di badan si mati seperti berikut:

> Jawapan SD19: Jadi luka pada tapak tangan yang beliau kira, saya kirakan sebagai satu percent dan untuk kesemua 90 luka itu setiap dimensi saya bahagian dengan dimensi ataupun ukuran tangan beliau untuk mendapatkan peratusan.
>
> Soalan peguam T1 dan T2: Berapakah peratusan yang Dr perolehi apabila mengira dimensi ataupun ukuran yang dibuat oleh pakar patologi yang terdahulu SP6?
>
> Jawapan SD19: Berdasarkan ukuran tersebut saya dapat dalam 113 percent.

[676] Oleh itu menurut SD19 adalah tidak betul cara kiraan SP6 iaitu 113 peratus. Yang betul mengikut cara pengiraan SD19 adalah hanya 67 peratus sahaja peratusan luka terbakar pada badan si mati. Jika mahkamah ini meneliti semula kiraan SP6 beliau mengambil kira tekapan berganda ke atas bahagian-bahagian badan si mati. Oleh itu 90 tekapan itu bukan tekapan seni batik ke atas kain tetapi tekapan bertindih-tindih.

[677] SD19 cuba memberi gambaran luka lecur ZF tidak serius dan gambaran yang SD19 berikan senada dengan T1 dan T6 gambarkan bahawa kecederaan ZF biasa sahaja. SD19 menyamai 1st Degree Burn (lecur darjat 1) adalah hanya bersamaan 'sunburn'. Menurut SD19 turut memilih (selektif) luka-luka yang kurang serius dan telah berkeruping di dalam P11 Laporan Bedah Siasat SP6 — Dr Salmah.

[678] SD19 merujuk kepada P11 bagi luka di perenggan berikut iaitu 13, 14, 24, 26, 27, 32, 34, 35, 36, 46, 51, 52, 53, 55, 61, 71, 74, 75, 79, 82, 83, 85, 86, 88, 91, 92.

[679] SD19 merumuskan daripada 67 peratus bahagian terbakar telah 50 peratus sembuh:

Peguam T1 dan T2: Daripada 67 percent tersebut, boleh Dr jelaskan berapa banyak percentage yang telah sembuh ataupun sebagainya?

Jawapan SD19: Jika dilihat pada keseluruhan gambar-gambar yang menunjukkan kesan-kesan luka ini, 67 peratus kesan kebakaran tersebut lebih daripada 50 peratus menunjukkan kesan penyembuhan itu dengan pembetukan granulation tissue.

[680] SD19 memberi setiap alasan bagi menunjukkan dapatan SP6 tidak tepat bahawa luka lecur serius yang serius adalah tidak benar walaupun hanya berdasarkan SD19 meneliti gambar jasad ZF. Pada laporan P11 di luka 29 yang mana SP6 menerangkan sebagai luka lecur derajat tiga berbentuk bintik-bintik dalam susunan dua barisan, sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada lengan kanan dan siku belakang berukuran 22cm x 10cm yang mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka. Manakala di tengah luka menampakakan otot dan basah dengan cecair dan darah. Di bawah ini adalah penjelasan SD19 hanya berdasarkan gambar untuk menyangah dapatan SP6 — Dr Salmah:

Peguam T1 dan T2: Apa yang ingin Dr perjelaskan di situ?

Jawapan SD19: Saya ingin menerangkan mengenai ayat yang mengatakan ayat keempat. Di tengah luka menampakan otot dan basah dengan cecai dan darah. Apabila ianya menampakkan otot ianya merupakan kategori luka terbakar yang teruk kerana ianya menampakkan otot. Dengan itu jika hanya melihat pada pada laporan bedah siasat, penerangan yang diberikan oleh Dr Salmah bersesuaian dengan luka derajat 3 kerana ianya telah menampakkan otot. Walaubagaimanapun, apabila saya melihat pada gambar yang diberi ianya bukan otot tetapi adalah dengan izin 'granulation tissue'.

Peguam T1 dan T2: Granulation tissue?

Jawapan SD19: Granulation tissue merujuk kepada proses penyembuhan di mana ianya adalah terdiri daripada jaringan salur darah an sel fibroblast iaitu sel yang terlibat bagi pembentukan parut. Jadi di situ berlaku ketidaktepatan daripada segi wound description.

Peguam T1 dan T2: Kalau saya fahamkan apa yang Dr terangkan tadi, apabila kita mengatakan terdapat kesan penyembuhan dan kering berkeruping that means ada granulation tissue. Jadi that description is incompatible dengan description yang mengatakan manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

Jawapan SD19: Ya.

Peguam T1 dan T2: In other word, description pada perenggan 24 itu pandangan Dr adalah?

Jawapan SD19: Tidak tepat.

Peguam T1 dan T2: Selain daripada perenggan 24, saya dapati bahawa perenggan 32, 34, description 13 dan 14 laporan P11 tersebut juga ada description yang sama seperti yang Dr perjelaskan.

Jawapan SD19: Ya.

[681] SD19 turut tidak bersetuju dapatan luka derajat tiga yang SP6 merujuk pada luka di P11 perenggan 32, 34, *description* 13 dan 14:

Peguam T1 dan T2: So apa komen Dr berhubung dengan description 13, 14, 32 dan 34? Adakah sama?

Jawapan SD19: Sama sebab kesemua luka ini juga saya rujuk kepada gambar yang diberi ianya adalah granulation tissue bukannya otot.

[682] SD19 turut merujuk kepada P11 deskripsi 2, dan di ms 6 pada 46, 47, 51, 52, 53, 55. Pada ms 8 pada 61 dan ms 9 decripsi 71, 74, 75 dan 79. Pada ms 10 deskripsi 82, 83, 85, 86 dan 88. SD19 menyatakan *description third degree* oleh SP6 di atas ianya adalah tidak tepat kerana ianya bukannya luka kelihatan otot tetapi *granulation tissue*. Turut dirujuk oleh SD19 gambar-gambar P9 yang mana SD19 menegaskan lagi bukan luka derajat 3 tetapi tissue granular dilihat pada gambar P9–10 (hadapan badan), 28 (*closeup*), 29 dan 30, 34 (luka bahagian lengan kiri, 35 dan 36 (bahagian *torso*), 37 dan 38 (bahagian kemaluan).

[683] SD19 mempertikaikan luka-luka lecur tersebut pada derajat tiga oleh sebab ianya telah dan sedang alami kesembuhan. Malah SD19 mempersoalkan luka-luka lecur tersebut menyumbangkan kepada kematian mangsa. mahkamah meneliti SD19 menyanggah laporan di P11 oleh Dr Salmah bahawa misalnya di luka 24 di mana SP6 menerangkan sebagai luka lecur derajat tiga berbentuk bintik-bintik dalam susunan dua barisan, sedikit melengkung bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada lengan kanan dan siku belakang berukuran 22cm x 10cm yang mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka. Manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah bahawa luka-luka di bahagian dada dan beberapa bahagian lagi adalah berdarah dan berair.

[684] SD19 sepatutnya sebagai seorang pakar yang 'super senior' memahami luka yang 'menampakkan otot dan basah' tidak boleh dikatogerikan sebagai menyembuh dan *granulation tissue* melalui gambar. SD19 yang mengkatogerikan sendiri sebagai semua luka mangsa di dalam proses menyembuh dan bukannya oleh Dr Salmah. SD19 cuba untuk menjustifikasikan pendapat pakar sejagat bahawa luka lecur yang serius tahap 30 peratus pun boleh menyebabkan kematian. Ini dapat dilihat di dalam keterangannya berikut:

Sekiranya luka-luka tersebut dikatogerikan sebagai non healing infected wound ataupun wound slough formation, maka dapat dilihat bahawa luka-luka ini tidak

menyembuh dengan baik dan ianya dikatogerikan sebagai major burn kerana melebihi 30 peratus permukaan badan maka sebab kematian severe burn adalah justifiable.

SD19 gagal memberi analisa tentang 'dehydration'

[685] SD19 gagal memberi pejelasan di dalam keterangannya berkenaan punca kematian mangsa disebabkan oleh 'dehydration'. Walhal SP6 telah banyak menyentuh berkenaan sebab kekurangan cecair di dalam badan akibat luka lecur yang serius ini telah menyebabkan badan mangsa menjadi kekurangan cecair di dalam badan. Ditunjukkan oleh SP6 keadaan mata mangsa yang kering, bibir yang kering dan buah pinggang mangsa yang tidak berfungsi.

[686] mahkamah ini ada bertanyakan kepada SD19 mengapa beliau tidak menyentuh langsung berkenaan punca kematian akibat dari 'dehydration' ini. mahkamah ini mendapati saksi ini bukan secara suci hati memberi suatu pendapat yang diharap 'impartial' tetapi meninggalkan mana-mana issue yang tidak menyebelahi tertuduh. Ini dapat dilihat beliau meninggalkan fakta bahawa ZF selepas ditekap dengan seterika wap telah dikawal oleh salah seorang atau lebih tertuduh sepanjang masa 24 jam. Walaupun tiada keterangan apakah akibat jika ZF meminta bantuan namun keterangan menunjukkan secara melimpah ruah beliau dikawal ketat sehingga ke saat beliau menemui ajalnya.

[687] SD19 menjawab soalan mahkamah berkenaan kelewatan mendapat rawatan dan mengakibatkan buah pinggang tidak berfungsi. SD19 cuba mengelak dari mengakui beliau tidak menyentuh di dalam laporan D13 dan pada keterangannya di mahkamah berkenaan 'dehydration' yang teruk menyebabkan 'kidney failure'. Ini dapat dilihat pada soalan mahkamah dan jawapan SD19:

Mahkamah: Jadi tak wujud dehydration? You tahu ke tahu sebab you tak ada komen. You tahu ke tak tahu ada dehydration berlaku pada si mati ini?

Jawapan SD19: Saya tidak aware Yang Arif kerana saya tak nampak hydropic changes itu Yang Arif. Jadi saya tak boleh komen lebih daripada itu Yang Arif.

Mahkamah: Walaupun main treatment, kalau 'burn patient' dibagi drip sebab dia hilang fluid?

Jawapan SD19: Memang Yang Arif.

Mahkamah: Macam kita bakar?

Jawapan SD19: Betul Yang Arif.

Mahkamah: Kita barbeque yang keluar dulu dia punya cecair kan?

Jawapan SD19: Cecair.

Laporan histologi D13B oleh SD19

[688] Bahagian kedua keterangan SD19 untuk menyangah dapatan SP6 — Dr Salmah ialah melalui pendapat SD19 bahawa perlu disokong oleh pemeriksaan elektrolit SD19 ada menyediakan kedua (D13B) Laporan Histologi. Menurut SD19 tidak cukup dapatan (*finding*) SP6 sebab kematian yang mana SD19 merujuk kepada laporan SP6 di perenggan 27 (ms 24) di mana SP6 menyatakan 'komplikasi luka lecur adalah hypovolemic shock iaitu kekurangan cecair di dalam badan, jangkitan kuman, organ penting rosak dan ketidakseimbangan eletrolit.' SD19 menyatakan bahawa (ms 1410):

> Perlu ada kesinambungan apabila kita memberikan sebab kematian bagaimana seseorang itu mendapat sebab kematian tersebut. Jadi sekiranya sebab kematian adalah major burn atau pun severe burn maka laporan mikroskopic beliau SP6 sepatutnya menyokong tanda-tanda ketidakseimbangan elektrolit, jangkitan kuman dan juga hypovolemic shock dan organ penting yang rosak. Itu pada pendapat saya.

[689] Mahkamah ini mendapati keterangan SD19 selanjutnya sangat memeranjatkan apabila beliau membuat kenyataan penemuan dan dapatan sebab kematian ZF daripada pemeriksaan mikroskopik oleh beliau bahawa 'chest infection' dapat dikesan oleh SD19 telah berlaku lebih awal bukan setelah berlakunya kecederaan lecur dan SD19 menambah *chest infection* yang lebih awal dialami oleh ZF Ini tanpa luka lecur boleh mengakibatkan kematian dan perkara ini tidak diambil kira oleh pakar perubatan yang melakukan bedah siasat ini. Daripada soalan cadangan peguambela T1 dan T2, SD19 menyatakan bahawa:

> Peguam T1 dan T2: Jadi chest infection alone as you describe just now is sufficient to cause death and necessary because of the alleged injuries inflicted on the deceased?
>
> Jawapan SD19: Ya. Chest infection bersendirian sahaja boleh juga mengakibatkan kematian.

[690] Jika mahkamah menerima dapatan SD19 di atas ianya bermakna ZF tetap akan mati walaupun tidak alami kecederaan luka lecur atas sebab lebih awal ZF alami *chest infection* yang secara bersendirian boleh membawa maut.

SD19 yakin chest infection yang boleh membawa maut tanpa alami luka lecur yang di alami oleh ZF mungkin pada hari yang sama tetapi sebelum kecederaan lecur

[691] Apa yang menarik lagi di dalam dapatan SD19 ini ialah SD19 membuat dapatan hasil daripada penganalisaan slide histologi sahaja (lihat muka surat akhir laporan D13B) dengan menyatakan bahawa 'chest infection' ini dialami oleh ZF sebelum kejadian di seterika (pada 22hb):

> SD19: Dalam konteks ini, jangkitan itu berlaku *beberapa hari sebelum kecederaan ataupun pada hari kecederaan itu sendiri. Bukannya selepas kecederaan.* (ms 1419)

[692] Oleh itu sekiranya dapatan analisa SD19 ini terima maka ZF akan tetap meninggal akibat *chest infection* yang datang mungkin hari yang sama tetapi lebih awal dijangkiti sebelum tertuduh-tertuduh menekap ZF dengan seterika. Keterangan SD19 ini seolah-olah jangkitan tersebut datang dan 'punch card' dan dapat dilihat waktu kedatangannya dari analisa mikroskopic oleh SD19.

SD19 disoal balas oleh peguambela T4

[693] SD19 sewaktu menjawab soalan peguambela T4 masih berpendapat bahawa mengikut kriteria WHO (World Health Organiszation) sebab kematian yang utama: (1) ialah *chest infection* kerana wujudnya jangkitan kuman di paru-paru dengan kompilasi radang pada jantung dan systemic inflamtory response; dan (2) baru lah sebab kematian di akibatkan oleh major burn sequelae (sequel).

[694] SD19 ditanya kali kedua berkenaan akan perenggan akhir pada perenggan akhir di D13B dan beliau menjelaskan bahawa 'major burn' yang dialami oleh ZF itu menerukkan lagi keadaan ZF atas sebab ZF telah lebih awal mengalami jangkitan *chest infection*. Oleh itu menurut dapatan SD19 kematian ZF bukan 100 peratus diakibatkan oleh burn itu tetapi ada unsur jangkitan yang datang terlebih awal dan diterukkan lagi dengan keadaan kehilangan permukaan kulit akibat terbakar. SD19 menambah lagi bahawa tanpa luka lecur pun ZF akan mati berpunca daripada jangkitan kuman di paru-paru. Oleh itu diagnosis punca kematian yang utama ialah *chest infection* dan hanya sebab kedua sahaja luka lecur 'major burn sequela'.

SD19 menjawab soal balas peguambela T5

[695] SD19 walau bagaimanapun mengakui bahawa beliau tidak dapat menjawab secara konklusif sebab kematian ZF atas alasan tidak berpeluang untuk melihat jantung si mati dan hanya berdasarkan pemerikasaan mikroskopik dan juga daripada kecederaan yang wujud.

[696] Mahkamah meneliti jawapan SD19 sebagai tidak pula konklusif namun sewaktu disoal oleh peguam T1 dan T2 dan oleh peguam T3, SD19 begitu yakin sekali bahawa ZF akan tetap akan mati sama ada dicederakan atau tidak

dengan seterika wap atas alasan ZF telah alami jangkitanpada paru-parunya yang SD19 pasti penyakit itu datang awal sebelum ditekap atau sebelum dicederakan oleh tertuduh-tertuduh walaupun pada hari yang sama.

SD19 disoal balas oleh Puan TPR

[697] SD19 akui ini adalah kali pertama beliau memberi keterangan pakar tanpa memeriksa jasad tetapi hanya bergantung kepada laporan bedah siasat gambar dan keterangan SP6 dan daripada analisa slide mikroskopik. SD19 turut mengakui beliau hanya diminta untuk meneliti semua keterangan bertulis dan lisan yang Dr Salmah telah berikan. SD19 turut tidak bertanyakan apa-apa soalan kepada Dr Salmah atau kepada pegawai penyiasat kes walaupun berpeluang berjumpa.

[698] SD19 tidak bersetuju bahawa beliau diarahkan oleh peguambela T1 dan T2 agar membuat dapatan yang berlawanan dengan Dr Salmah putuskan. Menurut Puan TPR alasan beliau bertanya demikian kerana daripada apa yang dipohon oleh surat peguam kepada SD19 (P10) adalah permintaan mencari faktor lain yang boleh atau telah menyumbang kepada kematian ZF. SD19 juga tidak bersetuju dengan cadangan Puan TPR atas sebab itu jugalah SD19 enggan bertanya kepada Dr Salmah sebagai pihak yang berkesempatan membuat bedah siasat mayat si mati.

[699] Puan TPR mencadangkan kepada SD19 bahawa SD19 sanggup menerima bayaran dan sanggup bersetuju dengan terma-terma di D10 surat permintaan peguambela dan oleh itu satu ikatan kontrak telah terjalin. SD19 walaubagai manapun tetap mengakui tugas beliau adalah untuk menimbulkan keraguan dengan merujuk kepada nombor 3 pada D10.

[700] SD19 mengakui cadangan Puan TPR bahawa tiada seorang pakar yang menjalankan autopsy ke atas jasad boleh memberikan secara tepat peratusan luka yang dialami oleh si mati. SD19 akui bahawa Dr Salmah yang berkesempatan memeriksa mayat dan melakukan autopsy adalah orang yang paling hampir dengan ketepatan agakan (*estimatation*) dari segi peratusan kebakaran. Dr Salmah menyatakan 80 peratus dan SD19 menyatakan 67 peratus dan kedua-duanya melebihi 50 peratus bahagian badan ZF yang terbakar SD19 akui oleh itu dapatan peratusan oleh SD19 atau SP6 terjatuh kepada katogeri 'major burn'.

SD19 akui beliau tidak tahu fakta kejadian

[701] Dari soalan Puan TPR, SD19 akui bahawa beliau tidak mengetahui akan fakta kes kejadian apabila membuat dapatan kecederaan di lengan ZF

bukan luka bakar tetapi kesan kecederaan oleh tapak kasut '[2] blunt injury such as boot sole pattern', walhal daripada fakta kes tiada kecederaan diakibatkan oleh tapak kasut (*boot sole pattern*).

[702] SD19 bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa akibat menyedut wap panas semasa ditekap sebanyak 90 kali menyebabkan organ dalaman ZF menjadi lemah dan terbuka kepada inflammation dan jangkitan kuman. SD19 bersetuju akibat ditekap dengan sterika wap telah menyebabkan badan ZF akan kehilangan cecair secara teruk 'acute fluid lost' dan 'elecrolyte imbalance' dan menyebabkan paru-paru mendapat jangkitan kuman dan pencetus kepada pneumonia. SD19 bersetuju pneumonia boleh berpunca daripada kecederaan yang ZF alami akibat ditekap dengan seterika panas.

[703] SD19 turut bersetuju dengan cadangan Puan TPR bahawa apabila terkena seterika wap panas menyebabkan ZF menjadi stress dan jantung akan pamkan darah dengan cepat sebagai 'defence machanism'. Namun SD19 tidak bersetuju akibat daripada jantung bekerja berat menyebabkan inflammation of the heart dan membengkak dan saiz jantung juga membesar.

Isu cadangan SD19 hasil pemeriksaan slide ada tanda-tanda ZF alami hypertropic cardiomyopathy (HOCM).

[704] SD19 akui daripada pemeriksaan beliau ke atas slide ada tanda-tanda ZF alami HOCM iaitu 'cadiac abnormality yang mengakibatkan otot dinding jantung membesar dan tebal yang menyekat perjalanan darah ke jantung. Menurut SD19 HOCM adalah keadaan 'congenital heart' yang berpunca dari keturunan. SD19 walau bagaimanapun telah menyatakan persetujuannya jika sesaorang alami HOCM adalah tidak sesuai untuk memasuki tentera kerana menjalani latihan-latihan yang lasak dan agresif.

[705] Namun SD19 menyatakan walaupun ZF alami HOCM di dalam keadaan strenuous ada kemungkinan mendapat serangan jantung tetapi tetapi ia dalam jangka masa panjang bukan dalam jangka masa serta merta.

[706] SD19 turut mengakui jika sesaorang alami HOCM jika menjalani pemeriksaan kesihatan akan diketahui oleh doktor yang memeriksanya. Sesaorang yang alami HOCM juga diakui oleh SD19 jika melakukan aktiviti lasak, agresif dan stress akan memendekkan penafasan.

SD19 menukar dapatannya bahawa jangkitan kuman ke atas ZF tidak dapat ditentukan mungkin berlaku selepas kecederaan pula

[707] Semasa memberi keterngan SD19 menukar dapatannya dari begitu pasti sebelum ini bahawa ZF alami chect infection akan mati walaupun tidak

alami kecederaan luka bakar kepada suatu yang lain. Kini SD19 bersetuju jika keadaan HOCM ZF mungkin tidak akan boleh bertahan sehingga sepuluh hari atau lebih dari seminggu:

> Soalan TPR: Dalam keadaan begitu maknanya kecederaan itu would have come first diikuti dengan jangkitan, pneumonia sebagainya?
>
> Jawapan SD19: Boleh.

[708] Sewaktu disoal balas oleh TPR kedua Puan Joy, TPR cadangkan laporan pemeriksaan histology slide melalui mikroscopic seperti mana D13B dengan merujuk kepada gambar A(ii), SD19 bersetuju apa yang nampak dalam gambar ini merupakan 'congested vasal with leakage'. Namun SD19 tidak bersetuju apabila TPR mencadangkan:

> TPR: Doktor saya cadangkan apa yang nampak dalam gambar ini merupakan congested vasal with leakage? .
>
> SD19: Setuju.
>
> TPR: Saya juga cadangkan congested vasal with leakage does not amount to haemorrhage.

[709] Beberapa soalan oleh Puan TPR seterusnya mencadangkan apa yang dilihat oleh SD19 melalui gambar-gambar dan laporan SD19 iaitu D13B adalah dapatan SD19 tidak betul namun SD19 tidak setuju beliau lakukan kesilapan. Ini adalah rujukan kepada gambar-gambar berikut yang SD19 tidak mengakui silap dapatannya:

(a) gambar A(ii) Laporan SD19 (D13B) seperti *intraparenchymal haemorrhage* bukan sebenarnya tetapi hanya just *congested vasal* with *leakage*, tidak dipersetujui oleh SD19;

(b) begitu juga gambar A(iii) D13B *perivascular haemorrhage and cuffing is actually cell that with gather around the blood vasal* bukannya *cuffing* malah biasa sahaja gambar A(iii) tiada kepelekan sewaktu analisa histology, SD19 turut tidak setuju;

(c) begitu juga gambar A(iv) di dalam laporan D13B dicadangkan oleh TPR tiada apa-apa 'calcification' di dalam gambar itu atas alasan kebiasaan sewaktu post mortem Dr akan nampak tengkorak 'skull' apabila dibuka kemungkinan skull akan masuk ke dalam arachnoid membrane, SD19 tidak setuju;

(d) gambar A(v) dicadangkan oleh Pn TPR sebagai 'reasons ini hypoxic changes' pada gambar itu dicadangkan nucleus kelihatan 'intact' dan neurons adalah normal dan tiada sebarang 'ischemic neurons', SD19 tidak bersetuju;

(e) gambar A(vi) TPR cadangkan tiada apa-apa bukti 'ischemic purkinje' cell pada gambar ini, SD19 tidak setuju. Puan TPR cadangkan terjadinya gambar sebelah kekanan sekali tiada dua nucleus sebab histology slide adalah dua dimensi bila diptong, sepatutnya 3 dimensi kemungkinan terpotong dan terkeluar dari slide? SD19 turut tidak bersetuju. Puan TPR juga cadangkan bahawa kehadiran 'inchemic purkinje' adalah taksiran yang berlebihan oleh SD19 sendiri? SD19 tidak setuju;

(f) gambar A(vii) dicadangkan 'sabarachnoid haemorrhage' pada 200 pembesaran (magnification) adalah biasa dikesan sewaktu autopcy? SD19 tidak setuju. Dicadangkan gambar A(vii) hanyalah 'congested blood vassal' tetapi bukan 'haemorrhage'? SD19 tidak bersetuju. Dicadangkan sekali lagi penemuan SD19 adalah taksiran berlebihan oleh SD19? SD19 tidak setuju;

(g) gambar B(ii) SD19 ditanya akan pemeriksaan beliau ke atas pancreas ZF yang dikatkan oleh SD19 sebagai pancreatitis yang kronik, namun tidak dapat dijangkakan bila timbul. Menurut SD19 seseorang itu akan mengalami sakit perut dari bahagian tengah ke belakang. SD19 tidak setuju dengan cadangan Puan TPR sebagai 'the reasons any sign or any symptom that he was having and plus due to autolysis'. TPR mencadangkan juga di dalam gambar pancreas 'fatty infiltration' adalah tidak benar, SD19 tidak bersetuju. SD19 tidak bersetuju dengan cadangan TPR histology pancreas tiada bukti 'haemorrhage necrosis' seperti mana para (b) laporan D13B bahawa ianya hanya infilterated with normal nucleus dapat dilihat yang hanya berpeluang oleh Dr yang memeriksa jasad tersebut sebab tiada di dalam gambar-gambar ini. SD19 turut bersetuju bahawa bahawa 'heamorrhagic necrosis' biasa dalam 'shock patient', (h) Gambar C (iii) di laporan D13B (b) dari hal 'liver' yang mana SD19 putuskan seksyen dari 'liver is congested, displace mud, fatty degenerative changes, yang mana SD19 dikata telah melihat portal triaditis'. SD19 cadangkan terdapat 'inflammation' manakala TPR cadangkan kebiasaanya ialah 'hepatitis'. SD19 tidak setuju dengan cadangan TPR bahawa gambar C(iii) bukan 'intracytoplasmic vacuolation and mitosis kerana menurut TPR gambar tersebut nampak berlainan;

(h) SD19 dirujuk kepada gambar D(i) iaitu wujudnya fungal body. Apabila SD19 diminta oleh TPR untuk menunjukkan di mana 'fungus' tersebut di dalam gambar D(i). SD19 menunjukkan pada kanan yang berwarna hitam. Namun SD19 tidak dapat camkan fungus daripada apa dan SD19 tidak pula bersetuju dengan cadangan TPR ianya sebenarnya 'carbon dioxide'. TPR cadangkan special stain patut digunakan ke atas slide analisa namun SD19 akui tidak menggunakan special stain bagi mengelak dari bertukar dengan pengumpulan (*deposite*) carbon;

(i) SD19 dirujuk kepada gambar D(ii) paru-paru (*lung*), SD19 tidak bersetuju dengan cadangan TPR bahawa 'granulation tissue' sebagai kebiasaan ada 'in the space or aveli wall'. Namun bersetuju pula bahawa 'granulation tissue' boleh berada di mana-mana pada paru-paru. SD19 tidak bersetuju dengan cadangan TPR bahawa gambar D(ii) tersebut bukan 'granulation tissue' atas alasan sewaktu 'lung' dikeluarkan sewaktu post mortem ianya telah rosak oleh itu bila melihat 'histology slide' ianya tersilap dengan cell yang bercampur diputuskan oleh SD19 sebagai 'granulation tissue'. Namun SD19 tidak bersetuju slide dirujuk telah 'congested';

(j) SD19 dirujuk pula dengan gambar D(iv) iaitu juga paru-paru yang di perbesar 400 iaitu mampamerkan 'bacterial colonies' dicadangkan oleh TPR adalah kebiasaan kehadiran 'bacteria in aereus'. SD19 tidak bersetuju. Namun SD19 bersetuju dengan alasan bahawa bila bernafas senang bacteria berada di bahagian atas (*upper aereus*);

(k) masih pada perenggan D baris 4, yang mana SD19 ditanya bahagian mana yang menyatakan 'neutrophil' juga dikesan itu, SD19 menyatakan ianya di bahagian inflamasi. SD19 tidak bersetuju dengan cadangan TPR bahawa bukan 'bacterial colonies' tetapi sebenarnya 'bacteria over grow of clumps' atau dipanggil 'bacterial colonies ante mortem'. TPR cadangkan ianya post mortem dan bukan ante mortem, namun SD19 tidak bersetuju;

(l) SD19 dirujuk dengan gambar 'g' ke atas jantung 'heart' yang mana TPR mencadangkan bahawa yang normal 'nucleus cell is suggesting is myocarditis, SD19 tidak bersetuju ianya myocarditis tetapi normal nucleus cell is prosess inflammatory cell dan boleh berlaku dalam 'myocarditis'. SD19 mencadangkan ada 'acute ischemic changes'; dan

(m) SD19 tidak bersetuju dengan penemuan SD19 di baris pertama di 'g' bahawa terdapat 'homorrhagic' (pendarahan). TPR cadangkan bermaksud ada tumbukan kepada jantung iatu ada orang menumbuk jantung ZF' namun SD19 menyatakan tidak semesti akibat ditumbuk. SD19 memutuskan terdapat fibrosis is scarring tissue yang mana SD19 menyatakan bahawa ZF pernah alami serangan jantung sebelum kematiannya. SD19 menyatakan boleh di dalam terdapat 'fatty infiltration' dan keadaan seperti 'cardiomyopathy', namun tidak bersetuju apabila dicadangkan oleh TPR sebab SD19 cadangkan terdapat 'hyperthrophic myocytes' menunjukkan terdapat 'hypertrophic cardiomyopathy'. SD19 memberitahu bahawa indikasi jantung membesar saiznya.

[710] SD19 bersetuju dengan cadangan TPR bahawa dari penemuan SD19 ke atas jantung ZF terdapat banyak penyakit iaitu: (i) *ischemia*; (ii) *haemorrhage*; (iii) *possibly previous heart attack*; (iv) *possibility of*

A *cardiomyopathy* dan jantung besar. TPR mencadangkan kepada SD19, jika benar segala penyakit ke atas jantung ZF beliau tidak layak untuk masuk belajar di UPNM kerana tidak sesuai untuk menjadi tentera. SD19 berdalih menjawab bahawa bukan beliau yang merawat atau memeriksa ZF semasa hayatnya oleh itu tidak dapat untuk memberi jawapan. SD19 tidak bersetuju
B dengan cadangan TPR bahawa ZF tidak mempunyai apa masalah dengan jantungnya. SD19 juga tidak bersetuju dengan mata untuk menyanggah keterangan Dr Salmah SP6.

Pemeriksaan semula SD19 oleh peguambela T1 dan T2
C

[711] SD19 menyatakan walaupun mayat ZF tidak di'exhume' ianya tidak menjejas dan memberi impak kepada dapatannya. Ini adalah kerana jika mayat digali semula jasad telah membusuk dan tisu telah terurai. Misalnya jika
D jantung seberat 466g sewaktu di bedah siasat jika di'exhume' jazad maka jantung lebih ringan. Begitu juga keadaan jantung telah alami pembusukan maka sebarang kecacatan atau lesi tidak dapat dilihat lagi. *Exhume* jasad ini sesuai hanya jika kecederaan pada tulang dan jika ada kepatahan atau retak. Oleh itu SD19 berpendapat memadai dengan gambar-gambar dan tisu melalui
E mikroskopik slide yang telah diambil oleh SP6.

[712] SD19 menyatakan beliau tidak tertakluk kepada pihak hospital tempat beliau bertugas jika perbelanjaan membuat kerja luar seperti apa yang SD19 lakukan ini iaitu memberi keterangan kepada pihak peguam tertuduh. SD19
F memberi alasan beliau meminta 'some fee' kerana untuk menampung bayaran kapal terbang, makan dan hotel sahaja. SD19 turut menegaskan walaupun beliau tidak mematuhi arahan ketua jabatan namun keterangannya tetap sama dan berdasarkan fakta saintifik dan tanggungjawab sebagai pakar perubatan forensik.
G

[713] SD19 nyatakan bahawa SP6 meletakkan sebab kematian sebagai *severe burn* dan SD19 dapatan beliau setelah analisa telah mendapati terdapat dua sebab kematian mengikut WHO, pertama ialah 'chest infection' dan kedua 'major burn' sequila. SD19 menyatakan bahawa beliau tidak menghubungi
H SP6 — Dr Salmah atau Pegawai Penyiasat kes kerana ianya tidak akan mengubah penemuan beliau melalui bukti saintifik beliau. Namun sebaliknya SD19 menegaskan walaupun beliau tidak berpeluang meneliti kes sewaktu kes pendakwaan beliau boleh pula berhubung dengan pakar perubatan forensic untuk mendapatkan maklumat.
I

[714] SD19 dirujuk sekali lagi berkenaan keadaan jantung si mati yang dirujuk oleh SP6 bahawa berat 466g dan otot jantung tebal iaitu vertricle kanan berukuran 0.7cm dan ventricle kiri berukuran 1.6cm dan kegagalan SP6 menyatakan sama ada wujud atau tidak penyakit congintal dengan

menerangkan ketebalan 'septum'. Alasan SD19 ialah tidak diketahui kenapa otot-otot ventricle tersebut tebal sedangkan semua salur darah berada dalam keadaan normal atau baik mengikut penerangan beliau. Oleh itu laporan dan dapatan SP6 terdapat persoalan.

[715] SD19 mengakui SP6 sebagai pakar perubatan forensik yang berpeluang melihat dalam keadaan sebenar luka dan memegang jasad ZF dan diakui sendiri oleh SD19 bahawa beliau hanya bergantung kepada gambar dan laporan SP6. Namun begitu SD19 menyatakan bahawa SP6 tidak menggunakan kaedah pengiraan yang betul apabila mengira peratusan sebenar kebakaran. Menurut SD19 pengiraan secara menurut berapa banyak luka darjat tiga, berapa banyak derajat dua dan derajat satu yang mana dibahagikan dengan berapa peratus 90 tekapan atas tiga derajat tersebut SP6 mendapat 80 peratus lebih adalah tidak betul jumlah kedua luka dibahagikan dengan jumlah keseluruhan luka. Menurut SD19 kaedah yang betul digunakan ialah *rule of nine* atau *rule of palm*. Namun SD19 akui kiraan beliau walaupun kurang dari kiraan SP6 berkenaan peratusan luka bakar dialami oleh ZF tetapi masih tergolong di dalam major burn.

[716] Di mana mahkamah ini membuat dapatan bahawa penemuan oleh pakar-pakar perubatan di dalam bidang luka terbakar secara major burn melebihi 30 hinga 50 peratus walaupun mendapat rawatan yang segera masih membawa maut. Di dalam kes *PR v Mathiyalagan a/l Veerasamy* (Rayuan Jenayah No 45B-14–12 Tahun2017) (tidak dilaporkan) (Mahkamah Tinggi Alor Setar) kejadian di mana suami membakar isteri dengan luka bakar 51 peratus meninggal dunia juga walaupun mendapat rawatan yang segera dan intensif.

[717] Daripada pengamatan mahkamah SD19 cuba membuat dapatan luka lecur si mati telah kebanyakannya sembuh dan oleh itu kematian ZF adalah diakibatkan masalah jantungnya yang telah dialami sebelum dikenakan tekap dengan seterika. Oleh itu ZF akan tetap meninggal sebab masalah pada jantungnya bukan berakibat dari luka lecur ditekap seterika. SD19 menyifatkan dapatan SP6 sebagai luka derajat tiga yang hampir 30 tempat berair dan berdarah sebagai SP6 tersilap apabila bertukar dengan tisu penyembuhan 'granulation tissue' dengan otot.

> Peguam T1 dan T2: Daripada penjelasan Dr Rohayu tadi, you are saying that the description yang dibuat oleh Dr Salmah adalah tidak tepat berhubung dengan peratusan dan deskripsi penyembuhan tersebut?
>
> SD19: Pakar perubatan pertama mengira dari segi dimensi dan juga diskripsi luka. Contohnya granulation tissue diistilahkan sebagai otot.

A **[718]** Luka lecur dan luka trauma yang dilaporkan oleh SD19 dikatakan berakibat dari boot sole bukan seperti mana yang SP6 putuskan. SD19 masih bertegas ianya adalah berpandukan kepada corak luka yang 'chris cross' atau bersilang manakala luka lecur adalah mempunyai bintik-bintik. Ini dirujuk kepada luka di lengan. Apabila ditanya bahawa fakta keterangan kes tiada
B melibatkan sebarang penggunaan 'boot' namun SD19 masih berkeras dari pemeriksaan saintifiknya tetap mengatakan dapatannya betul. Oleh itu kiraan SP6 yang bertukar antara luka lecur dengan luka trauma dalam kiraannya SP6 adalah tidak tepat sebagai 90 tekapan semuanya.

C **[719]** SD19 mempertikaikan cadangan soalan TPR bahawa 'respiratory tract' ZF cedera akibat menghidu wap panas dari seterika wap walhal SP6 mendapati tiada kecederaan pada saluran penafasan ZF oleh itu tiada 'inhalational injury'.

D **[720]** Manakala bagi 'inflamasi kepada jantung' ianya bukan diakibatkan oleh degupan jantung yang kuat di alami sewaktu ZF dicederakan seperti mana cadangan Puan TPR tetapi diakibatkan oleh faktor-faktor lain seperti jangkitan. Manakala SD19 setuju dengan cadangan oleh Puan TPR bahawa akibat stress pada paru-paru adalah merupakan pencetus kepada 'pneumonia',
E apabila dicadangkan oleh peguam yang dijangkiti oleh infamasi pada jantung kerana berdekatan dengan paru-paru, SD19 turut bersetuju juga.

[721] SD19 memberi jawapan possible bahawa kecederaan ZF sebenarnya 'far less serius' dengan cadangan peguambela bahawa oleh kerana kesembuhan
F telah berlaku dalam masa sepuluh hari dari tarikh kematian dan ditekap seterika oleh itu gambaran SP6 bahawa kecederaan ZF adalah sangat serius.

[722] Peguam menyoal tentang ketinggalan SP6 mengambil sample kulit sama ada ianya satu kesilapan dipihak SP6. SD19 menyatakan ianya bukan
G suatu kesalahan dengan syarat bedah siasat tersebut adalah lengkap dan SP6 pasti bahawa luka-luka itu diakibat oleh kebakaran ataupun luka penyembuhan akibat factor lain. mahkamah meneliti jawapan SD19 ini bahawa SD19 dengan meletakkan SP6 sebagai tidak pasti luka dimaksudkan hanya untuk kesan blunt trauma kasut 'boot' yang SD19 pertikaikan dan
H tambahan pula tidak disokong oleh keterangan kes pendakwaan.

[723] SD19 turut memberi jawapan bahawa cadangan Puan TPR seseorang yang mengalami *infection* dan pneumonia sebelum tarikh kecederaan dikenakan tidak boleh bertahan selama sepuluh hari atau lebih sebab itulah
I adanya 'granulation tissue'. Menurut SD19, beliau dapati SP6 berlaku ketinggalan di dalam penelitian faktor ini.

[724] Berkaitan dengan cadangan TPR bahawa ZF alami kecederaan inhalation injury, di mana sel di trachea dan bronci akibat dari menyedut wap

panas tetapi ianya adalah minima dan SP6 sendiri juga di dalam finding beliau tidak diterangkan terdapat sebarang kecederaan ataupun pendarahan di trachea si mati ianya normal dan tidak cedera.

[725] SD19 disoal semula tentang penganalisaan slide-slide yang disoal balas secara mendalam oleh TPR yang mana SD19 tidak setuju cadangan pihak TPR bahawa SD19 membuat suatu 'over interpretation dan salah interpritasi ke atas 'histology slides'. SD19 menjelaskan setiap slide yang dilihat oleh SD10 menunjukkan kehadiran sel-sel radang dan perivascular cuffing yang berlaku sewaktu hidup dan bukan selepas meninggal dunia seseorang itu dan diistilahkan sebagai 'vital reaction'. SD19 menjelaskan hanya sekadar kecederaan luaran yang dialami oleh si mati tanpa kecederaan dalaman tidak boleh menyebabkan kematian. Namun jika melibatkan juga kecederaan pada bahagian penting dalam organ seperti jantung, paru-paru, hati, buah pinggang dan pancreas ianya boleh menyebabkan kematian.

[726] Turut dibangkitkan adalah berkenaan soal balas oleh TPR berkenaan keadaan kesihatan ZF yang sekiranya begitu banyak dan lemah tidak mungkin ZF diterima masuk belajar di universiti tentera yang lasak latihannya. SD19 menjawabnya bahawa beliau bukan doktor yang memeriksa pelajar ZF sewaktu hendak seperti HOCM mengambil masa untuk menunjukkan kesan. Kemungkinan akibat aktiviti yang lasak di dalam university boleh menyebabkan jantung menjadi bengkak atau besar.

[727] SD19 menyatakan pemeriksaan 'histology slide' yang mana penemuan granulation tissue radang paru-paru walaupun dipertikaikan oleh TPR namun ianya menunjukkan berlaku pada hari kejadian atau lebih awal dan menurut SD19 ini adalah 'chest infection' yang menjadi punca utama kematian ZF. mahkamah meneliti jawapan SD19 bahawa kali ini SD19 tidak lagi menekankan bahawa kejadian radang paru-paru berlaku sebelum dicederakan tetapi hanya pada hari yang sama atau lebih awal. SD19 lebih tegas menyatakan 'chest infection' ini secara bersendirian boleh mengakibatkan kematian walaupun tanpa luka kebakaran.

SD19 menjawab soalan mahkamah

[728] Mahkamah ini bertanyakan soalan untuk SD19 memberi penjelasan kenapa di dalam laporan D13 beliau gagal menyentuh berkenaan akan faktor 'dehydration' iaitu kekurangan cecair di dalam badan sahaja walhal SP6 menyentuh beberapa kali tentang anak mata kering, bibir kering akibat hidrasi. SD19 akui jika mangsa dibawa kepada pakar rawatan utama ialah memasukkan air (*drip*) ke dalam tubuh mangsa kebakaran, terdapat kegagalan buah pinggang pada ZF yang dicatat oleh SP6 sebagai 'shock kidney.' Apabila mahkamah bertanyakan secara specific sama ada SD19 tahu atau tidak bahawa

akibat kegagalan buah pinggang hasil dari dihidrasi SD19 cuba mengelak dengan menyatakan tidak semestinya namun apabila diingatkan kepada SD19 kenapa beliau tidak menyetuh langsung di dalam laporan D13 beliau jika beliau mengetahuinya lalu SD19 menjawab soalan mahkamah sebagai berikut:

Soalan mahkamah: Dalam kes ZF ini, failure kidney ini bukan sebab dehydration?

Jawapan SD19: Tidak semestinya sebab yang diterangkan tubular necrosis.

Soalan mahkamah: Dalam kes ZF ini, failure kidney ini bukan sebab dehydration?

Jawapan SD19: Tidak semestinya.

Soalan mahkamah: Bukan, saya tak nak sebab tak semestinya. You tahu ke tak tahu? Sebab you tak sentuh dehydration dalam you punya report? [mula 18hb 12 noon].

Jawapan SD19: Ya kerana saya tak nampak tandanya dalam buah pinggang beliau.

Soalan mahkamah: Tapi buah pinggang dia failed?

Jawapan SD19: Buah pinggang dia failed.

Soalan mahkamah: So jantung failed, buah pinggang failed?

Jawapan SD19: Ya.

Soalan mahkamah: Jadi tak wujud dehydration? You tahu ke tak tahu sebab you tak ada komen. You tahu ke tak tahu ada dehydration berlaku pada si mati ini?

Jawapan SD19: Saya tidak aware kerana saya tak nampak hydropic changes itu. Jadi saya tak boleh komen lebih daripada itu.

[729] Mahkamah meneliti pada kegagalan SD19 di dalam laporan D13 untuk menyentuh berkenaan akan dehydration yang dialami oleh ZF walaupun ianya sebagai salah satu punca kematian yang diteliti oleh SP6. SD19 kelihatan tidak mahu di dalam laporannya ada perkara yang tidak memihak kepada tertuduh-tertuduh yang telah mengawal tertuduh-tertuduh dan mengabaikan ZF dari menerima rawatanpakar dan segera di hospital. Rawatan segera di RESAT (Klinik UPNM) atau ke hospital itu adalah paling mudah namun hakikatnya kepentingan tertuduh-tertuduh lebih utama daripada nyawa yang kononnya rakan yang mereka sayang dan ambil berat.

CC. SD 20: MUHAMMAD ALIF FARHAN BIN AEROSNI

[730] Saksi SD20 ini dipanggil oleh peguam bagi tertuduh ketiga (T3 — Muhammad Naib bin Mohd Razi). Menurut SD20 ayahnya berkerja sebagai polis. Selepas habis peperiksaan SPM SD20 memasuki UPNM di dalam bidang Civil Engineering dibawah biasiswa ATM (Angkatan Tentera Malaysia).

[731] Saksi SD20 dapat camkan T3 — Najib yang dikenalinya sejak interview sebelum memasuki UPNM dan masuk pengajian asasi di dalam jurusan yang sama. Sewaktu kejadian sekitar Mei 2017 semasa sedang belajar di UPNM SD20 menginap di asrama Blok Jebat di Bilik 04–10 sebilik dengan Najib.

SD20 bersama T3 — Kejadian pada 21hb dan awal pagi 22 Mei 2017

[732] Menurut SD20 pada 21 Mei 2017 SD20 ada bersama T3 turun ke padang untuk bersukan, solat magrib, makan dan hadiri ceramah Affin Bank dan hadiri *roll call* pada awal pagi (12.15 pagi) 22hb. Menurut SD20 selepas itu 'roll call' awal pagi 22hb selama satu jam yang dikendalikan oleh Kepten Firdaus pagawai di UPNM. Sewaktu ini T3 masih bersama SD20. Menurut SD20 lagi satu jam kemudian iaitu jam 1.30 pagi hari yang sama (22hb) mereka sampai di bilik mereka di 04–10. Sewaktu masuk ke bilik tersebut bersama T3 didapati terdapat ramai kadet/pelajar tetapi berapa orang semuanya SD20 telah lupa namun menyatakan suasana adalah muram.

T3 lebih lama berada di Bilik 04–10 daripada SD20 pada kejadian 22hb

[733] SD20 akui ZF berada di dalam Bilik 04–10 namun SD20 tidak mendengar kadet-kadet tersebut menyoal ZF. SD20 dan T3 berada di dalam itu Bilik 04–10 selama 30 minit. Mereka berdua sedang bersiap untuk ke bilik Hafiz Fauzan di Bilik 4–11 untuk study. Masa di ambil oleh SD20 dan T3 hanya untuk mandi dan sediakan bahan pengajian yang akan mereka hadiri di Bilik 4–11 nanti. Selepas itu SD20 ke Bilik 4–11 dan pada jam 2 Mei pagi. SD20 ke Bilik 04–10 untuk ambil telefon bimbit yang tertinggal dan semasa itu SD20 dapati T3 masih di Bilik 04–10.

[734] Sewaktu masuk ke Bilik 04–10 semula untuk mengambil telefon bimbit tersebut, ada seseorang bertanya kepada SD20 kenapa SD20 tujuan masuk dan apabila SD20 mengatakan untuk mengambil telefon ada seseorang suruh SD20 menumbuk ZF namun SD20 hanya menepuk bahu ZF, memberitahu ZF 'sorry man' dan terus ambil telefon bimbit dan berlalu ke Bilik 4–11. Pada masa itu T3 masih di Bilik 04–10. Sewaktu SD20 masuk semula ke Bilik 4–11 beberapa minit kemudian jam lebih kurang 2.10 pagi barulah T3 sampai ke Bilik 4–11 untuk belajar.

[735] Menurut SD20 tujuan 'study' di Bilik 4–11 sebab ada ujian keesokkannya dan SD20 study sehingga jam 5 pagi. Manakala T3 balik ke Bilik 04–10 lebih awal pada jam 4.30 atau 4.45 pagi. T3 memberi alasan beliau mengantuk. SD20 pada jam 5 pagi beliau tidur di Bilik 4–11 sehingga jam 6.30 pagi dan masuk semula ke Bilik 04–10 dan melihat T3 sedang tidur lantas SD20 mengejutkan T3 bangun dan rakan sebilik juga bangun untuk baris pagi.

[736] Selepas itu SD20 memberitahu berkenaan tanggungjawab ketua intake iaitu T6 yang beliau camkan dan juga tanggungjawab pelatih-pelatih untuk menjaga disiplin.

SD20 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[737] SD20 mengakui T1 turut menghadiri taklimat oleh Affin Bank sehingga jam 12.30 pagi pada 22hb. Setelah itu T1 bersama-sama SD20 hadiri *roll call* dan pulang ke bilik bersama-sama. Sewaktu di Bilik 04–10 T1 tidak juga mengetahui apa yang sebenarnya berlaku.

SD20 mengakui sewaktu mula-mula masuk ke Bilik 04–10 dan kembali semula untuk mengambil telefon dan kembali semula sekali lagi jam 6.30 pagi, SD20 tidak melihat T1 atau T2 melakukan apa-apa ke atas ZF.

SD20 disoal balas oleh Puan TPR.

[738] SD20 mengakui cadangan TPR bahawa seseorang perlu fit untuk belajar di UPNM kerana pelbagai aktiviti yang dijalankan memerlukan tenaga. SD20 aktif dan menyertai bidang sukan berlari, main futsal, main bole, ragbi, berbasikal dan berenang. SD20 akui ZF adalah pelajar yang aktif sihat dan cergas.

[739] Puan TPR mencadangkan SD20 berada di Bilik 04–10 pada 22 Mei 2017 sekitar jam 1 pagi dan ada melihat ZF dan tertuduh-tertuduh berikut iaitu T1, T2, T3, T6, T11, T13, T14, T15, T16, T17, T18 dan T19. SD20 menjawab bahawa beliau hanya pasti rakan sebiliknya sahaja ada semasa itu iaitu T1, T3, T14, Izzul Akhtar. Namun SD20 tidak setuju sewaktu beliau masuk mengambil telefon beliau ada melihat nama-nama yang dicadangkan di atas tadi ada di dalam Bilik 04–10. SD20 tidak setuju ZF berada di dalam keadaan terikat sewaktu beliau menepuk bahu atas arahan seorang yang tidak dikenali. SD20 tidak bersetuju bahawa beliau dapat kenal pasti bahawa siapa orang yang memberi arahan itu adalah T6 — Abdoul Hakeem. Alasan yang SD20 berikan kenapa beliau tidak dapat kenalpasti kerana masing-masing suara serak akibat baru balik dari 'training'. SD20 bersetuju bahawa ZF berada di dalam keadaan tidak berbaju tetapi tidak pasti ZF ada memakai seluar pendek atau tidak sebab sewaktu itu ZF sedang berdiri. SD20 menyatakan ZF tidak diikat tangannya.

[740] SD20 tidak bersetuju cadangan bahawa sewaktu beliau ada di dalam bilik tersebut ZF sedang disoal saisat tentang kehilangan laptop T1. SD20 mengetahui tentang kehilangan dua laptop di Bilik 04–10 dan salah satu milik T1 dan kehilangan ini agak telah lama. SD20 turut menafikan yang beliau tahu lebih awal rancangan untuk menyoal balas ZF tentang kehilangan laptop di

Bilik 04–10. SD20 turut menafikan beliau berada di Bilik 04–10 bersama T2 dan tidak keluar dari bilik tersebut dan tidak ke Bilik 4–11. SD20 turut menafikan melihat ZF dipukul dan ZF menjerit kesakitan dipukul oleh nama-nama yang disebut di atas agar ZF mengaku mencuri laptop T1.

SD20 menjawab soalan mahkamah

[741] SD20 mengakui sewaktu balik selepas jam 6 pagi ZF adalah sedang tidur di katilnya di Bilik 04–10 sedang berselimut dan hanya nampak mukanya sahaja dan mengakui beliau tidak bersembang atau bercakap dengan ZF.

DD — DUA ORANG SAKSI 'REBUTTAL' PENDAKWAAN

SP30 — Dr Harniza bt Kosnan (saksi rebuttal pertama)

[742] SP30 ialah Dr Harniza bt Kosnan beliau adalah Pegawai Perubatan di Klinik Swasta di Kajang. Beliau ada menyediakan pernyataan saksi dan dikemukakan tanpa bantahan semua pihak dan mahkamah telah menandakan sebagai WSSP30. SP30 pernah bertugas dengan di UPNM bahagian Klinik RESAT. SP30 pernah menjalankan pemeriksaan kesihatan ZF. SP30 telah dirujuk rekod kesihatan ZF dalam file BATF4 sebanyak empat muka surat (P24).

ZF tidak pernah mempunyai penyakit menurut rekod kesihatan

[743] Di dalam BATF1 terdapat latar belakang ZF kesihatan ZF. SP30 dapati dari BATF1 bahawa ZF tidak pernah di dalam rekod kesihatannya mempunyai sebarang penyakit sama ada bronchitis, asma, batuk kering, sakit perut/gastrik, sengal-sengal sendiri, sawan, sakit jiwa, penyakit kulit, penyakit mata, penyakit teliga sebelum ini. Ini dapat dilihat dari keputusan yang disediakan keputusan pemeriksaan pengawai perubatan di para 6 hingga 26.

[744] Manakala laporan radiologist adalah 'normal radiographic finding' iaitu x-ray di dada ZF yang mana paru-paru tiada air mahupun angin. Jantung juga tidak bengkak dan secara keseluruhan tulang-tulang tiada masalah. Ini adalah pemeriksaan badan ZF pada mula-mula masuk belajar di UPNM. Ini dapat dilihat pada tandaan 'Fit' atau 'Fe' dan nombor '22221122'. Pemeriksaan ini adalah mengikut Armed Forces Medical Classification System. Menurut SP30 ini adalah rujukan digunakan sama ada dibenarkan masuk atau tidak sebagai pelatih atau kadet di UPNM.

ZF sejak 9 Disember 15 pernah datang ke Pusat Kesihatan UPNM empat kali

[745] Menurut SP30, daripada rekod kesihatan ZF beliau hanya pernah datang empat kali ke Pusat Kesihatan iaitu kali pertama pada 9 Disember 2015 di'diagnos demam 'upper respiratory tract infection' (URTI) tekak nampak merah dan diberikan cuti dua hari. Ini menurut rekod BATF256 (P25). Menurut catitan beliau mengadu demam selsema selama tiga hari dan pemeriksaan hanya demam 37.8 darjah sahaja.

[746] Kali kedua pula ZF diarahkan datang pada 11 Disember 2015 untuk pemeriksaan darah jika ada symptom denggi. Keputusan darah diperlolehi dan disahkan ZF tidak mempunyai sebarang jangkitan yang serius dan hanya demam disebabkan sakit tekak dan selsema. Dokumen dirujuk adalah ditanda P26.

[747] Manakala menurut rekod perubatan pada 9 Mei 2016 jam 8.38 pagi ZF mendapatkan rawatan sakit lutut dan di'diagnos' sebagai left knee 'soft tissue injury'. ZF mengalami sakit lutut sebab berlari 5km. Selepas pemeriksaan beliau diberi latihan ringan sahaja. Selepas lima hari satu temu janji diberikan pada 13 Mei 2016 dan sakit lutut beliau semakin baik (P28). Selain daripada empat rawatan tiada sebarang aduan atas kesihatan ZF oleh warden atau jurulatih hanya empat kali rekod di atas sahaja dan tidak mempunyai rekod sesak nafas dan masaalah jantung.

SP30 disoal akan tentang rawatan pesakit luka lecur

[748] SP30 mempunyai 13 tahun pengalaman sebagai doktor dan ditanya apakah rawatan untuk pesakit severe luka bakar, SP30 menjawab ia perlu memperbetulkan *dehydration* dengan cara 'resuscitate' kehilangan air sebab kulit adalah organ utama dan perlu dilindungi. Keutamaan yang dirungsingkan ialah 'fluid' iaitu cecair di dalam tubuh pesakit sebab itu fluid resuscitation adalah akan diberikan dengan menggunakan pengiraan 'parkland formula'. Caranya ialah kiraan kesemua blood surface dan berat badan untuk mengetahui keperluan air. Menurut SP30, lapan jam pertama adalah rawatan 'run fluid' dan hampir 50 peratus daripada kiraan dan bergantung kepada pesakit punya vital sign, tekanan darah dan suhu. Ditanya oleh Puan TPR tentang akibat jika pesakit luka lecur yang kronik tidak diberi 'fluid resuscitation', SP30 menjawab bahawa pesakit itu akan alami dehydration dan segala immunity akan lemah dan jatuh dan jangkitan akan berlaku.

SP30 disoal balas oleh peguambela T1 dan T2

[749] Hanya peguambela T1 dan T2 sahaja yang menyoal balas SP30 manakala peguambela-peguambela tertuduh yang lain tidak menyoal balas. Daripada soal balas SP30 oleh peguam T1 dan T2, SP30 akui beliau bukan pakar forensic pathologist, bukan pakar cardiologist, dan bukan 'burn

specialist'. SP30 menyatakan bahawa rawatan yang pertama sekali dilihat ke atas pesakit luka terbakar ialah tentukan darjah hidrasi pesakit. SP30 mengakui bahawa beliu tidak diberitahu siapakah doktor yang pertama merawat ZF dan adakah doktor tersebut cuai jika tidak mengambil apa-apa tindakan. SP30 akui bahawa doktor yang pertama merawat mangsa patut memberi rawatan yang betul. Turut diakui oleh SP30 bahawa beliau tidak tahu sama ada doktor yang pertama merawat ZF memberi rawatan atau diagnosis yang betul atau tidak.

[750] Selain daripada peguambela T1 dan T2 meletakkan kecuaian kepada doktor SP7 yang memberi rawatan yang cuai dan salah, mereka juga meletakkan kesilapan di pihak SP6 yang menyatakan di dalam laporan post mortem SP6 mengatakan tiada sepsis dan ini bermasuk tiada *infection*.

[751] SP30 turut akui beliau tidak mengetahui berapa ramai saksi-saksi yang datang memberi keterangan, walaupun SP30 juga menyatakan beliau tidak ada menerima aduan akan kesihatan ZF daripada pihak warden atau jurulatih. SP30 juga tidak dapat memberi kepastian sama ada jurulatih benar-benar bertanyakan ZF setiap kali selepas latihan atau aktiviti. SP30 akui bahawa empat keadaan yang dinyatakan oleh SP30 di perenggan 9 dalam WSSP30 ialah masalah kesihatan ZF. Selain daripada itu ZF tidak ada masalah kesihatan.

[752] Peguambela T1 dan T2 cuba meletakkan tanggungjawab kepada SP30 bahawa beliau gagal mengetahui masalah kesihatan ZF pada kejadian ditumbuk, dipukul dan diseterika oleh tertuduh. Ini adalah soalan peguambela itu:

> Peguam T1 dan T2: Jadi pada 21, 22hb hingga 30 Mei 2017, ZF tak ada masalah kesihatan?
>
> SP30: Dia tidak hadir ke.
>
> Peguam: Itu saya nak tanya. Adakah masalah kesihatan?
>
> SP30: Tidak
>
> Peguam: Jadi adakah Dr mengatakan ZF dalam keadaan sihat?
>
> SP30: Ya.

[753] Peguambela T1 dan T2 meletakkan beberapa soalan kepada SP30 bahawa sekiranya ZF tidak mendapatkan rawatan bermakna SP30 dan pihak berotoriti UPNM tidak akan mempunyai pengetahuan. Menurut SP30 laporan di dalam BATF4 yang menyatakan ZF tidak mempunyai masalah kesihatan adalah semata-mata beliau bergantung kepada laporannya sebab SP30 akui beliau tidak secara langsung menjalankan pemeriksaan ke atas ZF

sewaktu mula-mula masuk belajar di UPNM. Menurut SP30 Kapt Dr Nur Syuhada bt Din Mustafa, beliau adalah pegawai perubatan yang dirujuk pada kolum 26 BATF4 itu.

[754] Peguambela T1 dan T2 telah bertanyakan soalan bahawa SP30 tidak menjalankan post mortem sewaktu bertugas di klinik kesihatan UPNM dan tiada pengetahuan di dalam bidang autopsy examination dan histologi slides. SP30 bersetuju dengan peguambela T1 dan T2 mencadangkan mungkin pelajar yang sihat pada mula-mula masuk belajar di UPNM akan alami penyakit baru apabila latihan di UPNM yang lasak 'rigorious training' dengan mengambil contoh lutut ZF yang baru sakit selepas masuk belajar di UPNM.

[755] mahkamah meneliti soalan-soalan yang dikemukakan oleh peguambela T1 dan T2 adalah secara am kepada pelajar, namun hakikat sebenarnya berlaku hanya pada ZF yang didera dengan kecederaan lebam trauma tumpul dan luka ditekap seterika sebanyak 90 kali. Jika mengambil dakwaan seperti ini, adakah pelajar UPNM yang lain turut meninggal seorang demi seorang akibat rigoriuos traning ini seperti ZF.

[756] Begitu juga dengan keterangan SP30 yang mana ZF dikatakan mengalami *upper respiratory treat infection* (URTI) namun menurut SP30 sebab itulah ada 'follow up'. Peguam T1 dan T2 memberikan semua kemungkinan ZF alami 'HOCM' walaupun x-ray dibuat pada April 2014 'lung' ZF adalah 'clear' dan 'dual rhythm no murnur'. Malah peguambela T1 dan T2 mencadangkan HOCM is asymptomic atau juga dikenali sebagai 'silent killer'.

Pemeriksaan semula SP30 oleh Puan TPR

[757] Menurut SP30 mana-mana kadet yang jalani latihan pagi atau petang akan diberitahu oleh jumlatihnya jika ada masalah kesihatan. Jika tidak diberitahu SP30 tidak akan ketahui masaalah kesihatan kadet. Menurut SP30 kadet terpaksa hadiri latihan tanpa kecualian melainkan mendapat cuti sakit oleh pihat doktor seperti SP30. Sekiranya kadet menunjukkan masalah kesihatan yang berulangan pihak SP30 akan melihat semula sama ada 'okay' atau tidak. Sekiranya perlukan rawatanpakar kadet akan dirujuk kepada Hospital Tuanku Mizan iaitu hospital tentera. Jika kadet disahkan alami penyakit yang berarutan kadet tersebut akan dibawa atau dikemukakan kepada Lembaga Perubatan bagi menentukan sama ada kadet leyak untuk melanjutkan lagi pengajian di UPNM, kerana kemudian selepas habis universiti kadet akan memasuki tentera sebenar akan lebih teruk aktiviti yang perlu dijalani.

[758] Berkenaan soalan peguambela atas URTI yang mungkin akan 'develope

pneumonia' SP30 menjelaskan bahawa *upper respiratory tract* apabila diberi ubat paracetamol dan bila kadet datang semula didapati keadaan jangkitan semakin pulih demam dan ujian darah juga tiada masalah maka kadet boleh hadiri latihan. Jika sekali pun kadet yang menyembunyikan maklumat kesiahatannya untuk diterima masuk namun menurut SP30 mereka iaitu para doktor bersama SP30 akan tahu juga hal kesihatan kadet jika tertekan kesihatan dengan latihan. Walaupun ZF tidak sempat jalani pemeriksaan tahun 2016 dan sebelum kematiannya namun SP30 dapat pastikan sekiranya ZF alami masalah kesihatan yang teruk sudah tentu akan datang berjumpa SP30 dan dua doktor yang lain. Tentang tarikh-tarikh 21hb, 22hb hingga 31hb ZF tidak datang menemui pihak klinik kesihatan UPNM bermaksud ZF adalah sihat. Oleh kerana ZF tidak datang untuk mendapat rawatan dan tiada jurulatih yang memberitahu akan keadaan ZF maka dia dianggap sihat.

SP31 — Dr Mohamad Azani bin Ibrahim (saksi rebuttal kedua)

[759] SP31 adalah Ketua Jabatan Forensik HKL, Pakar Patologi Forensik beliau mempunyai pengalaman lebih lama daripada SD29 dan SP6. Saksi ini memberi keterangan sebagai saksi rebuttal pihak pendakwaan. Beliau ada menyediakan pernyataan saksi yang ditanda sebagai WS-SP31. Saksi ini telah dirujuk dengan Laporan Bedah Siasat oleh Dr Salmah (P11) dan gambar-gambar bedah siasat jasad ZF (P9) dan laporan oleh SD29 di D13 oleh Dr Rohayu.

[760] Menurut SP3, keterangan kaedah pengiraan SD19 Dr Rohayu dan kaedah yang digunakan oleh Dr Salmah, bahawa pengiraan Dr Salmah adalah wajar iaitu *rule of nine.* Menurut SP31 oleh kerena jasad ZF adalah seorang yang telah dewasa dan kawasan kecederaan adalah luas. Manakala Dr Salmah menerangkan luka-luka tersebut diukur dengan mengambil dimensi adalah tidak salah.

[761] Manakala merujuk kepada perenggan 12 di mana 'hypovolemic shock' apabila mangsa mengalami luka lecur dan kehilangan sebahagian besar kulit dan amat ketara ialah mangsa akan kehilangan sebahagian cecair badan dengan banyak dan alami ' hypovolemic shock'. Mangsa juga apabila kehilangan cecair dengan banyak maka kandungan garam galian dalam cecair badan akan menjadi tidak seimbang. Ketidakseimbangan potassium ini boleh membawa mudarat kepada organ-organ seperti jantung daan buah pinggan misalnya.

SP31 menerangkan membawa mudarat kepada jantung dan buah pinggang akibat dari luka lecur yang parah

[762] Menurut SP31 akibat dari luka lecur boleh memudaratkan jantung jantung kerana proses pengepaman jantung bergantung kepada kadar yang

tinggi kepada keseimbangan garam galian. Ini boleh menyebabkan conduction system tidak berfungsi dengan baik dan jantung pam secara tidak sekata 'unregular'.

[763] Manakala kemudaratan kepada buah pinggang mangsa SP31 merujuk kepada histoloji slide yang menunjukkan kerosakan pada tubule tetapi oleh sebab ianya hanya satu snapshot organ dari satu sample dan ciri-ciri itu ada cuma berapa luas tidak dapat dipastikan sebab hanya satu slide.

[764] SP31 menerangkan bahawa mangsa yang mengalami kerosakan buah pinggang bergantung sama ada rawatan awal atau tidak. Menurut SP31 kerosakan buang pinggang peringkat awal masih boleh dipulihkan dengan rawatan yang betul. Keadaan buah pinggang ZF menurut SP31, dari penelitian laporan P11 daripada Dr Salmah yang mana berat buah pinggang agak tinggi dan ada unsur pembengkakan. Begitu juga hasil bacaan laporan histologi juga adalah menunjukkan terdapat ciri-ciri salur tubule buah pinggang juga telah rosak. Jika kegagalan buah pinggang itu tidak dirawat menurut SP31 ianya boleh membawa maut.

SP31 memberi ulasan tentang 'granulation tissue'

[765] Menurut SP31 granulation tissue terhasil sebagai tisu sementara oleh badan dalam proses untuk memulihkan sesuatu bahagian badan yang te reed era. Ianya boleh dikesan pada awal hari keempat atau kelima mengikut setengah litratute luar negara atau hari ketujuh. Melalui microskopik ia bertindak untuk memulihkan kecederaan dengan terbentuknya sel-sel tertentu seperti sel-sel darah baru dan sel-sel kognitif tisu yang baru.

[766] Menurut SP31 lagi di perenggan 15 pengiraannya jika granular tissue dapat dikesan kemungkinan ianya akan timbul lebih kurang hari ketujuh hinggan hari ke-14 selepas kecederaan oleh itu jika kecederaan di alami pada 20 ataupun 23hb adalah konsisten dengan *timeline*.

[767] Manakala pada perenggan 16 pernyataannya, SP31 menyatakan jantung mangsa memang memounyai berat dan ketebalan dinding ventricle yang agak lebih daripada normal. Menurut SP31 sememangnya terdapat orang yang mempunyai jantung yang besar. Dengan berat melebihi 500g dan ketebalan melebihi 1.5cm menurut SP31 jantung si mati lebih kurang 466g namun SP31 tidak katogerikan sebagai cardiomyopathy atau 'even huertrophic cardiomyopathy di mana ada yang lebih tebal sehingga 2 hingga 4 cm ketebalan jantung. Jantung ZF hanya setebal 1.6cm sahaja.

[768] Menurut SP31 ketebalan jantung ZF mungkin ada unsur genetic iaitu dilahirkan sebegitu atau akibat bergiat dalam sukan di mana bertahun-tahun

menjadi lebih besar daripada normal akibat dari seorang atlet banyak mengepam oksigen dari jantung lalu jadi membessr. Kessn kepada 'elektrolit imbalance' jantung mengepam darah tidak sekata dan menurut SP31 akibatnya menurut SP31 darah ke badan juga tidak sekata dan jantung boleh berhenti selepas 'arrhythmia'.

[769] Sebagai kesimpulan SP31 menyatakan kematian ZF adalah disebabkan oleh kerosakan pada buah pinggangnya akibat daripada kesan-kesan luka terbakar yang dialaminya apa yang diputuskan oleh Dr Salmah sebagai 'severe burn' adalah betul menurut SP31.

SP31 tidak bersetuju dengan dapatan Dr Rohayu (SD29)

[770] Menurut SP31 apabila ditanya berkenaan pendapat dan keputusan Dr Rohayu bahawa ZF meninggal akibat dari infection to the lung dan barulah severe burn SP31 menjawab bahawa:

> Soalan TPR: Dr juga telah meneliti keterangan Dr Rohayu yang dipanggil sebagai saksi pembelaan. Apakah pendapat Dr berkenaan dengan pendapat Dr Rohayu yang mengatakan sebab kematian merupakan inflammation to the lung, infection to the lung and also severe burn? She has categorised it first infection and then severe burn.
>
> Jawapan SP31: Bagi saya memandangkan tiada ciri-ciri ataupun bukti-bukti yang jelas pada paru-paru sama ad acara mikroskopik. Tambah pula culture pada darah, blood culture pada darah adalah negative. Jadi saya lebih berpendapat kepada sebab kematian dan lebih cenderung kepada kegagalan buah pinggang selain daripada more than jangkitan paru-paru.
>
> Soalan TPR: Roughly juga dikatakan kemungkinan mangsa telah mengalami kronik inflammation, radang paru-paru sebelum kejadian ataupun pada hari kejadian. Apakah pendapat Dr berkenaan dengan pendapat Dr Rohayu terhadap itu?
>
> Jawapan SP31 : Berpandukan kepada kehadiran granulation tissue yang consistent dengan timeline di mana granulation tissue ini wujud selepas kecederaan yang dialami oleh si mati, saya juga berpendapat bahawa kecederaan pada paru-paru adalah consisten dengan tempoh selepas kecederaan yang dialami oleh si mati.

[771] SP31 ditanya tentang jangka masa granulation tissue boleh timbul, SP31 tidak bersetuju dengan pendapat Dr Rohayu bahawa antara sepuluh hingga 14 hari selepas kecederaan. Menurut SP31, granulatin tissue akan timbul dalam tempoh lima, enam ataupun tujuh hari dan dapatan SD19 sepuluh hari adalah agak lama. SP31 menyatakan sepuluh hari sudah termasuk fasa remodelling iaitu cuba mmembentuk supaya ia akan sama balik dengan tisu yang asal dari segi fungsi dan rupa dan sebagainya.

SP31 disoal balas oleh peguambela dan T2

[772] SP31 mengakui beliau tidak memeriksa slides iaitu 'no histology examination' di jalankan oleh beliau seperti yang dijalankan oleh SD19 malah Dr Salmah pun tidak menjalankan pemeriksaan histologi ini tetapi Dr Salmah ada melihat slides.

[773] Manakala bagi peratusan luka bakar di badan ZF yang mana SP31 bersetuju dengan cara pengiraan Dr Salmah berdasarkan kepada description yang dibuat di dalam laporan bedah siasat P11. Menurut SP31 bukan semua badan yang terkena luka bakar misalnya bahagian badan depan badan yang sepatutnya 18 peratus tetapi cuma sebahagian sahaja dan begitu juga bahagian *limb* tidak kesemua *circumference the whole limb* yang terlibat.

[774] SP31 menjelaskan pemahaman beliau daripada laporan post mortem yang dikendalikan oleh Dr Salmah adalah betul dan ianya bukan seperti mana peguambela T1 dan T2 cadangkan. Dr Salmah boleh menggunakan kaedah mengukur dimention tetapi menurut pemahaman SP31, Dr Salmah mengukur setiap luka-luka itu secara berasingan dengan menggunakan dimension *length* dan *width*. Penggiraan permukaan kawasan yang cedera oleh Dr Salmah adalah menggunakan rule of nine sebab itulah ianya tidak mencapai 100 peratus walaupun Dr Salmah tidak menulisnya namun itulah yang SP31 faham.

EE — HUJAHAN PIHAK PEGUAM-PEGUAM DAN TPR.

[775] Di akhir kes pembelaan, pihak-pihak telah pun berhujah. Bagi tujuan alasan penghakiman ini, saya meringkaskan hujahan tertuduh-tertuduh sebagaimana di dalam jadual di bawah:

Tertuduh	Hujahan Pembelaan
T1 dan T2	T1 dan T2 diwakili oleh peguam yang sama. Mereka menghujahkan bahawa tertuduh tidak mempunyai kewajipan untuk membuktikan yang dia tidak bersalah dan rasa syak dan sangsi sahaja tidak mencukupi untuk mengatakan yang tertuduh adalah bersalah. Di dalam kes ini, telah dihujahkan bahawa pertuduhan di bawah s 330 Kanun Keseksaan adalah tidak berasas dan cacat yang mana alasan pihak pembelaan adalah sama sebagaimana yang telah dihujahkan semasa di akhir kes pendakwaan. Peguambela bagi T1 dan T2 menghujahkan yang pihak pendakwaan gagal membuktikan kesnya terhadap T1 dan T2 melangakaui keraguan yang munasabah atas alasan berikut:

	(a) terdapat percanggahan di dalam keterangan SP25 dan SP26 berkenaan dengan kejadian pertama iaitu bagi kesalahan yang dilakukan pada 21 Mei 2017 di Bilik 03–05 yang mana menurut pihak pembelaan: (i) SP26 hanya melihat T1 menolak si mati; (ii) SP25 menyatakan yang si mati berada dalam keadaan kesakitan, manakala SP26 mengatakan yang pukulan T1 itu bukan dalam keadaan untuk mencederakan dan si mati tidak menunjukkan reaksi sakit; (b) terdapat juga percanggahan di dalam keterangan SP24 dan SP25; (c) keterangan T1 konsisten dengan keterangan saksi pendakwaan iaitu SP26 bahawa di dalam kejadian pertama, selepas T1 menolak si mati, ada beberapa pelajar lain yang mula memukul si mati; dan (d) keadaan semasa berlakunya kejadian pertama tersebut juga adalah gelap. Berkenaan T2 pula, tiada keterangan yang membuktikan bahawa T2 terlibat di dalam kejadian pertama. Dalam hal ini, sememangnya T2 tidak dipertuduhkan bagi kesalahan membabitkan kejadian pertama. Manakala bagi kejadian kedua pula, peguam bela tertuduh T1 dan T2 menghujahkan bahawa keterangan yang diberikan oleh SP24 dan SP25 tidak wajar diterima kerana semasa kejadian kedua, keadaan bilik adalah gelap dan terdapat ramai pelajar lain. Terdapat kemungkinan yang besar bahawa SP24 dan SP25 tidak dapat melihat dengan jelas mengenai apa yang berlaku. Adalah juga dihujahkan bahawa kejadian ini berlaku secara mendadak dan tidak dirancang atau diarahkan oleh T1. T2 juga tidak memukul si mati dan hanya menolak si mati apabila si mati mengelak dari menjawab pertanyaan berkenaan kehilangan laptop tersebut. Oleh yang demikian, pihak pembelaan T1 dan T2 menghujahkan bahawa tidak terdapat bukti yang kukuh untuk membuktikan bahawa T1 dan T2 telah menyebabkan kecederaan kepada si mati. Berkenaan kejadian ketiga di mana si mati telah ditekap dengan seterika wap, peguambela menghujahkan seperti berikut: (a) bahawa semasa kejadian, bilik berlakunya kejadian tersebut adalah gelap sebagaimana di dalam keterangan SP17;

	(b) terdapat percanggahan di dalam keterangan SP24 yang mana dalam satu keterangan SP24 menyatakan pada jam 3.30 pagi ramai yang telah meninggalkan bilik tersebut. SP24 kemudian menyatakan kejadian si mati ditekap dengan seterika wap tersebut berlaku dari jam 4 hingga 6 pagi yang mana si mati menjerit sepanjang masa berlakunya kejadian tersebut. Namun dalam keterangannya yang lain, SP24 menyatakan yang keadaan senyap pada jam 4 pagi; dan (c) terdapat keterangan SP27 yang menyatakan yang dia ke Bilik 04–10 tersebut dalam jam 4.10 pagi dan tidak melihat seterika wap ditekap pada si mati dan dia tidak mendengar apa-apa bunyi yang pelik. Justeru itu, T1 dan T2 menghujahkan bahawa apabila terdapatnya percanggahan sedemikian, ianya menyebabkan mahkamah tidak mempunyai bukti-bukti yang boleh dipercayai yang mewajarkan penemuan salah terhadap tertuduh. Peguambela T1 dan T2 seterusnya menghujahkan yang mahkamah terlalu bergantung kepada keterangan SP24 dan SP25 yang merupakan pelajar UPNM dan ditangkap bersama tertuduh-tertuduh yang lain. Dalam hal ini, mahkamah dikatakan sepatutnya berhati-hati dalam menerima keterangan mereka kerana terdapat kemungkinan mereka memberikan keterangan yang mementingkan diri sendiri bagi mengelakkan pendakwaan terutama saksi SP24 dan SP25 yang berada dalam ketiga-tiga kejadian yang menimpa si mati. Turut dihujahkan adalah keterangan SP24 tidak selamat untuk diterima kerana Ketua jurulatih di UPNM telah memberi amaran kepada SP24 dan pelajar lain agar tidak memberikan keterangan yang memihak kepada tertuduh. Ketua jurulatih ini tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan untuk menjelaskan yang menidakkan perkara ini. T1 juga dalam pembelaannya menyatakan bahawa terdapat pelajar bernama Mubin yang telah mula-mula menekap seterika wap ke atas si mati. Apabila Mubin menyerahkan seterika wap kepada T1, T1 rasakan yang wap tersebut tidak terlalu panas. T1 kemudiannya hanya mengacah-acah untuk menekap si mati dengan seterika wap itu dengan niat menakut-nakutkan si mati. T2 kemudiannya menggunakan seterika wap itu setelah T1 pergi ke tandas, apabila Mubin bercakap yang si mati kena diajar, namun seterika itu tidak ditekap terkena kulit, hanya dilalukan sahaja.

Justeru, peguambela bagi T1 dan T2 telah turut menghujahkan bahawa terdapat penglibatan orang lain dalam kejadian ketiga ini iaitu Mubin yang mana Mubin tidak dipanggil sebagai saksi pendakwaan.

Seterusnya, peguambela T1 dan T2 berhujah mengenai punca kematian si mati yang mana dikatakan bahawa pihak pendakwaan hanya bergantung kepada keterangan yang diberikan oleh Patologi (SP6) yang mana SP6 mengesahkan bahawa kematian si mati berpunya daripada luka lecur yang serius (severe burn injuries). Dapatan SP6 ini tidak dipersetujui oleh SD19. Kelayakan dan kepakaran SD19 ini tidak dipertikaikan oleh pihak pendakwaan.

Walaupun SD19 tidak dapat melakukan bedah siasat ke atas si mati, beliau bagaimanapun berpendapat bahawa fakta itu tidak akan banyak mempengaruhi pendapat dan kesimpulannya. Hal ini kerana pendapat beliau tentang punca kematian adalah berdasarkan kepada pemeriksaan mikroskopik terhadap sampel organ yang diambil daripada si mati oleh SP6. Menurut SP19, selepas mengkaji gambar bedah siasat (P9) dan membandingkannya dengan laporan bedah siasat yang disediakan oleh SP6 (eksh P11), SP19 berpandangan seperti berikut:

(a) terdapat percanggahan pada perihal (description) luka yang dialami si mati;

(b) terdapat kesilapan oleh SP6 dalam membuat pengiraan mengenai peratusan permukaan badan yang terlibat;

(c) kebanyakan kecederaan telah sembuh dan mempunyai kudis, maka adalah sukar untuk menentukan sifat kecederaan asal ie sama ada ia adalah kecederaan melecur, trauma akibat tumpul atau sebagainya kerana semua kecederaan akan dilihat serupa semasa proses penyembuhan;

(d) tiada kesinambungan antara kecederaan melecur yang dialami oleh si mati dengan punca kematian yang dikemukakan oleh SP6 kerana luka lecur yang dialami si mati telah pun dalam proses penyembuhan dan tidak menunjukkan sebarang tanda jangkitan. Si mati meninggal 10 hari selepas kejadian dikatakan berlaku. Dalam hal ini, SD19 menyatakan penting untuk patologi untuk membuat diagnosis sama ada terdapat komplikasi kepada si mati dan adakah komplikasi tersebut disebabkan oleh luka lecur yang dialaminya yang mana menurut SD19, SP6 gagal memberikan hasil diagnosis tersebut;

	(e)	walaupun SP6 ada menyatakan dalam laporannya beberapa penemuan yang berkaitan dengan radang paru-paru pada si mati, namun tiada penjelasan mengenai betapa seriusnya jangkitan dalam paru-paru tersebut dan sama ada ia berkaitan dengan kecederaan lecur yang dialami si mati serta sama ada ia telah menyumbang kepada kematian si mati;
	(f)	SD19 juga mengenai pasti bahawa terdapat kekurangan oksigen dalam sel neuron pada tisu otak yang menunjukkan kanser atau jangkitan;
	(g)	SP6 menyatakan bahawa tiada bukti mengenai pankreatitis pada si mati. Walau bagaimanapun, SD19 mendapati bahawa sebenarnya terdapat bukti keradangan kronik pankreas;
	(h)	Berkenaan limpa si mati, SD19 menjumpai hyalinised arterioles yang merupakan akibat daripada jangkitan yang mana perkara ini tidak dinyatakan dalam laporan SP6;
	(i)	SP6 mengatakan yang paru-paru si mati menunjukkan congestion and edema. Namun SD19 menerangkan bahawa di dalam paru-paru si mati juga terdapat proses radang yang menyeluruh serta kehadiran bakteria dan kulat di dalam paru-paru si mati. Terdapat banyak chronic inflammatory cell;
	(j)	Berkenaan dengan jantung, SP6 menyatakan yang 'no evidence of remote ischemic changes or myocarditis'. Namun menurut SD19 juga menyatakan yang terdapat bukti ischemia atau kekurangan bekalan oksigen pada sel-sel jantung dan juga terdapat bukti inflamasi ataupun myocarditis;
	(k)	SD19 berpendapat bahawa si mati telah menghidap jangkitanparu-paru yang kronik sebelum atau pada hari kejadian seterika wap tersebut kerana tisu granulasi hanya terbentuk antara sepuluh hingga 14 hari dari tarikh jangkitan. Menurut SD19, SP6 telah terlepas pandang mengenai perkara ini. Kombinasi di antara radang paru-paru dan inflamasi ataupun radang di jantung ini dirangkumkan sebagai chest infection oleh SD19 yang mana chest infection ini, dengan atau tanpa luka lecur boleh mengakibatkan kematian;

(l) SD19 juga menyatakan yang si mati mempunyai saiz jantung yang besar dari kebiasaan. Maka terdapat persoalan sama ada sama ada si mati mempunyai penyakit jantung congenital yang mana penyakit tersebut juga boleh menyebabkan kematian.

Oleh yang demikian, telah dihujahkan oleh pihak pembelaan T1 dan T2 bahawa si mati tidak meninggal dunia serta-merta akibat kecederaan melecur. Sebaliknya hanya meninggal dunia kira-kira sepuluh hari selepas kejadian kecederaan melecur didakwa berlaku. Ini merupakan suatu tempoh masa yang amat penting iaitu antara masa kecederaan dan kematian si mati kerana ia menimbulkan persoalan sama ada terdapat faktor campur tangan yang mungkin telah menyebabkan atau menyumbang kepada kematian si mati. Peguambela bagi T1 dan T2 juga menghujahkan yang keterangan SD19 tidak dicabar. SP6 tidak dipanggil semula untuk memberi keterangan bagi mencanggah keterangan SD19 mengenai dapatan SD19 berkenaan histology examination. Saksi rebuttal yang dipanggil oleh pihak pendakwaan iaitu SP31 juga tidak menjalankan histology examination.

Malahan SP31 di dalam keterangannya bersetuju bahawa terdapat kemungkinan radang atau kerosakan paru-paru dialami oleh si mati sebelum kejadian seterika wap berlaku. Berhubung dengan persoalan mengenai punca kematian ini, peguambela kepada T1 dan T2 merujuk kepada kes Public Prosecutor v Muhamad Suhaimi bin Abdul Aziz [2002] 5 MLJ 233 yang mana telah diputuskan bahawa 'where the medical evidence is unchallenged and there is no evidence to the contrary, a verdict of murder cannot stand'. Mereka juga merujuk kepada kes Public Prosecutor v Ang Soon Huat [1991] 1 MLJ 1 yang memutuskan bahawa 'the prosecution is duty bound to adduce additional evidence where there is a dispute in expert opinions by both parties'.

Oleh yang demikian, memandangkan keterangan SD19 tidak dicabar dan tiada keterangan lain yang diberikan oleh pihak pendakwaan, adalah dihujahkan bahawa mahkamah tidak mempunyai pilhan lain selain daripada menerima keterangan SD19. Selanjutnya, peguambela T1 dan T2 menghujahkan bahawa T1 dan T2 tidak mempunyai niat untuk mencederakan tubuh si mati yang mana bencana tubuh tersebut secara lazim telah menyebabkan kematian si mati sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan. Alasan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

	(a)	mens rea dibuktikan melalui fakta sesuatu kes yang mana boleh diperhatikan daripada ie bentuk kecederaan (nature of injuries), senjata yang digunakan dan cara kecederaan sehingga menyebabkan kematian si mati;
	(b)	di dalam kes ini, peguambela T1 dan T2 menghujahkan bahawa berhubung dengan bentuk kecederaan, T1 dan T2 tidak mengetahui yang tekapan seterika wap ke atas si mati akan mengakibatkan kecederaan yang membawa kepada kematian kerana menurut T1, suhu seterika tersebut tidak terlalu panas. SP24 dan SP25 juga menyatakan yang tiada kesan merah pada si mati ketika ditekap dengan seterika wap;
	(c)	berkenaan dengan senjata yang digunakan iaitu seterika wap, pihak pembelaan menghujahkan bahawa seterika wap tersebut tidak boleh dianggap sebagai senjata maut kerana ianya tidak seperti seterika besi konvensional dengan plat logam yang boleh menyebabkan kecederaan serius;
	(d)	berhubung dengan cara T1 dan T2 mendatangkan kecederaan, pembelaan menghujahkan bahawa T1 dan T2 hanya menekap seterika tersebut sekali dua sahaja. SP24 sendiri dalam keterangannya mengesahkan yang seterika wap tersebut tidak ditekap secara berterusan;
	(e)	berkenaan fakta kes pendakwaan bahawa terdapat 90 luka kecederaan pada si mati, peguambela T1 dan T2 menghujahkan bahawa jumlah tersebut adalah tidak tepat kerana jumlah sebenar luka tersebut tidak dapat ditentukan dengan tepat;
	(f)	peguambela T1 dan T2 juga menghujahkan yang T1 dan T2 mempunyai hubungan baik dengan si mati kerena mereka berkawan rapat. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa mereka berdendam atau membenci dengan si mati melainkan hanya keterangan bahawa T1 menuduh si mati mencuri laptop miliknya. Malahan, banyak juga keterangan pihak pendakwaan yang menunjukkan T1 dan T2 mengambil berat ke atas si mati selepas kejadian tersebut yang mana mereka membawa si mati mendapatkan rawatan dan membelikan ubat-ubatan.
	Oleh yang demikian, peguambela T1 dan T2 menghujahkan bahawa pihak pendakwaan gagal dalam membuktikan kesnya terhadap T1 dan T2 berhubung kesalahan di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan.	

	Turut dihujahkan adalah T1 dan T2 tidak mempunyai niat bersama untuk menyebabkan kematian si mati di bawah s 34 Kanun Keseksaan. Walaupun T1 dan T2 ada menekap seterika wap kepada si mati, ianya hanya dilakukan beberapa kali dan selepas itu T1 dan T2 telah keluar merokok dan tidak tahu apa yang telah berlaku ke atas si mati. Di dalam hujahan balas pula, peguambela T1 dan T2 menyatakan yang T1 dan T2 tidak mempunyai niat jahat (malice) terhadap si mati. Mereka juga tidak mengetahui mengenai keseriusan luka pada si mati disebabkan tekapan seterika wap tersebut. Mengenai perlakuan T1 dan T2 selepas kejadian, peguambela T1 dan T2 juga menegaskan bahawa si mati sendiri yang telah meminta kejadian itu dan kecederaannya dirahsiakan daripada pengetahuan pihak berkuasa di UPNM. Dakwaan bahawa si mati tidak keluar Bilik 4–6 daripada 23 Mei 2017 hingga 26 Mei 2017 adalah spekulasi semata-mata dan tidak disokong oleh apa-apa keterangan. Turut dihujahkan adalah pembelaan yang dikemukakan oleh T1 dan T2 bukalah pembelaan penafian semata-mata. T1 dan T2 bukan sekadar menafikan tapi turut menceritakan versi mereka mengenai kejadian yang berlaku. Malahan keterangan T1 dan T2 ada masanya konsisten dengan keterangan saksi pendakwaan yang lain. Hujahan balas peguam T1 dan T2 turut mencanggah hujahan pendakwaan berhubung penerimaan keterangan SD19 dan menegaskan bahawa keterangan SD19 perlu diterima oleh mahkamah ini.
T3	Peguambela kepada T3 menghujahkan yang T3 serta tertuduh-tertuduh lain telah dipersalahkan atas kesalahan yang dilakukan oleh orang lain iaitu, Mubin Mustaza bin Iskandar. Mubin Mustaza ini tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan namun ada ditawarkan kepada pihak pembelaan. T3 di dalam pembelaannya menyatakan yang dia bersama Muhammad Alif Farhan Bin Aerosni hampir sepanjang malam dan tidak pernah mengugut atau menyerang si mati. Hanya apabila T3 masuk ke bilik selepas belajar dengan Alif Farhan, dia dihalang oleh T6 yang mengarahkannya untuk menggunakan seterika wap pada si mati sebanyak sekali. T3 kemudiannya tidur. Alif Farhan ditawarkan kepada pihak pembelaan dan menjadi saksi pembelaan SD20.

	Selain itu, telah dihujahkan bahawa keterangan T3 disokong oleh saksi pendakwaan yang lain iaitu SP24 dan SP25 yang mana masing-masing mengesahkan yang T3 tidak terlibat dalam kejadian soal siasat si mati atau terlibat dalam apa-apa perbuatan yang boleh membawa kepada kematian si mati. Dalam keterangan SP24 dan SP25, jelas menyatakan yang T3 mengulangkaji pelajaran bersama dengan Alif Farhan di bilik lain dan T3 telah menolak untuk menekap seterika wap ke atas si mati apabila diarahkan oleh T6. Maka, menurut peguambela T3, ianya jelas yang pembelaan T3 ini bukanlah sesuatu yang dicetuskan buat kali pertama dalam kes pembelaan malah telah dikemukakan kepada saksi pendakwaan. Telah dihujahkan bahawa pembelaan T3 bukanlah satu penafian kosong mahupun satu fikiran terkemudian. Tambahan pula, dihujahkan bahawa saksi yang dipanggil oleh pihak pembelaan T3 merupakan saksi yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan iaitu SD20. Keterangan SD20 ini pula tidak dicabar oleh pihak pendakwaan. SD20 di dalam keteranggannya mengesahkan yang dia ada bersama T3. Walaupun sekiranya terdapat percanggahan dalam keterangan SD20, pembelaan T3 menyatakan yang percanggahan tersebut adalah kecil dan tidak memberikan kesan ke atas kredibiliti SD20. Peguambela T3 juga menghujahkan bahawa mahkamah ini juga perlu meneliti keterangan berkenaan pelakuan tertuduh yang lain di dalam kes 302 KK iaitu T1, T2, T4, T5 dan T6. Dalam hal ini, peguambela T3 berhujah bahawa T3 tidak mengambil bahagian dalam sebarang pelakuan menyembunyikan si mati atau apa-apa pelakuan lain selepas kejadian si mati ditekap dengan seterika wap. Berhubung dengan pertuduhan dengan niat bersama di bawah s 34 KK, peguambela T3 menghujahkan bahawa peruntukan tersebut tidak mewujudkan satu kesalahan substantif tetapi hanyalah peraturan berkenaan yang digunakan pihak pendakwaan apabila beberapa orang tertuduh orang didakwa terlibat dalam melakukan sesuatu kesalahan. Justeru, sekali lagi peguambela T3 menghujahkan bahawa T3 tidak terlibat secara aktif dalam kejadian yang membawa kepada kematian si mati. Tiada keterangan yang boleh mengaitkan T3 dengan kesalahan membunuh si mati atau keterangan mengenai niat untuk membunuh si mati.

T4	Peguambela bagi T4 pula menyatakan yang pembelaan T4 adalah terdapat 30 orang pelajar di dalam Bilik 04–10 semasa kejadian berlaku pada jam 1 pagi yang mana beberapa orang daripadanya menyoal si mati. T4 menyatakan yang dia tidak terlibat dalam insiden menyoal dan/atau memukul Zulfarhan sebaliknya hanya duduk di salah satu katil di dalam bilik berkenaan untuk memerhati insiden tersebut dan kemudiannya tertidur. Apabila terjaga dalam jam 4.30 pagi, T4 melihat Mubin yang menggunakan seterika wap terhadap si mati kemudian diserahkan pula kepada T1. Pihak pembelaan T4 juga menghujahkan yang T4 hanya menekap seterika panas ke atas si mati sebanyak dua kali sahaja dengan setiap tekapan selama satu saat. Selepas kejadian itu, T4 telah membantu membawa si mati mendapatkan rawatan pada 26 Mei 2017. Tindakan T4 tersebut pula dilakukannya secara spontan dan tanpa berfikir yang ianya boleh menyebabkan kecederaan. Menurut keterangan T4, hubungannya dengan si mati adalah baik dan T4 tiada niat untuk mencederakan atau menyebabkan kematian terhadap si mati. Pihak peguambela T4 menghujahkan yang naratif pembelaan T4 ini adalah konsisten dan tidak disangkal atau bercanggah dengan mana-mana keterangan saksi pembelaan yang lain. Peguambela T4 juga mengguna pakai keterangan SD19 iaitu Dr Rohayu bt Shahar Adnan (Pakar Patologi) yang mana dihujahkan bahawa dapatan saksi pendakwaan iaitu SP6 terhadap punca kematian adalah disangkal oleh keterangan SD19. Maka, tiada kepastian terhadap punca sebenar kematian si mati. Berkenaan kejadian memukul si mati, peguambela T4 berhujah bahawa T4 tidak dikenalpasti oleh SP24 sebagai salah seorang yang memukul si mati. Tiada juga keterangan saksi pembelaan yang lain berkenaan perkara ini. Maka, telah dihujahkan bahawa suatu keraguan yang munasabah telah berjaya ditimbulkan terhadap kes pendakwaan bagi pertuduhan bunuh di bawah s 302 KK dibaca bersama s 34 KK. Berdasarkan keterangan T4 yang juga konsisten dengan saksi pembelaan yang lain, peguambela T4 menghujahkan bahawa adalah jelas tiada apa-apa perancangan atau pelan antara T4 dan tertuduh lain untuk melakukan cedera atau bunuh terhadap si mati pada kesemua masa matan. Turut dihujahkan bahawa perbuatan T4 menggunakan seterika wap sebanyak dua kali untuk sesaat terhadap si mati adalah terlalu 'remote' untuk dikaitkan sebagai penyebab kematian si mati.

	Peguambela T4 juga menasihati mahkamah untuk berhati-hati dalam menerima keterangan saksi rebuttal iaitu SP31 kerana dapatan SP31 dikatakan hanyalah berdasarkan penelitian terhadap laporan-laporan dan keterangan-keterangan Pakar Patologi tanpa merujuk dan/atau memeriksa 'histology slides' untuk menentusahkan dapatannya. Selain itu, turut dihujahkan bahawa ketiadaan niat untuk melakukan bunuh dan/atau pengetahuan bahawa kecederaan yang dikenakan boleh mengakibatkan kematian adalah disokong dengan keterangan berikut: (a) kematian si mati bukanlah suatu 'immediate death'; (b) si mati telah dibawa untuk mendapatkan; (c) kecederaan seterika wap tidak muncul secara serta merta; dan (d) kecederaan si mati bukanlah suatu kecederaan yang secara lazimnya boleh mengakibatkan kematian. Sebagai alternative, peguambela T4 menghujahkan yang pertuduhan terhadap T4 wajar diturunkan kepada suatu pertuduhan di bawah s 324 KK berdasarkan kepada fakta 'special degree of mens rea' sepertimana yang dikehendaki di bawah s 299 KK dan s 300 KK telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Peguambela T4 juga berhujah bahawa suatu keraguan yang munasabah telah ditimbulkan bagi pertuduhan di bawah s 330 KK terhadap T4 atas alasan ketiadaan keterangan yang kredibel dan konklusif dalam membuktikan pembabitan T4 terhadap pertuduhan. Hal ini kerana keterangan pihak pendakwaan hanya bergantung kepada keterangan SP24 yang menyatakan beliau nampak T4 turut terlibat memukul si mati. Peguambela T4 mengingatkan mahkamah untuk melihat semula keterangan SP24 yang pada mulanya SP24 hanya mengenalpasti 11 nama sebagai penama yang melakukan cedera terhadap si mati dan T4 tidak dikenalpasti sebagai salah seorang yang terlibat. Keterangan SP 24 terhadap pembabitan OKT 4 hanya diberikan setelah kes bersambung di sebelah petang. Keterangan SP24 ini mengikut peguambela T4 harus diteliti 'with caution' berdasarkan kepada fakta bahawa SP24 sendiri mengakui beliau telah diarahkan oleh Pegawai Polis dan jurulatih (Major Zarizal) untuk memberikan keterangan yang tidak memihak pada mana-mana tertuduh.

T5	Peguambela T5 pula membangkitkan mengenai pembelaan T5 bahawa dia telah disuruh oleh seseorang untuk menekap seterika wap ke atas si mati dan dia hanya melakukannya sekali sahaja di tapak kaki. Keterangan T5 ini disokong dengan keterangan saksi pendakwaan SP25. Pihak Pembelaan berhujah bahawa pihak pendakwaan di kehendaki membuktikan satu kes terhadap T5 pada tahap melampaui keraguan munasabah. Pada peringkat pembelaan tugas pihak pembelaan adalah hanya menimbulkan satu keraguan yang munasabah. Peguambela T5 menghujahkan bahawa perbuatan mencucuh yang dilakukan T5 tiada mempunyai niat untuk menyebabkan suatu bencana tubuh dan tidak mungkin menyebabkan kematian si mati. Pendakwaan perlu membuktikan yang perbuatan tersebut adalah cukup pada lazimnya menyebabkan kematian. Menurut peguambela T5, seterika dalam keadaan biasa bukanlah satu senjata berbahaya yang boleh secara lazim menyebabkan kematian. Pada ketika T5 mencucuh seterika tersebut ke atas kaki si mati, dia tidak tahu samada dia merupakan orang yang pertama atau yang keberapa mencucuh seterika tersebut dan dia juga tiada pengetahuan bahawa satu kali cucuhan adalah bahaya serta boleh menyebabkan kematian. Berkenaan dengan elemen mens rea, peguambela T5 menghujahkan bahawa perbuatan T5 mencucuh seterika wap ke atas si mati bukan perbuatan sengaja dengan niat untuk membunuh. Peguambela T5 selanjutnya merujuk kepada keterangan SD19 mengenai sebab kematian yang bukanlah berpunca daripada severe burn tetapi komplikasi kecederaan yang berlaku 10–14 hari menyebabkan delayed death di mana lung infection/jangkitan paru-paru telah berlaku sebelum atau pada hari kecederaan berlaku telah menyebabkan jantung bengkak. Peguambela T5 juga merujuk kepada keterangan SD31, Dr Azaini, yang bersetuju bahawa doktor yang mula-mula merawat luka lecur pada si mati telah gagal memberi/administer drip dan telah melakukan satu kecuaian. Maka, dihujahkan bahawa kecuaian tersebut menyumbang kepada penyebab kepada berlakunya komplikasi yang boleh menyebabkan kematian. Peguambela T5 juga mengguna pakai hujahan daripada peguambela T1 dan T2 berkenaan sebab kematian si mati. Selain itu, peguambela T5 juga menyatakan yang keengganan si mati untuk mendapatkan rawatan di hospital juga menyumbang kepada perkara tersebut.

	Manakala berkenaan dengan niat bersama, peguambela T5 menghujahkan bahawa T5 tidak pernah berbincang dengan mana-mana tertuduh untuk menyoal siasat dan memukul si mati. Kehadiran T5 pada lewat subuh menunjukkan tiada pertemuan minda/meeting of minds di antara kesemua tertuduh untuk melakukan perbuatan mencucuh seterika. Maka, adalah dihujahkan bahawa s 34 KK gagal dibuktikan dan pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Pembelaan di atas juga telah ditekankan semula di dalam hujahan balas peguambela T5.
T6	Peguambela T6 menyatakan yang pihak pendakwaan telah memanggil seramai 31 orang saksi untuk menyokong kes pihak pendakwaan manakala tertuduh-tertuduh telah memanggil 20 orang saksi-saksi untuk menyokong kes pihak pembelaan. Pihak pembelaan T6 menghujahkan bahawa berdasarkan keterangan saksi-saksi yang telah memberikan keterangan semasa di peringkat pembelaan, T6 telah berjaya menimbulkan keraguan-keraguan terhadap kes pihak pendakwaan semasa T6 dipanggil membela diri dan pihak pendakwaan telah gagal menutupi keraguan-keraguan tersebut. Secara ringkasnya, alasan pihak peguambela T6 adalah seperti berikut: (a) pihak pendakwaan dikatakan telah gagal menyatakan dengan jelas bahawa T6 telah bersubahat dalam cara apa (which limb in the section) sehingga menyebabkan kematian si mati dan pertuduhan pertama di bawah s 109 KK adalah tidak lengkap dan cacat serta memprejudiskan T6; (b) pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah berkenaan kegagalan pihak pendakwaan membuktikan bahawa T6 mempunyai niat (mens rea) dan seterusnya melakukan perbuatan (actus reus) yang dikatakan telah menyebabkan kematian si mati; (c) keterangan SD3 adalah keterangan yang bersifat dendam dan tidak sewajarnya diambil kira oleh mahkamah yang mulia ini kerana terdapat pelbagai keraguan di dalam keterangan dan demeanour SD3; (d) pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah berkenaan sebab dan punca kematian si mati dengan kewujudan banyak percanggahan di dalam laporan bedah siasat (P11) yang dibuat oleh SP6;

	(e)	pihak pembelaan juga telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah berkenaan saksi pendakwaan yang merupakan accomplice/accessory after the fact dan adalah sangat diragui;
	(f)	pihak pembelaan juga dikatakan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah bahawa terdapat kemungkinan yang mangsa mempunyai alahan pada ubatan yang diberikan;
	(g)	penyiasatan kes ini juga dikatakan sebagai tidak menyeluruh dan mempunyai banyak lompangan yang tidak dapat ditutup oleh pihak pendakwaan. Pegawai Penyiasat iaitu SP29 dengan jelasnya gagal mengetuai siasatan bagi memastikan terdapatnya penyiasatan yang lengkap bagi kes ini. Terdapat lompangan-lompangan yang terlalu besar di dalam kes ini bagi mensabitkan T6 dengan s 302 KK, memandangkan persoalan berkenaan apa sebenarnya menjadi punca utama kematian mangsa telah gagal dijawab oleh saksi-saksi pendakwaan dan pihak pendakwaan sendiri gagal menutupi lompangan ini dari mana-mana sudut;
	(h)	pihak pembelaan juga menghujahkan mereka telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah bahawa terdapat persoalan mengapa beberapa individu penting dan material telah tidak dipanggil untuk memberikan keterangan seperti: (1) Mubin Mustaza bin Iskandar; (2) Muhammad Nor Fitri Sukarno; (3) Noramizan bin Bedul; dan (4) Mohammad Fittri bin Che Daud Peguambela menghujahkan bahawa sepertimana yang dinyatakan oleh SP29, individu-individu ini tidak dipertuduhkan kerana ingin dijadikan saksi. Justeru, pembelaan mengguna pakai peruntukan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 berkenaan anggapan bahawa sekiranya mereka dipanggil, ianya tidak akan membantu kes pihak pendakwaan;

	(i) Peguambela T6 juga menghujahkan bahawa keengganan si mati untuk mendapatkan rawatan susulan di hospital walaupun telah mendapat nasihat untuk berbuat demikian oleh SP7 menjadi salah satu penyebab kematian. Adalah dihujahkan bahawa luka-luka akibat kecederaan melecur pada badannya dilihat beransur pulih namun keengganan beliau mendapatkan rawatan susulan mengurangkan peratusan untuk beliau sembuh seperti sedia kala; (j) Pihak pembelaan juga dikatakan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah pertuduhan s 302 memeandangkan berkenaan pertuduhan yang dikenakan ke atas T6 di bawah s 330 KK yang mana T6 telah dibebaskan daripada salah satu pertuduhan di bawah s 330 KK tersebut; dan (k) Pihak pendakwaan gagal membuktikan inti pati di dalam s 34 KK untuk mempertuduhkan T6. Dalam hal ini, peguambela menghujahkan bahawa tiada sebarang keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan inti pati 'common intention' tersebut. Keterangan-keterangan yang diberikan adalah kesemuanya daripada accessory after the fact yang dianggap sebagai accomplice, yang masing-masing mempunyai kepentingan di dalam kes ini. Tiada keterangan yang credible yang dapat disandarkan oleh pihak pendakwaan di sini. Malah, tiada sebarang saksi bebas yang dibawa oleh pihak pendakwaan untuk menyokong (corroborate) keterangan saksi-saksi accomplice ini.
T7 dan T19	Peguambela T7 juga merupakan peguambela T19 dan mengguna pakai hujahan yang sama untuk kedua-dua mereka. Adalah menjadi versi pembelaan T7 bahawa T7 telah ke Bilik 03–05 untuk mengambil kalkulator pada 21 Mei 2017 sekitar jam 2 pagi dan terus keluar dari bilik selepas mengambil kalkulatornya. T7 ada mendengar Hari Krishna telah menujukan beberapa soalan kepada si mati mengenai prestasi si mati semasa bertugas. T7 kemudian berjuma si mati keesokan harinya yang mana si mati berada di bilik tersebut selama empat hari. Si mati kelihatan mempunyai kecederaan dan merah-merah di bahagian lengan. Selama empat hari si mati menetap di Bilik 03–05 tersebut, si mati telah meminta tolong T7 untuk membeli makanan. Pada 26 Mei 2017, T1 meminta pertolongan T7 untuk menghantar ke Hotel Bangi Lanai sekitar jam 9 malam yang mana si mati berada di dalam hotel tersebut bersama rakan T7 yang lain.

	Pada 27 Mei 2017, sekitar jam 10 pagi, T1 sekali lagi meminta pertolongan T7 untuk membawa si mati mendapatkan rawatan di klinik. Apabila tiba di Klinik As-Salam, T7 melihat bahawa T1, T6 dan Afif Najmudin telah menemani si mati ke bilik rawatan. Hanya T7 dan Sufi Shobirin menunggu di perkarangan Klinik As-Salam. Manakala bagi T19, versi pembelaanya adalah pada 22 Mei 2017, sekitar jam 2.30 pagi, T19 telah mencari T6 untuk memulangkan telepon bimbit yang telah dipinjam oleh T19. T19 telah ke Bilik 04–10 apabila salah seorang pelajar memaklumkan bahawa T6 berada di bilik tersebut. Apabila sampai di Bilik 4-1U, T19 melihat T6 sedang duduk di atas meja. T19 terus memberikan telefon bimbit kepada T6. T19 hanya berada di Bilik 04–10 kurang daripada seminit. Menjadi pembelaan T19 bahawa pada setiap masa yang material, T19 tidak pernah bercakap, menyentuh atau menghampiri si mati semasa berada di Bilik 04–10 pada malam kejadian tersebut. T19 juga tidak pernah memukul dan/atau menyentuh dan/atau memeras pengakuan mencuri daripada si mati. Maka, peguambela T7 dan T19 telah menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes melangkaui keraguan munasabah terhadap T7 dan T9 apabila gagal membuktikan kedua-dua tertuduh ini secara bersama dengan orang yang dinamakan atau dirujuk di dalam tuduhan telah dengan sengaja menyebabkan cedera terhadap si mati. Walaupun pihak pendakwaan telah memanggil seramai 29 orang saksi, hanya dua orang sahaja yang mengatakan kononnya T7 dan T19 memukul mangsa. Selain itu, pihak pembelaan T7 dan T19 juga menghujahkan bahawa keterangan yang diberikan oleh saksi pendakwaan mengenai kononnya T7 memukul si mati adalah bercanggah antara keterangan SP25, dan SP26 di mana SP25 menyatakan T7 telah menyepak si mati tetapi SP26 pula menyatakan yang T7 memukul mangsa. Keterangan SP25 dan SP26 jelas menunjukkan bahawa kredibiliti saksi-saksi SP25 dan SP26 diragui. Malah ada juga keadaan yang menunjukkan bahawa SP25 dan SP26 menuduh antara satu sama lain.

	Berkenaan dengan T19, saksi pendakwaan memberikan keterangan berkenaan kononnya T19 telah memukul mangsa yang mana keterangan tersebut juga begitu bercanggah. SP24 menyatakan T19 memukul mangsa, menyepak menggunakan kasut getah dan menggunakan kayu penyodok memukul mangsa. Manakala keterangan SP25 menyatakan yang 19 menggunakan kayu penyapu sahaja tetapi tidak menyebut T19 menyepak menggunakan kasut getah. Maka telah dihujahkan bahawa keterangan saksi-saksi SP24, SP25, SD7 dan SD15 telah berjaya menerbitkan satu keraguan yang munasabah ke atas naratif kes pihak pendakwaan dan harus dipertimbangkan oleh mahkamah. Seterusnya, dihujahkan oleh peguambela T7 dan T19 bahawa tiada seorang saksi pendakwaan pun yang memberi keterangan bahawa mangsa telah dicederakan oleh T7 dan T19. Terdapat juga keterangan SP26 bahawa T7 tidak mencederakan mangsa. Keterangan saksi-saksi pembelaan iaitu SD8, SD9, SD10, SD13, SD14, SD16, SD17 dan SD18 sewaktu pemeriksaan balas juga mengukuhkan versi pembelaan bahawa T7 dan T19 tidak berada di bilik tersebut masing-masing, apatah lagi mencederakan mangsa. Atas sebab ini, maka ia lebih meguatkan inferens bahawa T7 dan T19 tidak berada di bilik tersebut masing-masing dan tidak mencederakan mangsa pada malam kejadian tersebut. SD8 telah mengesahkan bahawa OKT7 tidak berada di bilik 3–05 semasa malam kejadian tersebut berlaku. Peguambela T7 dan T19 seterusnya berhujah mengenai senjata yang kononnya digunakan oleh T7 dan/atau iaitu kasut getah, kayu penyodok dan kayu penyapu tidak dieksibitkan kepada mahkamah. Hal ini menimbulkan lomponh yang 'fatal' ke atas kes pendakwaan dan menimbulkan keraguan yang munasabah berkenaan sama ada T7 dan/atau T19 mencederakan si mati. Berkenaan sama ada T7 dan/atau T19 secara bersama dengan orang yang dinamakan atau dirujuk di dalam pertuduhan telah menyebabkan cedera terhadap si mati bagi maksud hendak memeras daripadanya pengakuan mencuri komputer laptop, peguambela menghujahkan bahawa tiada sebarang keterangan diberi oleh saksi pendakwaan. Tambahan pula, walaupun saksi-saksi pendakwa memberi keterangan bahawa terdapat satu 'laptop' telah hilang, tetapi tiada keterangan diberi kepada mahkamah berkenaan kewujudan 'laptop' tersebut. Pegawai penasihat iaitu SP29 juga tidak pasti mengenai kewujudan dan kehilangan 'laptop' tersebut.

	Maka, menurut peguambela T7 dan T19, tiada keperluan untuk T7 dan T19 dan/atau tertuduh-tertuduh yang lain mendapatkan maklumat atau pengakuan untuk pengesanan dan laptop yang tidak wujud sama sekali. Versi saksi-saksi pendakwaan berkenaan kehilangan laptop adalah hanya cerita 'fiksyen' atau yang direka oleh saksi-saksi pendakwaan dan yang lain terlibat dalam kejadian yang hendak mengelak pendakwaan terhadap mereka. Peguambela T7 dan T19 juga mengingatkan bahawa mahkamah ini perlu mengambil kira bahawa saksi-saksi yang material yang memberi keterangan adalah rakan sejenayah ('accomplice') dan terdapat kebarangkalian saksi-saksi pendakwaan ini memberi keterangan bertentangan T7 dan T19 untuk menyelamatkan diri mereka. Peguambela malah merujuk kepada keterangan SP29 semasa pemeriksaan balas yang menyatakan bahawa terdapat beberapa penuntut UPNM yang telah melakukan kesalahan semasa malam kejadian tersebut tetapi tidak dituduh di mahkamah. Dalam hal ini, telah dihujahkan oleh peguambela T7 dan T19 bahawa semua saksi yang dipanggil oleh pendakwaan yang kononnya nampak T7 dan/atau T19 memukul mangsa adalah rakan sejenayah. Maka, mahkamah boleh membuat anggapan mereka adalah 'unworthy of credit' di bawah s 114 (b) Akta Keterangan khasnya apabila terdapat keterangan yang bercanggah, motivasi untuk mereka tidak bercakap benar kepada mahkamah dan tiada 'corroboration'. Peguambela T7 dan T19 juga membangkitkan bahawa tuduhan-tuduhan terhadap T7 dan T19 tidak langsung disebut bersama-sama siapa atau berapa orang kesalahan di bawah s 330 KK telah dilakukan. Kegagalan pihak pendakwaan untuk memasukkan butir bersama-sama siapa (perkataan 'orang' pun tiada) memperjudiskan T7 dan T19 kerana tertuduh tidak dapat pastikan dengan siapa pengetahuannya bersama untuk melakukan tuduhan di bawah s 330 KK tersebut. Malah, mens rea kesalahan mesti dinyatakan secara jelas di dalam tuduhan. Ini menjadikan tuduhan terhadap T7 dan T19 adalah cacat dan 'defective'. Tiada keterangan oleh saksi-saksi pendakwaan yang menunjukkan bahawa T7 dan T19 merancang untuk mendapatkan pengakuan kecurian 'laptop' dengan sesiapa. Malah, terdapat saksi-saksi pembelaan iaitu SD10 dan SD13 mengesahkan bahawa T7 dan T19 tidak pernah menyoal, memeras ugut, menyentuh atau memukul mangsa.

T9, T10, T12	Peguambela bagi T9, T10 dan T12 adalah peguambela yang sama dan telah berhujah bagi ketiga-tiga tertuduh. Pihak pembelaan ingin mengguna pakai semula keseluruhan hujahan di akhir kes pendakwaan. Di peringkat pembelaan ini, peguambela T9, T10 dan T12 menghujahkan bahawa mahkamah perlu menilai semula keseluruhan keterangan di peringkat pendakwaan dan juga peringkat pembelaan (totality principle) dalam memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap ketiga-tiga tertuduh atau sebaliknya. Pihak pembelaan menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan pertuduhan terhadap T9, T10 dan T12 melampaui keraguan munasabah. Versi pembelaan T9 adalah pada 21 Mei 2017, jam lebih kurang 1.30 pagi T9 dikejutkan oleh ahli biliknya bernama Noriznan kerana sememangnya beliau telah berpesan kepada Noriznan supaya mengejutkannya daripada tidur setelah Noriznan balik ke bilik. Setelah bangun daripada tidur, beliau pergi ke Bilik 03–05 untuk meminjam sabun dari kawannya iaitu T10 kerana beliau ingin merendam pakaian yang kotor. Semasa sampai ke Bilik 03–05, T9 dapati pintu tidak berkunci dan di dalam bilik itu ada beberapa orang iaitu Hairi, Hari Krishna, Syafiq Abdullah, Mubin Mustaza dan Syafiq Muhaimin sedang bersembang. T9 tidak nampak apa-apa yang luar biasa dalam bilik tersebut pada masa itu. Selepas T9 mengambil sabun, T9 terus keluar dari bilik tersebut. Tempoh masa T9 berada dalam Bilik 03–05 itu adalah lebih kurang seminit sahaja. Malah T9 tidak mengetahui sama ada si mati berada di bilik tersebut dan tidak mengetahui berkenaan kehilangan laptop. T9 hanya masuk semula ke bilik tersebut pada waktu subuh. T9 menyatakan ada berjumpa si mati semasa roll call waktu malam pada 21 Mei 2017 dan pemeriksaan oleh jurulatih seorang demi seorang pada malam itu tidak mengenai pasti sesiapa yang sakit. Begitu juga tidak ada sesiapa termasuk si mati yang mengadu sakit pada malam itu. Peguambela menghujahkan bahawa keterangan pembelaan T9 bukanlah pembelaan fikir kemudian (afterthought) kerana keterangan yang diberikan oleh T9 seperti di atas telah pun pada awal-awal lagi dibangkitkan kepada SP25 semasa disoal balas oleh peguambela. Keterangan T9 juga bukanlah penafian kosong semata-mata (bare denial) kerana beliau mengakui ada masuk ke bilik tempat kejadian pada pagi tersebut dan mengesahkan ada beberapa orang pelajar dalam bilik itu.

	Selanjutnya dihujahkan bahawa pihak pendakwaan hanya bergantung kepada keterangan SP25 seorang sahaja untuk membuktikan pertuduhan terhadap T9 di mana SP25 menyatakan T9 berada dalam bilik dan menumbuk si mati. SP25 juga menyebut beberapa nama lain yang turut memukul si mati. Namun, SP25 tidak menyatakan bagaimana cara pukulan dibuat, bahagian mana pada tubuh si mati yang dipukul dan pukulan dibuat dengan menggunakan apa seperti tangan, kaki, siku dan lain-lain. SP25 mengakui ada sekumpulan pelajar lain yang hadir di bilik tersebut tetapi melihat dan duduk sahaja tanpa melakukan apa-apa terhadap si mati tetapi hairannya SP25 tidak dapat mengingati nama-nama pelajar tersebut. Oleh itu, adalah dihujahkan bahawa tidak munasabah SP25 dapat mengingati nama-nama pelajar yang memukul si mati tetapi dalam masa yang sama tidak dapat ingat nama-nama pelajar lain yang turut hadir tetapi tidak berbuat apa-apa terhadap si mati. Sifat ingatan terpilih (selective memory) yang ditunjukkan oleh SP25 ini mencerminkan beliau bukanlah seorang saksi yang berwibawa untuk diterima keterangannya tanpa sebarang keterangan sokongan (corroboration). Apa yang jelas tiada apa-apa keterangan sokongan dikemukakan untuk menyokong keterangan SP25 terhadap T9 ini. Lebih memudaratkan lagi, SP25 merupakan seorang rakan sejenayah (accomplice). Beliau berada dalam Bilik 03–05 seawal si mati dibawa masuk ke dalam bilik itu oleh Hari Krishnan pada tengah malam serta melihat si mati dipukul pada sepanjang pagi itu dan hanya keluar dari bilik itu setelah mendengar azan subuh. Tiada apa-apa dilakukan oleh SP25 untuk menghalang si mati dari terus dipukul dan tiada apa-apa dilakukan oleh SP25 untuk membantu si mati yang kesakitan akibat dipukul. Inferen yang dapat dibuat dari keterangan ini adalah SP25 sebenarnya bersubahat dengan pelajar-pelajar lain untuk memukul si mati dan beliau adalah salah seorang yang bertanggung jawab membiarkan si mati terus menerus dipukul sepanjang pagi itu. Seterusnya, berkenaan pembelaan T10, T10 merupakan ahli Bilik 03–05 iaitu bilik di mana tempat kejadian si mati dikatakan dipukul, T10 di dalam keteranggannya menyatakan bahawa pada 21 Mei 2017 jam lebih kurang 2 pagi, beliau telah balik ke biliknya dan apabila pintu bilik dibuka beliau mendapati bilik dalam keadaan gelap dan hanya ada satu lampu belajar yang telah dibalut dengan kertas mahjong menyala.

	T10 nampak beberapa orang kawan yang bukan ahli bilik itu sedang berborak iaitu Hairi, Hari Krishna, Fitri Che Daud, Syafiq Abdullah dan Syafiq Muhaimin dan terdengar mereka sedang berborak berkenaan masalah roll call. Nama-nama yang disebut oleh T10 ini adalah sama dengan nama-nama pelajar yang dilihat berada dalam bilik itu oleh T9 semasa beliau masuk ke bilik itu pada pagi berkenaan. Sebaik sahaja masuk ke dalam bilik T10 menukar pakaian dan kemudian masuk ke dalam bilik air untuk mandi. Beliau memberitahu mahkamah lagi semasa berada dalam bilik air T9 telah datang untuk pinjam sabun dan keterangan ini konsisten dengan keterangan T9 sendiri yang mengakui ada pergi ke bilik itu untuk meminjam sabun daripada T10. Selepas keluar dari bilik air lebih kurang pukul 4 pagi, T10 menyidai pakaian yang telah dibasuh. Pada masa itu keadaan bilik sunyi kerana pelajar-pelajar yang sedang berborak tadi telah tiada di situ kecuali Hari Krishna yang sedang tidur atas katil T10. Selepas menyidai pakaian, T10 tidur di katil sebelah bersama dengan Afiq sehingga jam 6.30 pagi. Sebagaimana T9, T10 juga mengatakan yang dia tidak mengetahui apa-apa kejadian pukul berlaku dalam biliknya pada pagi itu, malah tidak melihat si mati berada dalam bilik itu. Menurut T10, dia hanya bertemu si mati di Cafe Pak Daud selepas roll call pada tengah malam hari yang sama yang mana T10 ada berbual dengan si mati dan keadaan si mati pada masa itu kelihatan sihat. Pihak pembelaan menghujahkan bahawa keterangan T10 tersebut bukanlah pembelaan yang fikir kemudian (afterthought) kerana keterangan yang diberikan telah pun awal-awal lagi dibangkitkan dan disoal kepada SP26 semasa disoal balas oleh peguambela. Keterangan TlOjuga bukanlah penafian kosong semata-mata (bare denial) kerana T10 mengakui berada dalam bilik tempat kejadian pada pagi tersebut dan mengesahkan ada beberapa orang pelajar dalam bilik itu termasuk SP26. Selain itu, turut dihujahkan bahawa pihak pendakwaan hanya bergantung kepada keterangan SP26 seorang sahaja untuk membuktikan pertuduhan terhadap T10 di mana SP26 menyatakan beliau melihat sepintas lalu T10 memukul si mati sekali sahaja di bahagian perut. SP26 juga menyebut beberapa nama lain yang turut memukul si mati. Namun, SP26 tidak menyatakan bagaimana cara pukulan dibuat dan pukulan dibuat dengan menggunakan apa seperti tangan, kaki, siku dan lain-lain.

	Menurut peguambela, jika dibandingkan keterangan T10 dan keterangan SP26, ternyata keterangan T10 lebih berwibawa dan kredibel untuk diterima oleh mahkamah dan sekali gus menimbulkan keraguan munasabah terhadap keterangan SP26. Adalah tidak selamat untuk mahkamah mengenakan sabitan terhadap T10 semata-mata berdasarkan keterangan SP26 kerana terdapat keraguan dari segi pengecaman terhadap orang yang berada dalam bilik tersebut. Ini adaiah kerana beliau datang ke bilik itu pada jam 3.15 pagi dan bermain game dengan telefon bimbit beliau sehingga jam 4.30 pagi. Kemudian beliau tidur di dalam bilik tersebut dari jam 4.30 pagi sehingga waktu subuh. Dalam hal ini, peguambela T10 menyatakan yang SP26 mengakui beliau tidak fokus kepada orang yang keluar masuk dan apa yang berlaku terhadap si mati kerana asyik bermain game dan pandangannya dihalang oleh pelajar-pelajar yang berada dalam bilik itu. Tambahan pula keadaan bilik yang gelap kerana lampu telah dipadamkan menambahkan lagi keraguan berkenaan pengecaman yang dibuat oleh SP26 terhadap T10. Peguambela juga membangkitkan bahawa SP25 yang berada dalam bilik itu dari tengah malam sehingga ke waktu subuh tidak pernah menyebut nama T10 sebagai salah seorang yang memukul si mati. Selanjutnya, berhubung dengan pembelaan T12, sebagaimana T10, T12 juga merupakan ahli Bilik 305. T12 telah balik ke bilik pada jam lebih kurang 12 tengah malam pada 21 Mei 2017 setelah habis roll call. Setelah membersih muka dan sebagainya beliau pun tidur pada jam lebih kurang 12.30 tengah malam yang mana pada masa itu T12 seorang sahaja yang berada dalam bilik kerana ahli biliknya yang lain belum balik. Semasa sedang tidur beliau dikejutkan oleh seorang rakannya dari bilik lain bernama Hasif yang meminta kalkulator. T12 tidak pasti pada masa itu jam berapa tetapi beliau perasan ada ahli bilik lain yang sedang borak-borak dan main telefon dalam bilik itu. T12 tidak perasan ada apa-apa yang luar biasa berlaku. Selepas itu T12 telah tidur semula sehinggalah bangun pada jam 5.30 pagi untuk solat subuh. Pada waktu itu, tiada apa-apa yang luar biasa berlaku dalam bilik itu dan beliau tidak nampak si mati berada dalam bilik pada masa itu.

	Namun, T12 juga mengatakan yang dia tidak sedar jika ada apa-apa yang luar biasa berlaku semasa sedang tidur kerana T12 merupakan seorang yang jenis 'tidur mati' dan hanya akan sedar jika ada orang yang gerakkan badan untuk bangun. T12 juga tidak mengetahui mengenai cerita kehilangan laptop T1. Pihak pembelaan menghujahkan bahawa keterangan T12 telah berjaya mewujudkan keraguan munasabah dan bukanlah pembelaan yang fikir kemudian (afterthought) kerana telah pun awal–awal lagi dibangkitkan dan disoal kepada SP25 semasa disoal balas oleh peguambela. Sebagaimana T9 dan T10, pihak pembelaan juga menghujahkan bahawa keterangan T12 juga bukanlah penafian kosong semata-mata (bare denial) kerana beliau mengakui berada dalam bilik tempat kejadian pada pagi tersebut. Turut dihujahkan bahawa pihak pendakwaan membuktikan pertuduhan terhadap T12 hanya melalui keterangan oleh SP25 sahaja. Tiada saksi lain yang mengaitkan OKT12 dengan kejadian pada tarikh, tempat dan masa yang disebut dalam kertas pertuduhan.Sebagaimana yang telah dihujahkan bagi T9 dan T10, peguambela turut membangkitkan hujahan berkenaan kredibiliti SP25, serta fakta bahawa SP25 merupakan seorang rakan sejenayah (accomplice) dan keterangannya mestilah disokong oleh keterangan sokongan yang mana keterangan sokongan sama sekali tidak wujud dalam kes ini. Oleh yang demikian, pihak pembelaan memohon kepada mahkamah ini untuk membuat penemuan fakta bahawa SP25 adalah seorang rakan sejenayah dan dan saksi berkepentingan (interested witness) sekaligus menolak keterangan SP25. SP25 dikatakan oleh pihak pembelaan sebagai memberi keterangan dengan menyalahkan orang lain bagi tujuan melindungi kesalahan sendiri supaya terlepas daripada didakwa bersama-sama tertuduh yang lain. Peguambela T9, T10 dan T12 seterusnya berhujah bahawa kesimpulan yang boleh dibuat ialah T9, T10 dan T12 tidak mempunyai sebab atau motif untuk mencederakan si mati apatah lagi untuk mengatakan mereka mempunyai 'niat bersama' untuk mencederakan si mati bagi mendapat pengakuan mencuri laptop. Hal ini kerana mereka sendiri tidak tahu-menahu cerita berkenaan kehilangan laptop pada malam tersebut apatah lagi untuk merancang bersama-sama bagi melakukan sesuatu yang buruk terhadap si mati.

T11, T14 dan T15	Peguambela bagi T10, T14 dan T15 adalah peguambela yang sama dan telah berhujah bagi ketiga-tiga tertuduh. Pihak pembelaan menghujahkan bahawa beban pembuktian di pihak pembelaan adalah untuk membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes Pendakwaan. Pihak pembelaan seterusnya berhujah bahawa inti pati penting yang bagi pertuduhan di bawah s 330 KK adalah menyebabkan kecederaan bagi tujuan memperoleh maklumat dan/atau pengakuan salah bagi suatu kesalahan atau salah laku. Namun, berdasarkan keterangan-keterangan semasa peringkat pendakwaan, sama ada dari aspek bukti kecederaan yang dialami atau pun melalui keterangan saksi-saksi pendakwaan, tiada keterangan konklusif secara terperinci dan/atau spesifik yang menunjukkan perbuatan T11, T14 dan T15 telah turut bersama mencederakan si mati bagi tujuan hendak memeras pengakuan salah si mati mencuri laptop semasa kejadian pada 21 Mei 2017 dan/atau 22 Mei 2017. Pembelaan berhujah sehingga kini persoalan kecederaan apakah yang telah disebabkan oleh T11, T14 dan T15 terhadap si mati di bawah s 330 masih belum terjawab. Meskipun pendakwaan menggunakan s 34 KK untuk menunjukkan elemen niat bersama namun, pembelaan berhujah bahawa pendakwaan gagal membuktikan elemen-elemen niat bersama di bawah s 34 KK. Kewujudan 'Common intention' dalam kalangan tertuduh adalah suatu persoalan yang berkaitan dengan isu fakta, dan bukannya isu undang-undang. Ianya juga selaras dengan s 8 Akta Keterangan berkenaan motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu. Dalam menentukan wujud 'common intention', mahkamah perlu mengambil kira penemuan fakta berdasarkan keterangan bersandarkan keadaan 'circumstantial evidence' dan/atau jika terdapat pengakuan mana-mana tertuduh. Mahkamah Persekutuan juga jelas menyatakan 'Niat bersama' boleh wujud sama ada telah dirancang terlebih dahulu atau pun secara tibatiba. Namun, ianya mestilah wujud sebelum suatu kesalahan dilakukan oleh tertuduh berkaitan. Justeru itu, pihak pembelaan menghujahkan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen niat bersama sama ada melalui bukti keterangan langsung dan keterangan mengikut keadaan bahawa terdapatnya perancangan awal atau penyatuan fikiran di antara T1 dengan T11, T14 dan T15 dengan mana-mana tertuduh lain sebelum kesalahan yang dipertuduhkan dilakukan. Tiada dalam mana-mana keterangan SP25 dan SP26 yang menunjukkan T11, T14 dan/atau T15 terlibat mencari si mati atau ingin menyoal balas si mati.

	Berhubung dengan pertuduhan bagi kejadian pada 21 Mei 2017 di Bilik 03–05 Asrama Jebat jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi. Pembelaan menghujahkan bahawa versi pembelaan T11 adalah T11 dari Bilik 03–03 telah pergi ke bilik 0305 lebih kurang jam 2 pagi untuk mengajak kawannya iaitu T10 yang tinggal di Bilik 03–05 untuk bermain game Mobile Legend. Tapi T10 memaklumkan T11 yang dia ingin basuh pakaian terlebih dahulu. Disebabkan itu, T11 bermain Mobile Legend di dalam Bilik 03–05 sambil menunggu T10 membasuh baju. T11 nampak Hari Krishna, Syafiq Muhaimin dan Akmal Zuhairi berada di dalam bilik 0305 dan sedang bercakap, tetapi tak dengar apa yang dicakapkan. Apabila keadaan bilik 03–05 semakin ramai orang dan semakin bahang, T11 telah keluar daripada bilik 03–05 dalam keadaan tergesa-gesa memandangkan talian internet menjadi perlahan apabila semakin ramai orang berada di dalam bilik 0305 tersebut. Hal ini kerana permainan game mobile legend memerlukan talian internet yang kuat. Semasa disoal balas, T11 mengakui ada nampak si mati semasa nak keluar bilik 03–05. Namun, T11 menafikan terlibat dalam menyoal siasat si mati ataupun memukul si mati. T11 menyatakan dia kemudiannya kembali ke bilik 03–03 untuk bermain game counter strike. Pihak pembelaan bagi T11 menghujahkan yang pembelaan T11 tersebut bukan satu penafian kosong (bare denial) dan adalah berkemungkinan benar, konsisten dan disokong oleh keterangan-keterangan lain yang telah dikemukakan ke mahkamah. Pembelaan T11 adalah T11 tidak terlibat dengan kejadian soal-menyoal untuk memeras pengakuan salah si mati pada pagi 21 Mei 2017 dan ini disokong oleh keterangan SP26, T3, T7, T8 dan T10. SP26 tidak pernah menyebut nama T11 terlibat dengan kejadian soal siasat atau pukul memukul. Pembelaan turut berhujah bahawa mahkamah perlu mengambil kira bahawa di dalam kes ini, elemen penting subahat atau common intention gagal dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Berhubung dengan pertuduhan bagi kejadian pada 22 Mei 2017 di Bilik 04–10 Asrama Jebat jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi

	Pihak pembelaan menghujahkan bahawa T11 termasuk dalam golongan mereka yang datang dan lihat dan/atau ingin back up si mati. Keterangan ini konsisten dengan keterangan saksi pendakwaan SP24 dan SP29. SP24 semasa pemeriksaan balas oleh peguambela T13, T16, T17 dan T18 bersetuju bahawa dalam ramai-ramai yang datang ke Bilik 04–10, ada yang datang hanya duduk dan melihat, dan ada yang datang untuk membantu si mati. SP24 turut mengakui keadaan Bilik 04–10 yang ramai orang dan sesak, tidak dapat memastikan apa yang dilakukan oleh pelajar yang berada di bilik tersebut. Manakala versi pembelaan T14 yang merupakan ahli Bilik 04–10 Asrama Jebat iaitu bilik di mana insiden kejadian pada malam kedua berlaku pada malam 21 Mei 2017 tersebut, T14 termasuk dalam kalangan kadet yang dikenakan denda selepas roll call sehingga jam lebih kurang 1 pagi. Akibat terlampau penat, T14 terus pulang ke biliknya di Bilik 04–10 untuk tidur dan berehat. Namun T14 terpaksa membatalkan hasrat untuk masuk ke Bilik 04–10 apabila mendapati T6 dan si mati berada di dalam bilik tersebut dan keadaan seperti tegang. T14 pergi ke Bilik 4–07 yang mana tiada orang di dalam bilik tersebut. Lebih kurang 2 pagi, T14 mengambil keputusan pulang ke Bilik 04–10 untuk tidur. Walaupun ramai orang keluar masuk dan keadaan ramai orang di dalam biliknya, T14 terus tukar baju singlet dan ke katilnya untuk tidur akibat kepenatan. T14 menafikan terlibat dengan dengan kejadian mencederakan si mati bagi tujuan memeras pengakuan salah si mati pada pagi 22 Mei 2017. T14 menyatakan bahawa tiada kejadian pukul berlaku semasa T14 menukar baju dan bersiap untuk tidur. T14 ada mendengar sesi soal menyoal berlaku di dalam Bilik 04–10 tersebut namun menafikan terlibat dengan sesi tersebut. T14 menjelaskan hanya sempat mendengar sesi soal-menyoal tentang webbing test sahaja sebelum tertidur. T14 hanya bangun pada esok paginya setelah mendengar azan subuh. Berdasarkan pembelaan T14 tersebut, pihak pembelaan menghujahkan bahawa: (a) pembelaan yang dikemukakan oleh T14 bukan satu penafian kosong (bare denial) atau fikiran terkemudian (afterthought); (b) pembelaan yang diberikan adalah berkemungkinan benar, konsisten dan disokong.

	Manakala versi pembelaan T15 pula adalah T15 hanya ke Bilik 04–10 kerana merasa pelik bilik tersebut ramai orang memandangkan posisi biliknya berhadapan dengan Bilik 04–10 tersebut. Kemudian, T15 telah dipanggil balik oleh T16 yang merupakan rakan sebiliknya. T15 pada keseluruhan masa yang material menafikan terlibat dengan perbuatan mencederakan si mati bagi tujuan memeras pengakuan salah si mati. Ini turut disokong dengan keterangan OKT16 dan SD20. Sebagaimana T14, peguambela T15 juga berhujah bahawa pembelaan T15 ini bukan satu penafian kosong (bare denial) atau fikiran terkemudian (afterthought). Dihujahkan pembelaan yang diberikan adalah berkemungkinan benar, konsisten dan disokong. Pihak pembelaan merujuk kepada keterengan SP29 yang bersetuju semasa pemeriksaan balas oleh T11, T14 dan T15 bahawa hasil siasatan adalah tak semua yang berada di Bilik 04–10 tersebut terlibat dengan kesalahan seperti di dalam pertuduhan. Keterangan daripada SP24, Ahmad Senabil pula perlu dinilai dengan berhati-hati memandangkan keterangannya semasa pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula adalah bercanggah antara satu sama lain. Kredibiliti keterangan SP25 pula yang mendakwa mengenalpasti keterlibatan T11, T14 dan T15 juga adalah diragui dan/atau tidak disokong dengan keterangan saksi-saksi yang lain sama ada dari pihak pendakwaan atau pembelaan. Oleh yang demikian, peguambela menghujahkan bahawa mahkamah perlu teliti dan berhati-hati di dalam menilai keterangan-keterangan SP24, SP25 dan SP26 yang mendakwa adanya keterlibatan T11, T14 dan T15. Pihak Pembelaan dikatakan telah berjaya menunjukkan terdapatnya keraguan yang munasabah yang mematahkan kes prima facie pendakwaan terhadap T11, T14 dan T15.
T13	Versi pembelaan T13 adalah pada tarikh 21 Mei 2017, jam 11 malam, beliau berada di Mess pegawai kadet, iaitu tempat makan pegawai kedet yang disediakan oleh LLK UPNM, kerana ada mesyuarat berkenaan dengan aturcara sempena bulan puasa, kerana beliau merupakan anggota bahagian AJK peralatan, di mana perbincangan diadakan untuk bahagian susunan, bahagian pinggan mangkuk dan sebagainya. Mesyuarat tersebut selesai pada lebih kurang pukul 12 tengah malam dan selepas itu, beliau pun balik ke bilik beliau, iaitu Bilik No 4–11. T13 menyatakan yang dia ada ke Bilik 04–10 untuk mendapatkan bantuan daripada kawan-kawannya, di antaranya adalah Alif Farhan dan Hairi, untuk menjawab soalan assignment kerana mereka merupakan rakan sekelas dengan T13.

	Semasa di Bilik 04–10 tersebut pada jam lebih kurang 12.30 pagi, T13 melihat ada banyak selipar di luar bilik tersebut dan terdapat ramai pelajar dalam yang terdiri daripada pelajar-pelajar 'batch' yang sama dan juga ada pelajar-pelajar dari batalion lain di dalam bilik tersebut. Keadaan bilik tersebut adalah samar-samar sebab hanya lampu meja sahaja dipasang. Semasa T13 bergerak ke arah Alif Farhan, T13 telah terlanggar si mati. T13 yang terkejut telah secara spontan menolak si mati. T13 seterusnya pergi ke katil Alif Farhan dan berjumpa dia dan bertanyakan berkenaan dengan assignment sama ada Alif Farhan sudah buat atau belum. T13 kemudian mengajak Alif Farhan untuk berbincang di bilik T13 kerana suasana di bilik Alif Farhan tersebut gelap dan bising dan tidak selesa untuk berbincang dengan Alif Farhan, dalam keadaan sedemikian. Adalah menjadi hujahan pembelaan bahawa T13 berada dalam bilik No 04–10 hanya untuk waktu yang singkat, iaitu lebih kurang dalam tempoh dua minit sahaja, untuk berjumpa Alif Farhan. T13 tidak pernah pada bila-bila masa memukul ataupun menyebabkan kecederaan terhadap arwah Zulfarhan bagi maksud hendak memeras daripadanya pengakuan berkenaan kecurian laptop. Peguambela T13 seterusnya menghujahkan bahawa kualiti pengecaman oleh SP24 dan SP25 adalah lemah dan tidak selamat untuk bergantung semata-mata kepada keterangan mereka dalam membuktikan bahawa T13 telah memukul si mati memandangkan keadaan dalam Bilik 04–10 adalah tidak cerah dan samar-samar kerana terdapat ramai orang dalam bilik tersebut. Selain itu, SP24 dan SP25 juga tidak pernah memberi keterangan bagaimanakah T13 memukul si mati dan mereka juga tidak pernah memberi keterangan di bahagian manakah tubuh badan si mati yang telah dipukul oleh T13. Oleh yang demikian, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan melampaui sebarang keraguan apakah jenis kecederaan yang telah disebabkan oleh T13 ke atas si mati. Tidak ada apa-apa keterangan daripada mana-mana saksi pendakwaan untuk membuktikan apakah jenis kecederaan spesifik yang telah disebabkan oleh T13. Selain itu, turut dihujahkan bahawa tiada apa-apa keterangan daripada mana-mana saksi pendakwaan untuk membuktikan bahawa kehadiran T13 di Bilik 04–10 adalah semata-mata untuk mendapatkan/mengekstrak suatu pengakuan daripada si mati.

	Malah tiada apa-apa keterangan juga yang membuktikan bahawa T13 mempunyai kepentingan dalam mendapatkan/mengekstrak suatu pengakuan daripada si mati. Justeru, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes melampaui sebarang keraguan terhadap T13.
T16, T17 dan T18	Peguambela T16, T17 dan T18 merupakan peguambela yang sama dan berhujah bersekali bagi ketiga-tiga tertuduh. Pihak pembelaan ingin mengguna pakai kembali hujahan pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan sebelum ini. Dihujahkan di peringkat ini, mahkamah perlulah membuat penilaian keseluruhan keterangan pendakwaan dan pembelaan serta memutuskan adakah pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah. Menurut hujahan tertuduh tidak memikul sebarang beban pembuktian selain daripada 'evidential burden' untuk menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Pegumabela kepada T16, T17 dan T18 ini menghujahkan bahawa line of defence pihak pembelaan iaitu tertuduh-tertuduh tidak pernah mencederakan si mati, telahpun dikemukakan melalui saksi-saksi pendakwaan lagi. Selain itu, pembelaan bahawa tertuduh-tertuduh ini juga tiada kepentingan untuk menyoal siasat si mati berkenaan kehilangan laptop, turut dikemukakan, Begitu juga pembelaan bahawa tertuduh-tertuduh ini hanya berada di tempat kejadian serta tidak pernah berpakat dengan sesiapa untuk mencederakan si mati. saksi-saksi pendakwaan dikatakan telah dicabar secukupnya. Oleh itu, tidak wujud ada apa-apa elemen surprise dalam pembelaan yang dikemukakan oleh T16, T17 dan T18. Tiada watak baru ataupun penjelasan baru mahupun line of defense yang berbeza yang telah dikemukakan dalam keterangan bersumpah mereka. Oleh itu, adalah dihujahkan bahawa tidak timbul persoalan pembelaan adalah afterthought ataupun satu recent invention. Pembelaan T16, T17 dan T18 juga dihujahkan sebagai bersifat memperjelaskan kejadian dari perspektif mereka. Ketiga-tiga tertuduh malahan dalam keterangan masing-masing mengakui mereka ada masuk ke dalam bilik kejadian (Bilik 04–10) pada masa kejadian dan memperjelaskan apa yang mereka lakukan dalam tempoh mereka berada di dalam bilik tersebut. Pembelaan mereka bukanlah satu penafian kosong ('bare denial').

	Peguambela kepada T16, T17 dan T18 juga menghujahkan bahawa pembelaan yang diberikan adalah berkemungkinan benar, disokong dan menimbulkan keraguan munasabah. T16, T17 dan T18 tidak cuba mengelak atau menyembunyikan kebenaran apabila memberi keterangan. Mereka boleh saja menafikan segala persoalan daripada pihak TPR, tetapi mereka tidak berbuat demikian. Berdasarkan keterangan pembelaan daripada T16, T17 dan T18 juga, jelas mereka mempunyai hubungan yang baik dengan si mati. Tidak pernah timbul apa-apa masalah antara mereka dengan si mati. Peguambela juga menghujahkan bahawa isu kecurian laptop tidak ada apa-apa kaitan dengan T16, T17 dan T18 ini. Mereka bukan pemllik laptop yang dicuri iaitu T1 dan bukan juga orang yang bersusah payah menyiasat mengenai kehilangan laptop seperti Hari Krishna (SP20). Selain itu, tiada apa-apa arahan daripada sesiapa terhadap T16, T17 dan T18 untuk hadir ke bilik tempat kejadian serta tiada langsung apa-apa persediaan di pihak T16, T17 dan T18 untuk pergi ke tempat kejadian. Daripada keterangan pembelaan, hadirnya mereka ke Bilik 04–10 adalah secara kebetulan. Penjelasan mereka bukan sahaja munasabah, malahan konsisten dengan naratif kes pendakwaan. Oleh yang demikian, penggunaan s 34 KK untuk mengaitkan T16, T17 dan T18 dengan mana-mana tertuduh lain juga gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Seterusnya dihujahkan bahawa wujud perlakuan mereka yang positif yang lebih konsisten dengan orang yang tidak bersalah. Contohnya T16 yang menjaga si mati di bilik beliau dan menemankan si mati pergi kali pertama ke klinik untuk mendapatkan rawatan. Ini menunjukkan T16 mengambil berat dengan keadaan si mati. Justeru, pihak pembelaan menghujahkan bahawa setelah membandingkan keterangan pendakwaan dan pembelaan, adalah tidak munasabah untuk T16, T17 dan T18 mencederakan si mati. Keterangan pembelaan bukan saja lebih kredibel, bahkan disokong oleh naratif kes pendakwaan sendiri. Pendakwaan hanya bergantung kepada keterangan seorang saksi tunggal sahaja iaitu Senabil (SP24) untuk mengaitkan penglibatan T16, T17 dan T18. SP24 pula telah memberikan keterangan yang berubah-ubah dalam setiap peringkat keterangan beliau berkenaan elemen pertuduhan s 330 KK iaitu siapakah yang memukul si mati.

	Keterangan bersifat sebegini telah menjejaskan kredibiliti SP24 sebagai saksi tunggal yang boleh mengaitkan T16, T17 dan T18 dengan pertuduhan. Kemungkinan bahawa SP24 tertukar pelajar-pelajar ini dalam keadaan jumlah yang hadir adalah ramai, tidak boleh diketepikan. Benefit of the doubt hendaklah diberikan kepada T16, T17 dan T18. Dihujahkan juga bahawa keterangan SP24 bercanggah dengan SP25. SP25 hanya mengatakan empat orang ada memukul si mati iaitu T6, T19, T13 dan T14. Telah dihujahkan bahawa percanggahan antara dua saksi mata ini adalah irreconcilable. Mengapakah wujud percanggahan yang begitu jelas dalam keadaan kedua-dua saksi menyaksikan kejadian yang sama. Tidak ada sebarang penjelasan dikemukakan mengapakah percanggahan ketara ini wujud. Pihak pembelaan T16, T17 dan T18 juga membangkitkan mengenai keterangan perubatan tidak jelas wujud atau tidak kesan kecederaan akibat dipukul. Di dalam laporan yang disediakan oleh SP6 hanya menyatakan dua kesan kecederaan selain kesan lecur iaitu kesan lebam kebiruan pada kelopak mata kiri dan luka calar yang telah sembuh pada kening kiri. Oleh itu, peguambela bagi T16, T17 dan T18 menghujahkan bahawa pembelaan T16, T17 dan T18 telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah dan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

FF. HUJAAN PENDAKWAAN DI AKHIR KES PERBICARAAN

[776] Di akhir kes pembelaan ini, pihak pendakwaan menyatakan bahawa pihak pendakwaan mengguna pakai hujahan pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan untuk elemen-elemen bagi pertuduhan-pertuduhan dan selanjutnya berhujah secara ringkas seperti berikut:

(a) pihak pendakwaan berhujah bahawa pembelaan tertuduh-tertuduh bagi pertuduhan di bawah s 302/34 Kanun Keseksaan gagal menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan. Hal ini kerana:

(i) tertuduh-tertuduh mengaku menggunakan seterika wap terhadap si mati;

(ii) perbuatan mereka juga menunjukkan niat jahat terhadap si mati seperti penggunaan seterika panas masih diteruskan sebanyak lebih kurang 90 kali walaupun si mati menjerit kesakitan dari jam lebih kurang 4.45 pagi sehingga 5.45 pagi;

(iii) tertuduh-tertuduh juga tidak melaporkan kepada pihak atasan bagi mengelakkan dikenakan tindakan;

(iv) tertuduh-tertuduh juga semasa kejadian mempunyai pengetahuan bahawa penggunaan seterika serta luka bakar yang dialami oleh si mati adalah serius berdasarkan fakta bahawa si mati menjerit apabila ditekap dengan seterika panas serta kandungan surat layang (eksh P17) yang disediakan oleh SP23 dan Akmal Akif menyatakan pesakit yang sangat-sangat memerlukan rawatan segera;

(v) selepas kejadian, pengetahuan salah (*guilty mind*) tertuduh-tertuduh ditunjukkan daripada perbuatan/ tindakan mereka apabila si mati dipindahkan dari Bilik 04–10 ke Bilik 4–6 dengan perlu dibantu oleh beberapa orang kerana kecederaan si mati amat serius dan tidak larat bergerak tanpa bantuan. Si mati tidak keluar dari Bilik 4–6 tersebut sejak 23 Mei 2017 sehingga 26 Mei 2017;

(vi) si mati tidak dibawa ke RSAT/hospital kerajaan keran tertuduh-tertuduh hendak merahsiakan perbuatan mereka; dan

(vii) si mati dibawa ke klinik menggunakan kerusi roda menunjukkan keadaan si mati yang semakin merosot.

(b) pihak pendakwaan juga menghujahkan bahawa versi pihak pendakwaan mengenai keberadaan SP24 dan SP25 di tempat kejadian benar dan semasa disahkan oleh pihak pembelaan;

(c) menurut pihak pendakwaan lagi, keterangan tertuduh-tertuduh adalah penafian kosong semata-mata berkaitan peranan dan keberadaan mereka pada masa material. Penafian mereka tidak dapat menyangkal keterangan saksi-saksi pendakwaan daripada SP20, SP24, SP25, SP26 dan SP27;

(d) pihak pendakwaan turut menghujahkan bahawa sebab kematian yang dinyatakan oleh SP6 masih kukuh dan tidak disangkal oleh keterangan yang diberikan oleh SD19 atas alasan berikut:

(i) SD19 tidak memberikan keterangan 'in good faith/with clean hands';

(ii) SD19 tidak professional kerana melanggar 'code of conduct' dibawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;

(iii) SD19 juga mengaku luka bakar sebagai sebab kematian yang mana SD19 bersetuju bahawa pendapat SD19 adalah tidak konklusif;

(iv) SD19 setuju bahawa adalah tidak salah bagi SP6 untuk tidak memeriksa sample kulit sekiranya puas hati dengan finding luka kebakaran;

(v) SD19 juga setuju untuk meninggalkan kesan sehingga 90 kali atau

lebih, seterika perlu dikenakan ke atas si mati 90 kali atau lebih; dan

(vi) kaedah yang digunakan oleh SP6 dalam menentukan sebab kematian adalah wajar dan berpatutan.

(e) pihak pendakwaan juga menyatakan yang berdasarkan keterangan saksi rebuttal pendakwaan iaitu SP31, pengiraan dan kaedah yang digunakan oleh SP6 adalah wajar dan sesuai berdasarkan situasi dan keadaan jasad mangsa semasa proses bedah siasat dilakukan;

(f) berhubung dengan pendapat SD19 mengenai *chest infection/recurring relapsing pneumonia* pada atau sebelum kejadian serta penyakit jantung HOCM, pihak pendakwaan menghujahkan bahawa ianya bercanggah dengan fakta dan bukti kukuh berdasarkan keterangan saksi pendakwaan serta saksi pembelaan. SD1 mengesahkan bahawa Zulfarhan merupakan atlet triathlon di UPNM dan pernah berlari dan bermain basikal. SD30 juga menyatakan yang sepanjang si mati belajar di UPNM, si mati tidak pernah hadir ke pusat kesihatan UPNM mengadu kesukaran atau kesesakan nafas, sakit jantung, atau apa-apa sakit selain daripada untuk demam dan sakit lutut. SP31 pula menyatakan yang jantung mangsa mempunyai berat dan ketebalan dinding ventrikel yang agak lebih dari normal tetapi tidak sampai tahap boleh dikategorikan sebagai *cardiomyopathy*;

(g) selanjutnya, pihak pendakwaan berhujah bahawa pembelaan tertuduh-tertuduh bagi pertuduhan dibawah ss 109/302 Kanun Keseksaan juga gagal menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan berdasarkan hujahan dan keterangan;

(h) bukan itu sahaja, pihak pendakwaan menghujahkan bahawa pembelaan OKT bagi pertuduhan di bawah s 330/34 Kanun Keseksaan pada 21 Mei 2017 gagal menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan. Hal ini kerana versi pihak pendakwaan mengenai keberadaan SP20, SP24, SP25 dan SP26 semasa di tempat kejadian disahkan oleh pihak pembelaan. Perbuatan tertuduh-tertuduh tidak melaporkan kejadian juga menunjukkan niat jahat terhadap si mati. Keterangan tertuduh-tertuduh juga dihujahkan oleh pihak pendakwaan sebagai penafian kosong semata-mata berkaitan peranan dan keberadaan mereka pada masa material. Penafian mereka tidak dapat menyangkal keterangan saksi-saksi pendakwaan daripada SP20, SP24, SP25 dan SP26. Kesemua tertuduh juga setuju bahawa si mati telah disoal dan dipukul; dan

(i) oleh yang demikian, adalah dihujahkan oleh pihak pendakwaan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes di luar keraguan munasabah terhadap kesemua tertuduh yang dipanggil membela diri

dan memohon supaya tertuduh-tertuduh tersebut didapati bersalah dan disabitkan dengan kesemua pertuduhan sepertimana yang dipertuduhkan.

GG. DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR PERBICARAAN/PEMBELAAN

Tanggungjawab mahkamah di akhir pembelaan tertuduh

[777] Tanggungjawab mahkamah di akhir pembelaan tertuduh-tertuduh dapat diteliti dari beberapa keputusan mahkamah yang menjadi ikutan *precedent*. Di dalam kes *Public Prosecutor v Kenneth Fook Mun Lee @ Omar Iskandar Lee bin Abdullah* [2007] 1 MLJ 334 ; [2006] 4 CLJ 359 seperti berikut:

> ... Section 180 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') provides that when the case for the prosecution is concluded, the court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused and if the court finds a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence. We do not think it is the duty of the court at that stage to anticipate or speculate any defence that has not been raised and give due consideration to it. More so, a defence categorically denied to be the line of defence to be taken as in this case. Consequently, s 181 of the CPC provides that when the accused is called upon to enter on his defence, he or his advocate may then open his case, stating the facts or law on which it intends to rely and making such comment as he thinks necessary on the evidence for the prosecution. He may then examine his witnesses and consequently sum up his case. Section 182A of the CPC provides that at the conclusion of the trial, the court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.
>
> ... The law governing a proper appraisal of a defence that has been advanced is well settled. It requires a consideration of all the evidence that have been adduced in support of the defence (see *Chang Lee Swee v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 75 *Mohamed Shariff v Public Prosecutor* [1964] 1 MLJ 64). A court must consider carefully whether a defence that has been put forward is capable of raising a reasonable doubt in the prosecution case ...

[778] Manakala di dalam di dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 ; [1971] 1 LNS 115 ; [1971] 2 MLJ 16 mahkamah menerangkan akan maksud 'reasonable doubt' seperti berikut:

> As the learned magistrate seems to have ignored the very basic principle of criminal law, it may perhaps serve a useful purpose to remind those administering justice in the lower courts that evidence discloses a prima facie case when it is such that if uncontradicted and if believed it will be sufficient to prove the case against the accused.

The following definition of 'reasonable doubt' is often quoted:

> It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It I that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.
>
> It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there'. Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[779] Mahkamah ini juga merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85sebagaimana berikut:

> Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.

[780] Panduan yang diberi di dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 ; [1991] 3 CLJ 2073 yang mana Mahkamah Persekutuan di dalam kes tersebut menyatakan seperti berikut:

> We are of the view that whenever a criminal case is decided on the basis of the truth of the prosecution's case as against the falsity of the defence story, a trial judge must in accordance with the principle laid down in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82go one step further before convicting the accused by giving due consideration as to why the defence story, though could not be believed, did not raise a reasonable doubt in the prosecution case. Thus, even though a judge does not accept or believe the accused's explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a

reasonable doubt in the prosecution case. To satisfy this test it is not so much the words used by the judge, but rather the actual application of the test to the facts of the case that matters. In this case, we found that the learned trial judge offered practically no reason why the defence, notwithstanding its falsity and unconvincing nature, had failed to cast reasonable doubt in the prosecution case, other than to state by way of lip service the duty placed by the law on the defence to earn an acquittal.

It is a well-established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essential ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s 173(f) or s 180 of the Criminal Procedure Code , the court must be satisfied that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction (*Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492). If defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt.

To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate cases it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question, that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless raise a reasonable doubt as to his guilt? It is for this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straightaway the legally established 'reasonable doubt' test, rather than to delve in the 'believable and convincing' test before applying the 'reasonable doubt' test.

[781] Merujuk juga kes *Olier Shekh Awoyal Shekh lwn Pendakwa Raya* [2017] 1 MLJ 137; [2017] 2 CLJ 141 di mana YA Azahar Mohamed HMP (pada ketika itu) ada memberi panduannya apakah tugas mahkamah di akhir perbicaraan. YA dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

[41] Mengikut s 182A(1) Kanun pada penutup perbicaraan, mahkamah hendaklah menimbang keseluruhan keterangan (all the evidence) yang dikemukakan di hadapannya dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Badan perundangan telah menggunakan

terma 'keseluruhan keterangan'. Penekanan mestilah diberikan pada perkataan 'keseluruhan' (sila lihat *Prasit Punyang v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 282; [2014] 7 CLJ 392dan *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85). Dalam keadaan kes ini, penjelasan perayu tentang kewujudan DNAnya di P25 dan P27 adalah merupakan keterangan sepertimana yang dimaksudkan oleh peruntukan s 182A dan Mahkamah Tinggi hendaklah memberinya pertimbangan dalam membuat dapatan sama ada atau tidak pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

[782] Merujuk s 182A Kanun Tatacara Jenayah yang telah memperuntukkan seperti berikut di akhir perbicaraan:

182A Procedure at the conclusion of the trial

(1) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

(2) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it.

(3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal.

[783] Berpandukan kes-kes di atas adalah jelas bahawa tanggungjawab mahkamah ini di akhir kes adalah untuk menentukan sama ada pihak tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah di dalam kes pembelaan. Manakala pihak pendakwaan sama ada telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah berdasarkan kesemua keterangan yang dikemukakan.

[784] Bermula dari perenggan 254 hingga perenggan 642 di atas mahkamah mengulas pembelaan T1 hingga T18. Manakala saksi SD19 — Dr Rohayu adalah saksi tertuduh T1 dan T2 panggil dan SD20 dipanggil oleh tertuduh T3.

[785] Pihak pendakwaan turut memanggil dua saksi 'rebuttal' iaitu SP30 doktor pakar dan SP30 bekas bekas doktor yang pernah bertugas di UPNM, bertujuan mematahkan keterangan saksi tertuduh SD19 — Dr Rohayu.

[786] Mahkamah ini hendaklah membuat penilaian terhadap pembelaan yang diutarakan oleh kesemua tertuduh dan memutuskan sama ada penerangan dan pembelaan mereka telah dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan atau ketidakbersalahan mereka.

(a) Pertuduhan di bawah s 302 KK: Kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si

mati ianya tidak mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian

[787] Sekiranya pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah maka kesemua tertuduh akan dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Namun mahkamah ini perlu meneliti sekiranya tertuduh gagal menimbulkan keraguan hanya setakat kesalahan di bawah s 302 KK iaitu kesalahan di bawah s 300 KK atau keterangan yang dikemukakan tidak membuktikan bahawa perayu mempunyai niat untuk membunuh si mati atau sebaliknya pihak pendakwaan berjaya membuktikan melampaui keraguan munasabah tertuduh melakukan kesalahan di bawah kesalahan yang lebih rendah iaitu di bawah s 304(a) KK.

[788] Di dalam kes ini mahkamah tidak melepas dan membebaskan secara total tertuduh yang dituduh di bawah s 302 KK T1–T5 dan T6 — s 302 / s 109 KK tetapi mahkamah mensabitkan tertuduh-tertuduh bersalah di bawah kesalahan lebih rendah di bawah s 304(a) /s 34 KK (T6 — s 304(a)/ s 109 KK) apabila mahkamah ini mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah dan kesemua enam orang tertuduh T1 hingga T6 disabitkan dengan kesalahan sebagaimana di bawah s 304(a)/ s 34 KK dan T6 — s 304(a) / s 109 KK. Daripada keterangan yang diberikan oleh SP6 — Dr Salmah atas kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati, kecederaan-kecederaan itu tidak mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Kematian si mati ZF akibat daripada kegagalan tindakan intervansi menyelamatkan si mati oleh wardennya dan kegagalan intervansi mendapat rawatan sepatutnya oleh Klinik As-Salam.

[789] Dengan kata lain berdasarkan keterangan pakar-pakar perubatan daripada fakta kes pendakwaan dan pembelaan, kes ini terjatuh di bawah cabang kedua s 299 Kanun Keseksaan. Oleh itu, ianya dengan munasabah boleh dibawa dalam kesalahan ringan homisid salah yang tidak berjumlah kepada pembunuhan dan jatuh di bawah cabang pertama iaitu s 304(a) KK.

(b) Pertuduhan di bawah s 330/34 KK: Terbukti tanpa keraguan munasabah suatu kesalahan oleh tertuduh-tertuduh seperti mana pertuduhan

[790] Keterangan pembelaan sebahagian tertuduh-tertuduh hanya sekadar menolak ZF dan menepuk bahunya manakala tertuduh-tertuduh yang lain menafikan sama ada berada di bilik tempat dua kejadian pada awal pagi 21hb dan 22hb.

[791] Keterangan SP6 dan SD19 mengakui ada kesan-kesan lebam trauma tumpul. tertuduh sememangnya dilihat menumbuk di perut dan bahagian lain mangsa walaupun ada tertuduh hanya mengatakan menepuk bahu mangsa namun tiada pula tertuduh mengatakan hanya mengosok perut mangsa.

[792] Mahkamah ini telah meneliti keterangan saksi-saksi utama sewaktu kes pendakwaan dan mahkamah telah melepas dan membebaskan tertuduh-tertuduh yang tidak kelihatan atau tidak terlibat memukul ZF pada 21hb dan 22hb. Malah T8 yang hanya mempunyai satu pertuduhan bebas terus hanya tertuduh yang lain mempunyai kes lagi di bawah s 330 ini atau s 320 KK perlu membuat pembelaan masing-masing.

HH. DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR PERBICARAAN

Keterangan saksi-saksi utama pendakwaan secara ringkas

[793] Mahkamah ini secara sepintas lalu bagi tujuan memudahkan pemahaman melihat kembali keterangan saksi-saksi pendakwaan secara ringkas sambil menyentuh keterangan pembelaan tertuduh dan saksi-saksi tertuduh. Ini adalah kerana sewaktu memberi alasan di dalam kes pendakwaan mahkamah tidak boleh mencampur aduk keterangan pembelaan bagi menyatakan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facienya.

Keterangan saksi-saksi mata di dua tempat kejadian

[794] SP24 — saksi utama melihat T1 hingga T5 menekap ataupun mencucuh seterika wap ke atas si mati atas arahan T6 pada 22 Mei 2017 4.45 pagi hingga 5.45 pagi di Bilik 04–10 (Pertuduhan Kes No WA-45B-45–09 Tahun 2017 T1 hingga 5 dan Kes No WA-45B-46–09 Tahun 2017 untuk T6 — s 302 KK).

[795] SP24 juga melihat bahawa pada 22 Mei 2017 pada jam 1.30 hingga 4.30 pagi, T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T15, T16, T17, T18 dan T19 secara bergilir-gilir memukul si mati (Pertuduhan WA-83–3223–06 Tahun 2017 dan Kes Tangkap No WA-83–3225–06 Tahun 2017 — s 330 KK).

[796] SP25 saksi utama telah melihat T6 memegang seterika dan menyuruh T1 hingga 5 untuk mencucuh ke atas si mati pada 22 Mei 2017 antara jam 4.45 hingga 5.45 pagi (Pertuduhan Kes No WA-45B-45–09 Tahun 2017 T1 hingga 5 dan Kes No WA-45B-46–09 Tahun 2017 T6)

[797] SP25 juga melihat pada 21 Mei 2017 pada jam 2.30 pagi di Bilik 03–05, si mati dipukul oleh T7, T9, T10, T11 dan T12, (Pertuduhan WA-83–3221 & 3222–06 Tahun 2017).

[798] SP25 melihat pada 22 Mei 2017 jam 1.30 pagi di Bilik 04–10 di mana ZF/si mati dipukul oleh T6, T11, T13, T14, T17 dan T19 (Pertuduhan WA-83–3223–06 Tahun 2017 dan Kes Tangkap No WA-83–3225–06 Tahun 2017).

[799] SP26 pada 21 Mei 2017 jam 3 pagi di Bilik 03–05 telah melihat T7 dan T10 memukul si mati (Pertuduhan WA-83–3221–06 Tahun 2017).

[800] SP27 adalah tuan punya seterika wap juga melihat T3 mencucuh sterika wap ke atas si mati pada 22 Mei 2017 jam 4.30 pagi lebih.

II. RINGKASAN PEMBELAAN T1–T19

Keterangan pakar pendakwaan SP6 Dr Salmah

[801] Di dalam kes ini si mati Zulfarhan Osman bin Zukarnain yang di lahirkan pada 29 November 1996 telah meninggal dunia pada usia 21 tahun. Sebab kematian adalah daripada keterangan kes telah melakukan bedah siasat ke atas mayat si mati dan laporan sepertimana P11. SP6 telah melihat P12 seterika wap dan menqesahkan kecederaan pada si mati bersamaan dengan luka bakar (*severe burn*) dan menyebabkan kematian.

Keterangan saksi pakar pembelaan SD19 Dr Rohayu

[802] Keterangan saksi Pakar Perunding dan Ketua Jabatan Forensik Hospital Sg Buloh daripada pihak pembelaan T1 dan T2 iaitu SD19 Dr Rohayu bt Shahar menyatakan sebab kematian adalah 'inflamation chest infection and major burn sequela, injury suffered by this incident resulted in elektrolit imbalance and immune compromised'.

Keterangan saksi pakar rebuttal oleh pendakwaan SP31 Dr Azaini

[803] Saksi pakar 'rebuttal' SP3 — Dr Muhammad Azaini Ibrahim (58 tahun) Pakar Perubatan Forensik HKL telah bersetuju dengan cara dan kaedah pengiraan peratus kebakaran oleh Dr Salmah SP6 sebagai sesuai dengan situasi dan keadaan jasad — tiada defect serius pada laporan Dr Salmah yang mengesahkan sebab kematian iaitu luka bakar adalah sebab kematian si mati. Luka lecur telah menyebabkan cecair hilang dan si mati alami dehidrasi kadar yang serius (*hypovolemic shock*). SP6 telah merujuk kepada bibir si mati yang kering dan cecair mata vitreous humor jasad si mati terlalu pekat sehingga tidak dapat dianalisa kerana kandungan elektrolit dalam badan si mati jadi tidak seimbang. Akibat itu organ-organ penting tubuh si mati telah rosak iaitu buah pinggang, mungkin jantung dan paru-paru dan proses radang dan rosak paru-paru bersesuaian dengan tarikh si mati mengalami deraan itu. Walaupun

jantung si mati berat dan tebal dinding ventrikel, iaitu berlainan daripada normal tetapi ia tidak ke tahap boleh dikatogerikan sebagai *cardiomyopathy.*

Keterangan saksi rebuttal pendakwaan Dr Harniza

[804] SP30 — Dr Harniza bt Kosnan — Saksi rebuttal oleh pendakwaan, seorang Pegawai Kesihatan iaitu doktor di RSAT iaitu Klinik Kesihatan UPNM. SP30 memberi keterangan bahawa si mati Zulfarhan ada FE iaitu lulus dan layak menjalani latihan tentera. Si mati lulus pemeriksaan penyakit, tiada penyakit dan pernah ke klinik UPNM kerana demam dan sakit lutut sahaja, dan tidak pernah sakit sesak nafas atau sakit jantung.

Si mati didera dengan 90 tekapan, T1–T6 mengaku lapan tekapan sahaja

[805] Kedua-dua saksi pakar SP6 Dr Salmah dan SD19 Dr Rohayu setuju bahawa terdapat 90 kesan tekapan seterika di seluruh tubuh si mati kecuali pada bahagian muka dan belakang tapak tangan. Dengan kata lain jika si mati memakai baju lengan panjang dan sekiranya si mati panjang umur, maka parut tidak akan kelihatan. Begitulah betapa telitinya orang yang menekap seterika wap panas di tubuh si mati. T1 menyatakan beliau sayang kepada si mati. Mahkamah ini merasakan mungkin kalau tidak kerana rasa sayang, muka si mati akan ditekap juga dan lebih daripada 90 tekapan akan dikenakan.

[806] Tertuduh-tertuduh yang memberi keterangan membela diri antara enam orang itu, mereka (T1–T6) dicampur degan semua keterangan pembelaan, hanya lapan tekapan sahaja diakui. Oleh itu 82 tekapan lagi tidak diakui di antara tertuduh semua itu. Adakah tertuduh T1 hingga T6 menimbulkan keraguan apabila mereka gagal menjawab siapa yang menekap di bahagian-bahagian lain termasuk bahagian sulit kemaluan si mati.

[807] Hanya T3 mengaku T6 yang arahkan beliau menekap seterika ke atas si mati, manakala T1, T2, T4, dan T5 tidak mengetahui siapa yang berikan seterika dan arahkan agar ditekap seterika itu ke atas si mati. Ketika ditanya oleh peguambela T1 En Amir Hamzah kepada anak guamnya sama ada si mati berlakon apabila menjerit, telah dipersetujui oleh T1 bahawa si mati 'pretend lebih-lebih'.

[808] T1 mengaku hanya mencucuh dua kali sahaja di tapak kaki dan lutut si mati selama satu saat. T2 pula mengaku hanya mencucuh dua kali di peha dan di bahu selama satu saat. T3 tidak mengaku mencucuhnya tetapi hanya memegang seterika sahaja dan menurut T3 dengan hanya itupun si mati sudah menjerit. Menurut T3 juga T6 yang mengarahkannya menggunakan seterika. T6 menyatakan T3 menekap seterika satu kali di lengan si mati. *Dog fight* di antara T3 dengan T6 terserlah apabila T3 membangkit nama T6 yang

mengarahkannya menggunakan seterika ke atas si mati tetapi T6 tidak mengaku mengarahkan. T3 juga mengatakan dia hanya memegang seterika dan tidak menekapkannya ke atas si mati tetapi T6 menyatakan T3 ada menekap satu kali. Manakala tertuduh yang lain (T1, T2, T4 dan T5) tidak perasan siapa yang menyuruh dan siapa yang memberikan seterika kepada mereka supaya menekap si mati. T4 mengaku menekap seterika sebanyak dua kali di bahagian peha luar si mati. T5 pula mengaku mengenakan seterika itu satu kali di kaki si mati.

Secara ringkas kejadian si mati didera

[809] Bagaimana bermula nasib si mati di kalangan rakan-rakan boleh diperlakukan sebegitu adalah apabila laptop T1 hilang. Ayah T17 iaitu SP13 telah menelefon mengesahkan si mati daripada tiga nama suspek yang mencuri. Ramalannya si mati yang mencuri. Bermula dari naiknya nama dari nujum ramalan SP13 tersebut pada 21 Mei 2017 si mati telah dibawa ke Bilik 03–05 Blok Jebat jam 2.30 pagi dan bermulalah siri pukul memukul oleh T1, T7, T9, T10, T11 dan T12 manakala pada 22 Mei 2017 dari jam 1.30 pagi T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T14, T15, T16, T17, T18 dan T19 pula memukul dan mencederakan si mati bagi tujuan mendapatkan pengakuan si mati.

[810] Pada 22 Mei 2017 di antara jam 4.45 pagi hingga hampir subuh jam 5.45 si mati mula diseksa oleh T1 hingga T5 atas arahan T6 Ketua Intake dengan menggunakan seterika wap apabila masih tidak mengaku mencuri.

[811] SP23, yang menulis surat layang bersama T8, telah memberi keterangan bahawa si mati ada mengingatkan kepada beliau jika hendak sapu ubat boleh disapu semasa si mati lena kerana si mati berasa sakit sangat jika disapu semasa si mati sedar. Si mati takut berjumpa pegawai atasan bimbang identiti beliau tidak dirahsiakan.

[812] Mahkamah ini merasa dukacita dengan jurulatih — SP15 Kapten Haryani yang mendapat maklumat surat layang ini. Sekiranya SP15 menggunakan akalnya tentu boleh menyelamatkan si mati pada peluang menerima surat ini. Malangnya nasib tidak menyebelahi si mati. SP15 walaupun berpangkat kapten masih pendek akalnya apabila telah menularkan di dalam *group whatsapp* siapakah yang dimaksudkan sakit di dalam surat layang yang diterima. Tular berita surat layang, lantas si mati telah dibawa pindah bilik mengelakkan dijumpai jika serbuan dibuat ke atas bilik tersebut.

Adakah Zulfarhan sakit tenat?

[813] Surat layang oleh SP23 dan T8 membuktikan penelitian mereka berdua bahawa si mati pada masa berada di bilik asrama dalam kesakitan yang tenat.

Berbeza dengan keterangan pembelaan tertuduh T1 hingga T6, mereka tidak perasan si mati cedera parah dan tertuduh-tertuduh hanya nampak si mati kelihatan biasa sahaja tidak seperti orang sakit tenat.

[814] Mahkamah sempat menunjukkan gambar keadaan jasad arwah semasa di bilik mayat kepada tertuduh dan mereka mengatakan jasad si mati nampak biasa sahaja. Keterangan mereka jasad tertuduh tidak begitu parah dan hampir sembuh. Ini sama sekata dengan keterangan SD19 Dr Rohayu.

[815] Mahkamah ini mendapati bahawa jika benar si mati bukan cedera parah maka tidak perlulah dua kali dibawa ke klinik As-Salam di Bangi kerana bagi pelajar untuk membayar rawatan sekitar RM500 setiap kali rawatan adalah amat tinggi. Persoalan timbul jika tertuduh bimbang tentang kesihatan si mati kenapa tidak dibawa saja dia ke Hospital Kerajaan yang percuma atau di klinik UPNM. Oleh itu terserlahlah jika dibawa ke klinik UPNM atau hospital Kerajaan sudah tentu akan pecah rahsia tertuduh-tertuduh yang mengawal si mati secara ketat sejak si mati cedera ditekap 90 kali.

Keterangan SD19 mahkamah putuskan berat sebelah

[816] Keterangan SD19 Dr Rohayu hanya memberi dapatan yang menyebelahi tertuduh-tertuduh. Walaupun tidak berkesempatan melihat dan memeriksa jasad si mati, SD19 masih bertegas menyatakan dapatan dan pemeriksaan jasad oleh Dr Salmah SP6 kematian akibat kecederaan parah akibat daripada luka bakar dan lecur akibat tekapan seterika wap sebagai tidak konklusif. SD19 paling gagal apabila gagal memberi komen tentang kegagalan intervention rawatan boleh menyelamatkan si mati. Namun begitu SD19 masih berpendapat penyakit jantung si mati yang ada sebelum kejadian akan menyebabkan si mati menemui ajal walaupun tidak cedera akibat sterika wap. Begitu tepat, defensive dan yakin dapatan SD19 apabila menyatakan penyakit jantung itu mungkin berlaku pada hari kejadian tetapi bukan selepas ditekap dengan seterika adalah semata-mata untuk menegakkan benang yang basah. SD19 berpatah arang membuat pemeriksaan atas slide walaupun tanpa kebenaran pihak ketua jabatan dan menerima bayaran daripada peguam.

[817] Jika terdapat intervention oleh pihak Dr Azfar Hussin SP7 dari Klinik As-Salam Bangi boleh meyelamatkan nyawa si mati. Kebiasaannya pihak hospital atau klinik kesihatan akan terus menelefon pihak polis sekiranya mengesyaki pesakit didera. Ianya adalah isu medical legal dan tidak dengan membabi buta mempercayai rakan-rakan bahawa si mati terlibat dengan letupan dalam latihan sehingga terkena ke semua bahagian tubuh termasuk zakar dan testice si mati tetapi tidak pula muka.

JJ. PEMBELAAN T1–T6 ATAS PERTUDUHAN S 302 KK

[818] Mahkamah ini mengambil kira keterangan SP6 — Dr Salmah dan SD19 — Dr Rohayu tentang sebab kematian si mati. Mahkamah ini membuat dapatan daripada keterangan pakar bedah siasat dan fakta bahawa kematian si mati bukan suatu kematian yang mengejut selepas dicederakan namun ianya dalam jarak dari 22 Mei 2017 dan kematian pada 1 Jun 2017.

[819] Mahkamah ini membuat penemuan fakta yang positif bahawa daripada penelitian pembelaan kesemua T1 hingga T5 merekalah yang menyebabkan 90 tekapan seterika wap ke atas si mati, walaupun T1, T2, T4, T5 mengaku menekap hanya dua atau sekali sahaja manakala T3 tidak mengaku menekap. Walaupun T3 tidak mengaku menekap, namun T6 dan saksi pendakwaan melihat beliau turut menekap. Tiada keterangan yang kuat yang menunjukkan terdapat orang lain lagi yang menekap ke atas badan si mati selain daripada mereka berlima — secara niat bersama dibaca di bawah s 34 KK.

[820] T6 pula adalah atas pertuduhan persubahatan melakukan jenayah bersama T1–T5 dibaca bersama s 109 KK. Mahkamah ini putuskan dapatan fakta bahawa daripada keterangan saksi pendakwaan dan keterangan T3 sendiri walaupun ianya rakan sejenayah, T6 adalah bersubahat. Walaupun atas keterangan T1, T3, T6 dan T14 perlu diingatkan bahaya menerima keterangan rakan sejenayah namun keterangan mereka telah disokong oleh keterangan saksi pendakwaan iaitu keterangan SP24 dan SP25 atas T6 mengarah T1 hingga T5 menekap dan SP27 melihat T3 berdiri memegang seterika hampir dengan si mati.

[821] Tertuduh di dalam pembelaan mereka mengelak daripada melibatkan rakan-rakan tertuduhnya yang lain. Hanya T3 yang mengesahkan T6 yang mengarahkan supaya ditekap dengan seterika wap ke atas si mati. Menurut T3 beliau tidak menekap tetapi T6 sebaliknya secara positif melihat T3 menekap si mati. Selain daripada itu tertuduh-tertuduh yang lain tidak menyatakan T6 yang memberi arahan supaya menekap si mati. Semua mereka (kecuali T3) tidak nampak siapa yang menyuruh menekap si mati, namun T1 hingga T5 dapat mengecam orang lain di dalam bilik tersebut.

[822] Menurut tertuduh-tertuduh terutamanya T1 dan T2 bahawa si mati yang meminta mereka temankan beliau ke klinik untuk rawatan dan semasa masuk ke dalam bilik rawatan atas permintaan si mati tertuduh-tertuduh masuk sama ke dalam bilik rawatan. Tertuduh-tertuduh tidak pernah meninggalkan si mati selepas kejadian ditekap dengan seterika. Semasa si mati berjumpa dengan kawan wanitanya SP18 Nurul Syuhada juga turut ada tertuduh-tertuduh berdekatan. Tiada orang lain yang boleh campur tangan kawalan dan jaaaan ke atas si mati. Mungkin ini adalah cara latihan tahanan

perang dikawal. mahkamah ini mendapati bahawa setelah si mati makin hari makin tenat maka tertuduh-tertuduh yang berada berdekatan si mati merasa makin cemas lalu T1, T4, T6 dan T16 membawa kali pertama dan kali kedua sehari sebelum meninggal dunia, si mati dibawa dengan kerusi roda ke klinik dan ini diakui oleh T2, dan tentunya bukan lagi dikatakan cerita rekaan saksi pendakwaan.

Mahkamah memutuskan kecederaan si mati walaupun serius namun tiada satu pun terjumlah kepada membawa niat untuk membunuh atau fatal

[823] Mengambil kira kes Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Cheong Kam Kuen v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 15 ; [2012] 6 AMR 573 ; [2012] 8 CLJ 537 yang mana keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Public Prosecutor v Cheong Kam Kuen* tersebut ianya paling hampir dengan fakta kes pada hari ini, di mana dinyatakan:

> (2) The evidence of the nature of the injuries sustained by the deceased was sufficient to prove an intention on the part of the appellant to cause bodily injury to the deceased. However, this evidence did not establish that the appellant had the intention to cause the death of the deceased. Both the trial judge and the judges of the Court of Appeal had not addressed themselves on the fine distinction between ss 299 and 300 of the Code before coming to a correct conclusion. SP10 had given evidence that the deceased had suffered multiple injuries but she had also stated that apart from the injuries to the head, the other injuries by themselves were not fatal. Based on the evidence of SP10 it was not proved beyond reasonable doubt that the injuries inflicted upon the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death. In view of the nature of the medical evidence given by SP10, the present case would fall within the first part of s 304(a) of the Code or the lesser offence of culpable homicide not amounting to murder (see paras 2024). — (3) In view of the gravity of the offence and the multiple injuries inflicted by the appellant on the deceased body, he should be sentenced his arrest (see para 25).

[824] Satu lagi keputusan Mahkamah Persekutuan yang membincangkan keterangan pakar pathologi ialah di dalam kes *Pubalan a/l Peremal v Public Prosecutor* [2020] 5 MLJ 442 ; [2020] 8 CLJ 306 . Di dalam kes ini Mahkamah Persekutuan turut merujuk kepada kes *Cheong Kam Kuen v Public Prosecutor* di atas. Diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan mengetepikan sabitan dan hukuman atas kesalahan membunuh bawah s 302 Kanun Keseksaan dan menggantikannya dengan sabitan atas kesalahan mematikan orang secara salah yang tidak terjumlah sebagai membunuh bawah s 304(a) Kanun Keseksaan dan hukuman 15 tahun penjara.

[825] Kedua-dua kes Mahkamah Persekutuan di atas turut merujuk kepada kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174 ; [1976] 1 LNS 159 denqan mana akan pentingnya perbezaan s 299 dan 300 KK. Dihuraikan oleh Raja Azlan Shah Hakim Mahkamah Persekutuan (Baginda Sultan

sewaktu itu) sebagai berikut:

> Section 299 of the Penal Code enacts that a person commits culpable homicide, if the act by which the death is caused is done: (a) with the intention to cause death; (b) with the intention of causing such bodily injury as is likely to cause death; (c) with the knowledge that ... the act is likely to cause death.
>
> Section 300 of the Penal Code defines murder as follows. Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder, if the act by which the death is caused is done: (1) with the intention of causing death; (2) with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused; (3) with the intention of causing such bodily injury to any person, and ... is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; (4) with the knowledge that the act is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death.
>
> The words I have italicised show the marked differences between the two offences. Where there is an intention to kill, as in (a) and (1). The offence is always murder. Where there is no intention to cause death or bodily injury, then (c) and (4) apply. Whether the offence is culpable homicide or murder depends on the degree of risk to human life. If death is a likely result, it is culpable homicide; if it is the most probable result, it is murder. Illustration (d) of s 300 of the Penal Code is a case of this description. Where the offender knows that the particular person injured is likely either from peculiarity of constitution, immature age, or other special circumstances, to be killed by an injury which would not ordinarily cause death, it is murder. Illustration (b) of s 300 of the Penal Code is a good example. The essence of (b) and (3) is this. It is culpable homicide if the bodily injury intended to be inflicted is likely to cause death; it is murder, if such injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. Illustration (c) given in s 300 of the Penal Code is an example. It is on a comparison of these two limbs of s 299 and s 300 that the decision of doubtful cases as the present must generally depend. The distinction is fine, but noticeable. In the last analysis, it is a question of degree of probability.
>
> A comparison that frequently arises in the application of sections 299 and 300 is the tenuous contention that s 299 is not a substantive offence and therefore an offence is either murder or culpable homicide according to whether or not one of the exception to s 300 apply, and if by reason of the absence of the necessary degree of mens rea an offence does not fall within s 300, it cannot be one of culpable homicide not amounting to murder punishable under section 304, Penal Code, but would amount to causing grievous hurt. In our view, the correct approach to the application of the two sections is this. Section 299 clearly defines the offence of culpable homicide. Culpable homicide may not amount to murder (a) where the evidence is sufficient to constitute murder, but one or more of the exceptions to s 300 of the Penal Code apply, and (b) where the necessary degree of mens rea specified in s 299 is present, but not the special degree of mens rea referred to in s 300 of the Penal Code. We would like in this connection to express the need to bear in mind that all cases falling within s 300 of the Penal Code must necessarily fall within s 299 , but all cases falling within s 299 do not necessarily fall within s 300 . The first part of s 304 of the Penal Code covers cases which by reason of the exceptions are taken out of the purview of s 300 , clauses (1), (2) and (3) but

A otherwise would fall within it and also cases which fall within the second part of s 299 , but not within s 300 , clauses (2) and (3). The second part of s 304 of the Penal Code covers cases falling within the third part of s 299 not falling within s 300 , clause (4).

B **[826]** Mahkamah ini daripada penelitian keseluruhan keterangan SP6 dan saksi pakar pembelaan SD19 ke atas laporan pakar mereka ternyata jika diguna pakai dua kes di atas, tidak dapat ditentukan kecederaan yang mana pada badan simati yang menyebabkan kematian si mati. Walaupun pihak pendakwaan memanggil saksi rebuttal SP30 namun mahkamah ini masih C terikat dengan dua kes *Cheong Kam Kuen* dan *Pubalan* di atas yang memerlukan mahkamah meneliti kecederaan yang paling serius untuk melihat niat tertuduh-tertuduh terjatuh di bawah s 300 KK. Kes-kes tersebut memutuskan atas isu ini iaitu 'the pathologist as to whether the injuries D inflicted on the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death' atau hanya di bawah s 299 KK iaitu suatu kesalahan hanya di bawah s 304(a) KK yang mana dari pakar pathologi gagal dibuktikan tanpa sebarang keraguan munasabah kecederaan yang dikenakan ke atas si mati 'were sufficient in the ordinary course of nature to cause death'.

E

[827] Keputusan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Cheong Kam Kuen* ini, yang fakta kesnya hampir sama di mana mangsa di dalam kes tersebut mengalami lebih 100 kecederaan dan hanya satu kecederaan di kepala yang dikatakan 'fatal', namun tidak diputuskan oleh pakar pathologi sebagai boleh F menyebabkan kematian:

> [20] In the present case, it is our view based on the nature of the injuries sustained by the deceased, there was evidence of an intention on the part of the appellant to cause bodily injury to the deceased. However, we do not agree with the finding of G the learned trial judge that based on the nature and number of injuries, the appellant had the intention to cause death to the deceased. We noted that both the learned trial judge and the Court of Appeal in their decision did not address themselves on the fine distinction between s 299 and s 300 of the Penal Code before coming to a correct conclusion.
>
> H [21] We are in agreement with the submission of learned counsel for the appellant that there is no evidence led from SP10, the pathologist as to whether the injuries inflicted on the deceased were sunicient in the ordinary course of nature to cause death. The evidence of SP10 is to the effect that the deceased suffered multiple injuries. She said: 'most of the injuries caused by the blunt object. However wound No 52 caused by sharp object. SP10 further stated as follows: I
>
> > The injury to the head can cause death whereas the others are not fatal by itself.
> >
> > This kind of injury, the chances of survival to a human. In this particular case, the chances is very slim because the injury on the face and on the head (see p 71 of Appeal Record Vol 1).

[22] It is to be noted SP10 is quite certain in her evidence that apart from injuries to the head, the other injuries by themselves were not fatal. In cross-examination by the defence as regards which injury caused the death, SP10 stated that some on the face and neck of the deceased and this is an accumulative effect rather than single injury. It is therefore clear that the injuries which caused the death to the deceased were those on the face and neck, not the head and that those injuries are not fatal by themselves.

[23] We are of the view based on the above evidence of SP10 it was not proved beyond reasonable doubt that those injuries inflicted upon the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death.

[24] In view of the nature of the medical evidence given by SP10, the pathologist as earlier highlighted, it is our considered view that the present case would fall within the second part of s 299 of the Penal Code. It is our judgment that this is a case which can reasonably be brought within the lesser offence of culpable homicide not amounting to murder, falling within the first part of s 304 (s 304(a)) of the Penal Code.

Mahkamah memutuskan pembelaan tertuduh gagal menimbulkan keraguan bahawa mereka bukan mendatangkan kecederaan 90 tekapan ke atas si mati

[828] Selepas pembelaan T1–T5 dan T6 atas menyebabkan kematian si mati Zulfarhan, mahkamah ini berpuas hati bahawa kecederaan tekapan sebanyak 90 tersebut menyebabkan kematian si mati namun ianya tidak terjatuh kepada niat membunuh dengan sengaja seperti mana maksud di bawah s 300 Kanun Keseksaan tetapi terjatuh pada peruntukan s 299 KK. Mahkamah melihat kepada pembelaan dan penelitian semula keseluruhan kes pendakwaan dengan mana pihak pendakwaan tanpa keraguan munasabah berjaya membuktikan T1 hingga T5 tanpa keraguan munasabah melakukan kesalahan mendatangkan kecederaan kepada si mati tanpa niat membunuh. Dengan ini T1–T5 didapati atas niat bersama mereka dan atas pengsubahatan T6, didapati bersalah di bawah kesalahan s 304(a) Kanun Keseksaan dengan niat menyebabkan kecederaan kepada si mati tanpa niat membunuh. Dapatan bersalah ke atas T6 dibaca bersama s 109/304(a) KK.

KK. NIAT BERSAMA S 34 KK — KETERANGAN MELIMPAH RUAH

[829] Niat bersama antara tertuduh-tertuduh bagi kesalahan di bawah s 330 KK pada 21hb dan 22hb dan kesalahan membunuh di bawah s 302 KK adalah melimpah ruah. Ini adalah kerana elemen niat bersama iaitu s 34 Kanun Keseksaan dinyatakan di dalam *landmark* case oleh Syed Agil Barakbah SCJ di dalam kes *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336 ; [1987] 1 CLJ 540 memutuskan:

Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because

common intention may develop on the spot without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from facts of and circumstances of the case and the conduct of the accused.

[830] Manakala di dalam kes *Krishna Rao Gurumurthi & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2007] MLJU 888 ; [2007] 4 CLJ 643 , Richard Malanjun CJ (Sabah dan Sarawak) dalam keputusannya menyatakan:

> The existence of a common intention was a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof was difficult to procure because common intention was essentially a state of mind. Invariably inferences have to be relied upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there was a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved. Whether an act was in furtherance of the common intention was an incident of fact and not of law.

[831] Tertuduh-tertuduh berjumpa di dua bilik pada dua kejadian 21hb dan 22hb, dan secara bersama-sama menyoal si mati bagi tujuan pemerasan pengakuan mencuri laptop T1. Mereka terus memukul dan menyeksa si mati kerana tidak mengaku mencuri dan selepas itu menekap pula dengan seterika bagi enam tertuduh selepas fasa pertama pada 22hb memukul selesai.

[832] Tekapan seterika oleh T1 hingga T5 adalah atas arahan T6 yang merupakan ketua 'intake'. Bahagian yang ditekap juga bukan sebarangan. Mereka pastikan selepas diperlakukan sedemikian, jika si mati memakai baju lengan panjang tidak akan menampakkan kesan kecederaan tersebut.

[833] Jika tertuduh-tertuduh bukan berpakat atas satu tujuan dan niat bersama untuk memukul si mati sudah tentu mereka tiada sebab untuk berada semacam pesta selepas waktu tengah malam dengan lampu wajib dipadamkan. Lagi pun si mati bukan orang asing bagi mereka semua. Tertuduh-tertuduh dengan niat jahat dan tanpa belas kasihan memukul rakan mereka sendiri. Sedih lagi penyeksaan ke atas ZF selepas itu diteruskan pada hari yang sama 22hb dengan menggunakan seterika pula.

LL. MITIGASI TERTUDUH-TERTUDUH DL BAWAH S 304(A) KK TERTUDUH 1

[834] Beliau berusia 21 tahun sewaktu kejadian pada tahun 2017, seorang pesalah muda. Beliau amat kesal. Sebagai rakan beliau telah ambil

langkah-langkah sewajarnya apabila simati cedera. T1 mempunyai bapa dan ibu yang berusia 59 dan 51 tahun, bekerja sebagai guru dan suri rumah dan ada tiga adik beradik. T1 adalah anak kedua. Pencapaian akademik dan sukan T1 adalah cemerlang. T1 menyatakan beliau memasuki UPNM di dalam Jurusan Kejuruteraan dan mendapat 'Deans List' dan dalam Senarai Cadet Australian Defence Force Academy'. Beliau adalah juara Penang Innovation Competition. Beliau kesal dengan kejadian ke atas si mati dan semoga tidak akan berulang lagi.

[835] T1 menghujahkan hukuman sebagai pesalah muda di bawah s 293 Kanun Tatacara Jenayah , penjara antara 10–12 tahun bagi kesalahan di bawah s 304(a) KK. Manakala untuk hukuman di bawah s 330 KK , T1 memohon Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman empat tahun penjara menurut kes *Public Prosecutor v Zulkifly* [1993] 5 CLJ 365 dan pohon hukuman serentak dan dari tarikh tangkap.

Tertuduh 2

[836] Tertuduh mempunyai masa depan yang cerah dan mengguna pakai prinsip yang sama dengan T1. Di mana pemenjaraan yang panjang tidak wajar untuk mereka. Walaupun kepentingan awam diutamakan namun keutamaan memberi peluang mereka dapat menuntut pelajaran dan menyumbang kepada negara. Tertuduh bukan penjenayah yang tegar dan sangat kesal atas yang berlaku kepada si mati. Laporan akhlak dari penjara Sungai Buloh, menyatakan T2 berumur 20 tahun.

Tertuduh 3

[837] Beliau adalah anak sulung daripada enam orang adik beradik. T3 memohon hukuman berjalan serentak bagi kesalahan s 330 KK dan 304(a) KK. Tertuduh adalah pesalah muda dan disertakan laporan akhlak dari Hospital Sungai Buluh. T3 dicadangkan hukuman pemenjaraan antara 10–15 tahun dan secara serentak.

Tertuduh 4

[838] Tertuduh 4 berumur 22hb tahun. Bapa T4 bekerja sebagai polis bantuan di estet di Negeri Sembilan, manakala ibunya adalah surirumah. T4 memasuki Program Asasi di UPNM 2014 dan dalam program Ijazah Meritime pada 2015. Tertuduh kesal dengan apa yang berlaku. T4 mempunyai rekod baik sewaktu berada di penjara reman. Peguambela meminta agar hukuman serentak dari tarikh tangkap dan 'temper justice with mercy'.

Tertuduh 5

[839] Beliau mempunyai sepuluh orang adik beradik dan bapa T5 adalah pesara tentera. T5 belajar di dalam bidang kejuruteraan di UPNM dalam Ijazah Sains Komputer. Ini adalah kesalahan pertama dan telah Insaf atas perbuatan dan T5 telah mengambil pengajaran. T5 dituduh terlibat pada hari kedua pagi, manakala tidak terlibat dengan perbuatan memukul mangsa. Laporan Penjara Sungai Buluh menunjukkan T5 berumur 21 tahun. Peguambela memohon hukuman lebih rendah antara enam hingga lapan tahun.

Tertuduh 6

[840] Sewaktu kejadian beliau berumur 20 tahun lapan bulan. Bapa berumur 58 tahun dan kerja berniaga. Ibu T6 pula adalah jururawat berumur 59 tahun. T6 adalah pesalah muda dan mengambil peruntukan s 293 KTJ. Beliau menyesal dan ingin menjadi warga negara yanq baik dan pohon hukuman serentak dan dari tarikh direman. Sekarang T6 telah menghafal enam juzuk quran.

Tertuduh 7

[841] T7 berumur 19 tahun sewaktu kejadian. Beliau mempunyai tiga orang adik beradik. Ibunya mengidap penyakit darah tinggi. T7 pohon dipertimbangkan peruntukan s 293 dan 294 .

Tertuduh 8 — Telah dilepas bebas di akhir kes pendakwaan

Tertuduh 9, 10 dan 12

[842] Mereka semua berusia 25 tahun dan belum berkahwin. Pihak UPNM menuntut bayaran RM30,000 akibat melanggar perjanjian pengajian dan telah tidak akan dapat menyambung pelajaran. Masa depan akan malap apabila hanya tinggal dengan kelulusan SPM sahaja. Mereka memohon dikenakan ikat jamin sahaja di bawah s 294 KTJ.

Tertuduh 11, 14 dan 15

[843] T11, T14, dan T15 masing-masing menghadapi dua pertuduhan di bawah s 330 KK untuk kedua-dua kejadian 21 dan 22hb. T11 berusia 25 tahun. T14 berusia 20 tahun tujuh bulan dan T15 berusia 23 tahun dan 11 bulan. T11 memohon hukuman serentak.

Tertuduh 13

[844] Tertuduh adalah anak sulung di dalam keluarganya. Bapanya adalah pesara tentera dan ibu pula suri rumah. Bilik 04–10 yang dimasukinya telah menyebabkan sejarah hitam bagi hidupnya kerana telah digantung pengajian di UPNM dan disabitkan di bawah s 330 . Beliau tidak ada peluang untuk belajar di institut pengajian tinggi lagi. T13 memohon hukuman di bawah s 294 KTJ. Beliau meluahkan bahawa hukuman akan lebih rumit lagi memandangkan beliau adalah merupakan anak sulung daripada lima orang adik beradik.

Tertuduh 16, 17 dan 18

[845] Ketiga-tiga tertuduh ini adalah pesalah pertama. Mereka tiada rekod lampau. Mereka juga adalah pesalah muda di mana T16 berusia 20 tahun empat bulan semasa kejadian. T17 dan 18 pula baru sahaja melepasi umur 21 tahun.

[846] T16 adalah seorang pelajar cemerlang semasa sekolah di Sekolah Menengah Ungku Husin. Beliau mendapat 7A dalam PMR dan 8A dalam SPM. Beliau juga adalah ketua pengawas di sekolah tersebut semasa tingkatan 5 dan mewakili negeri dalam pertandingan softball. Di peringkat universiti beliau meneruskan kecemerlangan dan mendapat anugerah mumtaz dalam program hafazan quran peringkat universiti. T16 sekarang berumur 25 tahun dan belum berkahwin. Beliau merupakan anak ketujuh daripada lapan adik-beradik. Sekarang beliau bekerja sebagai seorang petani dengan pendapatan yang tidak tetap, lebih kurang RM1,100 sebulan dan tinggal bersama ibu bapa di Endau, Johor. Bapa T16 seorana pesara tentera dan kedua-dua ibu bapa mempunyai penyakit diabetes. Semasa ditangkap T16 adalah pelajar di UPNM mengambil Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer. Pengajian T16 berbaki hanya dua semester sahaja sebelum ditangkap.

[847] T16 pernah mewakili sekolah dalam pertandingan Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan juga adalah tokoh imam muda di peringkat sekolah sehingga beliau ditawarkan melanjutkan pelajaran di Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu dan mempunyai sijil tinggi taranum al-Quran daripada JAKIM. Di UPNM beliau meneruskan bakat beliau tersebut dan mewakili universiti di pertandingan Tilawah al-Quran peringkat Asian antara universiti dan beliau biasa dijemput menjadi imam solat terawih di masjid sekitar UPNM.

[848] T17 sekarang 25 tahun dan baru sahaja dua bulan berkahwin. Beliau adalah anak keempat daripada tujuh adik-beradik. Beliau bekerja sebagai seorang supervisor keselamatan tapak binaan dengan pendapatan lebih kurang RM1,500 sebulan. Bapa telah meninggal dunia dan ibu seorang suri rumah. Kini beliau bertanggungjawab menjaga ibu dan juga isteri. Semasa ditangkap

beliau adalah pelajar UPNM di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan dan hanya berbaki dua semester lagi sebelum menamatkan pengajian.

[849] T18 pula juga seorang pelajar cemerlang. Beliau merupakan tokoh murid di peringkat sekolah rendah. T18 telah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu. Di universiti, beliau mewakili UPNM dalam pertandingan bola tampar. Beliau juga baru sahaja melangsungkan perkahwinan dan isteri bekerja sebagai seorang doktor di hospital di Melaka. T18 adalah anak bongsu daripada tiga beradik. Beliau juga bekerja sebagai seorang penghantar makanan dengan pendapatan lebih kurang RM1,500 sebulan. Bapa beliau seorang pesara tentera manakala ibu adalah seorang suri rumah. Semasa ditangkap beliau adalah pelajar UPNM di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan juga mempunyai hanya baki dua semester sebelum menamatkan pengajian.

Hujahan pemberatan hukuman oleh pihak pendakwaan.

[850] Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan pernyataan impak mangsa (*victim impact statement*) di bawah s 183A Kanun Prosedur Jenayah melalui ibu si mati, Hawa bt Osman, Umur 58 tahun, yang bekerja sebagai Pembantu Tadbir, beralamat di No 54 Jalan Kemaman, Johor Bahru. Pernyataan impak dibaca oleh ibu si mati, melalui apa yang telah ditulis, iaitu:

> Trauma — Kecederaan yang dialami oleh keluarga mangsa akibat daripada kejadian yang menimpa arwah Zulfarhan Osman bin Zulkarnain ini memberikan kesan yang sangat besar ke atas saya dan keluarga. Kesihatan saya terjejas di mana pada tahun 2018, saya telah mengalami cataract yang serius akibat kerap menangis ekoran kesedihan yang melampau serta mengalami darah tinggi kerana tidak dapat tidur malam. Kejadian ini menyebabkan saya trauma untuk melepaskan anak-anak yang lain untuk berdikari sendirian sambil menyambung pelajaran di peringkat tertinggi kerana bimbang kejadian sebegini akan berulang kembali. Saya juga merasa trauma untuk membenarkan anak-anak yang lain memasuki badan beruniform dan memberikan tanggapan negatif ke atas badan beruniform yang telah meragut nyawa anak saya.
>
> Kerugian ekonomi, kerosakan harta benda yang dialami oleh keluarga mangsa — Arwah adalah merupakan anak sulung yang mana sepatutnya pada ketika ini sekiranya arwah masih hidup, beliaulah yang akan membantu keluarga dengan membiayai adik-adik yang lain menyambung pelajaran di peringkat universiti kerana suami saya telah bersara dan kini menyara hidup dengan memandu teksi manakala saya hanyalah merupakan kerani di sebuah sekolah menengah. Kehilangan arwah juga memberikan kesan kepada saya dan suami di mana kami berdua menanamkan impian di mana arwah akan menjaga kami ketika di usia tua. Selain itu juga, kesihatan saya turut terjejas kerana kesedihan dan tekanan dari kejadian yang berlaku menyebabkan saya mengalami cataract serius dan penyakit darah tinggi.

Reaksi, bantahan keluarga mangsa terhadap hukuman yang dicadangkan — Saya mahukan hukuman yang setimpal terhadap tertuduh yang mana telah menyebabkan saya kehilangan insan yang sangat bermakna dalam hidup saya dan hukuman ini menjadi contoh kepada masyarakat yang lain supaya lebih berhati-hati dalam bertindak. Hukuman ini diharapkan dapat membuka mata dan minda masyarakat supaya kejadian sebegini tidak berulang kepada mana-mana ibu bapa yang lain dan merasai keperitan kehilangan anak yang disayangi dan merupakan harapan keluarga.

Kesan psikologi — Sehingga ke hari ini, kejadian yang menimpa arwah anak saya iaitu Zulfarhan Osman bin Zulkarnain mendatangkan kesan yang mendalam hingga menimbulkan kebimbangan kepada saya pada setiap hari, setiap kali melepaskan anak-anak yang lain berjauhan bagi meneruskan kehidupan masing-masing untuk menyambung pelajaran. Kejadian ini menyebabkan saya mengalami trauma yang mendalam serta tidak senang berada di rumah mengenangkan keselamatan anak-anak yang lain. Ekoran kebimbangan ini, saya terpaksa kerap kali berhubung dengan anak-anak bagi memastikan keselamatan mereka. Saya juga turut mengalami kesedihan berpanjangan apabila nama arwah disebut di mana arwah adalah merupakan lambang kasih sayang pertama saya dan suami dalam membina rumahtangga kami.

Lain-lain — Saya berharap apa yang terjadi ini akan menjadi tauladan kepada orang lain agar kejadian sebegini tidak berulang yang mana banyak insan yang akan merasa kehilangan dan terluka. Kejadian ini adalah merupakan satu memori yang perit untuk saya terima di mana arwah adalah merupakan anak yang menceriakan suasana rumah dan mesra dengan ahli keluarga yang lain. Walaupun pemergian arwah telah hampir 4 tahun tetapi ianya saya rasakan baru semalam perkara ini terjadi. Perkara ini tidak saya dapat lupakan sehingga ke hari ini dan sentiasa berulang-ulang dalam pemikiran saya.

[851] TPR meneruskan hujahan lisan, menghujahkan bahawa tertuduh-tertuduh adalah merupakan pelajar di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia semasa kejadian berlaku. Mereka adalah merupakan bakal menjadi tentera iaitu anggota ketenteraan dan merupakan berpangkat pegawai kelak. Mereka tidak sepatutnya melakukan perbuatan sedemikian sebagaimana kejadian yang telah berlaku terhadap mangsa iaitu si mati Zulfarhan. Mereka sepatutnya memberi contoh tauladan yang baik kepada masyarakat umumnya, dan kepada kadet-kadet yang lain khususnya. Walaupun mangsa iaitu si mati menjerit-jerit mohon agar perbuatan diberhentikan serta tidak mengakui mencuri laptop berkenaan tetapi tertuduh-tertuduh masih meneruskan perbuatan mereka berulang kali.

[852] Di dalam kes *Public Prosecutor v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116; [1999] 8 CLJ 430 berkaitan dengan s 330 Kanun Keseksaan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di mana pada awalnya kes ini didengar perbicaraan di mahkamah sesyen dan hakim mahkamah sesyen telah pun menjatuhkan hukuman 18 bulan penjara dan pihak pendakwaan telah pun

memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi yang mana berkeputusan dinaikkan kepada 36 bulan penjara selepas rayuan. Perbezaannya kes *Muhari bin Mohd Jani* ini, merupakan satu kes pengakuan salah sedangkan ini, ianya adalah merupakan satu kes yang melalui proses perbicaraan penuh.

[853] Pihak pendakwaan menegaskan bahawa hukuman di bawah s 293 dan juga s 294 Kanun Tatacara Jenayah adalah merupakan suatu yang tidak sesuai dan tidak wajar dikenakan terhadap tertuduh-tertuduh bagi kesalahan di bawah s 330 Kanun Keseksaan , walaupun pihak tertuduh-tertuduh adalah merupakan pesalah muda dan pesalah pertama di dalam kes pada hari ini. Tetapi disebabkan oleh latar belakang mereka excellent sepatutnya kejadian yang berlaku terhadap Zulfarhan tidak sepatutnya terjadi.

[854] Puan TPR telah menghujahkan menarik perhatian mahkamah kepada *justice can be tempered with mercy*, yang mana peguambela memohon peluang kepada tertuduh-tertuduh dan TPR menghujahkan agar peluang yang dipohon oleh tertuduh-tertuduh ditolak. TPR menghujahkan bahawa 90 kali tekapan seterika ke atas si mati sedangkan mereka ada peluang untuk menghentikannya, tetapi mereka tiada menggunakan peluang itu.

[855] Puan TPR juga menghujahkan walaupun wujud budaya memukul di UPNM tetapi ia hendaklah diselar. Faktor ini tidak harus diambil pertimbangan oleh mahkamah, malah mahakamah wajar melihatnya sebagai faktor pemberatan untuk hukuman lebih berat.

[856] Puan TPR memetik kes *Cheong Kam Keong* yang telah menjatuhkan hukuman minimum 20 tahun. Pendakwaan memohon hukuman maksima di bawah s 304(a) KK.

MM. HUKUMAN

[857] Mahkamah telah mempertimbangkan hujahan-hujahan mitigasi tertuduh-tertuduh dan juga hujahan pemberatan oleh pihak pendakwaan untuk hukuman di bawah kesalahan di bawah s 304(a) dan s 330 KK. Mahkamah dengan ini menjatuhkan hukuman untuk kesalahan-kesalahan sebagaimana di bawah:

(a) s 304(a) mahkamah menjatuhkan hukuman 18 tahun penjara dari tarikh tangkap ke atas semua tertuduh yang dipertuduhkan;

(b) dan untuk tertuduh-tertuduh yang dituduh dibawah s 330 KK mahkamah ini menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara ke atas semua yang dipertuduhkan, bagi kedua-dua kejadian; dan

(c) hukuman adalah berjalan serentak dengan hukuman yang sama di

bawah s 330 KK atau s 304(a) KK , mengikut pertuduhan masing-masing ke atas tertuduh-tertuduh. Bagi tertuduh-tertuduh yang menghadapi pertuduhan di bawah s 304(a) KK yang berada dalam tahanan reman, hukuman penjara adalah bermula dari tarikh tangkap.

[858] Hukuman di atas dijatuhkan walaupun kesemua tertuduh tidak mempunyai rekod lampau dan berumur muda (*young offender*) atau bukan lagi young offence. Namun apa yang mahkamah utamakan ialah kepentingan awam di mana si mangsa diperlakukan seksaan tanpa kesihan belas.

[859] Bagi tertuduh-tertuduh di bawah pertuduhan s 304(a) KK , mangsa mencuri laptop dan tanpa sebarang pengakuan serta apa-apa bukti, telah dengan tanpa hati dan perasaan kasihan menekap seterika berterusan ke atas mangsa walaupun mangsa menjerit sekuat hati menahan kesakitan yang amat sangat.

[860] Manakala tertuduh-tertuduh di bawah s 330 KK mereka dijatuhkan hukuman melalui perbicaraan penuh bukannya pengakuan bersalah dari awal dipertuduhkan. Oleh itu hukuman adalah perlu dibezakan dengan tertuduh yang terus mengaku bersalah.

[861] Prinsip-prinsip hukuman yang digariskan di dalam dua kes tersohor di dalam kes *Abu Bakar Bin Alif v R* [1953] 1 MLJ 19 ; [1952] 1 LNS 4 yang telah merujuk kepada kes lebih awal di dalam kes *Rex v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 . Ianya mengariskan panduan untuk hukuman seperti berikut:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest.
>
> The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.
>
> It is for these reasons, and with these purposes in view, that before passing sentence the court hears evidence of the antecedents and character of every convicted person. It follows that when two persons are convicted together of a crime or series of crimes in which they have been acting in concert, it may be right, and very often is right,

A to discriminate between the two and to be lenient to the one and not to the other. The background, antecedents and character of the one and his whole bearing in court may indicate a chance of reform if leniency is extended, whereas it may seem that only a harsh lesson is likely to make the other stop in his criminal career.

B **[862]** Oleh itu hukuman yang mahkamah telah jatuhkan ini untuk memberi pengajaran kepada tertuduh dan ingatan kepada masyarakat di luar agar tidak mengambil undang-undang di tangan sendiri kerana ternyata tidak memberi manfaat kepada semua pihak. Betapa hancur hati keluarga mangsa menerima hakikat anaknya tidak akan kembali hidup. Bagi tertuduh-tertuduh, mereka C masih mempunyai nafas untuk terus hidup namun harapan ibu bapa telah dihancurkan oleh tertuduh sendiri.

[863] Setelah mengambil kira semua fakta, keadaan kes, mitigasi dan faktor-faktor pemberatan lain serta tidak ketinggalan percakapan impak D mangsa oleh ibu si mati, mahkamah ini berpandangan hukuman yang dijatuhkan ke atas setiap tertuduh mengikut pertuduhan masing-masing adalah suatu hukuman yang memenuhi prinsip penghukuman dan adalah wajar dan setimpal ke atas semua mereka.

E *Perintah sewajarnya.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

F

G

H

I